Raja Syed Alwi Jamalullail ibni Raja Syed Safi Jamalullail
(Raja Perlis 1905-1942)
(Dengan Ihsan Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur)

Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957

(History of the Kingdom of Perlis 1841-1957)

JULIE TANG SUE CHIN

Pemenang Anugerah Mubin Sheppard 2002
Winner of Mubin Sheppard Memorial Prize 2002

MBRAS Monograph No. 32

Untuk bapa saya

© MBRAS 2002

All rights reserved.
No part of this publication may be transmitted or stored in retrieval system, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopy, recording or otherwise, without prior written consent of the Council of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society

Visit our website: www.*mbras.org.my*
Email: *mbras@tm.net.my*

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Tang, Julie Su Chin
Sejarah kerajaan Perlis, 1841-1957 = History of the kingdom of Perlis, 1841-1957 / oleh Julie Tang Su Chin
ISBN 967-9948-21-8
1. Perlis--History--1841-1957. I. Judul. II. Judul: History of the kingdom of Perlis
959.5111

Printed for
The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society

by
Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd.

M 11 /
1080904
29 APR 2003
Perpustakaan Negara Malaysia

Jadual Kandungan

Dedikasi ii
Prakata vi
Foreword vii
Penghargaan viii
Kependekan dan Catatan x
Gambar
Raja Syed Alwi Jamalullail ibni Raja Syed Safi Jamalullail (Raja Perlis 1905-1942) frontispiece
Upacara kemasukan Perlis ke dalam *Monthon* Saiburi, 16 April 1897 xi
Upacara Pertabalan Raja Syed Putra Jamalullail ibni Tuan Syed Hassan Jamalullail di Arau pada 12 Mac 1949 xii
Peta Semenanjung Malaya xiii
Peta Rasmi Pertama Kerajaan Perlis, 1938 xiv
Abstrak Bahasa Malaysia xv
Abstrak Bahasa Inggeris xvii

Bab 1 — Pengenalan 1
Hipotesis-hipotesis mengenai Kelahiran Kerajaan Perlis 7
Skop Kajian 18
Sumber-sumber Kajian 25

Bab 2 — Penubuhan Kerajaan, 1778-1841 29
Zaman Pra-Daerah Perlis sehingga Tahun 1770 29
Tempoh Peralihan, 1770-1778 40
Fasa Pertama: Membentuk Keperibadian Perlis, 1778-1815 49
Tahap Kekacauan, 1815-1821 65
Fasa Terakhir: Memberontak demi Menubuhkan Kerajaan, 1821-1841 67

Bab 3 — Pergelutan Memelihara Kerajaan, 1897-1930 93
Usaha Menyelamatkan Kerajaan, 1897-1909 97
Tempoh Tidak Menentu, 1905-1909 113
Tempoh Percubaan, 1909-1930 122

Bab 4 — Perjanjian Perlis-British 1930: Pengukuhan Kerajaan 171
Autonomi Sepenuhnya: Cita-cita dan Perlaksanaan 177
Menjaga Kepentingan Peribadi Raja dan Kerabat 199

Bab 5 — Isu Pertantikan Raja 211
Kenaikan Takhta pra-1930 214
Isu Perlantikan Bakal Raja, 1933-1945 231
Pusingan Kedua. Perlantikan Bakal Raja, 1935-1938 246
Rumusan Awal 263
Rancangan Tergendala: Pertabalan Syed Hamzah sebagai Raja, 1943-1945 265
Rancangan Disambung Semula, 1945-1946 268

Bab 6 — Pembentukan Kerajaan Berperlembagaan, 1945-1957 279
Di Belakang Tabir Perjanjian MacMichael 280
Raja Berkuasa Mutlak Semasa Perang Dunia Kedua 289
Perseimbangan Kuasa Baru, 1948-1957 297
Semangat Ke-kerajaan Melawan Semangat Kebangsaan, 1948-1957 303

Bab 7 — Kesimpulan 315

Bibliografi 323
Lampiran I: Salasilah Rasmi Raja-raja Perlis 331
Lampiran II: Salasilah Raja-raja Perlis 332

Lampiran III(a):	**Struktur Organisasi Kerajaan Perlis sebelum 1905**	333
Lampiran III(b):	**Struktur Organisasi Kerajaan Perlis selepas 1905**	334
Lampiran III(c):	**Struktur Organisasi Kerajaan Perlis 1948-1956**	335
Lampiran IV:	**Teks Perjanjian Perlis-British 28 April 1930**	336
Lampiran V:	**Jadual Pendapatan dan Perbelanjaan Tahunan Kerajaan Perlis, 1905-1930**	339
Lampiran VI:	**Surat-suratan dalam Jawi**	340
Indeks Nama-nama		346

Prakata

Untuk pertama kali dalam penulisan sejarah Malaysia, karya ini meneliti dengan secara menarik asal-usul sejarah negeri Perlis. Negeri Perlis berkembang dari sebuah daerah di dalam Negeri Kedah kepada sebuah Negeri dan Kerajaan Melayu yang kecil dan tersendiri tetapi berautonomi di bawah kekuasaan Siam semenjak tahun 1841. Penulis Julie Tang memaparkan bagaimana pihak pemerintah daerah Perlis berusaha membentuk keperibadian politiknya dan memberontak untuk mengukirnya keluar daripada pentadbiran Kedah. Pergelutan Perlis untuk mempertahankan autonominya merupakan suatu perkara yang berlanjutan selama satu abad. Dengan kebijaksanaan dan diplomasi mereka dalam memanipulasi Siam, British dan Kedah, yakni ketiga-tiga komponen yang berkaitan secara langsung dengan politik Perlis pada masa itu hingga berjaya mengekalkan autonominya. Pada tahun 1909 Siam memindahkan kekuasannya kepada British. British cuba menghubungkaitkan kerajaan Melayu Perlis dan Kedah di dalam hal-ehwal pentadbiran Kedah tetapi Perlis menentang dan berjaya memisahkan pentadbirannya. Pada tempoh Pendudukan Jepun (1941-1945) Perlis mengekalkan autonominya sehingga selepas perang apabila Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan pada tahun 1957. Sejarahnya juga menunjukkan di bawah naungan British. Perlis juga dibelenggu oleh masalah dalaman yang kerap menyentuh kerajaan-kerajaan Melayu yang lain seperti pengurusan kewangan, pergelutan takhta dan taraf Raja Perlis dan pembesar dalam kerajaan berperlembagaan.

Buku ini merupakan sebuah tesis yang diserahkan kepada Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang untuk ijazah Sarjana Sastera pada tahun 2000. Majlis MBRAS menganggap ia sebagai suatu karya yang meneroka bidang baru dalam penulisan sejarah Malaysia. Oleh demikian Majlis MBRAS menganugerahkan Hadiah Peringatan Tan Sri Mubin Sheppard kepada penulisnya Julie Tang dan dengan sukacitanya menerbitkan tesisnya untuk pembacaan orang ramai.

Foreword

For the first time in the writing of Malaysian history this book tells the fascinating story of the origins of the Kingdom of Perlis, from the time it began as a district of Kedah to its emergence as a separate tiny autonomous Malay state and kingdom under Siamese overlordship in 1841. The writer Julie Tang reveals how Perlis' rulers managed to develop a separate political identity for the state and break themselves free from Kedah's control. Their struggles to defend its autonomy continued for a century. With great wisdom and diplomacy the leaders manipulated Siam, Britain and Kedah, the three powers that had great influence over the affairs of Perlis, to safeguard the state's autonomy. In 1909 after Siam transferred its overlordship over Perlis to Britain, the latter attempted to manage the affairs of Perlis by bringing them under the administration of Kedah. Perlis, however, resisted and succeeded in retaining its separate administration. This autonomous status continued right through the Japanese Occupation (1941-1945) until Malaya achieved Independence in 1957. The book also discusses how under indirect British rule Perlis also experienced crises which beset the other Malay states relating to finance, royal succession, the role of the Malay Raja and chiefs and constitutional monarchy.

This work was originally submitted as a thesis for the degree of M.A. to Universiti Sains Malaysia in Penang in 2000. The MBRAS Council is of the opinion that it is a pioneering work of Malaysian history and has accordingly awarded the author Julie Tang the Tan Sri Mubin Sheppard Memorial Prize. The MBRAS is happy to publish this work and present it to the public.

18 January 2002

Dr Cheah Boon Kheng
Editor, JMBRAS

Penghargaan

Di sini saya mengambil peluang merakamkan rasa terhutang budi kepada beberapa pihak dalam penyiapan Tesis ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Malaysia terutama sekali pihak Institut Pengajian Siswazah kerana menghulurkan biasiswa Fellowship dari 1994 ke 1997. Tanpanya saya berani mengatakan saya tidak akan berpeluang memulakan usaha ini. Terima kasih turut diucapkan kepada pihak Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan kerana memperuntukkan gran penyelidikan.

Sehubungan dengan itu saya juga terhutang budi pada dua orang sarjana asing yang sempat saya berkhidmat sebagai pembantu pengajar semasa menerima biasiswa berkenaan. Kepada Profesor Kim McQuaid, Pensyarah Lawatan Fulbright dari Amerika Syarikat yang sudi berbincang dengan saya dan yang memberi sokongan dengan menghadiri perbentangan draf bab saya walaupun beliau tidak memahami bahasa Melayu. Dan kepada Dr. Geoffrey Wade, kini bertugas di Universiti Hong Kong, yang asyik memperkenalkan saya kepada pelbagai sudut pandangan dalam pensejarahan di samping meminjamkan bahan-bahan rujukan.

Seterusnya terima kasih diucapkan kepada kakitangan bertugas Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang; Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar; Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur; Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah, Alor Star; Muzium Warisan Perlis, Kangar; dan Muzium Diraja Kedah, Alor Star di atas bantuan dan kerjasama yang dihulurkan semasa saya menjalankan penyelidikan.

Terdapat tiga orang khususnya yang saya mesti sebut kerana tanpa bimbingan dan bantuan mereka saya tidak akan dapat menyiapkan Tesis. Kepada Penyelia Utama saya, Profesor Madya Dr. Tan Liok Ee, saya paling terhutang budi. Beliau bukan sahaja tekun membaca draf-draf dan

memberikan teguran dan nasihat untuk menyempurnakannya, malah sabar menunggu saya menghantar draf. Semasa bercuti sabatikal di England, beliau telah mendapatkan bagi pihak saya Papers of John Hamer dari Rhodes House Library, Oxford. Bahan ini telah menjadi rujukan asas kajian ini.

Kepada bekas Penyelia saya semasa mengerjakan Latihan Ilmiah dahulu, Profesor Cheah Boon Kheng, jasa beliau dikenang kerana terlebih dahulu memperkenalkan saya kepada Perlis sebagai topik kajian dan membaca draf-draf serta mencadangkan cara menyempurnakannya. Beliau juga dari semasa ke semasa menyakinkan saya bahawa topik ini sesuai untuk dikaji. Kepada Penyelia Bersama semasa, Dr. Leong Yee Fong, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya menggunakan komputer beliau.

Tidak dilupa adalah sekumpulan bekas pelajar USM yang masing-masing memberikan petunjuk jalan ke Alor Star dan Perlis kepada saya yang belum pernah menjejakkan kaki di sana dan yang mengusahakan transliterasi dari huruf Jawi ke dalam huruf Rumi Salasilah Perlis untuk digunakan sebagai rujukan.

Julie Tang Su Chin
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden
Pulau Pinang
April 2000

Kependekan

A.D.C.	*Aide-de-Camp*
BMA	*British Military Administration*
CO	*Colonial Office, London*
DCCAO	*Deputy Chief Civil Affairs Officer*
JMBRAS	*Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*
JSBRAS	*Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*
JSEAS	*Journal of Southeast Asian Studies*
MBRAS	*Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*
MPAJA	*Malayan People's Anti-Japanese Army*
mem.	memerintah
SHTI	Syarikat Hindia Timur Inggeris
SCAO	*Senior Chief Civil Affairs Officer*
UMNO	*United Malays National Organization*

Catatan

Berat, Ukuran dan Matawang

Berat: 1 pikul (100 kati) = 133 1/3 paun

Ukuran: 1 relong = 0.711 ekar

Matawang: 1 Ringgit Selat = 2 s 4 d Sterling

Penggunaan Bahasa dan Ejaan

Petikan telah dikekalkan dalam bahasa dan ejaan asal, misalnya surat-menyurat Pejabat Raja dan Penasihat dalam bahasa Inggeris dan temubual dengan Al-Marhum Raja dalam bahasa Melayu.

Ejaan baru bahasa Melayu telah digunakan dalam seluruh teks tesis.



Upacara kemasukan Perlis ke dalam Monthon Saiburi 16 April 1897
(Dengan Ihsan Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur)

Upacara Pertabalan Raja Syed Putra Jamalullail ibni Tuan Syed Hassan Jamalullail di Arau pada 12 Mac 1949
[Raja tidak kelihatan di dalam gambar, yang membaca surat pertabalan ialah ahli kerabat Tuan Syed Hussein bin Raja Syed Safi Jamalullail]
(Dengan Ihsan Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur)

Peta Semenanjung Malaya
(Cowan, C.D. Nineteenth-Century Malaya. The Origins of British Political Control. *London: Oxford University Press, 1967 Reprint)*



Peta Rasmi Pertama Kerajaan Perlis, 1938

ABSTRAK

Dua objektif tesis ini ialah untuk membina sejarah penubuhan sebuah kerajaan Melayu bernama Perlis dan untuk menggalurkan pertumbuhannya dari sebuah unit politik yang baru di alam politik Melayu yang berjuang bagi hak mengekalkan kewujudannya sehingga sebuah entiti berautonomi di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Penemuan-penemuannya menawarkan empat sumbangan utama. Paling penting ia telah mendedahkan satu bahagian di dalam sejarah Malaysia yang paling sedikit dikenali, iaitu sejarah negeri Perlis. Kedua, dalam menggalurkan sejarah Perlis dari permulaannya sebagai sebuah daerah Kedah sehingga menjadi sebuah kerajaan baru pada 1841, tesis ini telah cuba mendedahkan pelbagai ketidaktepatan berkenaan kelahirannya yang wujud dalam persejarahan setakat ini, lalu menetapkan tarikh penubuhannya yang didapati lebih betul dan tepat. Ketiga, dan sehubungan dengan itu, kajian ini telah memperbetulkan beberapa tanggapan umum yang utama berkenaan sejarah Malaysia dan sejarah Kedah. Sedangkan kebanyakan pemberontak berjuang demi menaiki takhta yang ada atau demi melawan British dan Siam dan apabila gagal terpaksa meninggalkan kampung halaman, pemberontak dalam kajian ini, yakni Syed Hussein bin Syed Harun Jamalullail, telah berjuang demi membina sebuah takhta dan wangsa pemerintah yang baru bagi dirinya. Sememangnya ia bukan berjuang semata-mata untuk berdiri di belakang Sultan tetapi untuk mendapatkan kemerdekaan daripadanya. Keempat dan akhirnya, tesis ini telah menunjukkan bahawa yang dianggap sebagai musuh utama dalam proses pembentukan dan pengukuhan kerajaan baru ini bukanlah British mahupun Siam tetapi adalah Kedah, yang tidak pernah melepaskan tangannya, samada dari segi politik mahupun ekonomi, dari bekas tanah jajahannya. Dalam keadaan ini, pemerintah Perlis perlu bijak menggunakan kedua-dua kuasa asing, Siam dan British, bagi menghalang pencerobohan Kedah dan ini telah membawa kepada suatu perseimbangan kuasa di kalangan mereka

berempat. Ini turut menjelaskan mengapa pemerintah Perlis begitu mementingkan persetujuan dan perjanjian rasmi. Pergelutan mempertahankan hak dan autonomi Perlis merupakan satu proses yang berlanjutan bahkan sehingga hari ini.

ABSTRACT

History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957

The dual objectives of this thesis are to construct a history of the establishment of a Malay kingdom named Perlis and to chart her growth from a new political unit on the Malay political scene fighting for her rights of existence to a full-grown autonomous entity within the Federation of Malaya. Its findings offer four major contributions. The most important is that it has brought the least known area of Malaysian history out in the open. Secondly, in constructing the history of Perlis right from the beginnning as a district of Kedah to a new kingdom in 1841, the thesis has set the records straight by providing the exact and accurate date of her establishment. Prior to this there existed a number of inaccuracies surrounding her birth. Thirdly, and in relation to the above, this study corrects some leading general views of Malaysian as well as of Kedah history. While most rebels fought for an existing throne or against the British and the Siamese, and, upon failure, had to leave their homes, the rebel in this study, Syed Hussein bin Syed Harun Jamalullail, fought to found a new throne and ruling dynasty for himself. Indeed he fought not to stay as a force behind the Sultan but for independence from him. Finally, this thesis has shown that it was not the British nor the Siamese who were viewed as the main enemy but, in fact, Kedah, who had never left Perlis alone politically and economically. In such a situation, the rulers of Perlis brilliantly used the two foreign powers to forestall Kedah's encroachments and this resulted in a balance of power among the four. This explains the importance consistently placed on formal agreements and treaties. This struggle to preserve Perlis' rights and autonomy is an on-going process even today.

Bab 1

Pengenalan

> "There is no occasion to give much attention to the affairs of Perlis with its little population of less than 50,000 persons. The State owes its existence to Siam's breaking up of Kedah and can scarcely be said to justify its present independence except on the grounds of its brief antiquity. With its predominantly Malay population, it forms a pleasant little agricultural community on the Siamese border of British Malaya but otherwise has small claim to fame". — Rupert Emerson, *Malaysia. A Study in Direct and Indirect Rule*, (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, Third impression, 1969), hlm. 245.

Setakat ini, Perlis paling diabaikan oleh sejarawan dan sarjana lain dalam penulisan sejarah Malaysia. Pertama, dalam tulisan-tulisan sejarah rantau ini secara umum, sejarah negeri ini samada disentuh sambil lalu ataupun langsung diabaikan. Kedua, kajian sejarah negeri Perlis secara khusus didapati amat sedikit sekali. Inipun sebahagian besar dilakukan oleh sejarawan Perlis tempatan yang ternyata memaparkan satu keghairahan untuk menulis sejarah tempat lahir mereka. Yang lain itu pula diterbitkan semata-mata untuk mengisi tempat dalam siri sejarah negeri-negeri tempatan.

Sekali pandang, kegagalan negeri ini menarik minat para pengkaji mungkin kerana kekurangannya sendiri. Dari segi saiz, ia merupakan negeri yang terkecil di Malaysia. Dengan keluasan 795 km. persegi, ia hanya meliputi lebih kurang setengah peratus daripada jumlah luas tanah Semenanjung.[1] Secara perbandingan ia hampir separuh luas negeri Melaka hari ini tetapi sebagai topik kajian, ia tidak dapat menandingi Empayar Melaka yang gilang-gemilang dalam segala aspek,

---

[1] Lihat The Annual Report of the Adviser To The Perlis Government For The Year 1327 A.H. bersamaan 23 January 1909-12 January 1910), m.s. 1. Selepas ini disebut LTP dengan tarikh mengikut tahun Masihi.

merangkumi saiz, usia, dan ekonomi. Sememangnya meletakkan Melaka dengan Perlis adalah bak kata pepatah 'Bagai durian dengan mentimun'.

Negeri kecil ini juga tidak memiliki sumber ekonomi yang besar, tidak seperti negeri-negeri timah Perak dan Selangor yang, kerana kekayaan sumber mentah telah membawa kepada campurtangan British dan seterusnya menarik minat pengkaji sejarah. Paling menimbulkan masalah ialah Perlis sering dibayangi oleh negeri asalnya, Kedah, seperti terpapar dalam petikan di atas. Kemungkinan besar disebabkan ia merupakan sebahagian daripada Kedah buat satu tempoh masa yang panjang, para sarjana mendapati dengan mengenali Kedah, mereka sudah mengenali Perlis dan oleh itu tidak payah menghabiskan masa membuat pengulangan. Di kalangan mereka ialah ahli antropologi J. M. Gullick yang mengenepikannya dalam hanya satu ayat:

> "Perlis shared much of the experience of its larger neighbour, but it was so much smaller in size than any other Malay State of the Peninsula that there could not be any development of a State Government of comparable scale and type".[2]

Penulis tesis ini perlu mengakui bahawa ia sendiri pun pada awalnya telah tertawan untuk mengkaji sejarah Kedah, negeri yang paling tua di Semenanjung.[3] Lebih menakjubkan lagi Kedah telah berjaya memperolehi kedudukan sebagai "negeri contoh" menjelang tahun 1880, sepertimana ditonjolkan oleh seorang ahli sains kemasyarakatan, Khoo Kay Jin dalam sebuah artikelnya. Pencapaian ini dikatakan menandakan hasil usaha pemusatan kuasa di tangan Sultannya

---

[2] J. M. Gullick, *Rulers and Residents: Influence and Power in the Malay States 1870-1920*, (Singapore: Oxford University Press, 1992), m.s. 143

[3] Ia sudah wujud sekurang-kurangnya sejak abad ke 4 M. Lihat Sharom Ahmat, *Tradition and Change In A Malay State. A Study Of The Economic and Political Development Of Kedah 1878-1923*, (MBRAS Monograph No. 12, 1984), m.s. 8.

yang membawa kepada kestabilan politik dalaman selepas tamatnya Perang Kedah-Siam 1821-1842.[4] Kestabilan inilah yang, mengikut sejarawan Sharom Ahmat, memastikan Kedah mengekalkan kemerdekaan dan identiti Melayunya daripada dicerobohi oleh kuasa-kuasa asing yang berleluasa di rantau ini, khususnya Siam dan British. Jelas ini merupakan keadaan terbalik daripada zaman sebelum perang yang disebutnya dipenuhi oleh "perbalahan dan persaingan kuasa di kalangan kerabat diraja".[5]

Nampaknya satu faktor yang kurang mendapat perhatian tetapi yang tidak kurang penting menjayakan pemusatan kuasa tersebut ialah kawasan pemerintahan Sultan telahpun berkurangan sebanyak hampir separuh menjelang 1842. Ini berpunca daripada kehilangan daerah-daerah Setul, Kubang Pasu, dan topik kajian ini, Perlis. Pemerhatian penulis beralih ke Perlis kerana ia merupakan negeri tunggal di kalangan ketiga-tiga bekas daerah Kedah yang mampu bertahan dan kekal sehingga hari ini. Maka di sebalik 'kekurangan' Perlis, ternampak pula kelebihannya. Sekiranya saiz merupakan satu pengukur yang mustahak, maka saiz yang begitu kecil menjadikan kemampuannya mengasingkan diri daripada Kedah, lalu menetapkan diri sebagai sebuah negeri Melayu yang baru, lebih menarik lagi. Keupayaannya menyara diri termasuk menampung raja dan kerabat dengan sumber ekonomi yang tidak seberapa itu sememangnya bukan merupakan perkara yang mudah. Terutama sekali dikagumi kebolehan dan kegigihannya untuk terus hidup dan berdiri teguh mengharungi ombak pergelutan sebagai sebuah negeri yang merdeka.

Justeru objektif pertama kajian ialah mengisi jurang dalam pengetahuan sejarah Malaysia dengan menampilkan, secara teliti dan

---

[4] Khoo Kay Jin, "Kedah di antara Imperialisme dan Kolonialisme: 1880-1909", dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (penyunting), *Kolonialisme Di Malaysia Dan Negara-negara Lain*, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1990), m.s. 184-186.

[5] Sharom Ahmat, op. cit., m.s. 10, dan 177-179.

mendalam, sejarah penubuhan sebuah kerajaan Melayu baru pada pertengahan abad ke-19 yang bernama Perlis. Ia cuba menyiasat bagaimanakah dan mengapakah serta oleh siapakah kerajaan ini diasaskan. Adalah amat berguna menetapkan tarikh sebenarnya peristiwa ini berlaku disebabkan tulisan-tulisan sejarah Perlis yang dijumpai setakat ini adalah bercelaru dan tidak memberi penjelasan yang memuaskan mengenai kelahiran Perlis. Bukan sahaja wujud pelbagai tarikh yang berbeza tetapi di kalangannya juga terdapat percubaan yang lalai untuk menghubungkaitkan nama Perlis dengan cerita-cerita lisan yang tidak dapat disahkan kebenarannya. Boleh dikatakan tiada sebuah kerajaan Melayu lain di Semenanjung yang asal-usulnya sebegitu terbuka kepada perbanggahan pendapat sedangkan kelahirannya begitu lewat dalam kurun ke-19.

Oleh kerana minat kajian bertumpu pada kedudukan Perlis sebagai sebuah kerajaan, maka didapati berguna merujuk kepada perdebatan isu *kerajaan* di antara Gullick dengan sejarawan A.C. Milner. Sedangkan kedua-dua bersetuju bahawa negeri-negeri Melayu prapenjajahan masing-masing merupakan kerajaan – yakni keadaan yang mempunyai seorang raja – mereka bertentangan pandangan dari segi kepentingan institusi raja. Dalam perkataan lain, mereka tidak bersependapat mengenai elemen-elemen utama yang membentuk sebuah kerajaan. Di samping menyatakan kerajaan diperintah oleh dua institusi iaitu raja dan pembesar, Gullick meletakkan pembesar sebagai institusi yang paling penting dan paling berkuasa.[4] Tafsiran ini dicabar oleh Milner yang sebaliknya mempercayai bahawa

> "The raja is not only the "key institution" but the only institution....".[5]

---

[4] Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, (University of London: The Athlone Press, Reprinted, 1969), m.s. 44 dan 95

[5] A.C. Milner, *Kerajaan: Malay Political Culture On the Eve of Colonial Rule*, (Tucson: University of Arizona Press, 1982), m.s. vii-viii, dan 113-114.

Perbincangan tesis ini, secara umumnya, bersetuju dengan intepretasi Gullick di atas tetapi akan menampilkan penemuan baru yang akan membantu mendalami pemahaman terhadap sistem politik Melayu Semenanjung, kalaupun tidak memperbetulkan setengah-setengah tanggapan yang wujud selama ini. Tesis ini akan membuktikan Gullick telah membuat kesilapan besar dalam mengandaikan bahawa:

> "There was thus a conflict or balance of centrifugal and centripetal forces. The 'King's Peace' over the area of a State was an economic necessity. On the other hand the instinct of the chiefs in the exercise of their power was to break up the State into smaller warring districts. To a considerable extent the Malay States did break up into anarchy and civil war with results in terms of economic chaos and depopulation which have been mentioned. *But there was never a total disintegration and no chief ever sought to set himself up as an independent ruler.* The object of every civil war was to secure control of the united State as the power behind the Sultan".[1]

Berlawanan dengan pendapat Gullick, tesis ini akan membahaskan bahawa Syed Hussein, seorang pembesar kecil di dalam kerajaan Kedah, telah memberontak demi mengasingkan daerah Perlis daripada pusat pemerintahan dan menubuhkannya sebagai sebuah kerajaan baru. Ia mencapai kejayaan sebagai Raja-pengasas Perlis pada tahun 1841, sejurus sebelum Perang Kedah-Siam itu tamat. Penggunaan istilah 'memberontak' tepat kerana Syed Hussein telah menolak kepertuanan rajanya, mengeluarkan sebuah daerah, yakni Perlis, daripada pemerintahan rajanya lalu merajakan diri sendiri di situ. Walau bagaimanapun ia boleh disifatkan sebagai seorang pemberontak yang 'halus' disebabkan ia tidak berperang bersenjata dengan rajanya mahupun cuba mencabar takhta baginda. Sebaliknya Syed Hussein

[1] Huruf miring untuk tekanan. Gullick, *Indigenous Political Systems*, op. cit., m.s. 133.

menunggu peluang sehingga Perang Kedah-Siam untuk merealisasikan cita-citanya. Dan ini telah menjimatkannya sejumlah besar wang dan tenaga manusia serta mengelakkan penitisan darah yang dahsyat.

Setelah mencapai kata putus mengenai penubuhan kerajaan baru ini, motif kedua kajian ialah menggalurkan pembinaannya selama hampir 12 dekad. Ia akan menunjukkan bahawa pertimbangan mempertahankan kedudukan kerajaan ini, terutama sekali mengelakkan dirinya daripada diserap semula oleh Kedah, mendapat tempat yang paling penting di kalangan raja dan pembesarnya. Ini seterusnya mencorakkan sebahagian besar dasar-dasar pertumbuhan politik dan ekonominya sepanjang masa dari 1841 hingga 1957. Pada masa yang sama pemeliharaan kepentingan ini menjelaskan bagaimana pihak pemerintahnya menganutkan dasar bertolak-ansur dan bekerjasama dengan kuasa-kuasa asing Siam, British, dan juga Jepun, sehingga sanggup berkongsi kuasa pada tahap yang membimbangkan. Tetapi sejak 1940-an sehingga pencapaian Kemerdekaan 1957, pihak pemerintah Perlis mendapati diri mereka mengejar arus perubahan yang semakin bertukar haluan lebih-lebih lagi yang membawakan penafsiran yang berlainan mengenai apa itu kerajaan.

Tema penubuhan dan pembinaan kerajaan sebegini diakui bersifat konservatif tetapi cara persembahan inilah yang diperlukan demi menimba pengetahuan mengenai kerajaan Melayu yang paling kurang dikaji setakat ini. Seperti ditegaskan oleh sejarawan tempatan Khoo Kay Kim, ahli-ahli sejarah harus memikul tanggungjawab

> "to help serious students of Malaysian History understand the political and administrative development of each of the Malay states in modern times".[5]

---

[5] Khoo Kay Kim (selaku Presiden MBRAS). Prakata bertarikh Oktober 1994, dalam Shaluni Talib, *History Of Kelantan 1890-1940*, (*MBRAS* Monograph No 21, 1995), m.s. vii.

Telahpun disebut di atas bahawa sejarah Perlis paling sedikit dikaji. Akan tetapi selepas kajian lanjut, bolehlah dikatakan bahawa terdapat beberapa pandangan berbeza mengenai kelahiran Perlis yang boleh dicungkil daripada tulisan-tulisan mengenai sejarah sezaman. Tulisan berkenaan ada yang sebenarnya tidak mengkaji sejarah Perlis secara khusus tetapi tidak ketinggalan melukiskan senario pemisahannya daripada Kedah. Nampaknya terdapat empat hipotesis utama mengenai kelahiran Perlis dan, lebih menarik lagi, ialah pelbagai istilah digunakan untuk merujuk kepada taraf dan status raja serta negeri Perlis. Istilah yang berbeza-beza akan dihurufcondongkan dalam perbincangan selanjutnya untuk menarik perhatian pembaca kepada hal yang penting dan menarik ini.

Hipotesis-hipotesis mengenai Kelahiran Kerajaan Perlis.

Hipotesis pertama melihat kelahiran Perlis sebagai kesan hukuman Maharaja Siam terhadap pemerintah yang dinaunginya, Sultan Kedah. Hipotesis ini memandang sejarah Kedah dari luar dan dapat dibahagikan kepada dua perspektif.

Dari perspektif pegawai kolonial dan sejarawan British, Gabenor Negeri-negeri Selat, S.G. Bonham (berkhidmat 1837-1843), dilihat sebagai watak utama yang berjaya menekankan Maharaja Siam, Rama III, untuk mengembalikan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II ke atas takhta Kedah pada tahun 1842, dan dengan itu telah menamatkan Perang Kedah-Siam yang telah berlangsung semenjak

---

Juga dipetik artikel Khoo daripada sebuah surat khabar yang diterbitkan pada tahun 1995

"Perlis is little discussed in Malaysian historiography because it is the smallest of the peninsular states. It was once a province of Kedah but was turned into a little kingdom by the Siamese when they ruled Kedah between 1821 and 1841. But it had certain features which are perhaps worthwhile mentioning for those who have but a vague idea of that state"

Khoo, "Quaint little Perlis of old", *The Sunday Star*, April 2 1995, m.s. 36.

tahun 1821 lagi. Sebagai tindakbalas terhadap tekanan ini, Rama III memecah-mecahkan Kedah dan mengasingkan beberapa wilayah daripadanya dengan tujuan melemahkan kuasa Sultan. Keputusan pemecahan tersebut misalnya dicatat oleh James Low, seorang pelaku sezaman, sedemikian:

> "But they (pihak Siam) gave him only a part of the country, from and including Kedda River and a space to the North of it; south to the Krian river (excluding of course Province Wellesley). The three other *portions* were placed under *Malayan chiefs*. When this had been effected, the Siamese governor was with his troops withdrawn".[10]

Seterusnya Kolonel O. Cavenagh, Gabenor Negeri-negeri Selat 1859-1867, menulis dalam laporannya pada 1860 bahawa:

> "through the intercession of the Governor of the Straits Settlements the Ex-Rajah was put in charge of central Quedah, one of the three *Governorships* in which Quedah has been divided".[11]

Sejarawan British L. A. Mills pula membahaskan bahawa keinginan mengembalikan Sultan Ahmad Tajuddin hanya merupakan faktor sampingan dalam rundingan-rundingan British dengan Siam pada tahap itu. Walau bagaimanapun kejayaan akhirnya dicapai oleh Gabenor Bonham setelah memberi amaran terakhir kepada Maharaja

---

10. Lieut Colonel James Low, "A Translation of the Keddah Annals, termed Marong Mahawangsa, and Sketches of the Ancient Condition of some the Nations of Eastern Asia, With reference to the Malays", dikumpulkan sebagai *Journal of the Indian Archipelago*, 1849, m.s 180

11. Colonel Cavenagh, "Report On The Treaties And Engagements With The Native States Of The Malayan Peninsula, Anterior To 1860", disebutkan di dalam W.G. Maxwell dan W.S. Gibson (eds.), *Treaties And Engagements Affecting The Malay States And Borneo*, (Suffolk Lane: Printed by Jas. Truscott & Son, Ltd., 1924), m.s. 2

Siam bahawa tentera Negeri-negeri Selat tidak akan lagi membantunya menundukkan 'pemberontakan' di Kedah.[12] Mengenai kelahiran Perlis, Mills memberikan petunjuk:

> "In 1842, the Emperor of Siam accepted the Sultan's submission, removed the Siamese officials from Kedah, and restored to him the greater part of his former kingdom. To lessen his power however the remainder was formed into two new *states* under *Malay rulers* over whom he had no control".[13]

Dalam keasyikan membincangkan kedudukan British yang tersangkut dalam hubungan Kedah-Siam berikutan pengambilan Pulau Pinang dan Seberang Prai masing-masing pada tahun 1786 dan 1800, penulis-penulis di atas sendiripun tidak pasti atau sebenarnya tidak kisah berapa entiti yang telah dipisahkan daripada Kedah. Mills dan Cavenagh memberikan angka tersebut sebagai dua manakala Low dengan tepat memberikan angka tiga.

Dari perspektif sejarawan yang berpandu kepada sumber-sumber rasmi Siam, pemecahan Kedah diperlihatkan sebagai keputusan perubahan dasar Maharaja Siam terhadap naungannya itu. W. Vella contohnya, memperdebatkan bahawa pada tahun 1839, Rama III telah meluluskan cadangan dua orang pegawainya, *Phraya* Siphiphat dan *Chaophraya* Yommarat, untuk membahagikan Kedah kepada tiga buah *negeri*, masing-masing di bawah seorang *Sultan Melayu*. Berkenaan Perlis ia menulis:

> "In 1839 he ordered the state of Kedah to be divided into three *states* – Kedah, Kabangpasu, dan Polit... (A) trusted Malay, Tonku Setusen, (was) appointed *Sultan* of Polit".[14]

---

[12] L. A. Mills, *British Malaya 1824-67*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966), m.s. 166.

[13] Ibid.

[14] Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, (New York: J.J. Augustin Incorporated Publisher, Published for Asian Studies, 1957), m.s. 75.

Kobkua Suwannathat-Pian, selaras dengan tema kajian hubungan naungan Siam dengan negeri-negeri Melayu utara Semenanjung dan Patani, membidas peranan Gabenor Negeri-negeri Selat dalam menamatkan Perang Kedah-Siam. Sebaliknya ia memperlihatkan bahawa Sultan Ahmad Tajuddin dapat memerintah Kedah kembali hanya dengan kebenaran Rama III yang ternyata merupakan satu kompromi.[15] Sungguhpun begitu kelahiran Perlis masih kelihatan sebagai satu hukuman terhadap Sultan seperti di bawah:

> "The King did not launch his new policy without some safety measures just in case the policy should fail. The original arrangements had Kedah divided so that the power and resources of the Sultan would be drastically reduced and balanced by other local magnates... If ever the Sultan of Kedah – be it Tengku Anum or Sultan Ahmad Tajuddin – were to revolt again, he would only cause upheaval in the relatively small area of a reduced Kedah".[16]

Seterusnya mengikut hipotesis yang kedua, kemunculan kerajaan Perlis diperlihatkan sebagai akibat perpecahan dalaman kerajaan Kedah sendiri. Pandangan ini datang daripada sejarawan-sejarawan yang mengkaji sejarah Kedah dari kacamata tempatan. Dalam sebuah kajian berwibawa yang berkisar pada usaha pemeliharaan kemerdekaan Kedah daripada pencerobohan Siam dan Burma dari tahun-tahun 1771 ke 1821, R. Bonney turut mendedahkan satu aspek menarik bahawa perebutan takhta di masa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa (mem. 1760-1778) telah membawa kepada pembentukan *daerah-daerah* Perlis, Setul, dan Kubang Pasu. Ia juga mendakwa ketiga-tiga

---

[15] Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations. Traditional Intra-regional Relations from the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*, (Singapore: Oxford University Press, 1988), m.s. 84-91. Perbincangan lanjut dalam Bab 2 tesis.

[16] Ibid., m.s. 90-91.

daerah itu kemudian bergabung menjadi *"Negeri Perlis"*.[17] Malangnya kajiannya berhenti dengan penamatan kemerdekaan Kedah oleh Siam pada 1821. Walau bagaimanapun perbincangan Mohammad Isa Othman, yang menumpukan perhatian pada tema perebutan kuasa dan takhta di kalangan elit tradisional Kedah, merangkumi tahun-tahun selepas 1821. Mengenai pembentukan Perlis, ia menulis bahawa semasa perang para pembesar Kedah telah berpecah kepada dua kumpulan yang bertentangan, satu yang "mencetuskan pemberontakan terhadap Siam" dan satu lagi yang "bekerjasama dengan Siam". Syed Hussein telah menyertai kumpulan yang kedua dan ia dibalas dengan perlantikan oleh Maharaja Siam sebagai "*pemerintah negeri* Perlis selepas tahun 1839".[18]

Walaupun dua tulisan yang tersebut di atas berjaya membawa pandangan baru dengan menggunakan perspektif 'dari dalam' dan tidak lagi 'dari luar', namun kedua-duanya masih tidak dapat menjelaskan bagaimana seorang pembesar kecil seperti Syed Hussein mampu menyertai rebutan kuasa itu sehingga berjaya "merajakan" dirinya di Perlis. Penulis sejarah Perlis, yang menyumbangkan hipotesis ketiga dan keempat di bawah, telah cuba untuk memberikan penjelasan ini. Namun begitu, didapati mereka boleh dikatakan telah memesongkan kebenaran dengan menyembunyikan unsur perpecahan tertentu yang ujud, terutama sekali di antara pengasas Perlis dengan Sultan Ahmad Tajuddin.

Menurut hipotesis ketiga, Perlis merupakan hadiah daripada Sultan Kedah kepada Syed Hussein. Tulisan paling awal yang mencadangkan pandangan ini ialah esei Hussain Baba bin Mohamad bertajuk "Sejarah Negeri dan Raja2 Perlis" yang diterbitkan dalam

---

[17] R. Bonney, *Kedah 1771-1821. The Search for Security and Independence*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, Second impression, 1974), m.s. 28-29. Juga Bonney, ibid., nota kaki 16, Bab II, m.s. 29-30.

[18] Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), m.s. 29-33, dan 60.

jurnal *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* pada tahun 1969.[19] Penulis berkenaan mendakwa bahawa Perlis berasal sebagai salah sebuah *jajahan* negeri Kedah tetapi menjadi *negeri* yang terasing pada tahun 1843 sebagai anugerah daripada Sultan Ahmad Tajuddin. Ini disebabkan jasa Syed Hussein membantu Tunku Anum "memerdekakan (Kedah) daripada ta'alok Siam itu".[20] Adalah jelas Hussain Baba telah dipengaruhi oleh satu sejarah lisan mengenai asal-usul nama Perlis, yang walau bagaimanapun belum dibuktikan kesahihannya, lalu merumuskan bahawa:

> "Maka daripada perolehan arnpun kurniaan ini-lah Kayang "Negeri yang diperoleh" itu akhir-nya menjadi sebutan negeri Perlis. Sa-belum itu tidak di-panggil Perlis kapada Kayang atau Indera Kayangan".[21]

Buku *Sejarah Perlis* oleh sejarawan Buyong Adil, telah dicetak pada tahun 1981, bagi melengkapi siri penulisan sejarah negeri-negeri tempatan yang diterbitkan sebagai Siri Sejarah Nusantara.[22] Walaupun tidak secara eksplisit menerima cerita lisan "peroleh" itu, namun ia turut mempercayai bahawa daerah Perlis telah "dikurniakan" oleh Sultan Ahmad Tajuddin kepada Syed Hussein sebagai membalas jasanya "bekerja dengan berbagai-bagai cara sehingga dapat mendaulatkan semula negeri Kedah setelah diserang dan ditakluki oleh askar-askar Siam-Ligor".[23] Tetapi adalah menarik, bahkan menghairankan, penulis itu memberikan tarikh yang sebegitu awal untuk menandakan

---

[19] Hussain Baba bin Mohamad, "Sejarah Negeri dan Raja2 Perlis", di dalam *JMBRAS*, Jilid XLII, Bhg. 2, 1969, m.s. 173-196.

[20] Ibid., m.s. 176-177

[21] Ibid., m.s. 177. Untuk tiga cerita lisan lain mengenai asalnya nama Perlis, lihat nota 27 di bawah

[22] Haji Buyong Adil, *Sejarah Perlis*, Siri Sejarah Nusantara, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981).

[23] Ibid., m.s. 23-24

penjelmaan Perlis menjadi sebuah "*negeri baharu*" – iaitu pada 20 Mei tahun 1834.[24]

Seterusnya perkaitan asal-usul nama Perlis dengan sejarah lisan "peroleh" diterima bulat-bulat oleh penulis Asmad yang menghasilkan sebuah sejarah Perlis yang ringkas pada tahun 1987.[25] Selepas membincangkan empat "cerita mulut" mengenai kelahiran Perlis, Asmad merumuskan:

> "Antara empat cerita mulut yang dinyatakan di atas, cerita yang pertama iaitu berasal daripada perkataan *peroleh* lebih dapat diterima oleh umum. Ia amat bersesuaian dengan sejarah sebenar asal mulanya kawasan tanah negeri ini hingga menjadi sebuah negeri yang wujud sekarang. Sudah ditakdirkan Allah kawasan tanah Arau yang pada mulanya berupa anugerah daripada sultan, kemudiannya menjadi sebuah *negeri* yang tersendiri".[26]

Akhir sekali ialah hipotesis keempat, yang bukan sahaja menyembunyikan perpecahan di antara Syed Hussein dengan Sultan Kedah bahkan memandangkan pembentukan kerajaan Perlis sebagai satu perubahan yang aman lagi licin sejak pengumiaan mukim Arau kepada penghulu pertamanya Syed Harun Jamalullail, iaitu bapa Syed Hussein, oleh Sultan Dhiauddin ibni Sultan Muhammad Jiwa (mem. 1798-1803), yang juga merupakan Raja Muda Perlis, pada tahun 1798.

---

[24] Ibid., m.s. 20.

[25] Asmad, *Perlis*, Siri Lambaian Nusa, (Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd., 1987).

[26] Ibid., m.s. 10. Huruf miring "peroleh" di dalam petikan datang daripada Asmad sendiri. Tiga cerita lisan lagi ialah seperti berikut. Pertama, nama Perlis berasal daripada perkataan bahasa Thai *Ma Phru Lai* yang bermakna "sungai kelapa-kelapa hanyut". Sungai yang dirujuk ialah Sungai Perlis. Kedua, nama Perlis berasal daripada loghat Perlis 'perlus' yang bermaksud kaki terendam ke dalam sawah padi semasa musim tengkujuh. Sawah berkenaan ialah kepunyaan seorang Sultan Kedah yang telah mendirikan istana di tengah-tengah sawah. Lihat ibid., m.s. 6. Ketiga, nama Perlis berasal daripada pusara Tok Perlis yang keramat. Lihat ibid., m.s. 10.

Sungguhpun tidak dinyatakan secara terbuka namun kenaikan Syed Hussein sebagai Raja pertama Perlis diperlihatkan sebagai semata-semata suatu peralihan kuasa yang licin seolah-olah daripada seorang pemerintah *de jure* kepada pemerintah *de facto*.

Di sini, adalah lebih berguna perbincangan menyimpang daripada urutan masa paling akhir-paling awal di atas. Buku bertajuk *Perlis Indera Kayangan. Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat* yang diterbitkan dalam tahun 1992 akan dibincangkan terlebih dahulu. Ia merupakan hasil usaha bersama seorang guru sejarah dan penulis berwibawa Perlis bernama Ahmad Ismail, dengan ahli politik dan Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis, Yazid Mat.[27] Dua penulis tersebut menolak sama sekali cerita lisan "peroleh", yang telah disentuh di atas. Sebaliknya mereka meluangkan satu babagian untuk membuktikan bahawa Perlis sudahpun wujud sebagai "sebuah daripada *jajahan-jajahan* Kesultanan Kedah" sejak zaman pra-sejarah lagi dan satu bahagian untuk menunjukkan bahawa perkataan Perlis berasal daripada nama sebuah pokok.[28] Seterusnya sebarang hadiah yang diakui diberikan oleh Sultan Kedah hanyalah mukim Arau, iaitu sebagai hadiah perkahwinan daripada Sultan Dhiauddin kepada menantunya Syed Harun. Mereka memetik sepucuk surat tera yang mengiringi penganugerahan tersebut sebagai bukti:

> "Akan Mukim Arau itu diberi kepada Tuan Syed Harun menjadi pesaka sampai anak, cucu, cicit Tuan Syed Harun selama-lamanya".[29]

---

[27] Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan. Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, (Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992). Selepas ini disebut *Perlis Indera Kayangan*.

[28] *Perlis Indera Kayangan*, ibid., m.s. 1-2, dan 9-20.

[29] Ibid., m.s. 27.

Paling penting Ahmad Ismail dan Yazid Mat mendakwa bahawa Syed Hussein sebagai waris dan pengganti yang sah kepada Tunku Dhiauddin sebagai pemerintah Perlis. Mereka menulis seperti berikut:

> "Dengan demikian semenjak dari kecil lagi Syed Hussin (Syed Hussein) telah terdidik di dalam golongan kerabat Diraja dan pembesar-pembesar. Oleh itu tidak hairanlah kemudiannya Syed Hussin, dengan bakat yang ada padanya serta baka warisan keturunan daripada Khalifah Ali bin Abu Talib itu, muncul sebagai seorang pemimpin melalui beberapa tahap. Daripada seorang Penghulu beliau menjadi seorang "Gabenor", dan kemuncaknya beliau menjadi Raja yang ulung dari kerabat Jamalullail yang memerintah sebuah negeri baharu, Perlis Indera Kayangan".[30]

Justeru aktiviti Syed Hussein yang mencondong kepada kerjasama dengan pihak Siam semasa perang diperlihatkan sebagai semata-mata usaha bagi mengembalikan Kedah ke tangan orang-orang Melayu.[31] Perlantikannya sebagai *Gabenor Negeri* Perlis pada 1839 dan sebagai *Raja Negeri* Perlis Pertama empat tahun kemudian pada 1843 oleh Maharaja Siam bertolak daripada pertalian keluarganya dengan Sultan-sultan Kedah. Di sini kedua orang penulis membawa satu pendekatan baru yang langsung menolak peranan Sultan Ahmad Tajuddin. Sebaliknya ia menghubungkaitkan Syed Hussein dengan anak dan pengganti Sultan tersebut iaitu Sultan Zainal Rashid ibni Sultan Ahmad Tajuddin, yang walau bagaimanapun tidak menaiki takhta Kedah sehingga tahun 1845. Sebagai cucu angkat kepada Tunku Dhiauddin, Syed Hussein turut berkedudukan sebagai cicit Sultan Muhammad Jiwa, sebagaimana Sultan Zainal Rashid. Pada masa yang sama ia ialah saudara ipar kepada Sultan Zainal Rashid.[32]

---

[30] Ibid., m.s. 28.

[31] Ibid., m.s. 35.

[32] Ibid., m.s. 40-44. Syed Hussein telah mengahwini Tunku Nur Aishah, saudara perempuan Sultan tersebut.

Akhirnya, kedua-dua orang penulis memberikan tahun 1843, iaitu sempena pembayaran ufti Bunga Emas dan Perak yang pertama daripada Raja Syed Hussein kepada Maharaja Siam, sebagai tarikh penjelmaan *Negeri* Perlis.[33]

Buku *Perlis Indera Kayangan* boleh dikatakan bertolak daripada sebuah latihan ilmiah bertajuk "Perlis (1839-1909), Period Penentuan Ujudnya Negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang mempunyai keperibadiannya sendiri" yang dihasilkan oleh Yazid Mat pada tahun 1974.[34] Latihan ilmiah ini tidak akan dibincangkan secara teliti kerana buku yang disentuh di atas sebenarnya telah diperkembangkan daripada latihan ilmiah ini.

Akhir sekali perhatian ditujukan kepada karya yang paling awal dihasilkan, iaitu sejarah Melayu Perlis asli yang bertajuk *Salasilah Perlis*.[35] Karya ini, sehingga sekarang, kurang disentuh oleh para pengkaji, maka adalah perlu diselitkan sedikit pengenalan mengenainya.[36] Naskah yang akan dibincangkan ditulis dalam bahasa Melayu berhuruf Jawi dan ditemui di dalam bentuk salinan mikrofilem, berasaskan naskah Dewan Bahasa dan Pustaka, yang disimpan di dalam Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

---

[33] Ibid., m.s. 109-110. Perbincangan dalam Bab 2 tesis ini akan menunjukkan bahawa buku yang diberikan olehnya tidak berasas.

[34] Yazid Mat, "Perlis (1839-1909), Period Penentuan Ujudnya Negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang mempunyai keperibadiannya sendiri", Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1974.

[35] *Salasilah Perlis*, naskah Dewan Bahasa dan Pustaka No. 17678, Nov. 12, 1963, salinan mikrofilem, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

[36] Sebagai contoh, ia tidak kelihatan di dalam senarai 73 buah sejarah Melayu yang disediakan oleh sejarawan J. C. Bottoms. Lihat J. C. Bottoms, "Malay Historical Works: (A bibliographical note on Malay histories as possible sources for the history of Malaya)", di dalam K. G. Tregonning (peny.), *Malaysian Historical Sources*, (Singapore: Malaysia Publications Ltd. For Department of History, University of Singapore, Second printing, 1965), m.s. 51-57.

Tidak diketahui siapa pengarang mahupun penyalinnya. Ia tidak mempunyai mukadimah yang memberikan pujian-pujian kepada Allah mahupun yang menyatakan perintah Raja agar ia ditulis atau disalin. Tidak disebut juga pada tahun berapa ia dihasilkan. Tetapi ia mengandungi satu tarikh iaitu tahun Hijrah 1239 bersamaan dengan 1821 yang menandakan meletusnya Perang Kedah-Siam. Memandangkan karya ini turut merangkumi episod-episod peperangan sehingga selepas pengasasan kerajaan Perlis, dapat diandaikan bahawa ia ditulis menjelang pertengahan abad ke-19 oleh seorang yang rapat dengan istana Perlis.

Berbeza dengan kebanyakan sejarah Melayu yang lain, *Salasilah Perlis* penuh dengan fakta. Oleh itu sebagai sebuah karya Melayu asli, kalaupun bukan yang tunggal, mengenai Perlis, nilainya tidak dapat diukur. Pada masa yang sama ia merupakan sumber Melayu asli yang mesti dirujuk oleh seseorang yang mengkaji sejarah kerajaan ini. Ia mempunyai dua fungsi iaitu mengesahkan pembukaan kerajaan Perlis, dan mengesahkan Syed Hussein sebagai raja pertama dan pengasas wangsa raja Perlis. Tetapi ia langsung tidak memasukkan unsur-unsur metos, misalnya yang mengiringi pembukaan negeri dan yang menceritakan asal-usul raja, yang kerapkali menyelubungi hikayat-hikayat Melayu.[17] Cara persembahannya juga tepat dan jelas sehinggakan boleh dikatakan menepati ciri-ciri penulisan sejarah moden, kalaulah ia tidak kekurangan dari segi tarikh dan bukti.

Sungguhpun begitu, tulisan ini telah memesongkan kebenaran sewaktu mengisahkan pemisahan Perlis daripada Kedah. Dalam percubaannya untuk menafikan perpecahan yang wujud di antara Syed Hussein dengan Sultan Ahmad Tajuddin, pengarang *Salasilah Perlis*

[17] Untuk perbincangan mengenai metos-metos berhubungan dengan asal-usul raja dan dengan permulaan negeri di dalam sejarah-sejarah Melayu, lihat Ali Ahmad, *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), m.s. 11-12.

melemparkan tuduhan bahawa Raja Ligor yang mencetuskan peperangan dan memecah-mecahkan kerajaan Kedah.[38] Seterusnya bagi mengesahkan peralihan pucuk pemerintahan Perlis ke tangan keluarga Syed Jamalullail, pengarang itu menyenaraikan jurai keturunan Syed Ahmad Jamalullail, yakni generasi Syed Jamalullail yang paling awal menetap di Kedah. Peranan Sultan Dhiauddin diberikan tempat di sini sebagai Sultan Kedah yang telah menganugerahkan mukim Arau kepada Syed Harun dan lebih penting yang melantiknya sebagai pemerintah *de jure* di "*Negeri Perlis*" untuk "memerintah sebagai *raja*" semasa baginda (Sultan Dhiauddin) berada di ibu negeri.[39] Kedudukan Syed Harun ini telah diwariskan kepada anaknya Syed Hussein yang kemudiannya menjadi pemerintah *de facto* Perlis yang pertama selepas perang tamat.[40]

Skop Kajian

Tinjauan penulisan mengenai sejarah Perlis menunjukkan perlunya ada suatu kajian yang lebih terperinci mengenai penubuhan negeri ini dari asal-usulnya yang paling awal dapat dikenalpasti sehinggalah ia berjaya mengekalkan kewujudannya sebagai unit politik yang diterima masuk dalam Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, dan seterusnya menjadi sebahagian daripada negara yang mencapai kemerdekaan pada 1957. Sejarah kemunculan Perlis inilah yang merupakan skop kajian tesis ini.

Seperti yang telah dinyatakan lebih awal, Syed Hussein, seorang pembesar kerajaan Perlis, telah menubuhkan kerajaan baru Perlis pada tahun 1841. Bab 2 akan bermula dengan menyiasat sebab-sebab kerajaan ini tidak dapat didirikan sebelum itu. Didapati ada tiga

---

[38] *Salasilah Perlis*. Raja Ligor ialah Gabenor Siam yang bertanggungjawab ke atas naungan-naungan Siam di bahagian selatan yang termasuk Kedah.

[39] Ibid.

[40] Ibid.

sebab, dua daripadanya merupakan halangan besar yang wujud sehingga 1778. Satu ialah belum ada seorang pembesar tunggal yang berkuasa ke atas sebuah entiti politik yang jelas dan tetap bernama Perlis. Dalam perkataan lain belum ada pembesar daerah Perlis yang sebenar. Satu lagi ialah penguasaan Sultan Kedah ke atas kawasan ini adalah benar dan kuat sehinggakan ia beribu kota di sini. Sejarah penubuhan Perlis menghirup nafas baru pada 1770 dengan perlantikan pembesar daerah Perlis yang pertama. Namun tahun-tahun 1770-1778 lebih merupakan satu tempoh peralihan disebabkan Sultan semasa, Sultan Muhammad Jiwa, masih berkuasa ke atas daerah ini.

Seterusnya analisa penubuhan kerajaan dibahagikan kepada tiga fasa, yang setiapnya secara menarik dapat dikaitkan secara langsung dengan kehadiran, mahupun ketiadaan seseorang pembesar yang berkaliber. Pertama, tempoh 1778-1815 menyaksikan penguasaan daerah Perlis oleh Tunku Dhiauddin ibni Sultan Muhammad Jiwa. Pembesar inilah yang telah memberikan suatu keperibadian dan kedudukan politik yang tersendiri kepada daerah lamanya. Malah ketika Tunku Dhiauddin menduduki takhta Kedah dari 1798 ke 1803, ia tidak ketinggalan memberikan hak-hak istimewa kepada daerahnya. Akan tetapi sehingga kemangkatannya pada tahun 1815, ia tidak merebut peluang untuk mengeluarkan Perlis dari Kedah. Baginya, Perlis adalah markas yang membolehkannya merampas takhta. Inilah halangan ketiga dan yang paling besar yang telah menjejaskan peluang penubuhan kerajaan Perlis sebelum 1841.

Kedua, kestabilan politik yang telah dicapai oleh Tunku Dhiauddin terjejas selepas kematiannya pada 1815. Daerah ini dibawa ke dalam kancah rebutan kuasa dan takhta oleh segolongan pembesar yang turut merupakan anggota kerabat diraja, khususnya yang terdiri daripada anak-anak saudara dan cucu-cucu saudara Tunku Dhiauddin. Masing-masing mengkehendaki Perlis semata-mata sebagai batu loncatan untuk merampas takhta daripada Sultan semasa, iaitu Sultan

Ahmad Tajuddin. Ini bermakna halangan ketiga berlanjutan sehingga tahap inipun. Bukan sahaja itu, tiada seorang pembesar yang dilantik ke Perlis dapat menandingi pemerintahan Tunku Dhiauddin dari segi tempoh mahupun dari segi kuasa dan pengaruh. Keadaan kacau-bilau ini berlanjutan sehingga kemunculan Syed Hussein sebagai penghulu baru Mukim Arau menjelang tahun 1821.

Ini membawa kepada fasa terakhir yakni tahun-tahun 1821-1841 yang menyaksikan pemberontakan Syed Hussein untuk membebaskan Perlis daripada kawalan pusat. Sungguhpun keempat-empat hipotesis yang disentuh di atas itu bercelaru dan berat-sebelah, namun akan dibahaskan bahawa rahsia di sebalik kejayaan Syed Hussein sebenarnya terletak di dalam keadaan-keadaan yang dikemukakan oleh hipotesis-hipotesis tersebut. Akan dicari satu perseimbangan di kalangan keadaan itu yang mencorak hubungan daerah Perlis dengan pusat kerajaan Kedah dalam tempoh masa yang berkaitan. Perjawatannya sebagai Penghulu Arau kebetulan selari dengan zaman Perang Kedah-Siam yang telah menjadi mangkin yang mempercepatkan pemisahan Perlis. Apabila terdapat suatu hampagas politik, yakni ketiadaan Sultan Ahmad Tajuddin di pusat pemerintahan dan kekosongan jawatan pembesar daerah, Syed Hussein telah bangun memberontak dan memperluaskan kuasa dari markasnya, mukim Arau ke seluruh daerah. Beliau telah menggunakan sebaik-baiknya pertaliannya dengan bekas pembesar daerah Tunku Dhiauddin, dan kedudukan keluarganya sendiri di Arau untuk memancing 'undi' sokongan daripada para pembesar tempatan.

Penghulu Arau ini juga pintar mempergunakan rebutan kuasa di antara pembesar-pembesar kerabat diraja Kedah dengan Sultan Ahmad Tajuddin untuk berpakat dengan mereka buat sementara bagi menggulingkan pemerintahan Sultan. Dengan ini barulah ia menghulurkan 'ketaatan' kepada Maharaja Siam. Menjelang tamatnya perang dan sewaktu Maharaja mempertimbangkan rombakan pemerin-

tahan ke atas naungan-naungan di utara Semenanjung, Syed Hussein menawarkan diri sebagai pemerintah naungannya. Ia tidak berminat dan juga tidak berdaya merebut takhta Kedah. Minatnya hanya untuk memisahkan Perlis daripada Kedah. Ini menjadikan Syed Hussein seorang pemberontak bahkan pemberontak yang paling unik di dalam sejarah Kedah. Pemberontakannya berakhir dengan kemenangan pada tahun 1841 apabila ia berjaya menubuhkan Perlis sebagai sebuah kerajaan baru dan ia sendiri dapat naik takhta sebagai Raja pertama.

Bab 3 seterusnya berkisar pada pergelutan kerajaan baru ini untuk terus hidup. Mencapai kemerdekaan, dan mengekalkan kemerdekaan adalah dua perkara yang berlainan sama sekali. Pertimbangan yang kedua inilah yang menduduki tangga teratas dalam dasar pemerintahan raja dan pembesar Perlis sehingga 1930. Bab ini akan menunjukkan bahawa kelas pemerintah ini telah melancarkan serampang dua mata yang melibatkan kebergantungan pada bantuan dan sokongan kuasa-kuasa asing Siam dan kemudiannya British, serta dua, persaingan dengan kerajaan lamanya Kedah.

Sebagai pemerintah kepada sebuah kerajaan yang, tidak dapat dinafikan, didirikan melalui sokongan kuasa asing, tidak hairanlah Raja Perlis dan pembesarnya memandang berat amalan bekerjasama dan bertolak-ansur dengan kuasa berkenaan. Ini terutama sekali berguna demi menangkis percubaan-percubaan Kedah untuk menyerapkannya semula. Keberkesanan langkah tersebut jelas apabila Maharaja Siam menundukkan tuntutan Sultan Kedah terhadap bekas daerahnya ini. Tidak keterlaluan jika menyatakan bahawa Perlis memainkan peranan sebagai kerajaan naungan yang unggul. Amalan ini berterusan dengan kehadiran kuasa penaung pengganti yakni British. Terutama sekali sejak pembentukan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 1905, kerajaan Perlis mengandungi, di samping raja dan pembesar, satu elemen tambahan yang mencorak pertum-

buhannya iaitu Penasihat Kewangan Siam yang bermula 1909 dikenali Penasihat Kewangan British.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa kedua-dua strategi ini adakalanya membakar diri. Salah satu ujian penting yang mengukur kemampuan kerajaan ini untuk terus hidup jelas ialah keupayaan ekonominya. Dan di dalam bidang inilah ia telah membakar diri. Ini berlaku apabila Kedah menukar taktik lalu menumpukan perhatian pada serangan ekonomi menjelang pertengahan 1900-an dan pihak British pula begitu sanggup membantunya. Pada masa yang sama Raja dan pembesar Perlis sendiri mendapati ada manfaat meniru dasar-dasar kerajaan lamanya itu terutama sekali yang melibatkan pertimbangan kewangan.

Sehubungan dengan itu perlu ditegaskan bahawa peniruan Perlis terhadap Kedah baik dari segi pinjaman hutangnya daripada Siam pada tahun-tahun 1905 dan 1907, mahupun dari segi pertumbuhan ekonominya bukan semata-mata kebetulan. Ia sebaliknya akan menunjukkan bahawa amalan ini berpunca daripada dua faktor. Satu, ia disebabkan oleh, seperti yang telah disebut tadi, persaingan Raja dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis sendiri dengan pihak pemerintah Kedah. Dua dan lebih penting, ia bertolak daripada dasar Siam dan lebih-lebih lagi dasar British yang tidak pernah menerima sepenuhnya pemisahan Perlis daripada Kedah. Dengan demikian sungguhpun Perlis pada tahap ini berautonomi dari segi politik, tetapi pihak pemerintahnya masih mendapati sukar mempertahankan autonomi ekonominya. Adalah amat penting untuk memperlihatkan hubungan timbal-balik di antara kepentingan-kepentingan politik dan ekonomi.

Masalah Perlis ini walau bagaimanapun dapat diatasi, walaupun bukan sepenuhnya tetapi sebahagian besarnya, melalui pengikatan sebuah perjanjian di antara Raja Syed Alwi dengan Pesuruhjaya Tinggi British pada tahun 1930. Rundingan yang membawa kepada termaktubnya fasal-fasal yang berkenaan membuktikan bahawa pemerintah

Perlis masih amat sensitif kepada pencerobohan Kedah serta mementingkan pemeliharaan kedudukan kerajaan ini daripadanya. Ini bermakna perlindungan terhadap kepentingan autonomi politik dan ekonomi. Justeru walaupun Perlis merupakan kerajaan yang terakhir di Semenanjung untuk menandatangani perjanjian penerimaan pengaruh British, yakni lima puluh tahun lebih selepas perjanjian sebegini yang pertama, iaitu Perjanjian Pangkor, ditandatangani, namun perjanjian ini bukan sekadar formaliti. Walau bagaimanapun perlaksanaan fasal-fasal itu memerlukan satu jangkamasa panjang, iaitu sehingga 1940-an pun.

Di samping itu, perjalanan rundingan tersebut di atas turut mendedahkan satu perkongsian dan perseimbangan kuasa yang licin di antara tiga elemen kerajaan, yakni Raja, Majlis dan Penasihat serta Pesuruhjaya Tinggi British yang mewakili kerajaan penjajah mereka. Ini semua akan dibahaskan di dalam Bab 4.

Bab 5 pula akan memperlihatkan bahawa dasar bekerjasama dan bertolak-ansur itu telah melanjur ke suatu tahap yang membimbangkan. Walaupun sekecil-kecilnya, kerajaan ini tidak dapat lari daripada masalah yang menyelubungi kebanyakan pemerintah negeri-negeri Melayu, yakni pertelingkahan takhta. Sistem dan adat kenaikan takhta kerajaan ini menampakkan satu ciri unik iaitu ia memerlukan seseorang waris dilantik ke jawatan Bakal Raja terlebih dahulu. Ini bermakna yang menjadi isu di sini ialah bukan siapa yang menaiki takhta berikutan kemangkatan Raja Syed Alwi tetapi siapa yang dilantik oleh baginda sendiri untuk mewarisi takhta kemudian. Di atas perjanjian 1930 itu, Raja Syed Alwi, dengan sokongan Majlis, telah sanggup membenarkan British memainkan peranan dalam perlantikan penggantinya dan raja-raja yang seterusnya. Ini merupakan keadaan terbalik daripada amalan kerajaan-kerajaan Melayu lain yang bertungkus-lumus menghindarkan penglibatan British di dalam penggantian takhta.

Walau bagaimana pun, perbincangan Bab 5 akan menampilkan satu penemuan menarik iaitu penglibatan British ini bukan sahaja tidak menjejaskan perlantikan Bakal Raja tetapi sebaliknya memastikan calon yang tidak diingini ditolak sama sekali. Dari tahun 1933 hingga 1938 Raja Syed Alwi, Majlis dan Penasihat serta Pesuruhjaya Tinggi British telah sebulat suara menolak pencalonan seorang anggota kerabat bernama Syed Hamzah bukan satu tetapi dua kali. Pemilihan kali kedua terpaksa dijalankan disebabkan kematian Bakal Raja. Isu penggantian takhta memasuki tahap kedua apabila kerjasama di antara pihak pemerintah Perlis dengan British yang disebut di atas terjejas semasa Perang Dunia Kedua 1941-1945. Dalam tempoh masa ini Syed Hamzah, setelah memecat anggota-anggota Majlis berkenaan dengan sokongan pihak Jepun, telah berjaya mengisi jawatan Bakal Raja dan seterusnya menaiki takhta selepas kemangkatan Raja Syed Alwi pada 1942.

Tahap terakhir, yang berkisar pada tahun 1945 selepas Perang tamat, menyaksikan Bakal Raja lantikan sebelum Perang, yakni Syed Putra, dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri lama dan British sebagai Raja baru pada tahun 1945. Titik-tolak paling penting yang menguasai keadaan ialah tandatangan Raja Syed Putra di atas Perjanjian MacMichael, prasyarat penerimaan British terhadapnya sebagai pemerintah Perlis, yakni satu hak yang telah diberikan kepada British oleh Raja Syed Alwi dan Majlis Negeri pada tahun 1930.

Pertabalan Raja Syed Putra hanya berlangsung pada 1949 iaitu selepas pemansuhan rancangan Malayan Union 1946 dan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Bukan itu sahaja malah sewaktu ditabalkan ia sudah menjadi seorang raja berperlembagaan. Serentak itu juga Perlis telah bertukar menjadi sebuah kerajaan berperlembagaan yang terkandung di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Justeru Bab 6 akan menyiasat perubahan status raja, Majlis, dan kerajaan melalui bandingan antara perjanjian 1930 dengan per-

janjian Persekutuan 1948 dan pindaan perlembagaan antara 1948 dan 1950.

Bab berkenaan menganalisa perubahan yang melanda pihak pemerintah dengan menumpukan perhatian pada persoalan pemeliharaan kerajaan. Ingin diselitkan di sini bahawa sedangkan pencerobohan Kedah semakin pudar, pihak pemerintah Perlis pada tahap ini mendapati mereka menghadapi ancaman baru iaitu campurtangan kerajaan pusat Persekutuan. Mereka tidak pernah melupakan kepentingan kedudukan kerajaan, satu kepentingan yang diperjuangkan dan dipertahankan dengan sebegitu gigihnya bermula dari Raja Syed Hussein dan diperlanjutkan oleh raja-raja dan para pembesar serta Majlis Negeri. Di sinilah terletak keistimewaan bahkan keunikan Perlis.

Sumber-sumber Kajian

Disebabkan Perlis terletak di dalam kerajaan Kedah sehingga tahun 1841, usaha mencari maklumat berkenaan 'Perlis' melibatkan kaedah 'menyisir' sumber-sumber mengenai kerajaan asalnya itu. Sumber pertama yang perlu disebut ialah Surat-menyurat Burney, catatan pentadbir British, dan catatan pengembara. Bukan sahaja kerajaan ini kurang dikaji, bahan-bahan mengenainya juga sedikit. Maka kaedah 'menyikat' masih diperlukan untuk menyingkap sejarah kerajaan ini dari masa penubuhannya sehingga 1905. Oleh itu sumber Melayu asli, yang dipercayai tunggal, *Salasilah Perlis* benar-benar memancar di sini. Selain daripada merupakan pandangan dunia Melayu Perlis terutama sekali istananya, sumber berkenaan juga berguna sebagai menyeimbangi sumber-sumber pertama lain yang semuanya berbahasa Inggeris.

Keadaan sungguh berbeza dalam tempoh berikutnya yang menyaksikan kedudukan Perlis yang semakin mendapat tempat dalam dasar-dasar kolonial British. Penerimaan perkhidmatan Penasihat Kewangan Siam dari 1905 hingga 1909, dan penerimaan pengaruh

British yang ditandakan oleh perlantikan Penasihat Kewangan British dari 1909 hingga 1930 serta perlantikan Penasihat British mulai 1930 dengan sendirinya menjaminkan kehadiran rekod-rekod rasmi. Pengaturan semula jentera pentadbiran kerajaan dalam tempoh ini telah menghasilkan timbunan sumber pertama seperti fail-fail Pejabat Penasihat, yang merangkumi minit-minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri, dan Laporan-laporan Tahunan yang disediakan oleh Penasihat. Di sinilah terletaknya sebahagian daripada sumber-sumber pertama yang utama bagi kajian ini. Dapat dirumuskan bahawa fail-fail Pejabat Penasihat lebih berguna untuk menyingkap sejarah 'politik' sementara Laporan-laporan Tahunan lebih sesuai untuk mengkaji sejarah 'ekonomi'. Sungguhpun sumber-sumber pertama ini menyumbangkan banyak maklumat mengenai pertumbuhan Perlis, tetapi ia masih tidak digunakan secara meluas oleh penulis-penulis awal.

Bahan-bahan baru yang belum pernah digunakan oleh pengkaji tentulah dialu-alukan oleh penulis sebagai seorang ahli sejarah. Ia bernasib baik berpeluang merintis pengkajian surat-menyurat John Hamer, bekas Penasihat British Perlis, dalam simpanan Rhodes House Library, Oxford, United Kingdom. Inilah yang menjadi sebahagian lagi sumber utama bagi tesis ini. Kertas-kertas yang mendapat tempat dalam kajian terbahagi kepada dua kumpulan. Pertama ialah surat-menyurat di antara kerajaan berkenaan dengan Siam dan British dari 1905 hingga 1957. Kedua ialah kontrak-kontrak pinjaman wang 1905 dan 1907, draf-draf Perjanjian Perlis-British 1930, serta Perjanjian MacMichael 1945. Disebabkan Perlis amat memandang berat pengesahan dan pemeliharaan kedudukannya sebagai sebuah kerajaan, maka kajian menggunakan secara meluas pelbagai dokumen bertulis yang berkaitan dengan tahap-tahap perkembangan yang berkaitan.

Akhirnya selain daripada koleksi di atas, turut diselidiki Perlembagaan-perlembagaan Kerajaan Negeri Perlis 1948 dan 1950. Di samping itu kajian juga bergantung pada catatan-catatan harian tokoh-

tokoh politik Perlis. Semua ini disimpan di dalam Koleksi Perlis Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Negeri Perlis di Kangar.

Bab 2

Penubuhan Kerajaan, 1778-1841

Sebelum membincangkan bagaimana kerajaan Perlis ditubuhkan pada pertengahan kurun ke-19, didapati berguna terlebih dahulu diperlihatkan asal-usulnya yakni tapak kelahirannya. Tetapi ini bukan sekadar latar belakang yang memperkenalkan maklumat geografi dan sejarah awal. Lebih penting, bahagian ini bertujuan menunjukkan bahawa Perlis tidak, atau lebih tepat tidak dapat diasaskan lebih awal sebelum itu disebabkan dua faktor. Pertama, tidak wujud seorang pembesar tunggal yang memerintah sebuah entiti politik yang jelas dan tetap yakni daerah yang bernama Perlis buat satu tempoh masa yang terlalu panjang. Dalam perkataan lain, belum hadir seorang pembesar daerah Perlis yang berautonomi penuh mahupun separuh. Kedua, Sultan Kedah berkuasa secara langsung ke atas kawasan ini dari semasa ke semasa. Keadaan sebegini berlanjutan sehingga tahun 1778.

Zaman Pra-Daerah Perlis sehingga Tahun 1770

Terletak pada latitud 6 0-7 0 U dan pada longitud 100 0 T, kedudukan Perlis sebagai negeri yang paling ke utara di Semenanjung Malaysia hari ini tidak syak lagi tetapi dalam zaman tradisional khususnya sebelum pertengahan abad ke-18, ia hanya terdiri daripada sekelompok kota yang bertumpu pada sebuah lembah sungai yang sama namanya.[1] Daripada Sungai Perlis kawasan ini memperolehi namanya 'Perlis' yakni yang kemudian membentuk sebahagian daripada nama penuh 'Perlis Indera Kayangan' seperti yang dikenali sehingga sekarang. Rujukan abad ke-16, yang berkemungkinan besar paling awal mengenai kawasan ini ditujukan tepat pada sungai berkenaan. Fernand

---

[1] The Annual Report of the Adviser To The Perlis Government For The Year 1328 A.H. bersamaan (23 January 1909-12 January 1910), m.s. 1. Selepas ini disebut LTP dalam tahun Masihi.

Mendez Pinto, seorang pedagang Portugis yang berlabuh di kota Kuala Perlis buat seketika pada tahun 1539 dalam pelayaran ke Melaka mencatat bahawa:

> "we cross over to the firm Land, and passing by the Port of *Juncalan* (Ujung Salang), we sailed two days and an half with a favourable wind, by means whereof we got to the River of *Parles* in the Kingdom of *Queda*, there we rode five days at anchor in expectation of a fit wind to carry us on".[3]

Untuk maklumat yang lebih terperinci mengenai lembah sungai ini, kita perlu menoleh ke tulisan-tulisan yang dihasilkan dalam abad ke-19. Setiausaha kerajaan Pulau Pinang John Anderson, dalam laporannya kepada Gabenor Fullerton mengenai Kedah, pada 1824 memberikan gambaran di samping lokasi yang tepat:

> "This River is in 6 0 21' North. Opposite its mouth, is a small low Sandy Island, called Pulo Ketam. The river is narrow, but deep, but there is a shoal Bar at the entrance... After passing Kangar, it branches off to the right by two Channels, the first called Simpang ka Gunong, which takes its rise from a mountain called Gunong

---

3 H. Cogan, (penterjemah), *The Voyages and Adventures of Fernand Mendez Pinto*, (London: Dawsons of Pall Mall, Reprinted, 1969), m.s. 22. Pinto memberitahu bahawa ia telah menyertai sebuah misi pedagang berjumlah lima buah kapal layar meninggalkan tanahairnya pada 11 Mac 1537. Pada masa berlabuh di Kuala Perlis, ia sedang dalam pelayaran menguruskan sepucuk surat dan sebuah hadiah daripada "King of Batas" kepada Kapten Pero de Faria di Melaka. Cogan, ibid., m.s. 3. K. Clark, berdasarkan riwayat hidup Pinto yang dihasilkan oleh Maunce Collins, menulis bahawa pedagang Portugis ini "anchored at the mouth of the Perlis River near Alor Star to trade 1539". Lihat Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan. Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, (Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992), m.s. 3.

> Griang, at the base of which is a Village containing about 40 Houses. Another Channel unites with the Quedah River....".[3]

Pada tahun 1850 Michael Topping, yang bergantung sebahagian besarnya pada catatan Francis Light yang berada di Kedah, menambah bahawa:

> "... Purlis has a deep narrow river, at the entrance of which is a small sandy island (Pulau Ketam), on which stands a fishing village, which is protected by a few pieces of cannon. The bar of the river is very long, with only ten feet water upon it, at spring tides".[4]

Sekiranya kawasan ini memperolehi nama daripada Sungai Perlis, nyawanya turut bergantung sepenuhnya pada sungai yang sama. Ini dibuktikan oleh lembahnya yang menempatkan sumber ekonomi utama pada masa itu yakni perdagangan *entrepot*. Kuala Perlis yang dikunjungi oleh Pinto ialah sebuah kota pelabuhan penting, bahkan yang paling penting di seluruh kerajaan selepas Kuala Kedah. Dan rancangan untuk berdaganglah yang telah membawa pelawat ini ke perairannya. Di atas nasihat sekumpulan pedagang tempatan yang dipanggilnya "Merchants of the Country", ia membayar ufti yang disebutnya "Odiaa" (hadiah) kepada seorang "the King".[5] Ini

---

[3] John Anderson, *Facsimile Reprint of Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, J. S. Bastin (ed.), *JMBRAS* Vol. 35, Pt.4 No. 200, 1989, m.s. 143-144.

[4] Michael Topping, "Some Account Of Kedah", di dalam *Journal of the Indian Archipelago*, Vol. IV, 1850, m.s. 42.

[5] Cogan, op. cit., m.s. 22. Namun ketepatan tulisan Pinto berakhir di sini. Misalnya kisah Raja tersebut mengadakan hubungan sulit dengan ibu kandungnya disalin daripada sebuah cerita yang disebut oleh sarjana-pentadbir British R. O. Winstedt sebagai "cerita pengembara". R.O. Winstedt, "Notes On The History Of Kedah", di dalam *JMBRAS*, Vol. XIV, Pt. III, 1936, m.s. 176. Selepas ini disebut "Notes On The History Of Kedah". Begitu juga tidak benar dakwaan Pinto bahawa Raja

sekaligus memaparkan kewujudan aktiviti perdagangan dan penerimaan pedagang asing sebagai agenda rasmi harian.

Catatan Pinto juga membuktikan Kuala Perlis sebagai salah sebuah kota paling awal, kalaupun bukan terawal yang telah dibina di sini. Sekiranya peristiwa-peristiwa yang lebih lewat dapat digunakan sebagai petanda, maka tidak hairan jika Raja berkenaan ialah Sultan Mahmud Shah II (mem. 1506-1547) yang bersemayam di Kota Siputih tetapi telah melarikan diri ke Kuala Perlis lalu menjadikan kota ini sebagai ibu kota Kedah yang baru walaupun buat sementara.[6] Walau bagaimanapun ini cuma andaian kerana tiada bukti kukuh yang meletakkan Sultan di lembah Sungai Perlis dalam tempoh masa tersebut. Sebaliknya ada dijumpai bukti yang menyakinkan bahawa Raja yang dimaksudkan itu ialah seorang pembesar. Bukti ini juga datang daripada Pinto tetapi kali ini ia bukan lagi saksimata.[7] Menurutnya, seorang bergelar "the king of Perlis" telah pada tahun 1547 menandatangani sebuah perjanjian untuk menjadi naungan kepada Maharaja Portugis dengan syarat bayaran "an annual tribute of two catties of gold, which equals five hundred *cruzados*".[8] Ini berikutan kemenangan Laksamana Dom Francisco de Eca dan tentera lautnya ke atas

---

yang sama ingin membunuhnya kerana ia mengetahui rahsia tersebut. Lihat Cogan, *op. cit.*, m.s. 22-24.

6 Rujuk perbincangan lanjut bab. Untuk tempoh pemerintahan Sultan Muzaffar Shah rujuk Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, *Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman*, (Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman, 1992), m.s. 4. Penulis tersebut secara menarik membahagikan sejarah Kedah kepada pusat-pusat pemerintahan ataupun ibu-ibu kota misalnya Kota Siputih. Rujuk juga "Salasilah Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman, Sejak 1136", di dalamnya, *ibid.*, m.s. 26.

7 Bahagian ini tidak didapati di dalam terjemahan Cogan tetapi dijumpai di dalam Rebecca D. Catz (ed.) (penterjemah), *The Travels Of Mendes Pinto: Fernao Mendes Pinto*, (Chicago: The University of Chicago Press, 1989). Lihat nota 8-13 di bawah.

8 Catz, *ibid.*, m.s. 465.

angkatan Aceh yang telah menawan Kuala Perlis selama satu setengah bulan sebelum itu.[9]

Berpandukan kedudukan Perlis yang belum terpisah daripada Kedah, dapat dirumuskan bahawa Raja Perlis yang dimaksudkan itu ialah pembesar yang "menjaga" kota Kuala Perlis dan yang berpangkat Raja, kalaupun bukan Raja Muda.[10] Pada tahap ini kawasan pemerintahannya menjangkau sepanjang "twelve leagues" dari Kuala Perlis iaitu bersamaan separuh jarak jauhnya dari Trang ke Kuala Perlis.[11] Penduduk di bawah kawalannya berjumlah 2,000 orang tidak termasuk 500 orang pengikut lagi.[12] Di samping itu kekayaannya pun tidak terjejas walaupun setelah kehilangan sebahagian di tangan Aceh yang termasuk:

> "... to say nothing of the spoils in pepper and spices and other kinds of merchandise, a large part of which had already been sent to the king of Achin; ....".[13]

Episod di atas cukup menarik sebagai bukti awal percubaan seorang pembesar kota Kedah untuk memisahkan diri daripada pusat pemerintahan. Sungguhpun tidak dapat dipastikan samada pembesar ini sama orangnya dengan pembesar yang ditemui oleh Pinto kira-kira lapan tahun sebelum itu, namun tidak dapat dinafikan dengan sumber ekonomi yang berada di tangannya ia mampu berlagak seperti raja dan

---

9 Ibid., m.s. 461-464. Angkatan de Eca datangnya dari pelabuhan Melaka.

10 Di kalangan adik-beradik Sultan Kedah, "Raja" merupakan pangkat darjat keempat tetapi perkataan "Raja" turut dijumpai di dalam pangkat darjat-darjat pertama hingga ketiga misalnya darjat kedua "Maha Raja Adinda". "Gelaran Kebesaran Digunakan Di Negeri Kedah", Lampiran 3 di dalam Mohamunad Isa *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), m.s. 158.

11 Catz, op. cit., m.s. 461. Mengikut Topping, jarak di antara Trang dan Perlis ialah "24 leagues". Topping, op. cit.

12 Op. cit., m.s. 465.

13 Op. cit., m.s. 462.

seterusnya cuba mencabar kuasa Sultan untuk menjadi raja. Kekayaannya jelas terdiri daripada keuntungan perdagangan dan hasil pencukaian ke atas barangan yang dibawa melalui sungai serta pendapatan cukai ke atas penduduk. Pada masa yang sama peristiwa berkenaan menyumbangkan bukti paling awal percubaan rampasan kuasa daripada seorang pembesar Kedah.[14] Keunikannya terletak pada motif pembesar ini yang, tidak seperti pembesar-pembesar Kedah yang lain yang cuba merampas takhta, cuba merampas sebahagian tanah kerajaan.[15] Yang menjadi persoalan di sini ialah sejauh manakah ia dapat mempertahankan kawalan ke atas kawasan pemerintahannya daripada dicabar oleh pembesar-pembesar kota lain mahupun oleh Sultan sendiri.

Tidak dapat diketahui keadaan sebenar keseluruhan kawasan ini sejak masa itu hingga awal abad ke-17 tetapi yang pasti ialah lembah Sungai Perlis tidak lagi menyaksikan kehadiran seorang pembesar yang sebegitu berkuasa, sehinggalah kemunculan Tunku Dhiauddin ibni Sultan Muhammad Jiwa dalam abad ke-18.[16] Selain itu terdapat dua peristiwa yang berguna disentuh. Pertama, sungguhpun kegemilangan perdagangan *entrepot* Kedah telah melepasi kemuncaknya selepas abad ke-11, namun aktiviti ini masih mendapat tempat. Malangnya selain daripada kemakmuran ia turut membawa kekacauan dalam bentuk serangan, pengepungan, dan pembinasaan kepada Kuala

---

[14] Percubaan 1547 ini jauh lebih awal daripada pemberontakan tahun 1681 yang diterima umum sebagai tarikh percubaan rampasan takhta terawal di Kedah. Pada tahun tersebut adik Sultan Za'u'd-din Mukarram Shah bergelar Dato' Padang Seri Jana telah cuba menggulingkan abangnya tetapi gagal lalu melarikan diri ke Dindings, Melaka. R. Bonney, *Kedah 1771-1821. The Search for Security and Independence*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, Second impression, 1974), m.s. 21

[15] Apa yang gagal dilakukan oleh pembesar tersebut pada 1547 berjaya dilakukan oleh Syed Hussein pada tahun 1841. Rujuk perbincangan seterusnya.

[16] Sultan Muhammad Jiwa (mem. 1710-1778) "Salasilah Duli-Duli", di dalam Wan Shamsudin, *op. cit*

Perlis dan Kuala Kedah. Misalnya pada tahun 1611 kedua-dua kota pelabuhan ini diserang oleh seorang Portugis, Diogo de Medoca Furtado yang,

> "according to De Faria, ... destroyed the towns of "*Quedah* and *Parles* with fire and sword."".[17]

Kedua, pada tahun 1619 sebuah angkatan Aceh setelah menyerang ibu kota Kedah iaitu Kota Siputih menculik Sultan Sulaiman Shah (mem. 1602-1619) serta beberapa orang anggota keluarganya ke kerajaan Aceh.[18] Peristiwa itu telah melahirkan cerita-cerita lisan yang tidak perlu diulangi di sini kecuali satu yang mengandungi maklumat mengenai sempadan utara kawasan Perlis. Dipetik tulisan Buyong Adil yang menyebut kota Padang Jangam sebagai kota sempadan utara Perlis:

> "Iskandar Mahkota Alam telah datang ke Siputih lalu berjumpa Sultan Sulaiman dan mereka telah berbaik-baik. Raja Aceh itu

---

[17] Winstedt, "History Of Kedah", di dalam *JMBRAS*, No. 81, 1920, m.s. 31. Harus ditekankan bahawa sebutan Perlis yang terpisah dengan Kedah pada tahap ini hanya ditujukan kepada kedua-dua kota tersebut. Winstedt mendapati pengaruh Siam ke atas Kedah pada masa itu tidak begitu kuat memandangkan kuasa asing itu tidak dapat melindungi Kedah daripada serangan 1611 itu. "History Of Kedah", op. cit. Peranan Siam ini berbeza sekali dalam artikel Winstedt yang lebih lewat pada 1936. Ia menulis bahawa "A Portuguese fleet had just helped Tenasserim to defeat a fleet of the king of Ava, a service that so delighted Tennaserim's then overlord, the king of Siam, that he offered Furtado a title and allowance. Perhaps it was because Kedah adopting tactics she often to adopt later and intriguing with Burma against Siam, that Furtado sacked her ports". "Notes On The History Of Kedah", op. cit., m.s. 156.

[18] Seorang pangluna Perancis Komodor Beaulieu semasa melawat Aceh pada tahun 1621 mendapat tahu daripada bekas Sultan Sulaiman bahawa serangan 1619 itu telah membinasakan Kedah dengan teruk sehinggakan penduduknya terpaksa makan daun sahaja. Lampiran "No 3" di dalam Burney kepada Swinton, 2 Disember 1826, *Burney Papers*, Bangkok 1914, Vol. III. Pt. 4-6 (November 1824 to June 1827), m.s. 128. Selepas ini disebut sebagai *BP*.

> telah ditempatkan bersemayam pada sebuah istana yang telah disediakan untuk baginda, dan sangatlah suka hati Raja Aceh menerima sambutan yang baik dari pihak Sultan Kedah itu. Selama di negeri Kedah itu selalulah Iskandar Muda Mahkota Alam bersuka-suka ke Padang Jangam di bahagian utara negeri Kedah (Padang Jangam itu ialah Padang Besar di sempadan negeri Perlis sekarang)".[19]

Sebelum itu, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* pun ada menyebut tentang Padang Jangam yang dipilih sebagai medan pertempuran di bahagian utara Kedah disebabkan "di situ padangnya luas".[20] Sempadan selatan Perlis pada tahap ini pula tidak dapat dipastikan.

Dalam pada itu harus ditekankan bahawa kepayaan Sultan berpindah ke Perlis membuktikan penguasaannya ke atas kawasan ini adalah benar. Pada masa yang sama ini juga menunjukkan bahawa nilai lembah sungai ini kepadanya adalah tak terhingga. Dari satu segi ia merupakan pilihan pertama sebagai tempat pelarian dan tempat bergantung semasa Sultan menghadapi masalah di ibu negeri lama. Muaranya yang sempit lagi dalam menyediakan perlindungan semulajadi daripada serangan musuh. Dari segi lain, seperti yang akan ditunjukkan di bawah, lembah Sungai Perlis menghulurkan punca pendapatan kedua besar kepada pemerintah Kedah. Tidak dapat dinafikan pada pertengahan abad ke-17 kedua-dua faktor di atas bersama-sama bertanggungjawab menempatkan ibu kota di sini sekali lagi.[21]

Tetapi sekiranya merujuk kepada pola pembangunan ekonomi Kedah yang telah bertukar haluan daripada perdagangan *entrepot*

---

[19] Haji Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), m.s. 19. Selepas ini disebut *Sejarah Kedah*

[20] Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968), m.s. 19. Selepas ini disebut *Al-Tarikh*

[21] Winstedt menunjukkan bahawa pengepungan yang berlanjutan sekurang-kurangnya semasa pemerintahan Sultan Dhiauddin tidakpun menjejaskan perdagangan "Notes On The History Of Kedah", *op. cit.*, m.s. 166-175

kepada penanaman padi sawah secara besar-besaran sejak abad ke 11, adalah jelas bahawa potensi ekonomi Perlis memainkan peranan yang lebih penting. Tanahnya yang luas dan sesuai untuk diterokai sebagai bendang dicampur dengan Sungai Perlis sebagai sumber pengairan menjadikannya pilihan utama pemerintah Kedah. Skala penanaman padi pada tahap ini cukup besar untuk menukarkan haluan perjalanan ekonomi dan politiknya. Pertama, ia memerlukan pembukaan dan penggunaan bidang-bidang tanah dalam saiz yang besar. Kedua, Sultan tidak lagi memandang penting bertumpu pada muara sungai tetapi sudah bersedia untuk menuju ke kawasan pedalaman. Dua tahun selepas menaiki takhta Sultan Muhyiddin Mansur Shah (mem. 1652-1661) berpindah ke Perlis demi membangunkan Perlis sebagai pengeluar beras kedua besar kerajaan.[22] Selain daripada bertujuan menjauhkan diri daripada pengepungan pelabuhan Kuala Kedah oleh Belanda sejak Mei 1659 penggantinya, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I (mem. 1661-1688) pun bertumpu di lembah sungai yang sama. Justeru tahun 1654 menyaksikan kemunculan kota baru Sena sebagai tempat bersemayam Sultan Muhyiddin Mansur Shah dan tepat satu dekad berikut yakni 1664 memperlihatkan terdirinya kota baru Kayang sebagai tempat bersemayam Sultan Dhiauddin Mukarram Shah.[23]

Tetapi Sultan-sultan selepasnya tidak menetap di Perlis. Mereka bertumpu pada lembah Sungai Kedah dan dari sana meraut keuntungan jualan beras Perlis.[24] Ini sekali lagi membuktikan bahawa pembukaan sawah padi yang telah membawakan kedua-dua Sultan

---

[22] Baginda kemudiannya mangkat di Sena dan dikenali sebagai "marhum Sena", Siti Hawa Salleh (penyelenggara), *Hikayat Merong Mahawangsa*, (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970), m.s. 127. Selepas ini disebut *Hikayat Merong Mahawangsa*

[23] *Al-Tarikh*, op. cit., m.s. 75-77.

[24] Ini bermakna kedudukan Kedah sebagai jelapang padi Semenanjung sebenarnya sebahagian bergantung pada Perlis.

yang awal itu ke sini. Pembesar-pembesar dilantik untuk "menjaga" kota Sena dan Kayang yang berjumlah sekurang-kurangnya tiga orang pada satu masa yang masing-masing bertanggungjawab ke atas sebahagian daripada lembah Sungai Perlis di samping berkongsi dan bersaingan kuasa.[25] Ini merupakan langkah bijak Sultan menghalang seseorang pembesar daripada menjadi terlalu berkuasa. Dan ini turut menghalang peluang penubuhan kerajaan Perlis.

Pada masa yang sama lembah Sungai Perlis tidak juga terletak di luar cengkaman pusat pemerintahan baru terlalu lama. Sultan Dhiauddin telah pada pada tahun 1664 menggali sebuah terusan untuk menghubungkan Sungai Perlis ke Sungai Kedah di Kampong Che Madi, Anak Bukit.[26] Dalam perkataan lain, kerja ini telah memendekkan jarak ibu kota baru dengan Perlis. Justeru nilai terusan ini yang disiapkan pada bulan Julai 1665 bukan sekadar seperti menurut Sharom Ahmat:

> "This canal which ran parallel to the coast constituted the main drainage system for the rice lands north of the Kedah river".[27]

Jelas bukan seperti yang didakwa oleh Zaharah Mahmud, Sungai Perlis bukan anak Sungai Kedah. Sarjana tersebut, dalam kajiannya mengenai geografi sejarah Kedah sebelum 1939, membuat pemer-

---

[25] Menetik *Al-Tarikh*, sebelum Sultan Dhiauddin berpindah ke Kota Indera Kayangan, baginda melantik "Dato' Biram Pahlawan bersama2 Panglima Jugar Alam menjaganya (kota Sena) *Al-Tarikh*, op. cit., m.s. 77-78. Penggantu Sultan Dhiauddin iaitu Sultan Ata'allah Muhammad Shah pula melantik Datuk Andika Raja "menjaga" kota Kayang sebelum berpindah ke ibu kota baru Kota Bukit Pinang. *Sejarah Kedah*, op. cit., m.s. 26.

[26] Zaharah binti Haji Mahmud, "Change In A Malay Sultanate: A Historical Geography Of Kedah Before 1939", M.A. Thesis (tidak diterbitkan), (University Malaya 1966), m.s. 56.

[27] Sharom Ahmat, "The Structure Of The Economy Of Kedah, 1879-1905", di dalam *JMBRAS*, Vol. 43, Pt.2, No. 281, 1970, m.s. 4.

hatian bahawa pola petempatan zaman tradisional kerajaan ini bertukar daripada tumpuan pada bahagian selatan yakni pada lembah-lembah Sungai Muda dan Merbok, kepada tumpuan ke atas bahagian utara iaitu "pada lembah-lembah Sungai Kedah dan anak-anak sungainya" sejak awal abad ke-18.[28]

Pada tahap ini perlu dijelaskan perbezaan makna di antara Perlis dan Kayang kerana setakat ini para sarjana jelas tidak memahami maksudnya yang sebenar lalu menggunakannya secara bertukar-ganti.[29] Perlis sebenarnya merujuk kepada lembah Sungai Perlis yang di dalamnya termasuk kota-kota seperti Kayang. Sementara itu Kayang ialah sebuah kota dan ia juga dikenali sebagai "Kota Indera Kayangan" yang berkemungkinan menandakan kedudukannya yang jauh dari ibu kota lama. Di sini berlangsungnya istiadat perkahwinan puteri Sultan Dhiauddin, Tunku Safura Negara dengan seorang anak Raja Bugis bernama Raja Juang Tawa.[30] Ini dapat dibuktikan oleh makam Raja Juang Tawa yang terletak di dalam Kota Indera Kayangan.[31] Selain itu ada dua buah lagi makam. Satu ialah makam Sultan Dhiauddin yang setelah mangkat digelar Marhum Mangkat Kayangan.[32] Makam yang ketiga ialah kepunyaan seorang "anak Raja

---

28 Zaharah Mahmud, op. cit., m.s. 23-24.

29 Teruama sekali digunakan gelaran Raja Muda Kayang pada diri Tunku Dhiauddin walhal sepatutnya gelaran Raja Muda Perlis. Lihat *Al-Tarikh*, op. cit., m.s. 126. Kobkua Suwannathat-Pian turut mengatakan Tunku Dhiauddin memerintah "Kayang".

30 *Sejarah Kedah*, op. cit., m.s. 28.

31 Rejab F.I., "Kota Indra Kayangan, Perlis, Makam Raja2 Di-dalam-nya Dan Sedikit Cherita Hal Kejadian Dalam Masa Pemerentahan Al' Marhom Sultan Thauddin Al' Mukarram Shah Ibni Almarhom Sultan Muhyiddin Mansur Shah", simpanan Perpustakaan Awam Perlis, Kangar yang dipetik daripada *Mastika*, keluaran 23 Oktober 1963, m.s. 5.

32 Rejab F. I., ibid., m.s. 9. Sultan ini digelar "marhum Kayangan" manakala Tunku Dhiauddin digelar "marhum muda Kayangan". *Hikayat Merong Mahawangsa*, op. cit., m.s. 127. Sultan ini dianggap oleh Thomas Bowrey sebagai "the Good

Kedah".[33] Mengenai Kayang Anderson menulis pada 1824 bahawa

> "The former King of Quedah resided many years ago at Kiangan, about 10 miles up the River".[34]

Ini jelas menunjukkan bahawa tidak sepertimana hikayat-hikayat Melayu Kedah yang menganggap kawasan di luar ibu kota ialah sebagai jajahan, ia sebenarnya terdiri daripada kota-kota di bawah pembesar masing-masing. Sehingga 1770 sedangkan lembah Sungai Perlis dapat dilihat sebagai sempadan di antara Perlis dengan Kuala Kedah, ia bukan sama sekali sempadan yang memisahkan kawasan perintahan seorang pembesar kota dengan seorang pembesar kota lain. Dalam perkataan lain, sehingga 1770 Perlis tidak wujud sebagai sebuah daerah dan kuasa Sultan terhadap kawasan ini adalah benar dan secara langsung. Tetapi kehadiran beberapa pembesar kota di atas lembah sungai yang sama sekaligus seakan-akan memperlihatkan cabang-cabang hubungan di kalangan pembesar-pembesar daerah mengikut tafsiran Gullick, yang akan dibincangkan dengan lanjut seterusnya. Inilah asas pembentukan daerah Perlis yang berautonomi.

Tempoh Peralihan, 1770-1778

Sebaik sahaja mencecah umur kematangannya pada usia 16 tahun, seorang anak raja Kedah telah dihantar oleh ayahnya meninggalkan istana ke sebuah daerah baru yang dibentuk khas untuknya iaitu Perlis. Ini bukan akibat daripada kesalahannya. Kalau dikira juga,

---

Old Kinge"... "the most courteous Kinge that all the Kingdoms of Asia Enjoyeth, besides he is well contented with what God hath been pleased to give him, not a whit covetous" Lihat David Bassett, "Anglo-Kedah Relations 1688-1765", di dalam *JMBRAS*, Vol.62, Pt.2, 1989, m.s. 1

Manakala Tunku Dhiauddin ialah putera bongsu Sultan Muhammad Jiwa. Rujuk perbincangan lanjut bab.

[33] Rejah F. I., ibid., m.s. 5

[34] Anderson, op. cit., m.s. 144.

kesalahannya hanyalah ia lahir beberapa tahun terlalu lewat, bukan anak kesayangan bapanya, dan bukan beribukan isteri gahara Sultan.[35] Di sini ia belajar berdikari dan menghabiskan seluruh masa dewasanya memendamkan semangat pada suatu hari kembali untuk merampas haknya. Dia ialah tak lain dan tak bukan Tunku Dhiauddin, putera bongsu Sultan Muhammad Jiwa, pembesar daerah Perlis yang pertama. Paling penting dialah yang telah memberikan nafas baru kepada sejarah penubuhan kerajaan Perlis di samping mengukirkan suatu keperibadian bagi Perlis.

Tidak dapat dinafikan pada tahun 1770 buat pertama kali Perlis diukir dan diberi suatu sempadan tetap sebagai sebuah daerah dan bersamanya ini tampil seorang pembesar daerah. Namun halangan terhadap peluang pembentukan kerajaan Perlis belum dapat ditumpaskan disebabkan kawasan ini masih terletak di bawah kawalan langsung Sultan Muhammad Jiwa sehinggalah kemangkatannya pada 1778. Oleh itu lapan tahun pertama perjawatan Tunku Dhiauddin hanya merupakan suatu tempoh peralihan, sepertimana yang akan ditunjukkan di dalam halaman-halaman seterusnya.

Pada tahun 1770 Sultan Muhammad Jiwa telah mengambil langkah drastik membahagikan kerajaannya kepada dua. Ia melantik putera sulung Tunku Abdullah sebagai Yang Di-Pertuan Muda dan memberikannya 'lauk utama' yakni kuasa memerintah ke atas pusat pentadbiran yang merangkumi, seperti menurut Bonney, "the whole of Kedah south of and including the Sungai Kedah basin".[36] Tunku Dhiauddin diberikan 'lauk sampingan' sahaja iaitu tiga buah daerah Perlis, Kubang Pasu, dan Setul yang membentuk bahagian selainnya. Tetapi ini diperintah oleh Sultan sendiri buat sementara waktu.[37]

---

[35] Abang saudaranya Tunku Abdullah juga ialah anak gundik.

[36] Bonney, op. cit., m.s. 29

[37] Op. cit. Berbalik kepada pembentukan daerah Perlis, *Al-Tarikh* menyatakan bahawa pada tahun 1770 Dhiauddin menjadi pemerintah dua buah daerah yakni "memerentah Kayang hingga sampai ka-Setol" dan bertempat di Kayang. *Al-*

Sultan Muhammad Jiwa yang sendiri terselamat daripada satu siri kancah peperangan rebutan takhta tidak lama sebelum itu, ternyata bukan sahaja bertujuan melindungi putera-puteranya daripada serangan saudara-mara yang ingin merampas takhta tetapi juga untuk memastikan agar rebutan takhta tidak berlaku di antara mereka berdua.

Sehingga tahun 1760 baginda menghadapi percubaan-percubaan rampasan takhta daripada adik saudaranya yang bergelar Raja Nambang yang telah memperolehi bantuan askar upahan Bugis dari Selangor. Untuk menandingi kekuatan askar-askar asing itu, Sultan telah mengupah Raja Kecil dan angkatannya dari Siak.[38] Leonard Andaya dalam kajiannya mengenai sejarah Johor telah memasukkan pelbagai sudut pandangan yang bertentangan mengenai episod itu dan oleh itu tidak perlu diulangi di sini.[39] Yang penting ialah keadaan pulih semula selepas ancaman Raja Nambang yang terakhir berjaya ditumpaskan, yakni pada tahun 1760, dan Sultan Muhammad Jiwa semestinya telah mempelajari daripada pengalaman lepas lalu berusaha mencapai kestabilan politik dalaman dengan menggariskan sempadan yang tetap terhadap kawasan kawalan puteranya masing-masing. Dari kacamatanya, kerajaan akan selamat daripada ancaman pesaing-pesaing takhta. Maka tidak dapat dinafikan daerah Perlis, bersama-sama Setul dan Kubang Pasu, semata-mata berfungsi sebagai ubat penenang kepada Tunku Dhiauddin agar tidak bangkit menentang abang saudaranya yang akan menjadi Sultan nanti.

Tarikh, op. cit., m.s. 126. Inilah yang memberikannya gelaran Raja Muda Kayang dan Setul padahal ia sebenarnya Raja Muda Kedah. Tetapi 'lauk sampingan ini' terpaksa pula dikongsi dengan ayahnya sehingga 1778.

[38] Lihat Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), m.s. 17-18.

[39] Lihat Leonard Y. Andaya, *The Kingdom Of Johor 1641-1728*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975), m.s. 301-305.

Sementara itu ada bukti yang menunjukkan percubaan rampasan takhta 1760 itu telah memaksa Sultan melarikan diri ke Perlis dan beribu kota di situ. Sejarawan David Bassett dalam perbincangannya mengenai tuduhan perlanunan yang dilemparkan oleh Kapten John Mackmath terhadap Sultan Muhammad Jiwa mendapati Sultan berada di Kuala Perlis pada tahun 1760. Di sana baginda berusaha membantah tuduhan tersebut

> "publicly "... at a Grand Council at Purles [Perlis] July 15 1760 in presence of Rajah Bandara, next in place to the King & [of] Syed Mahomet Jarr the King's Brother in law, all the other Princes in the Kingdom present"".[40]

Awal tahun 1771 Sultan berada di dalam Perlis sekali lagi tetapi kini di Kangar. Baginda terpaksa melarikan diri akibat satu pemberontakan yang dicetuskan oleh segolongan pembesar yang mencabar keputusan pembahagian kerajaan yang dibuat kurang daripada satu tahun yang lalu. Malahan berhadapan dengan tentera upahan Bugis dari Perak dan Selangor yang telah menawan kubu Kuala Kedah dan ibu kota Alor Star dalam bulan Mac 1771, Sultan Muhammad Jiwa, berdasarkan catatan Francis Light,

> "was so struck with terror and rage to find himself betrayed, he fainted and was carried away to Perlis; his Friends pressed him for leave to fight, but he remained stupefied, without being able to speak for several days".[41]

---

[40] Lihat Bassett, "Anglo-Kedah Relations", op. cit., m.s. 12. Mackmath menuduh Sultan mengarahkan pengikut-pengikutnya untuk merompak kapal layar *Northumberland* pada 19 April 1756. Bassett, op. cit., m.s. 5.

[41] Lihat Borney, op. cit., m.s. 31. Francis Light memberikan sebab rampasan kuasa 1770 sebagai: "The old King had no issue by his lawful Wife, and Sultan Abdullah was a natural Son, his mother being a Slave Girl. The old King had two Brothers, and several Nephews, who thought themselves injured by the election of this Bastard to the succession". Lihat Anderson, op. cit., m.s. 153.

Maka sekali lagi lembah Sungai Perlis menempatkan ibu kota Kedah. Sultan telah memindahkan seluruh pusat pemerintahannya ke daerah Perlis dan menjadikan bandar Kangar sebagai ibu kota Kedah yang baru. Tetapi ini tidak lama kerana jika berpandukan pada *Al-Tarikh*, Sultan sepatutnya mangkat di Alor Star lalu menjadikannya "Al-marhum Kota Setar Yang Pertama".[42] Walau apapun jua, adalah pasti baginda tidak melepaskan kawalannya ke atas Perlis sehingga 1778.

Berbalik kepada semasa Sultan beribukotakan Kangar, selepas kesihatannya pulih baginda menulis surat meminta bantuan British untuk merampas balik harta yang telah dibawa keluar oleh Bugis dan untuk menghukum pemberontak-pemberontak yang telah melarikan diri. Sebagai membalas suratnya, Francis Light tiba di Kangar pada tahun 1771. Lebih kurang pada masa yang sama Edward Monckton, seorang pegawai Syarikat Hindia Timur Inggeris (selepas ini disebut sebagai SHTI) dan wakil Gabenor Madras pula hadir sendiri pada 1772 tanpa diundang.[43] Hasil daripada dua rundingan yang dijalankan masing-masing, Sultan memilih untuk mengikat perjanjian dengan Monckton pada 19 April 1772.[44]

---

[42] *Al-Tarikh*, op. cit., m.s. 128. Tetapi John Anderson semasa mengesahkan sejarah Kedah, memberitahu bahawa Sultan Muhammad Jiwa mangkat di Kayang dan dikenali sebagai "Marhum Kiangan, or the Saint of Kiangan, his residence during the last few years of his life being at a place of that name up the River Perlis". Anderson, op. cit., m.s. 152

[43] Bonney, op. cit., m.s. 32-48. Di samping itu adalah menarik juga bahawa Edward Monckton, pegawai SHTI dan wakil Gabenor Madras, yang hadir di sini pada 1772, merujuk kepada Tunku Dhiauddin, yang dipanggilnya "his (the Sultan's) younger son", sebagai Bendahara Kedah. Lihat Dianne Lewis, "Kedah: The Development Of A Malay State In The 18th And 19th Centuries", di dalam Anthony Reid (ed.), *Pre-Colonial State System in Southeast Asia*, MBRAS Monograph No.6, m.s. 37. Walau apapun jua, ternyata Dhiauddin belum mengecapi autonomi penuh di Perlis.

[44] Bonney, op. cit., m.s. 48. Menurut Winstedt, Monckton bersetuju membekalkan Sultan dengan senjata api kerana " ... the King of Quedah and all the Malay kings

Perjanjian ini mendapat tempat di dalam perbincangan bab kerana dua sebab. Pertama, ia di antara bukti terawal seorang Sultan Kedah rela berpisah dengan sebahagian daripada kewibawaannya walaupun untuk sementara waktu demi menyelesaikan rebutan kuasa dan rebutan takhta dalaman. Kedua dan lebih penting, ia mengandungi peruntukan yang membuktikan Tunku Dhiauddin masih belum mempunyai kuasa penuh ke atas daerah Perlis. Ini kerana bermula pada 22 April 1772, setengah-setengah hak mencukai ke atas pelabuhan Kuala Perlis telah diserahkan oleh Sultan kepada Monckton seperti berikut:

> "... by this Contract the Company shall keep Fighting Vessels, to Guard the King's Coast, and for the expense of such Vessels, the Company's Agent shall put Dutys as He shall think proper on all Foreign Prows, Sloops, Ketches, Ships, Sinnat, and Junks that shall enter Qualla Bahang (Kuala Kedah) and upon all Vessels that enter the Qualla Purlis, he shall receive half such Dutys as shall be levied at Qualla Bahang for the Expense of defending the Kings Coast....".[45]

Adalah menarik bahawa bukan Sultan yang menawarkan hak ini tetapi Monckton yang meminta. Asas permintaan Monckton terhadap Kuala Perlis terbuka kepada dua kemungkinan: pertama, semata-mata disebabkan Sultan bersemayam di lembah Sungai Perlis yang turut

---

have got guns enough to drive all the Europeans out of India if they know how to make use of them. There is nothing to be dreaded from giving them more, as they have already got so many, I therefore, would humbly beg to recommend that the Company supply the King with as many guns as he may want. He will always give 100 per cent, and if we do not supply him, the Danes will always find favour here". Lihat "Notes On The History Of Kedah", op. cit., m.s. 179. Winstedt sendiri menulis bahawa: "At Perlis Monckton saw at least 300 guns lying about in the mud". "Notes On The History Of Kedah", op. cit.

[45] Op. cit. Dan lihat "Copy Of Sultan Muhammed Jiwa's Grant To The East India Company, Dated 19th April 1772", di dalam Bonney, op. cit., Lampiran 1(a), m.s. 169.

menempatkan pelabuhan ini, dan kedua, Monckton sendiri tertarik kepada keupayaan ekonomi pelabuhan berkenaan. Tidak keterlaluan jika mengandaikan kedua-dua kemungkinan adalah sahih.

Jelaslah orang yang menerima tamparan paling hebat buat masa ini ialah pembesar daerah Perlis. Dengan kehilangan sebahagian sumber pendapatannya, ditambah pula dengan ayahnya sebagai jiran dan oleh itu dapat mengawasi tingkahlakunya, sebarang harapan untuk merajakan diri di Perlis, sekiranya ada, perlu ditunda. Sungguhpun begitu penyelesaian di atas tidak berlangsung terlalu lama. Ketidakmampuan Monckton dalam memenuhi keperluan ofensif Sultan untuk menyerangbalas para pemberontak dan angkatan upahan Bugis 1771 itu telah menyebabkan Sultan membatalkan perjanjian tersebut pada Julai 1772, hanya tiga bulan setelah dimeterai.[46] Dari sudut pandangan Perlis, ini bermakna hak-hak mencukai di pelabuhan Kuala Perlis berada di tangan pembesar daerah semula.

Pada tahun 1778 ayahnya mangkat lalu meninggalkan kepadanya kuasa memerintah ke atas daerah Perlis, dan daerah-daerah Setul dan Kubang Pasu. Kuasa ini berjaya dipertahankan sehingga Sultan yang baru tidak dapat menyentuh Perlis. Malah selepas tempoh pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa dan sehingga kematian Tunku Dhiauddin sendiri pada 1815, tiada lagi seorang Sultan mahupun pembesar yang mampu menyentuhnya. Ini bermakna dua halangan besar terhadap peluang pengasasan kerajaan Perlis ditumpaskan.

Bahagian-bahagian seterusnya di samping menganalisa faktor-faktor yang membawa kepada pengasasan kerajaan ini, pada masa yang sama mengkaji semula sistem politik Melayu sebelum penjajahan. Perhatian ditumpukan semula pada isu pensejarahan *kera-*

---

[46] Bonney, op. cit., m.s. 49. Menurut Winstedt, sebaik sahaja mengetahui Monckton tidak dapat membantunya menyerang Bugis itu, Sultan Muhammad Jiwa memanggilnya "stuttering boy" dan tidak lagi mahu berhubungan dengannya. "Notes On The History Of Kedah", op. cit., m.s. 180

jaan. Tafsiran Gullick mengenai sistem politik Melayu diterima umum di kalangan para sejarawan sebagai gambaran sebenar kerajaan-kerajaan Melayu pra-penjajahan. Baginya raja merupakan prasyarat asas di dalam sebuah kerajaan, tetapi ia bukan institusi terpenting. Sebaliknya pembesar daerahlah yang merupakan institusi paling berkuasa dan paling penting yang membentuk tulang belakang kerajaan. Mereka bukan sahaja berkuasa penuh di dalam daerah masing-masing malahan jauh mengatasi kuasa raja di ibu kota. Namun perseimbangan kuasa yang wujud di kalangan mereka telah mengekalkan raja di atas takhta demi keutuhan kerajaan. Justeru ia tidak mendapati ada seorangpun pembesar yang bangkit merajakan diri.[47]

Tetapi kemunculan kerajaan Perlis pada tahun 1841 serta-merta membatalkan pandangan di atas. Walaupun begitu agar berlaku adil diakui bahawa interpretasinya terhad kepada pantai barat Semenanjung sedangkan Perlis terletak di bahagian utara. Yang aneh ialah sungguhpun sarjana berkenaan turut menjalankan penyelidikan mengenai Kedah dalam tempoh tersebut, ia gagal melihat bahawa Syed Hussein Jamalullail, seorang pembesar memang telah mengangkat diri sebagai raja di daerah Perlis.[48]

Dalam mencari penjelasan, didapati dua hujah menarik dan bertepatan yang masing-masing menyumbangkan maklumat mengenai pembentukan kerajaan-kerajaan Melayu baru. Terlebih dahulu dilihat hujah Milner yang secara terang-terang mencabar tafsiran Gullick. Dengan menggunakan kes–kes di Pahang dan Deli, ia membuktikan bahawa rakyat yang memerlukan raja dan rakyat juga yang mencari raja. Pada masa yang sama raja sendiri memiliki nilai-nilai murni yang menyebabkan rakyat tertarik kepadanya. Inilah faktor yang paling penting yang membawa kepada pembukaan kerajaan-kerajaan

[47] Lihat J. M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, (University of London: The Athlone Press, Reprinted, 1969), m.s. 133.

[48] Lihat ibid., m.s. 1.

Melayu baru sepanjang abad ke-15 sehingga abad ke-19. Justeru ia merumuskan bahawa institusi raja ialah satu-satunya institusi yang membentuk kerajaan.[49] Sehubungan dengan itu didapati juga berguna merujuk kepada teori feudalisme Melayu yang diketengahkan oleh sejarawan tempatan Cheah Boon Kheng. Menurutnya, pembentukan kerajaan-kerajaan baru yang sebegitu lumrah dari awal abad ke-16 sehingga abad ke-19 dihasilkan oleh perpecahan dan rebutan kuasa di antara pembesar masing-masing dengan pusat pemerintahan. Difikirkan perlu menyelitkan penjelasannya yang terperinci dalam petikan yang panjang di bawah:

> "... perpecahan Negeri-negeri Melayu Semenanjung sudah wujud secara tersendiri kerana corak feudal sistem politik dan sosialnya. Jika kita menumpukan perhatian kepada perkembangan setiap kerajaan Melayu dari kesultanan Melaka sehingga abad ke-19, kebenaran pernyataan ini adalah ketara. Misalnya, apabila kerajaan Melayu yang besar dan kuat runtuh pada tahun 1511 ia diganti oleh Kerajaan Johor."
>
> "... tetapi proses perpecahan terus berlaku. Pembesar di jajahan takluk Melaka telah membebaskan diri masing-masing – di Siak, Jambi, Patani, Kelantan, dan Pahang. Pada awal abad ke-18 apabila kerajaan Johor-Riau dikuasai oleh orang Bugis dari Sulawesi, perebutan kuasa terus wujud. Pembesar Melayu yang diketepikan oleh orang Bugis berundur ke negeri-negeri lain, Temenggung ke Singapura dan Bendahara ke Pahang. Kemudiannya, ketua daripada keturunan kedua-dua pembesar ini menggelarkan diri mereka sebagai Sultan di Johor dan di Pahang. Di negeri Kedah juga wujud perebutan kuasa antara pembesar Melayu yang ingin merebut daerah tertentu. Maka ini membawa penaklukan Siam pada tahun 1821 dan negeri Kedah dipecahkan menjadi empat buah negeri kecil – Kedah, Perlis, Setul, dan Kubang Pasu, setiap negeri mempunyai rajanya sendiri".[50]

---

[49] A.C. Milner, *Kerajaan. Malay Political Culture On the Eve of Colonial Rule*, (Tucson, University of Arizona Press, 1982), m.s. 27-28, dan 112-113.

[50] Cheah Boon Kheng, "Feudalisme Melayu. Cir-cir Dan Pensejarahannya", di dalam *Isu-isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam)*,

Ini bermakna walaupun tanpa penglibatan Siam, kerajaan Perlis seharusnya sudahpun ditubuhkan oleh Tunku Dhiauddin. Pembesar daerah ini bukan sahaja berjaya mempertahankan kuasa memerintahnya sehingga Sultan yang baru, Sultan Abdullah (mem. 1778-1798) ibni Sultan Muhammad Jiwa dan pembesar-pembesar lain pun tidak dapat merampas Perlis daripadanya. Dengan itu, jika diterima tafsiran Milner bahawa pembentukan kerajaan baru berpunca daripada kewibawaan seseorang raja, Tunku Dhiauddin tidak kurang berwibawa.[51] Tetapi jelas ia tidak memerdekakan diri ini tidak berlaku. Oleh itu, apa pula yang menghindarkan Tunku Dhiauddin? Ini membawakan perbincangan ke fasa pertama penubuhan kerajaan baru Perlis.

Fasa Pertama: Membentuk Keperibadian Perlis, 1778-1815

Pembesar daerah ini bukan tidak berpeluang, ia bukan tidak mampu, hanya ia tidak berminat. Baginya daerah Perlis hanya batu loncatan untuk mandapatkan takhta dan dengan itu menguasai seluruh kerajaan Kedah. Ia tidak ingin menjadi sekadar Raja Perlis, yang diingininya ialah menjadi Raja seluruh Kedah. Tunku Dhiauddin menduduki tempat paling dekat dengan takhta. Pembesar daerah ini bukan sama sekali seperti yang didakwa oleh Gullick sebagai:

> "The ruler of a district was a chief drawn from a lineage which usually had a long-established connexion with the district... Some chiefs were drawn from the royal lineage, more especially from cadet branches which no longer had any serious prospect of

Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (penyunting bersama), (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia bagi pihak Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 1995), m.s. 23.

[51] Lihat nota 49 di atas.

providing a candidate for succession to the throne. More typically however chiefs came from non-royal but aristocratic lineages".[52]

Dan ciri yang ada pada diri Tunku Dhiauddin yang merupakan halangan ketiga dan yang paling penting yang telah menyekat pengasasan kerajaan pada tahap berkenaan. Justeru jalan yang diambilnya berbeza dengan jalan yang akan diambil oleh Syed Hussein nanti. Agar menjayakan pengasasan kerajaan, pembesar daerah mesti mahu menjadi raja di Perlis bukan di tempat lain dan ia juga mesti mahukan Perlis untuk Perlis sendiri. Ciri ini pula ada pada Syed Hussein yang tidak dapat dijumpai dalam diri Tunku Dhiauddin mahupun pembesar-pembesar daerah Perlis lain yang menggantinya kemudian. Dalam perkataan lain ini merupakan prasyarat paling penting dalam penubuhan kerajaan baru Perlis.

Sungguhpun pembentukan kerajaan masih jauh lagi, tetapi di bawah pemerintahan Tunku Dhiauddin telah kelihatan rangkanya dan pada masa yang sama bibit-bibit keperibadian Perlis. Ia diserahkan kuasa untuk memerintah tiga buah daerah Perlis, Setul, dan Kubang Pasu tetapi sejak tahun 1778, menumpukan segala perhatiannya untuk menjaga kepentingan daerah Perlis dan menunggu peluang untuk menaiki takhta.[53]

---

[52] Gullick, *Indigenous Political Systems*, op. cit., m.s. 21. Ayat terakhir petikan itu tepat menggambarkan kedudukan Syed Hussein.

[53] Sebagai sebuah daerah Perlis sebegini rupa "Like the State the district was a territory shaped by the use of rivers as communications. A district was either an area lying on one or both sides of reach of the main river of the State or it was a side valley down to the point of junction with the main stream. A fort at the downstream end of the district provided an effective means of control". Gullick, *Indigenous Political Systems*, op. cit. Sebagai pembesar daerah Perlis Tunku Dhiauddin akan membentuk pentadbiran dengan jawatan yang diisi oleh "an entourage of sons, brothers, sons-in-law, remoter kinsmen and other aristocratic supporters who acted as deputies and lieutenants in the work of government....". Gullick, *Indigenous Political Systems*, op. cit. m.s. 97.

Dalam pada itu peluangnya untuk mengasingkan daerah ini bukannya tiada. Harus disedari bahawa pada tahap ini Tunku Dhiauddin ada menjalin hubungan sekurang-kurangnya dengan SHTI. Dalam sepucuk surat yang dialamatkan kepada Francis Light di Pulau Pinang, tidak bertarikh tetapi dapat dipastikan sekitar 1786-1794, Tunku Dhiauddin telah merujukkan daerah ini sebagai sebuah negeri dan cuba menjalankan hubungan diplomatik sesama pemerintah dengan mengalamatkannya sendiri sebagai "beta". Panduan kepada bahagian pengenalan yang panjang dalam surat ini adalah perlu sebagai bukti:

> "Surat kasih sayang serta tulus ikhlas yang sedia ada suci putih dan muafakatnya tiada berputusan selagi ada perkitaran cakrawala, iaitu matahari dan bulan, daripada *beta Raja Muda yang memerintah negeri Perlis Bandar Kota Indra Kayangan* mari sampai kepada pihak sahabat beta, iaitu Gurnadur yang memerintahkan Bandar Pulau Pinang yang amat budiman pada jalan berkasih-kasih dengan segala handai dan taulan; lagi setiawan dan dermawan, pada segala fakir miskin, bina dina dan sangat bijaksana pada segala pekerjaan di laut dan darat; dan tolong-menolong segala anak dagang santri tiada diberi kesakitan".[4]

Sebagai perbandingan di antara tanggapan Tunku Dhiauddin terhadap Perlis dengan keadaan yang sebenar, dipetik bahagian pengenalan surat yang diterima oleh Light dalam tempoh masa yang sama, iaitu

---

[4] Huruf miring untuk tekanan. "Surat Raja Muda Perlis (cat.10) Surat Raja Muda Perlis [Raja Diauddin ibn Muazam Syah] kepada Francis Light di Pulau Pinang, mengesahkan penerimaan kiriman belerang, dan memohon bantuan Light untuk membaiki tiga buah jam". (tidak bertarikh), di dalam "Surat-surat Light, 1786-1794 Kedah, Perlis, dan Pulau Pinang", School of Oriental and African Studies, MS 40320/1, f 16, Warisan Warkah Melayu, Pameran Bergambar Dihasilkan Oleh The British Library Untuk Arkib Negara Malaysia di Balai Besar, Alor Star, Kedah pada 28 Mac 1995.

pada 1785 daripada seorang bernama "Enci' Lu' Nga'". Ia berbunyi seperti berikut:

> "Surat tulus ikhlas daripada saya Enci' Lu' Nga' yang bermalam di bandar Perlis kota Indera Kayangan *di negeri Kedah Darulaman* datang kepada pihak sahabat saya Kapitan Light Dewa Raja yang istirahat di negeri Salang yang amat mengasihi handai taulan....".[55]

Seterusnya dirujuk bukti penghantaran ufti Bunga Emas dan Perak dari daerah ini ke Ava (Burma) di sekitar tahun-tahun 1760 dan 1786. Ada dua kemungkinan berkenaan identiti pemerintah Perlis yang terlibat. Pertama, samada ia ialah Sultan Muhammad Jiwa yang menduduki Kangar pada tahun-tahun 1760 dan 1770-an itu. Ataupun, kedua, dan fokus perbincangan pada tahap ini, ia adalah Tunku Dhiauddin sendiri. Sekiranya kemungkinan yang kedua sahih, maka ini bermakna ia turut berhubung dengan Maharaja Burma. Lebih penting, seperti yang ditunjukkan di dalam petikan di bawah, kuasa asing ini mengakui keperibadian dan kedudukan istimewa Perlis. Sepucuk surat daripada Maharaja Ava yang dibawa oleh utusan ke Kedah pada tahun 1811 menyebut bahawa Raja-Raja Perlis dan Kedah sama-sama sejak dahulu lagi sudah membayar ufti kepadanya. Petikan surat itu berbunyi:

> "The Governor of Tavoy wrote: '... in former times it was the custom established in the Countries of Purlis [Perlis] and Quedah [Kedah], for each succeeding Raja to present the Gift of Tribute and Submission consisiting of Flowered Gold and Silver to the

---

[55] Huruf miring untuk tekanan. "Surat Enci' Lu Nga' dari Perlis, 1785 (cat.21) Surat Enci' Lu Nga' dari Bandar Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja di Salang, 25 Jamaditawal 1199 (5 April 1785), School of Oriental and African Studies, MS 40320/3, f. 54, Warisan Warkah Melayu, Pameran Bergambar Dihasilkan Oleh The British Library Untuk Arkib Negara Malaysia di Balai Besar, Alor Star, Kedah pada 28 Mac 1995

> Exalted and Powerful King of Ava and at that time the countries of Purlis and Quedah were considered Dependencies in the Birma [Burman] Empire'.".[56]

Sebegitu juga pusat pemerintahan Kedah tidak dapat tidak mengakui keperibadian Perlis ini. Sebuah undang-undang Kedah bertajuk "Hukum Kanun Dato' Kota Setar dalam menetapkan tugas Temenggung menyuarakan bahawa:

> "Sa-bagai lagi pekerjaan Temenggong: apabila orang berdaawa, sebelah anak daawa itu dipanggil hukum, tiada ia datang, maka orang Temenggonglah memanggil dia; maka kenalah upah atas orang yang dipanggil itu, memberi mana-mana patutnya; seperti di Perlis upahnya dua emas....".[57]

Akan tetapi Sultan Abdullah telah mendahului si adik saudara dalam mengikatkan jaminan SHTI terhadap kedudukannya sebagai Sultan Kedah. Pada tahun 1785 sebagai balasan untuk memperolehi Pulau Pinang, Francis Light telah, kononnya bagi pihak SHTI, mengesahkan kedudukan Sultan Abdullah dan berjanji melindunginya daripada serangan musuh di dalam selimut. Dipetik surat Sultan kepada Gabenor Jeneral India bertarikh 31 Ogos 1785 yang meminta perlindungan khusus itu:

> "[Article] 5th
> Any man in this country without exception, be it our Son or Brother, who shall become an enemy to Us, shall become an Enemy to the Hon'ble Company, nor shall the Hon'ble Company

---

[56] James Low, "An Account Of The Origin And Progress Of The British Colonies In The Straits Of Malacca", di dalam *Journal of the Indian Archipelago*, (Vol. IV, 1850), m.s. 16.

[57] Bah III. Hukum Kanun Dato' Kota Setar, Winstedt, "Kedah Laws", di dalam *JMBRAS*, Vol. VI, Pt. II, 1928, m.s. 33.

Agent protect them without Breach of this Treaty which is to remain while Sun and Moon endures".[58]

Ternyata peruntukan ini berkesan kerana Tunku Dhiauddin tidak melancarkan apa-apa percubaan rampasan takhta sehingga kematian Sultan Abdullah pada tahun 1798.[59] Kemungkinan juga disebabkan adanya SHTI sebagai perantara, hubungan di antara dua adik-beradik ini tidaklah terlalu sengit. Sultan Abdullah masih dapat mengarahkannya keluar daerah demi berkhidmat kepada kerajaan. Pada tahun 1791 Tunku Dhiauddin telah menyertai sebuah rombongan yang merundingkan pengembalian Pulau Pinang daripada Francis Light.[60] Ini turut menjelaskan kesabaran Tunku Dhiauddin menunggu sehingga menjelang kematian Sultan Abdullah untuk merampas takhta. Pada tahun 1798, ia bertolak dari Kayang ke ibu kota, Alor Star untuk berada di sisi abang saudaranya yang sedang sakit tenat untuk merampas takhta sebaik sahaja ia (abang saudaranya mati). Tunku Dhiauddin berjaya menaiki takhta pada tahun yang sama.

Pemerintahannya sebagai Sultan Kedah dari 1798 ke 1803 telah disalahfahamkan malah diperkecil-kecilkan oleh segolongan penulis istana Kedah dan sejarawan Kedah. Baginda hanya dianggap sebagai Pemangku Sultan oleh *Al-Tarikh* yang jelas menafikannya tempat yang sewajar dalam senarai Sultan-sultan Kedah. Karya ini men-

---

[58] Lihat Bonney, m.s.172. Bagi Bonney, Siam lebih penting dan ialah sebab utama Sultan memberikan Pulau Pinang kepada SHTI. Bonney, op. cit. m.s. 60. Tetapi sebenarnya mengawal dan menundukkan musuh di dalam selumut lagi penting.

Peruntukan ini walau bagaimanapun tidak begitu lantang disebut di dalam perjanjian di antara Sultan Abdullah dengan Gabenor Pulau Pinang pada 1791. Lihat Bonney, op. cit., Lampiran 3 (c), m.s. 181.

[59] Oleh itu tidak hairanlah 1800 ketika ia sendiri menduduki takhta, Tunku (Sultan) Dhiauddin membatalkan semua perjanjian Kedah-British yang lalu.

[60] Inilah yang menghasilkan Perjanjian 1791 itu. Akan diperlihatkan selanjutnya bahawa kesempatan belajar ini telah dipergunakan sepenuh-penuhnya pada 1800 nanti.

dakwa bahawa Tunku Dhiauddin berada di sisi Sultan Abdullah itu semata-mata untuk "menjaga duli".[61] Ia seterusnya memutarbelitkan rampasan takhta daripada putera sulung Sultan, Tunku Pangeran sebagai:

> "Maka pada keesokan hari-nya bermuafakat-lah segala menteri2 mengangkat paduka adinda Tengku Dhia'uddin Mukarram Shah Raja Muda Kayang menjadi Sultan memerentah negeri Kedah Daru'l-aman mengganti putera duli baginda Sultan Abdullah Yang Maha Mulia itu masch tiada faham akan peratoran2 memegang pekerjaan negeri".[62]

Hikayat yang sama seterusnya mengisahkan rampasan takhta Tunku Pangeran, dengan sokongan ketenteraan Siam, daripada tangan Tunku (Sultan) Dhiauddin pada tahun 1803 seperti berikut:

> "Maka pada tiga belas haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah saribu dua ratus sembilan belas (1219) pada waktu rembang, maka di-tabalkan Tengku Ahmad Tajuddin Halim Shah ibni Almarhom Sultan Abdullah Shah menjadi Sultan, dan di-letakkan oleh Sultan akan paduka anakanda baginda di-atas takhta kerajaan... Maka pada ketika itu Sultan pun bertitah dengan nyaring suaranya. "Pada hari ini dan waktu ini hamba serahkan kembali sakalian pekerjaan di-dalam negeri Kedah ini dan juga ta'alok-nya kapada Sultan Ahmad Tajuddin."".[63]

Namun begitu didapati penting menegaskan bahawa di antara dua istiadat pertabalan itu, telah berlaku perkara-perkara penting yang melibatkan Perlis khususnya dan juga seluruh kerajaan Kedah umumnya. Pertama, sungguhpun tempoh pemerintahannya pendek iaitu enam tahun sahaja, namun Sultan Dhiauddin ialah Sultan Kedah

---

[61] *Al-Tarikh*, op. cit. 133.
[62] Op. cit., m.s. 135
[63] Op. cit., m.s. 138-139

yang berkuasa mutlak. Ini jarang, kalaupun bukan tidak pernah, disaksikan sepanjang sejarahnya. Sekiranya daerah merupakan lauk sampingan manakala takhta serta penguasaan ke seluruh kerajaan merupakan lauk utama, maka dari 1798 ke 1803, Sultan Dhiauddin telah berjaya menikmati hidangan yang lengkap. Kedua, dan secara khusus untuk Perlis, Tunku Dhiauddin harus diakui sebagai arkitek pengasingan Perlis walaupun usaha menubuhkannya sebagai sebuah kerajaan baru dipikul oleh cucu angkatnya, Syed Hussein. Lebih penting ditegaskan bahawa tanpanya kemungkinan besar kerajaan Perlis tidak akan dapat ditubuhkan. Ini kerana baginda telah menggunakan kedudukannya di kemuncak kerajaan Kedah untuk memanfaatkan daerahnya sebagai daerah yang teristimewa.

Tetapi sebagai seorang Sultan, ternyata Sultan Dhiauddin tidak akan memerdekakan Perlis. Oleh itu Syed Harun tidak pernah menjadi pemerintah *de jure* daerah ini. Ia hanya menjadi wakil pembesar daerah Perlis sahaja dari 1798 hingga 1803.[64] Ini bermakna dakwaan *Salasilah Perlis* bahawa Syed Harun "di kota Arau memerintah seperti raja" lebih bermakna sebagai wakil Sultan di Perlis.[65] Namun begitu ini tidak bermakna Sultan Dhiauddin tidak mementingkan menantunya. Sebenarnya ia berat-sebelah mementingkan Syed Harun jika dibandingkan dengan layanannya terhadap anak kandungnya, Tunku Yusuf. Selepas Syed Hussein dilahirkan, perhatian Sultan Dhiauddin dialihkan kepadanya seolah-olah sebagai warisnya di Perlis nanti.

Ketiga, Sultan Dhiauddin juga merupakan pemerintah yang julung-julung kali mengenakan konsep "Negeri" ke atas Perlis. Dalam perkataan perlu disedari bahawa "Negeri Perlis" ialah ciptaan Sultan Dhiauddin sendiri. Sekiranya surat kepada Light sebelum itu memperkenalkan buah fikirannya terhadap "Negeri Perlis", kali ini ia

---

[64] Ini membatalkan perdebatan hipotesis-hipotesis ketiga dan keempat yang disentuh di dalam Bab 1.

[65] *Salasilah Perlis*, op. cit.

betul-betul melaksanakannya. Perlis sebenarnya masih merupakan sebuah daerah dalam kerajaan Kedah tetapi yang menikmati status istimewa. Selain daripada berusaha memantapkan kedudukan istimewa Perlis ini secara bertulis, ia juga memperolehi pengesahan British. Perhatian ditumpukan pada bahagian penutup sebuah perjanjian di antara Sultan Dhiauddin dengan Leftenan Gabenor Pulau Pinang, Sir George Leith yang ditandatangani pada tahun 1800. Ia berbunyi sedemikian:

> "Inilah empat belas perkara sudah tentu dan sudah di-putuskan kedua pehak Duli Yang Maha Mulia dan Kampeni Inggeris itu. Negeri Perlis dan Kedah dan Pulau Pinang jadi satu negeri dan barang siapa mungkir dan ubahkan barang suatu-nya janji dan kahul ini Tuhan Allah Ta'ala boleh hukum dan rosakkan dia-nya dan tiada boleh dapat baik di-dalam dunia".[66]

Pasti ini bukan sekadar yang dipercayai oleh Bonney sebagai:

> "the use of the idiom 'Negeri Perlis dan Kedah dan Pulau Pinang jadi satu negeri' ('the Countries of Purlis and Quedah and Pulau Pinang shall be as one Country'), an expression which to the Malay mind signified a commonness or alliance of mutual and identical interests, the sharing of one's problems by the other, and reciprocal aid and assistance in times of need, danger or difficulty".[67]

Sebaliknya fasal ini berfungsi mengisytiharkan kedudukan istimewa daerah Perlis berbanding dengan daerah-daerah lain dan mendapatkan pengesahan serta jaminan British terhadapnya. Bonney, walaupun menyedari kepentingan-kepentingan peribadi seseorang Sultan dalam mempengaruhi fasal-fasal perjanjian, tetapi telah tertinggal kepentingan peribadi Sultan Dhiauddin.

---

[66] Bonney, op. cit., Lampiran 4 (c), m.s. 188.

[67] Bonney, op. cit., m.s. 109

Keempat dan yang paling penting, bukan itu sahaja malah Sultan Dhiauddin telah pada 1800 secara bertulis memisahkan kerajaan Kedah kepada dua entiti iaitu pertama, daerah Perlis, dan kedua, disebut Kedah tetapi merangkumi pusat pemerintahan serta seluruh bahagian kerajaan yang lain. Sehubungan dengan itu perjanjian itu dengan sendirinya membuktikan bahawa kepentingan peribadi Sultan Dhiauddin sama penting, kalaupun bukan lebih penting daripada, kepentingan kerajaan. Ini kerana selain daripada mengesahkan status istimewa Perlis, perjanjian ini dibuat terlebih dahulu untuk mengumumkan kepada British kedudukannya sebagai Sultan Kedah yang baru dan mengalihkan sokongan serta jaminan kuasa asing ini terhadapnya. Dipetik tajuknya yang menyuarakan kenaikan takhtanya daripada Sultan Muda menjadi Raja Kedah:

> "Inilah Surat Tanda Berjanji Dan Bersahabat Di-Perbuat Oleh Govnor Sir George Lee Sa-Belah Kampeni Inggeris Di-Pulau Pinang Dengan Raja Kedah Diya'u'd-din.
> Chap Diya'u'd-din Sultan Muda ini ma'alom sah Raja Kedah".[68]

Tetapi Sultan Dhiauddin tidak pernah melepaskan jawatannya sebagai pembesar daerah Perlis.[69] Di samping menggelarkan diri sebagai "Raja Kedah", bukan Sultan Kedah, ia berpegang pada gelaran "Duli Raja Muda Perlis dan Kedah".[70] Ini bermaksud penguasaan penuh ke atas daerah Perlis. Di atas dokumen perjanjian tidak pernah disebut Kayang, yang ternyata sekiranya digunakan hanya merujuk kepada sebuah kota di dalam Perlis sahaja. Begitu juga tiada perkataan Setul mahupun Kubang Pasu yang jelas membuktikan sekali lagi bahawa Sultan Dhiauddin tidak pernah memandang berat terhadap kedua-dua daerah itu. Didapati berguna untuk menekankan

---

[68] Bonney, op. cit., Lampiran 4 (c), m.s. 186.
[69] Yang bermakna ia berkuasa mutlak.
[70] Bonney, op. cit., Lampiran 4 (c), m.s. 186-187.

bahawa entiti "Negeri Perlis" ini merujuk kepada daerah khas Perlis sahaja, tidak termasuk dua lagi buah daerah pemerintahannya Kubang Pasu mahupun Setul, berbeza dengan sebagaimana ketiga-tiga buah daerah itu mula-mula diserahkan untuk diperintah olehnya pada 1770 dahulu. Baginda juga sengaja meletakkan perkataan "Perlis" di hadapan "Kedah" supaya tidak timbul apa-apa salahfaham terhadap maksud sebenar yang ingin ditonjolkan olehnya.[71] Dalam perkataan lain ia ingin menghindarkan mana-mana pihak daripada menganggap "Negeri" tersebut sebagai satu iaitu "Kedah dan Perlis". Perlu diulangi bahawa penggunaan ungkapan "Negeri Perlis" merupakan lanjutan daripada percubaan awalnya untuk memperolehi jaminan Francis Light terhadap kedudukan istimewa Perlis.

Di samping itu Sultan Dhiauddin bukan sahaja memberikan peruntukan yang sama kepada Perlis sebagaimana diberikan kepada pusat pemerintahan bahkan merancang perkembangan yang selari bagi kedua-dua entiti ini. Contoh yang paling ketara ialah ia sama-sama memberikan Kedah dan Perlis sumber ekonomi sebagai pembekal makanan kepada kerajaan British di Pulau Pinang dan kapal-kapal British seperti kelihatan di bawah:

> "Fasal Yang Ketiga: Duli Yang Maha Mulia janji segala jenis makanan yang ada kurang di-Pulau Pinang atau kapada kapal perang atau kapada kapal kampeni boleh di-beli segala jenis makanan itu di-Perlis dan Kedah dari Pulau Pinang. Sebab mahu membeli makanan boleh kasi surat pas supaya jangankan tipu atau inaya".[72]

Dapat dirumuskan di sini bahawa peruntukan di atas sebenarnya demi menjaminkan Perlis dapat berdiri di atas kaki sendiri secara ekonomi.

---

[71] Lihat salinan perjanjian untuk ungkapan berkenaan. Bonney, op. cit., Lampiran 4 (c), m.s. 186-188.

[72] Bonney, op. cit., Lampiran 4 (c), m.s. 187. Ini juga menjelaskan pertumbuhan ekonomi yang selari untuk kerajaan Perlis dan kerajaan Kedah berikutan 1905.

Turut didapati Sultan Dhiauddin serupa dengan Sultan Kedah lain rela dan bersedia melepaskan sesebuah daerah mahupun sebidang tanah demi mencapai cita-cita peribadi apabila terikat oleh rebutan kuasa dengan kerabat diraja lain. Sultan Muhammad Jiwa berbuat begitu dengan hak pencukaian ke atas Kuala Perlis pada tahun 1772, Sultan Abdullah berbuat begitu dengan Pulau Pinang pada tahun 1785, dan pada tahun 1800 Sultan Dhiauddin berbuat demikian dengan Seberang Prai. Diulangi bahawa Sultan Dhiauddin telah mempraktikkan 'pelajaran' yang didapati semasa menganggotai rombongan 1791 itu dengan sebaik-baiknya pada tahun 1800. Baginda meniru bulat-bulat peruntukan fasal-fasal Perjanjian 1791 itu sebelum membatalkan segala perjanjian awal yang termeterai di antara Sultan-sultan Kedah dengan wakil SHTI seperti berikut:

> "Fasal Empat Belas: Atas di-nyatakan ini kahul dan perjanjian segala perjanjian dan kahul yang dahulu yang sudah di-buat yang kedua pehak penghulu negeri jadi batal tiada boleh di-pakai lagi".[71]

Akan tetapi sudah tentu Sultan yang baru, Sultan Ahmad Tajuddin tidak akan menerima kedudukan khas Perlis. Ini sangat jelas dalam suratnya kepada Gabenor Jeneral India pada tahun 1810. Baginda langsung tidak menyebut "Negeri Perlis" sebagaimana wujud dalam Perjanjian 1800 itu. Sebaliknya ia memandang dokumen itu sebagai berlaku di antara dua buah "Negeri" Kedah dan Pulau Pinang sahaja seperti yang dipetik daripadanya suratnya ke India pada 1810:

---

[71] Bonney, op. cit. Versi Bahasa Inggeris berbunyi sedemikian:

"Article 14th On the ratification of this Treaty, all former Treaties and agreements between the two Governments to be null and void". Bonney, op. cit., Lampiran 4 (b), m.s. 185. Faktor perjanjian ini sangat penting membentuk corak hubungan Perlis-British-Kedah dalam rantau ini dalam abad ke-20 nanti. Rujuk perbincangan Bab 3 tesis.

"In the year 1215, my Father left the Government to my Uncle, at which time, the then Lieutenant Governor of Pinang, Sir George Leith,... made a new Treaty, consisting of fourteen articles, and constituting the two as one Country".[74]

Tunku Pangeran (sebelum ditabalkan) telah terlebih dahulu pada akhir 1803 mengusir ayah saudaranya itu balik ke Perlis lalu menaiki takhta. Ini dilakukan dengan sokongan Maharaja Siam dan bantuan ketenteraan Gabenor Singgora.[75] Maka Tunku Dhiauddin kembali menjadi pembesar daerah Perlis. Namun ia telah kehilangan jawatan Raja Muda Kedah kepada adik saudara Sultan, iaitu Tunku Ibrahim. Dari 1803 hingga 1815 Tunku Dhiauddin tidak juga mendukung cita-cita mahupun berusaha menubuhkan Perlis sebagai sebuah kerajaan yang baru.

Selepas tahun 1803 politik Kedah diselubungi oleh perebutan kuasa yang hebat akibat kemunculan sebilangan besar petanding, tepat lapan orang adik-beradik Sultan kesemuanya.[76] Perbincangan akan menumpukan perhatian kepada rebutan yang melibatkan daerah Perlis dan pembesar-pembesarnya. Di kalangan mereka, tiga watak iaitu Tunku Ibrahim, Tunku Bisnu dan Tunku Yaakob paling berkaitan dengan Perlis.[77] Menurut Mohammad Isa Othman, ramai kerabat diraja Melayu yang gagal dalam perjuangan mendapatkan takhta terpaksa meninggalkan kampung halaman pergi ke kawasan yang kurang dikawal dan kurang penduduk.[78] Ini tidak tepat bagi mereka yang terlibat di Perlis pada tahap ini.

---

[74] Lihat Anderson, op. cit., m.s. 75.

[75] Jelas British tidak berupaya menunaikan janji melindungi Sultan Kedah. Memang kalau bukan bantuan Siam-Singgora, Tunku Pangeran tidak akan dapat mengusir Sultan Dhiauddin.

[76] Bagi senarai putera-putera Sultan Abdullah, lihat Bonney, op. cit., "The Family Of Sultan Abdullah Mukarram Shah", Lampiran 4 (a), m.s. 183.

[77] Bonney, op. cit., Lampiran 4 (a), m.s. 183.

[78] Mohammad Isa Othman, op. cit., m.s. 16.

Rebutan kuasa di antara mereka dengan Sultan Ahmad Tajuddin dan sesama sendiri telahpun bermula sebelum kematian Tunku Dhiauddin lagi tetapi tiada seorang pun mereka termasuklah Sultan sendiri mampu menyentuh Perlis. Namun ia telah kehilangan jawatan Raja Muda Kedah kepada Tunku Ibrahim, adik saudara Sultan. Seperti mengikut Bonney:

> "Diya'u'd-din (Dhiauddin) was 'demoted' to his original area of authority — Perlis — while Tunku Ibrahim became Raja Muda, holding what he termed 'the executive authority of government'".[49]

Syair Sultan Maulana mendakwa ia kehilangan lebih daripada itu. Pada tahun 1808 daerah Perlis dirujuk sebagai kediaman rasmi pemegang jawatan Sultan Muda (Raja Muda), yang bermakna Tunku Ibrahim, seperti dapat dilihat di dalam petikan di bawah:

> "Adinda baginda Sultan Muda di bandar Perlis semayam baginda
> di sana pun tempat paduka nenda hulubalang pegawai semuanya
> ada".[50]

---

[49] Bonney, op. cit., m.s. 112. Semasa menduduki takhta Kedah Sultan Dhiauddin masih dan mampu mengenakan kawalan ketat ke atasnya tanpa memindahkan kawalan ke atas Setul mahupun Kubang Pasu kepada siapa-siapa pembesar kerabat Kedah. Malah ia tidak pun melepaskan jawatan dan pangkat Raja Mudanya. Menjelang tahun 1804, walau bagaimanapun, ini semua berubah dan hakikatnya sementara Tunku Dhiauddin berjaya mengekalkan pemerintahan ke atas markasnya, Perlis ia gagal mempertahankan jawatan Raja Muda Kedah.

[50] C. Skinner (ed.), *The Battle For Junk Ceylon: The Syair Sultan Maulana Text, Translation And Notes*, (Dordrecht: Foris Publications Holland, 1985), m.s. 46. Terjemahan ke dalam bahasa Inggeris berbunyi. "5 His Highness's younger brother, the Sultan Muda,
dwelt in the town of Perlis
where his aged uncle also resided
with a full company of officials, civil, and military".
Skinner, ibid., m.s. 47

Namun sejarawan-sejarawan yang merujuk kepada sumber-sumber British dan Siam semasa telah membuktikan kuasa dan pengaruh Tunku Dhiauddin di dalam daerah Perlis tidak dicabar. Daripada ulasan Bonney didapati bahawa pada tahun itu Tunku Ibrahim yang mengidam-idamkan daerah Kuala Muda yang kaya telah berjaya merampasnya daripada kawalan Sultan dengan bantuan tentera Gabenor Singgora. Gabenor tersebut telah sampai di Alor Star pada bulan Januari untuk memperakukan Tunku Ibrahim sebagai Raja Muda Kedah dan memindahkan kepadanya hak memerintah ke atas lembah Sungai Muda daripada tangan Sultan Ahmad Tajuddin. Pada masa yang sama daerah Setul diberikan kepada Tunku Bisnu.[81]

'Penyelesaian' inipun tidak kekal kerana Tunku Bisnu hanya memandang pemberian berkenaan ini, sebagaimana pandangan pembesar-pembesar terhadap daerah-daerah sebegini, sebagai tapak untuk merampas takhta. Terdapat bukti bahawa ia tidak mengendahkan Setul dan hanya melawatnya beberapa kali sahaja.[82] Sebaliknya ia agak kerap berada di Bangkok bagi berusaha menggantikan tempat Sultan Ahmad Tajuddin.[83] Dua tahun selepas itu pada 1810, Tunku Bisnu telah singgah sebentar di Singgora dan bersama-sama Gabenor tersebut bertolak ke istana Bangkok. Di sana mereka melemparkan tuduhan bahawa Sultan Ahmad Tajuddin telah membantu pihak musuh dalam Perang Siam-Burma yang sedang berlangsung itu.[84] Sebagai membalas jasa, Maharaja Siam Rama II memberikannya kawasan luas lagi kaya yang merangkumi lembah-

---

[81] Bonney, op cit., m.s 113-114.

[82] Wan Adnan bin Wan Long (penterjemah), terjemahan daripada bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu berhuruf Rumi, Abdullah Long Puteh, *Sejarah Negeri Setol, Thailand*, (Alor Star: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 1971), m.s. 3.

[83] Langkah ini dipertingkatkannya semasa Perang Kedah-Siam nanti. Rujuk perbincangan selanjutnya bab.

[84] Bonney, op cit., m.s. 117.

lembah Sungai Yan dan Merbok serta kawalan Tunku Ibrahim, lembah Sungai Muda.[85] Daerah perintah Tunku Bisnu, Setul-Lungu akan dikawal oleh Gabenor Singgora yang menjadi dalang dalam persengketaan kerabat diraja Kedah itu.[86] Tetapi Tunku Ibrahim bukan sahaja enggan menyerahkan lembah Sungai Muda tetapi juga pada tahun 1815 cuba merampas takhta. Ia terkorban di dalamnya.[87]

Ini bermakna di sebalik kekacauan itu, daerah Perlis tenteram dan berada di luar kancah rebutan kuasa. Tunku Ibrahim dan Tunku Bisnu tidak mampu menyentuh Tunku Dhiauddin lalu membiarkan daerah ini di dalam tangannya sehinggalah kematiannya. Kobkua tepat merumuskan bahawa:

> "Theoretically, Perlis was still a part of Kedah, but in reality it formed a state within a state. This was evident when Tengku Dhiauddin was ousted as Sultan by his nephew, Tengku (later Sultan) Ahmad Tajuddin (Pangeran), who was supported by Rama I of Siam, he went back to Perlis in 1803 to become just simply the ruler of Kayang". [88]

Setakat ini terdapat beberapa tarikh kematian Tunku Dhiauddin. Paling lewat Anderson memberikan tahun 1823 sewaktu ia (Tunku Dhiauddin) berumur 69 tahun.[89] Namun didapati bukti yang menyimpulkan bahawa ia mati tidak lewat dari 1815. Ini kerana pada tahun tersebut Tunku Ibrahim terbunuh dan pangkatnya sebagai Raja Muda Kedah diserahkan kepada Tunku Yaakob. Raja Muda yang baru ini telah menuntut untuk memerintah Perlis juga.

---

[85] Op. cit., m.s. 125.
[86] Op. cit.
[87] Mohammad Isa Othman, op. cit., m.s. 27.
[88] Kobkua, "Kedah-Siamese Correspondence. 1890-1898", di dalam *JMBRAS*, (Vol. 55, Pt. 1, 1982), m.s. 94.
[89] John Anderson, *Political and Commercial Considerations*, op. cit., m.s. 157. Buyong Adil memberikan tarikh yang lebih awal iaitu 1813. *Sejarah Perlis*, op. cit., m.s. 101.

Tahap Kekacauan, 1815-1821

Sejak tahun 1815, daerah ini semakin ditarik masuk ke dalam perebutan kuasa Kedah. Ini terutama sekali benar disebabkan Tunku Yaakob dari awal hingga akhir menunjukkan dengan jelas motifnya mendapatkan Perlis, dan daerah Setul. Namun dari satu segi, rancangannya disekat oleh Sultan sendiri yang berhasrat untuk menguasai Perlis, melalui Tunku Yusuf. Tetapi disebabkan anak Tunku Dhiauddin ini berada di bawah umur, Sultan Ahmad Tajuddin telah meletakkan daerah ini di bawah sebuah majlis pemangku pembesar daerah yang terdiri daripada lima orang pembesar seperti berikut:

> "Maka sa-lepas khenduri tujoh hari duli baginda Yang Maha Mulia pun berangkat balek bersemayam di-Kota Kuala bersama2 adinda Tengku Yusof. Pada ketika itu Tengku Yusof maseh belum chukop umor untok menjalankan pekerjaan. Maka di-beri Dato' Seri Paduka Enggraha Dewa dan Maharaja Putra dan Paduka Perba Wangsa dan Tan Perdana Wangsa dan Dato' Bijaya Indera dan Shaikh Aminuddin yang menjadi Kadhi menjaga Kayang itu".[90]

Oleh kerana tuntutannya ditolak, Tunku Yaakob memberontak. Ia berpakat dengan Gabenor Nakorn Sritammarat yang lebih dikenali sebagai Raja Ligor, untuk menuduh pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin sebagai tidak cekap di hadapan Rama II. Inilah di antara lain faktor yang mengakibatkan serangan tentera Siam, dan Ligor, ke atas Kedah pada tahun 1821 yang lantas memulakan Perang Kedah-Siam itu.[91]

Adalah didapati berguna untuk memetik *Al-Tarikh* di sini:

> "Tengku Ya'akob, Raja Muda, masok mengadap duli baginda Yang Maha Mulia memohon hendak memerentah Kayang sa-kali

---

[90] Op. cit., m.s. 141. Kenduri yang dimaksudkan itu ialah sempena peninggalan Tunku Dhiauddin.

[91] *Sejarah Perlis*, op. cit., m.s. 8-9.

dengan Setol ia-itu mengganti paduka ayahanda Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun memberi nasihat kapada paduka adinda Tengku Ya'akob itu dudok di-Kota Star, dan Kayang itu hajat-nya hendak diberi kapada adinda Tengku Yusof putera Al-marhum Tengku Dhia'uddin, Raja Muda, memerentahnya. Maka tiga kali Tengku Ya'akob, Raja Muda, masok mengadap duli baginda bermohon supaya permintaannya itu diluluskan, akan tetapi tiada juga di-luluskan baginda. Oleh kerana hal yang demikian duli Tengku Ya'akob, Raja Muda, pun bermuafakat dengan orang2-nya berangkat pergi mengadap Raja Ligor yang bernama Chao Phya Nongkon Sri Tamrat didalam negeri Ligor serta memberitahu kapada Raja Ligor beberapa jalan yang senang jika hendak mengambil negeri Kedah itu. Maka dudok-lah Tengku Ya'akob, Raja Muda di-negeri Ligor".[92]

Rancangan Tunku Yaakob untuk menjadi pembesar daerah Perlis sudah tentu ditentang hebat oleh Syed Harun dan Syed Hussein. Sekiranya seawal tahun 1815 Syed Harun ada hasrat merajakan anaknya, adalah jelas kedudukannya di luar mukim Arau sebenarnya masih belum kuat mahupun menyeluruh lebih-lebih lagi berhadapan dengan rancangan Sultan untuk menyokong Tunku Yusuf sejak awal lagi.[93] Ini pula datangnya Tunku Yaakob. Buyong Adil ada menceritakan dengan menarik satu episod Tunku Yaakob menembak meriam ke Kodiang yang terletak di dalam daerah Perlis untuk menakut-nakutkan Syed Harun dan Syed Hussein.[94] Tetapi kelemahan jalan cerita ini ternyata apabila tarikh peristiwa itu dicampuradukkan dengan peristiwa-peristiwa sebelum dan selepas Perang Kedah-Siam meletus. Walau bagaimanapun adalah ketara watak ini bukan sahaja tidak popular di Alor Star bahkan dibenci di Perlis.

---

92 *Al-Tarikh*, op. cit., m.s. 41

93 Hussain Baba bin Mohamad, "Sejarah Negeri dan Raja2 Perlis", di dalam *JMBRAS*, Jilid XLII, Bhg. 2, 1969, m.s. 178.

94 Haji Buyong Adil, *Sejarah Perlis*, Siri Sejarah Nusantara, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), m.s. 9-10

Fasa Terakhir: Memberontak demi Menubuhkan Kerajaan, 1821-1841

Percubaan untuk memahami tahap terakhir penubuhan kerajaan baru Perlis didapati sukar setakat ini akibat dikongkong oleh tulisan-tulisan yang berat-sebelah, tidak tepat dan tidak seimbang. Berbalik kepada empat hipotesis yang telah disentuh di dalam bab pengenalan, masalah ini berpunca daripada motif penulis-penulis tersebut masing-masing. Dengan berfokus pada penulis sejarah Perlis, didapati pertama mereka perlu mengesahkan penampilan keluarga Syed Harun Jamalullail dalam gelanggang politik daerah Perlis. Kedua, mereka mendapati penting menyembunyikan bahkan menafikan sebarang perbalahan di antara pembesar daerah ini dengan pusat pemerintahan Kedah. Oleh itu mereka telah mencipta suatu gambaran yang tenang lagi aman berkenaan pemisahan Perlis. Di samping itu sejarah-sejarah Melayu Kedah kuno tidak dapat membantu kerana ia turut menafikan konflik di antara Syed Hussein dengan Sultan Ahmad Tajuddin. Namun ini tidak bermakna hipotesis-hipotesis berkenaan kelahiran Perlis harus ditolak sama sekali.

Sebaliknya penyelesaian yang bernas ialah mencari satu keseimbangan di kalangan pelbagai hipotesis itu yang terpesong kebenarannya. Justeru mengenai perjuangan membina kerajaan ini, perbincangan akan membahaskan bahawa Syed Hussein telah menggunakan sebilangan keadaan yang terkandung di dalam hipotesis-hipotesis yang telah disebut itu. Pertama, dari sebuah mukim yang diperintahnya iaitu Arau, ia mengambil kesempatan terhadap vakum politik yang wujud di kalangan pembesar-pembesar Melayu semasa Perang Kedah-Siam 1821-1842 untuk memperluaskan kawalan dan pengaruhnya ke seluruh daerah Perlis. Tetapi masalah yang lebih serius timbul dari segi kajian ialah sumber bertulis pertama berkenaan perjuangan watak ini boleh dikatakan berada di dalam kekosongan atau ketidaklengkapan. Sebagai contoh, sehingga sekarang tidak dijumpai satu

keping bukti sumber pertama yang dapat memastikan bila ia menjadi Penghulu Arau. Mengikut Buyong Adil dan Hussain Baba, Syed Harun meninggal dunia pada 1825 lalu jawatan Penghulu Arau diwarisi oleh anaknya Syed Hussein.[95] Tetapi pasti Syed Hussein sudah menjadi Penghulu Arau sebelum meletusnya perang kerana Sultan Ahmad Tajuddin yang memperkenankan jawatannya tidak lagi berada di dalam kerajaan sehingga selepas kerajaan Perlis ditubuhkan pada 1841.[96]

Telah diperkatakan di bahagian awal bab bahawa Syed Hussein bercita-cita merajakan diri di Perlis disebabkan ia, sebagai seorang bukan kerabat diraja Kedah, memang tidak berpeluang merampas takhta kerajaan.[97] Boleh ditambah di sini bahawa sekiranya merujuk kepada kekosongan dalam jawatan pembesar daerah semasa perang, dapat dikatakan nasib menyebelahinya. Ini kerana Tunku Yaakob, musuh ketat Perlis, telahpun ditawan ke Ligor sebaik sahaja perang meletus dan dibunuh di sana.[98] Pada masa yang sama sehingga tamat perang, tiada seorang pembesar daerah dilantik. Tetapi ini tidak bermakna pihak Siam membiarkan daerah ini tanpa seorang pemerintah. Sebaliknya Rama III telah meletakkan seorang *Chiom* di sini dan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah. Justeru Syed Hussein berusaha menyelit masuk ke dalam celah-celah kuasa *Chiom* sebagai pembesar daerah. Kedudukan istimewanya telah membantunya memperolehi sokongan daripada pelbagai pihak. Pertama, ia mendapat 'undi' sokongan daripada pembesar-pembesar tempatan melalui pertalian darahnya dengan Dato' Panglima Johan

---

[95] Ibid., m.s. 8. Dan Hussain Baba, op. cit., m.s. 176.

[96] Memunjam kata-kata Gullick, baginda berada "in exile". Gullick, "Kedah 1821-1855: Years of Exile and Return", di dalam *JMBRAS*, Vol. 56, Pt. 2, 1983, m.s. 34.

[97] Dari segi ini politik Kedah dapat dianggap sebagai agak stabil kerana orang luaran kerabat tidak pernah melakukan percubaan merampas takhta.

[98] *Sejarah Perlis*, op. cit.

Lela Perkasa, seorang pembesar yang kuat dan masyhur di bawah Sultan Dhiauddin I dahulu. Ibu kandungnya, Wan Fatimah ialah anak Dato' Panglima Johan.[99] Kedua, Syed Hussein berketurunan Syed, satu kedudukan yang tinggi dan disegani di Kedah.[100] Ketiga, ia nampaknya telah diterima umum oleh pembesar dan rakyat Perlis sebagai bakal pengganti datuk angkatnya, Tunku Dhiauddin dalam jawatan tersebut. Kalaupun Sultan Ahmad Tajuddin berhasrat memindahkan hak memerintah ke atas Perlis kepada Tunku Yusuf, ini tidak berupaya disempurnakan kerana bukan sahaja baginda masih berada di luar kerajaan, sehingga 1842, Tunku Yusuf telah meninggal dunia semasa mengiringi Sultan.[101] Ini perjuangan dalaman namanya.

Ini bermakna Syed Hussein tidak sama sekali mewarisi kedudukan bapanya sebagai pemerintah *de jure* Perlis. Syed Harun sendiri pun tidak pernah menikmati kemewahan ini. Dibandingkan dengan Temenggung Johor dan Bendahara Pahang yang merajakan diri lebih lewat sedikit, Syed Hussein hanyalah seorang pembesar kecil sahaja. Tetapi keunikan Syed Hussein ketara terutama sekali memandangkan kerajaan Kedah berada jauh sekali daripada ambang keruntuhan semasa ia mengorak langkah memerdekakan daerah Perlis. Ketiadaan Sultan di dalam kerajaan dapat dilihat sebagai satu keadaan sementara walaupun berlanjutan lebih kurang 20 tahun. Lagipun senarai pembesar yang ingin mengisi takhta tidak berputusan. Paling penting di sini pengaruh sebuah kuasa yang jauh lebih kuat iaitu kuasa penaung Siam sangat dirasai terutama sekali wakil Maharaja iaitu Raja Ligor. Syed Hussein mesti melepasi sekatan-sekatan tersebut demi menjadi Raja Perlis.

---

[99] Bukan itu sahaja, ibunya sangat rajin menyokongnya. Rujuk perbincangan lanjut.

[100] Keluarga Syed sebenarnya menduduki tempat kedua penting dalam hierarki keluarga berpengaruh bukan kerabat diraja di Kedah. Ini disebabkan mereka merupakan keturunan Nabi Muhammad SAW. Mohammad Isa Othman, op. cit., m.s. 9.

[101] Hussain Baba, op. cit., m.s. 176-177.

Ia sudah tentu menyedari Sultan Ahmad Tajuddin ketika berada di kemuncak pemerintahan tidak langsung berminat melantiknya sebagai pembesar daerah. Oleh itu, setelah Sultan berada di luar Kedah, ia mendapati perlu memastikan bahawa baginda tidak lagi balik. Ia juga menyedari bahawa langkah ini hanya dapat disempurnakan dengan bantuan pembesar-pembesar Melayu Kedah yang sama-sama tidak ingin Sultan balik memerintah. Di kalangan mereka, Syed Hussein mendapati Tunku Anum dan Tunku Bisnu paling berpengaruh dan kuat.

Dari sini perjuangan menubuhkan kerajaan mencabang ke luar. Peranan aktif bapa mertuanya Muhammad Arshad bin Muhammad Yunus memerlukan perbincangan mendalam. Buyong Adil menulisnya sebagai "Awang, (namanya yang sebenar Muhammad Arshad bin Muhammad Yunus) seorang daripada anak orang besar yang telah mengikut Syed Harun datang ke Arau" dan pada masa yang sama mengecapkannya sebagai "orang suruhan Syed Harun".[102] Muhammad Arshad juga telah, mengikut Buyong Adil, pada awalnya terlebih dahulu mengahwinkan Wan Fatimah, anak gadis Dato' Johan Perkasa kepada Syed Harun setelah Tunku Safiah (puteri Sultan Dhiauddin) didapati mandul. Wan Fatimahlah yang melahirkan Syed Hussein pada tahun 1805.[103] Kemudiannya Muhammad Arshad mengahwinkan anaknya sendiri, Cik Safiah kepada Syed Hussein.[104] Selepas kematian Syed Harun dan Tunku Dhiauddin, ia mengambilalih fungsi sebagai penaung menantunya yang muda ini.

Sebagai bapa mertuanya, Muhammad Arshad berada di tempat yang paling sesuai untuk merancang pengasasan kerajaan Perlis di samping mengkhaskan takhta ini nanti untuk Syed Hussein. Sebuah Latihan Ilmiah yang menumpukan perhatian padanya, mengemukakan

---

[102] *Sejarah Perlis*, op. cit., m.s. 7

[103] Op. cit.

[104] Op. cit., m.s. 8.

suatu perspektif yang menarik berkenaan peranan yang dimainkan olehnya sebagai pengasas-bersama kerajaan Perlis.[105]

Menyedari bahawa menantunya ini sememangnya tidak cukup kuat untuk bertindak berseorangan, Muhammad Arshad telah berpakat dengan Tunku Anum dan Tunku Bisnu, dua orang pemberontak kerabat diraja Kedah yang masing-masing bertujuan menaiki takhta. Oleh itu ia bersama-sama Syed Hussein bertemu dengan Tunku Anum secara sulit di gua Bukit Keplu untuk merancang strategi. Dengan menjunjung al-Quran sebagai tanda janji pakatan, mereka bersetuju untuk menghalang Sultan daripada kembali dan untuk menentang pemerintahan Siam khususnya pemerintahan Raja Ligor.[106] Dalam perkataan lain ini merupakan serampang dua mata, pertama untuk menggulingkan pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin dan untuk kedua, menonjolkan diri mereka sendiri sebagai pemerintah-pemerintah yang separutnya. Episod ini telah disalahtafsir oleh penulis-penulis sejarah Perlis dan Kedah sebagai bertujuan mengembalikan pemerintahan ke tangan orang-orang Melayu padahal ia jelas merupakan satu pemberontakan.[107] Penulis Latihan Ilmiah yang disebut di atas itu, Zoraidah Abbas misalnya menulis begini:

> "Tunku Anum memberitahu majlis bahawa sebelum dijalankan mesyuarat dan perjumpaan itu, beliau pinta tiap-tiap orang bersumpah junjung Al Quran, segala rahsia biar pecah ikut perut dan jangan pecah ikut mulut walaupun hendak dibunuh oleh Siam. Beliau bersumpah bersama-sama dengan Tunku Seraja Wang dan Syed Hussain (Hussein) Jamalulfail akan pergi mengadap Raja Ligor... Muhammad Arshad (Dato' Arau) ber-

---

[105] Zoraidah Abbas, "Dato' Arau (t.m. 1797-1873) penol ujudnya Negeri Perlis dan susunan pentadbiran negeri itu", Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Universiti Malaya, 1978

[106] Op. cit., m.s. 13

[107] Di antara tulisan yang tersebut ialah *Perlis Indera Kayangan*, op. cit. Rujuk Bab I tesis.

> janji yang beliau sendiri akan cuba menghalau tentera Siam dari Bumi Kayang".[108]

Akan tetapi penglibatan aktif Syed Hussein di luar daerah adalah terhad. Manakala membiarkan bapa mertuanya berjuang di luar, ia sendiri mesti bertahan di dalam daerah. Oleh itu Syed Hussein tidak menyertai rombongan Tunku Anum ke Ligor mahupun ke istana Bangkok. Mereka berpakat menipu Tunku Anum dan kumpulannya agar tidak disyaki tidak seratus-peratus bekerjasama. Ketika disoal tentang Syed Hussein yang tidak hadir di Alor Star sebagi persiapan pelayaran, Muhammad Arshad mengemukakan alasan bahawa menantunya tidak sihat seperti berikut: "Syed Hussain Jamalullail tidak dapat bersama kerana beliau uzur".[109]

Manakala bapa mertuanya 'berjuang' secara diplomatik di luar, Syed Hussein bertapak mempertahankan kedudukannya di dalam daerah Perlis. Justeru dipersoalkan kisah-kisah Syed Hussein membawa bersama keluarganya berkejar menemui Sultan Ahmad Tajuddin sehingga ke Kelawai dan Tanjung Tokong di Pulau Pinang semasa perang.[110] Walau bagaimanapun tiada wujud sumber-sumber yang dapat membuktikan Penghulu Arau ini pernah menemui Sultan di sana. Sebaliknya dijumpai bukti yang menunjukkan ketidakpuasan Sultan Ahmad Tajuddin terhadapnya. Surat Sultan kepada Gabenor Pulau Pinang pada 1826 tepat menggambarkan pandangannya terhadap Syed Hussein:

> "With respect to my friend's communication to me that Captain Burney had informed my friend I had a large quantity of Muskets in my house, it is true I have Muskets, for at the time of the disturbance of the Siamese, some of my people brought some of my Muskets with them and delivered them to me. I have since

[108] Zoraidah Abbas, op. cit., m.s. 36.
[109] Op. cit., m.s. 37.
[110] Op. cit.

purchased four or five, which are now in my house, for I should be in difficulty without Arms. Moreover I had observed that many people, such as Syed Hussein, and others were in possession of Muskets, Blunder-busses in plenty and even Cannon, so that I retained a proper number of Muskets also....".[111]

Ada sebab mengesyaki cerita-cerita yang disebut itu direka untuk mengaburkan pandangan pembaca agar tidak mensyaki pemberontakan Syed Hussein, seorang Penghulu mukim di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin. Ternyata Syed Hussein ialah seorang pemberontak. Ia bukan sahaja memberontak terhadap Sultan Ahmad Tajuddin seorang tetapi juga terhadap kerajaan Kedah secara keseluruhannya kerana bercita-cita memisahkan sebahagian daripada bumi Kedah untuk dirinya sendiri. Maklumlah darah dan semangat pemberontak mengalir di dalamnya. Bapanya Syed Harun pernah membuat percubaan merajakan diri di Chenak dahulu tetapi gagal lalu terpaksa melarikan diri ke daerah Perlis, lalu membuka mukim Arau.[112]

Tetapi selepas ini sehingga 1838 nama Syed Hussein tidak lagi timbul di dalam sumber-sumber pertama. Namun begitu masalah dapat diselesaikan dengan merujuk pada sumber-sumber tersebut khususnya surat-menyurat Burney yang berguna menerokai keadaan Perlis sebenarnya semasa perang. Didapati bahawa pada tahun 1826 juga, dengan mempergunakan jawatannya sebagai Penghantar Bunga Emas dan Perak ke istana Bangkok. Tunku Anum telah mempersembahkan kepada Rama III sebuah laporan penolakan pembesar dan penduduk tempatan terhadap Sultan Ahmad Tajuddin. Di samping itu laporan tersebut turut memasukkan gambaran kestabilan politik yang

[111] "Translation of a letter from the Ex Rajah of Kedah to the Honourable R. Fullerton Esquire, Governor of Pulo-Penang", 15 September 1826, *BP*, Vol. L Pt.III (May 1826 to September 1826), m.s. 472.

[112] Lihat *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 26.

dapat dicapai walaupun dengan ketiadaan Sultan di kemuncak pemerintahan. Ini dicatat oleh Burney seperti berikut:

> "Addresses were lately presented to the King and Wang-na by Tuanku Anum, in the name of the 30 of the principal inhabitants of Quedah whose *Chops* appear on the addresses, assuring their majesties that with the exception of 1 or 200 persons only, who have left Queda, the whole of its inhabitants are happy under the Siamese Government, and most averse to the restoration of the King of Quedah".[113]

Lebih penting utusan British ke Bangkok ini menambah bahawa:

> "I regret to state that, I have not found at Bangkok a single friend of the King of Queda. Tuanku Annum was employed by His Highness I understand, to convey the *Boonga Mas* to Siam on one or two occasions, and as he and some other chiefs have attached themselves to the Rajah Ligor, it is natural to believe that they must fear the return of the King of Quedah".[114]

Berpandukan pada urutan perbincangan di atas ada sebab berasas meletakkan Muhammad Arshad sebagai salah seorang pembesar yang disebut oleh Burney walaupun namanya tidak timbul dalam laporan.

Secara ironisnya pada tahap ini para pemberontak yang diketuai oleh Tunku Anum ini tidak akan dapat menujukan permintaan ke Bangkok tanpa melepasi Raja Ligor dan anak-anaknya yang masing-

---

[113] "Notes" di dalam Burney kepada Gabenor Fullerton, 1 Mei 1826, *BP*, Vol. I. Pt. II (May 1826 to June 1826), m.s. 216.

Tetapi Burney meragui keadaan yang dilaporkan oleh Tunku Anum itu sepertimana ditulisnya dalam catatan yang sama bahawa: "I was informed by a person who witnessed the presentation of the address to the King that his Majesty interrogated Tuanku Anum much, and openly expressed his disbelief, that the Malayan Inhabitants of Quedah preferred the Siamese Government to the restoration of their own King". *BP*, Vol. I. Pt. II, ibid.

[114] Ibid.

masing menjadi Gabenor Kedah bergelar "Baginda Muda", Timbalan Gabenor Kedah, dan Gabenor Perlis terlebih dahulu.[115] Dari satu segi mereka menganggapnya sebagai musuh ketat, dari segi lain mereka amat memerlukan bantuannya untuk menyakinkan Maharaja Siam supaya memberikan mandat untuk masing-masing memerintah Kedah. Oleh demikian bagi golongan ini ia tidak lebih daripada seorang sekutu sementara. Bagi pihak Raja Ligor pula, kemungkinan besar ia bersedia berlaku sebagai perantara di antara pemberontak-pemberontak ini dengan istana Bangkok setelah memperolehi jaminan ketaatan berterusan mereka kelak.

Pada permulaannya sungguhpun kumpulan pemberontak ini gagal menyakinkan Rama III untuk melantik mereka sebagai pemerintah-pemerintah di Kedah, sekurang-kurangnya mereka berjaya menggesanya untuk tidak membenarkan Sultan balik. Ini dapat dikesan dalam surat Maharaja kepada Burney menolak permintaan pegawai British ini untuk mengembalikan Sultan ke atas takhta:

> "This wickedness and these crimes of the Governor of Queda, the great men of Queda fully know, and all of them have sent an address, stating that the Governor of Queda is not a correct and proper person; and that therefore they do not wish him to return and govern Queda in future... A new Governor of Queda will be appointed and that Country will be settled and re-established".[116]

Namun begitu suara mereka tidak sebegitu lantang untuk mempengaruhi Rama III. Ini kerana proses pemilihan seorang Gabenor baru ditunda sehingga tahun 1839. Pengaruh kuat Raja Ligor

[115] Lihat perbincangan lanjut.

[116] "Reply from the Ministers of Siam to Captain Burney's Memorial No. 19", di dalam Burney kepada Gabenor Fullerton, 1 Mei 1826, *BP*, Vol. I. Pt. II (May 1826 to June 1826), op. cit., m.s. 232.

dianggap oleh setengah-setengah sejarawan sebagai satu sebab utama Rama III tidak menamatkan perang sehingga tahun tersebut.[117]

Sementara itu sedangkan wujud vakum politik Melayu di dalam daerah Perlis, tidak wujud pula vakum politik Siam. Perlu ditegaskan bahawa tindakan Maharaja Siam menghukum Sultan Ahmad Tajuddin pada tahun 1842 dengan memecah-mecahkan kerajaannya bukan faktor jangka panjang yang mencetuskan penubuhan kerajaan Perlis. Sebaliknya ia hanya faktor serta-merta atau mangkin yang telah mempercepatkan Syed Hussein mencapai matlamatnya menubuhkan kerajaan. Dalam perkataan lain, Perang Kedah-Siam 1821-1842 sekadar berfungsi sebagai tempoh kesempatan, yakni satu kesempatan yang telah digunakan sepenuh-penuhnya oleh Penghulu Arau ini.

Bukan itu sahaja malahan sekiranya merujuk kepada sumber-sumber semasa difahamkan tempoh perang terutamanya peringkat awal sebenarnya merupakan halangan besar kepada matlamat Syed Hussein dan terhadap peluang penubuhan Perlis sebagai sebuah kerajaan baru. Dari satu segi, sehingga akhir tempoh Perang, Syed Hussein tidak dipandang oleh Rama III sebagai pilihan untuk memerintah daerah ini. Sebaliknya Perlis telah diletakkan di bawah seorang Gabenor, seorang pembesar berbangsa Siam yang berpangkat *Chiom*.[118] Ini selaras dengan dasar Maharaja tersebut menempatkan para pembesarnya di seluruh pelusuk Kedah. Yang menarik ialah nampaknya penduduk daerah terus menjalankan kehidupan sehari-hari dengan biasa di bawah pemerintahan asing itu, seperti yang dipaparkan dalam petikan laporan Burney di bawah:

---

[117] Kobkua, *Thai-Malay Relations*, op. cit., m.s. 87. Raja Ligor mati awal 1839. Ini menjelaskan Raja Ligor mempermain-mainkan Tunku Anum sekumpulan.

[118] Jawatan *Chiom* dan *Luang* kedua-duanya rendah sedikit daripada jawatan Residen British. Burney kepada Craufurd, 28 Januari 1825, *BP*, Vol. II Pt. III. (August 1825-March 1825), m.s. 9.

"From Kedah, we proceeded towards the Purlis district. Having heard that the *Chiom* or *Luang* here, Rat-Mintha, is a very intelligent person and a near relative of the *Pya* of Chaiya, I ascended on the 14th February thirteen miles up the Purlis River to Kangar, where I found fifteen large boats equipping, and about three hundred inhabitants, forty Siamese only, twenty Chinese, and from two to three hundred Malays. The *Chiom* had unfortunately been summoned to Kedah the day before, but I was received by those in charge of the place with civility, and allowed to walk about about and converse indiscriminately with the Inhabitants. The *Chiom*'s character had been justly represented to me. The Malays here appeared happy and contented. Paddy was extremely cheap and allowed to be freely exported – and several traders from Penang were loading their little boats with every semblance of confidence".[19]

Oleh demikian Syed Hussein bukan pemerintah *de jure* Perlis. Malahan ia menemui seorang musuh ketat di dalam diri Raja Ligor yang telah sejak awal menaruh minat terhadap sumber-sumber ekonomi Kedah dan bercita-cita untuk menguasainya. Seorang utusan dari kerajaan Belanda di Batawi ke Siam iaitu Pangeran Said Hassan al Habashy, semasa berada di Bangkok seawal November 1822, mendapat tahu sebab sebenar yang mendorong Raja Ligor menyerang Kedah. Sebab berkenaan ialah masalah kewangan Raja Ligor sendiri seperti yang ditulis oleh sarjana Henk Zoomers di bawah:

"... some dissention developed between the Sultan of Kedah and the Governor of Ligor. The latter had enjoyed himself with gambling and incurred debts with many of his fellow-players, which caused a financial embarrassment to him.

Being pressed for money the Governor of Ligor requested the Sultan of Kedah some money to pay his debts. After lending money more than once without repayment, the Sultan at last refused to give more money to the Governor. This refusal led to a strong embitterment of the ruler of Ligor, who tried all possible

[19] Laporan Burney, 2 April 1825, *BP*, Vol. II Pt. III, ibid., m.s. 179-180.

> means to take revenge upon the Sultan of Kedah. A reference to a possible conspiracy of the Sultan of Kedah and the King of Burma, at the time the greatest enemy of Siam, proved to be a sufficient reason to trigger a military attack on Kedah, putting an end to the financial problems of the Governor of Ligor at the same time".[120]

Maka sudah tentu Raja Ligor tidak akan melepaskan tangan begitu sahaja lebih-lebih lagi setelah berjaya bertapak di sini. Mengikut laporan seorang pengintip bagi pihak British yang bernama Che Etam, keinginannya meluas sehingga meliputi kerajaan-kerajaan Melayu pantai barat:

> "Che Etam told Abdulrahman that the rajah of Ligore had 15 Children, one of his daughters was married to the young Chief of Poongha, another to the Mardelong Chief. His sons were destined to be Rajahs of Quedah, Perak, Salengore, Purlis, Trang, and ca. and he would thus have the greater part of the Peninsula under the control of his family".[121]

Sungguhpun tidak dapat dipastikan samada cita-cita Raja Ligor benar-benar tinggi sehingga ingin menguasai Semenanjung Tanah Melayu dari Kedah ke Selangor, tetapi yang dapat dipastikan ialah ia tidak akan membiarkan orang lain menyentuh Kedah. Justeru jalan yang mesti diambil oleh Syed Hussein ialah merampas daerah Perlis daripada genggaman Raja Ligor dan anaknya. Ini bermakna kecenderungan Syed Hussein pada semasa perang ialah memperjuangkan

---

[120] Henk Zoomers, "Siam And Kedah In 1821-1822: A Contemporary Dutch View", Paper presented at the 14th Conference of the International Association of Historians of Asia (IAHA), Chulalongkorn University, Bangkok, 20-24 May 1996, m.s. 12-13.

[121] Lampiran "Abdul Rahman", di dalam Anderson kepada Fullerton, *BP*, Vol. II, Pt.I. (January 1825-June 1825), m.s. 111.

kemerdekaan Perlis bukan sahaja daripada Kedah tetapi juga daripada perintah langsung Siam dan Raja Ligor.

Berkenaan rombakan ke atas pemerintahan Kedah, sebenarnya Maharaja Siam sedang memikirkan jalan keluar sejak 1825 lagi. Perbincangan di atas sudah menunjukkan bahawa ia sedang mempertimbangkan secara serius untuk menggantikan Sultan Ahmad Tajuddin dengan seorang "Gabenor" Melayu Kedah yang baru. Walaupun Rama III memandangkan kawalan Raja Ligor, dan anaknya sebagai langkah sementara sahaja, namun secara praktis ia tidak boleh dan tidak dapat pada bila-bila masa menarik balik kuasa memerintah Raja Ligor. Ini hanya dapat dilaksanakan apabila masa sesuai. Kuasa kawalan tidak akan dipindahkan kepada mana-mana pembesar Siam yang lain. Masa yang sesuai itu hanya tampil dengan kematian Raja Ligor pada 1839.

Walau bagaimanapun di samping itu pemikiran Raja Ligor mendedahkan satu perkara menarik iaitu ia telah memahami dan menerima entiti khas Perlis. Kemungkinan besar kedudukan istimewa ini tidak difahami sedalam yang difahami oleh Tunku Dhiauddin sebelum itu dan terutama sekali oleh Syed Hussein, tetapi yang pasti pembahagian semulajadi sempadan Perlis diterima. Sementara itu Ava juga memahami entiti khas daerah ini. Malah Maharajanya bersedia mengakuinya secara rasmi dan melindungi Raja Perlis kelak. Di dalam surat Maharaja Ava yang menerima baik permintaan bantuan dari Sultan Ahmad Tajuddin untuk mengusir tentera Siam dari Kedah semasa Perang didapati bukti yang berkaitan:

> "Che Lanang and Mahomed Ally came and presented themselves before the great King and represented the circumstances of the King of Quedah, Purlis, Patani, Perak and Salengore: but he is anxious to hear again all particulars of the present state of affairs in these Countries, and when these five States have finally settled and their fidelity is assured, an armament will be prepared and sent to attack and retake the Country of Quedah and restore it to

> the King. As for the four Countries they shall never be exposed to difficulty for the time to come, nor will the Siamese be able to disturb them again; as the great King protects the States dependent upon him, so will he guard the King of Quedah and the four States abovementioned: wherefore, in his favor, he has been pleased to confer titles with a magnificent equipment," literally a magnificent dress, but the present consists of a long gilt umbrella, a set of furniture for a Horse, and a lackered stand for dinner service to each".[122]

Akan tetapi selain daripada meminta pertolongan Maharaja Burma, Sultan Ahmad Tajuddin tidak sama sekali berpeluk-tubuh. Sebaliknya ia, seperti yang akan dibincangkan sebentar lagi, telah mengarahkan serangan ke atas Kedah untuk merampas balik pucuk pimpinan. Ini merupakan cabaran serius terhadap pakatan Syed Hussein dengan pemberontak-pemberontak Kedah itu. Lebih-lebih lagi Sultan tidak akan membiarkan sebarang orang asing menawan tanahnya. Ini jelas dibuktikan oleh cara ia mengendalikan satu khabar angin seorang berbangsa Cina di daerah Perlis mendakwa boleh menjadi raja di mana-mana bahagian Kedah dengan kebenaran Raja Ligor. Sungguhpun ini kemudiannya didapati tidak berasas oleh seorang pengintip yang berkhidmat bagi pihak British, namun ia berguna dibincangkan kerana dua sebab. Pertama khabar angin ini telah sampai kepada pengetahuan Sultan Ahmad Tajuddin di Pulau Pinang dan telah menimbulkan kebimbangannya. Ini jelas seperti dilaporkan oleh Anderson kepada Gabenor Fullerton:

> "The Rajah (Sultan Ahmad Tajuddin) had previously mentioned the reports he had received of Achong's proceedings at Ligore. He

---

[122] Lampiran "Translation Of a letter from the Rajah of Tawei or Tavoy to the Rajah of Quedah at Pulo Pinang" (tidak bertarikh), di dalam Anderson, *Facsimile Reprint of Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, op. cit., bahagian *Appendix*, m.s. v.

> repeated them. He said a Chinaman known by the name of Baba Malacca told him Achong had been treated with great distinction at Ligore after being threatened; that he had been acting improperly, that the Rajah of Ligore promised to make him Rajah of Quedah, Purlis or any place he choose to select after he took Penang, that he was to get some Macao China-men to create a disturbance at the same time. The Rajah said the number of Chinese so engaged were said to be about 1,500".[123]

Kedua, ingin diulangi bahawa entiti khas Perlis sudah menjadi sebutan umum.

Walau bagaimanapun sekiranya Syed Hussein mengharapkan bantuan British untuk merajakan diri, maka bantuan ini tidak akan tiba. Seawal tahun 1822 Gabenor Pulau Pinang semasa iaitu W. E. Phillips telah membuat keputusan tidak akan membenarkan berlakunya pemberontakan dalam apa-apa bentuk daripada mana-mana bahagian Kedah. Dipetik surat Raja Ligor kepada kerajaan Siam yang mengisahkan berita tersebut seperti di bawah:

> "The people of the island Lang Kawi having rebelled, the army (Siam) went thither, beat them and obtained possession. I sent news of this to P.W. Island, accusing the King of Queda of having stirred up the Malays of Lang Kawi to rebellion. The Governor of Penang replied saying that the English would not encourage the Rajah of Queda contrary to the interests of the Great King, and that *they would by no means interfere in the affairs of Lang Kawi or the other dependencies of Queda*, nor permit the King of Queda to send out stores or ammunition to assist the rebels of Lang Kawi".[124]

---

[123] Lampiran "Ex-Rajah of Kedah", di dalam Anderson kepada Fullerton, 10 Mei 1825, *BP*, Vol. II. Pt.I. (January-June 1825), m.s. 107-108.

[124] Huruf miring untuk rumpuan. "Translation of a letter from the Rajah of Ligor to the Siamese Government", The Crawfurd Papers. A Collection of Official Records relating to the Mission of Dr. John Crawfurd sent to Siam by the Government of India in the year 1821, (England. Gregg International Publishers

Kembali kepada perbincangan percubaan Sultan Ahmad Tajuddin untuk merampas balik kerajaan, didapati ada satu pertempuran yang serius sahaja iaitu yang dipimpin oleh Tunku Kudin, anak saudara Sultan, dan Tunku Long Puteh, ipar kepada Sultan pada tahun 1831.[125] Manakala serangan yang kedua pada 1838 bukan di bawah arahan Sultan tetapi dicetuskan oleh Tunku Muhammad Saad bin Tunku Daud, seorang lagi kerabat di-raja Kedah.[126] Sejarawan Abdullah Zakaria bin Ghazali dalam sebuah artikelnya mengenai pertempuran-pertempuran tersebut menyatakan dalam bahagian pendahuluan bahawa:

> "Serangan Siam dan penaklukannya ke atas Kedah pada tahun 1821 dan pendudukannya sehingga 1842, memperlihatkan siri perjuangan orang Melayu Kedah untuk membebaskan negerinya dan memulihkan semula kedaulatan kerajaan serta maruah bangsa Melayu yang dicabar oleh Kerajaan Siam".[127]

Namun begitu harus disedari bahawa bukan semua yang terlibat boleh diterima sebagai "pejuang kebangsaan". Sebaliknya semasa

---

Limited, Republished 1971) diterbitkan semula daripada terbitan Vajirana National Library, Bangkok, 1915, m.s. 48-49.

125 Tunku Long Puteh, iaitu suami Tengku Jamjam, kemudiannya menyadi bapa mertua Syed Hussein melalui perkahwinan anaknya Tengku Nor Aishah dengan Syed Hussein. Anak hasil perkahwinan itu Syed Alwi ibni Raja Syed Hussein menjadi Raja Muda Perlis. Watak ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 5. Lampiran "Salasilah Raja-raja Negeri Perlis", Hussain Baba, op. cit., m.s. 195.

126 Ini akan dibincangkan sebentar lagi. Kali ini Sultan Ahmad Tajuddin tidak lagi terlibat seperti menurut Gullick, "After Bruas the Sultan was a broken man – "an object of pity and very advanced in years". Menurutnya lagi, pihak British pun tidak mensyaki Sultan memainkan peranan di dalam serangan tersebut. Gullick, "Kedah 1821-1855", op.cit., m.s. 46.

127 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kedah, 1821-42: Perjuangan Orang Melayu Menentang Siam", kertas yang dibentangkan di dalam Seminar Kebangsaan Isu-isu Dalam Persejarahan anjuran Bahagian Sejarah, Pusat pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 17-18 Ogos 1992, m.s. 1.

perang terdapat empat kecenderungan di kalangan pembesar Kedah. Pertama, yang cenderung untuk berperang bagi pihak (bekas) Sultan Ahmad Tajuddin dan bagi pihak Kedah, kedua, yang berperang menentang Sultan untuk merampas takhta, dan ketiga, yang melarikan diri ke Pulau Pinang. Kecenderungan keempat adalah unik iaitu berperang untuk menubuhkan kerajaan baru. Di sinilah terletaknya Syed Hussein.

Sebelum 1831 ada dua serangan kecil masing-masing pada 1826 dan 1828 yang dapat dipatahkan oleh tentera Siam dengan mudah. Dari serangan 1826 sehingga Tunku Kudin berjaya menawan Kota Kuala pada 24 April 1831 sehingga Tunku Kudin dihukum pancung kepala menjelang akhir 1831, nama Syed Hussein tidakpun muncul dalam sumber semasa.[128] Tetapi yang pasti daerah Perlis yang menerima padah kerana dalam serangan 1828 itu Tunku Kudin dan pengikutnya sempat menggondol sumber ekonominya seperti yang ditulis oleh sarjana Alfred P. Rubin:

> "For a year, in fact, Taju'd-din remained in Penang while various members of his family raided the commerce of "Purlis and Quedah"".[129]

Ini dipandang berat oleh Raja Ligor sehinggakan pada pertengahan 1829 ia menulis kepada Gabenor Fullerton mengadu bahawa Tunku Kudin setelah menawan daerah ini memaksa penduduknya menentang pemerintahan anaknya yang menjadi Gabenor Perlis itu.[130] Sebelum itupun pada bulan September 1826 Gabenor Perlis (seorang

---

[128] Untuk maklumat mngenai perjuangan Tunku Kudin, lihat Abdullah Zakaria, ibid., m.s. 8-9.

[129] Alfred P. Rubin, *Piracy Paramountcy And Protectorates*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya), 1974, m.s. 4-5.

[130] "Translation of a letter from "Chow Piya of Ligore" bertarikh 5 Mei 1829, di dalam Caunter kepada Ibbetson, 8 January 1828, *BP*, op. cit., Vol. III. Pt.I (March 1827 to June 1833), m.s. 128.

anak Raja Ligor) telah mengerah 16 orang Melayu yang "berkedudukan" menjadi Panglima untuk mempertahankan Perlis daripada serangan Tunku Kudin.[131] Ada kemungkinan Syed Hussein merupakan seorang daripada Panglima yang dilantik itu. Di samping itu penduduk terpaksa menyediakan bekalan peperangan yang terdiri daripada tidak kurang 20 buah perahu, termasuk 10 buah yang besar, yang dipenuhi dengan padi dan beras serta serbuk peluru.[132]

Nama Syed Hussein akhirnya muncul dalam pertempuran 1838 yang dicetuskan oleh Tunku Muhammad Saad. Dipetik tulisan Abdullah Zakaria mengenai Syed Hussein dan bapa mertuanya menyahut seruannya mengumpulkan angkatan yang besar untuk merampas semula kerajaan.

> "Pada 24 Mac 1838, Tunku Muhammad Saad bin Tunku Daud dan Dato' Wan Muhammad Ali menyibarkan surat jemputan ke Seberang Perai, menjemput datang berkumpul di Sungai Muda dan Sungai Merbok untuk sama menentang Siam di Kedah. Tunku Muhammad Saad dibantu oleh Dato' Muhammad Wan Ali dari Langkawi; Tunku Muhammad Taib dan Tunku Muhammad Akib dari Setul; Syed Husin dan Wan Muhammad Arshad dari kayang (Perlis)....".[133]

Selepas itu nama Syed Hussein sekali lagi 'hilang' sehinggalah angkatannya seramai 300 orang kalah di tangan tentera Siam pada 6 April 1839.[134]

---

[131] Caunter kepada Fullerton, 18 September 1826, *BP*, op. cit., Vol. II. Pt.V (February 1825 to October 1827), m.s. 84.

[132] Caunter kepada Fullerton, 18 September 1826, *BP*, op. cit.

[133] Abdullah Zakaria, op. cit., m.s. 16.

[134] Rubin, op. cit., m.s. 28. James Low silap mengatakan Syed Hussein terbunuh dalam pertempuran tersebut. Lihat Low, "Pt. II. A Retrospect of British Policy in the Straits of Malacca from the period of the First Establishment of Penang on the 17th of July 1786 up to April 1842 Combining Historical Details Respecting the Straits Settlements and the Neighbouring Native States", *BP*, op. cit. Vol. V. Pt. I, m.s. 187.

Walau bagaimanapun setelah berjaya mengusir tentera Siam dari Kuala Sungai Merbok pada Jun 1838 angkatan Tunku Muhammad Saad yang berjumlah 45 buah perahu mara ke utara dan menawan Perlis.[135] Dengan ini Komander Warren, semasa berlayar meninggalkan Pulau Pinang pada bulan September menuju ke Kuala Kedah melaporkan bahawa seluruh perairan dari Kedah ke Trang telah ditawan oleh pejuang itu.[136] Ia yang mengetuai kapal perang *Hyacinth* telah diarahkan untuk mengepung perairan Kedah.[137] Tetapi sebelum itu pada 24 Julai 1838 Gabenor Pulau Pinang Bonham menghantar sebuah kapal bernama *Wolf* ke Kedah untuk memberi amaran kepada Raja Ligor tentang kemaraan Tunku Muhammad Saad itu. Tetapi Raja Ligor bukan sahaja tidak mengendahkan amaran tersebut tetapi sebaliknya mendakwa bahawa ia telah bersedia dan menanti setiap hari serangan dari Perlis.[138] Amat berguna menekankan bahawa tiada sebarang serangan datang dari Perlis.

Malahan penduduknya lebih memihak pada angkatan Siam berbanding dengan pada "pejuang kebangsaan" ini. Setelah mendapati Raja Ligor tidak berupaya menawan Kedah, Rama III pada 6 Mac mengeluarkan perintah kepada Raja Ligor dan Gabenor Singgora untuk menggembleng tenaga mengusir angkatan Tunku Muhammad Saad.[139] Dalam rundingan awal dengan Bendaharinya pada pagi 14

---

[135] Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, (New York: J.J. Augustin Incorporated Publisher, Published for Asian Studies, 1957), m.s. 71. Dan Anderson, "Quedah, And Tuanku Mahomed Saad", *Royal Asiatic Journal*, (New Series, Vol. 35, 1847), m.s. 114.

[136] Warren kepada Crozier, 12 September 1838, BP, op. cit., Vol. III. Pt. II (August 1830 to June 1840), m.s. 477.

[137] Sherard Osborn, *The Blockade Of Kedah In 1838. A Midshipman's Exploits In Malayan Waters*, (Singapore: Oxford University Press, reprint, 1987), m.s. 26.

[138] Bonham kepada Chow Phya Praklang, 2 September 1838, *BP*, op. cit., Vol. III. Pt. II., m.s. 493.

[139] Hunter kepada Bonham, 21 Januari 1839, *BP*, op. cit., Vol. III. Pt. II., m.s. 516-518.

September 1838 yang membuahkan serangan itu, Maharaja mendapat jaminan bahawa penduduk Perlis akan menghulurkan bantuan kepada tentera Siam seperti berikut:

> "His Majesty then asked why it was proposed to advance through Perlis... The Treasurer replied that by taking the Perlis route they could rely on obtaining food and reinforcements".[140]

Sementara itu semasa daerah ini berada di dalam tangan Tunku Muhammad Saad kehidupan penduduknya nampaknya biasa sahaja. Sherard Osborn, yang menyertai pengepungan Kedah itu sendiri begitu tertarik dengan gambaran Perlis yang seolah-olah tidak pernah berlaku sebarang pertempuran. Beberapa hari sebelum angkatan Siam muncul untuk menawan daerah ini, Osborn yang kehabisan bekalan air minum telah mendayung sampan di Sungai Perlis dari muara ke Kangar untuk mencari bekalan baru. Di sana ia memerhati kemeriahan di sebuah pasar yang dipenuhi oleh penduduk Melayu dan peniaga asing.[141] Tidakpun sampai setengah hari di sana ia telah menjadi saksimata kepada kemunculan angkatan Siam di Perlis. Mula-mulanya ia pun tidak menyedari keadaan yang sebenar lalu menulis bahawa:

> "We had just disengaged ourselves from the crowd, heat, and strong smells of the bazaar, when a general commotion occurred in the town, which hitherto exhibited no signs of life except in the bazaar. Boys ran along screaming, women ran out in the balconies, and appeared very excited; and soon afterwards a large body of Malays, armed to the teeth, covered with dust, and

---

[140] C. Skinner (trans.), *Rama III and the Siamese Expedition to Kedah in 1839, The Dispatches of Luang Udomsombat*, Monash Papers on Southeast Asia No. 30, (Victoria: Monash University, Centre for Southeast Asian Studies, 1993), m.s. 37.

[141] Osborn, op. cit., m.s. 273-276.

looking much wayworn, passed rapidly along, marching, however, without order or military array".[142]

Osborn diberitahu oleh penduduk Melayu bahawa askar-askar tersebut ialah angkatan Dato' Wan Muhammad Ali tetapi ia mendapati bahawa

"... whereas the truth was, that the Siamese were again victorious, and marching down the good town of Kangah".[143]

Maka daerah Perlis pun ditawan oleh tentera Siam pada 6 April 1839 dan Tunku Muhammad Saad serta Dato' Wan Muhammad Ali melarikan diri ke Seberang Prai.[144] Kalaupun benar Syed Hussein menyertai perjuangan Tunku Muhammad Saad, saat itu tidak lama bahkan ada sebab mengesyaki mereka tidak berperang bersungguh-sungguh melawan angkatan Siam itu lalu dengan senang sahaja tumpas. Buktinya terdapat dalam pembalasan dendam oleh Tunku Muhammad Saad terhadap penduduk daerah ini. Sebelum meninggalkan Perlis ia telah membakar Kuala Perlis.[145]

Akhirnya menjelang penghujung tahun 1839 baru muncul dalam agenda kerajaan Siam langkah untuk membahagikan Kedah selaras dengan pembahagian daerah-daerah lamanya. Di Bangkok Rama III melalui suatu "kompromi", mengisytiharkan Tunku Anum sebagai Gabenor Kedah.[146] Sejarah-sejarah Melayu Perlis tempatan mendakwa

[142] Op. cit., m.s. 276-277.

[143] Op. cit., m.s. 278.

[144] Warren kepada Bonham, 11 April 1839, *BP*, op. cit., Vol. III. Pt. II., m.s. 528.

[145] Lihat Roshade Haji Abdullah, "Kedah 1821-1842: Satu Kebangkitan Orang Melayu", Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Universiti Malaya, 1988, m.s. 73. Penulis tersebut walau bagaimanapun percaya bahawa itu hanya satu taktik peperangan tidak membiarkan kota itu jatuh ke tangan musuh.

[146] Pada masa yang sama Maharaja telah mengeluarkan Setul dari Kedah. Kobkua, *Thai-Malay Relations*, op. cit., m.s. 84 dan 89.

bahawa sekembalinya dari Ligor, Muhammad Arshad bergesa menemui besannya Wan Fatimah untuk menulis sepucuk surat kepada Raja Ligor menunjukkan sokongan pembesar dan penduduk Perlis untuk menaikkan Syed Hussein sebagai Raja Perlis dan bahawa Raja Ligor sendiri telah memastikan perlantikan Syed Hussein sebagai Raja Perlis.[147] Ini ternyata satu kesilapan kerana Raja Ligor telahpun mati pada pertengahan 1839, dan kematiannya ini merupakan salah satu faktor yang mendorong Maharaja Siam mengambil langkah itu.[148] Sebenarnya penulisan surat berkenaan timbul sekembalinya Muhammad Arshad setelah menghadiri upacara penganugerahan dan perlantikan Tunku Anum itu di istana Bangkok pada 1839. Surat asal tidak dijumpai tetapi Latihan Ilmiah yang disebut di atas memasukkan butir-butir terperinci isi kandungannya. Difikir amat berguna memetik daripadanya:

> "Beliau pun bercerita kepada Cik Wan Fatam (Wan Fatimah) berhubung dengan surat kuasa yang di anugerahkan oleh Raja Ligor kepada Tunku Anum itu. Setelah difahamkan segala keterangan yang diberi oleh Muhammad Arshad itu, Cik Wan Fatam pun menyuruh Muhammad Arshad menjemput panglima-panglima dan hulubalang-hulubalang Negeri Kayang mengadapnya. Cik Wan Fatam pinta tuliskan sepucuk surat kepada Raja Ligor memohon supaya Syed Hussain Jamalullail dilantik menjadi Raja Kayang bagi menggantikan Tunku Dhiauddin Raja Muda Kayang kerana putera tunggal Tunku Dhiauddin yang bernama Tunku Yusuf telah mangkat di Melaka ketika almarhum itu turut berpindah ke sana bersama-sama dengan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah atas arahan dan persetujuan Gabenur Pulau Pinang ketika itu, iaitu sebagai langkah menjaga keselamatan Sultan dan keluarga baginda itu. Lagi pun Syed Hussain Jamalullail adalah cucu kepada Tunku Dhiauddin. Tambahan pula ketika Tunku Dhiauddin menjadi Raja Muda yang memerintah Kayang dan

[147] Lihat misalnya Sejarah Perlis, op. cit., m.s. 14-16. Dan lihat perbincangan mengenai pandangan Zoraidah Abbas di dalam kandungan bab.

[148] Kobkua, *Thai-Malay Relations*, op. cit., m.s. 87.

> Setul, baginda melantik Syed Harun Jamalullail menjadi Penghulu Arau dan kawasan Mukim Arau diserahkan kepadanya untuk menjadi pusaka turun temurun. Ketika mangkat Syed Harun Jamalullail, baginda Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah melantik Syed Hussain Jamalullail menjadi Penghulu Arau menggantikan paduka almarhum ayahandanya. Tambahan pula rakyat diseluruh Negeri Kayang sangat kasih dan bersetuju supaya Syed Hussain Jamalullail ditabal menjadi raja negeri Kayang. Segala keterangan-keterangan yang dilapurkan oleh Cik Wan Fatam itu hendaklah dicatitkan didalam surat yang akan dipersembahkan kepada Raja Ligor itu".[149]

Akan tetapi adalah penting menyedari bahawa pada tahap ini Perlis masih merupakan sebuah daerah Kedah. Ini bermakna belum tiba masanya Syed Hussein diisytiharkan sebagai Raja. Tambahan pula ia mesti melalui pemerintah Melayu Perlis lantikan Maharaja Siam, Paduka Seri Maharaja Lela yang memakai gelaran Raja Long Krok yang mengikut Kobkua, merupakan "who, though he was endowed with full authority in Perlis, was still answerable to Kedah".[150] Ini sebenarnya sejajar dengan cadangan dua orang pegawai *Chaophraya* Yomraj dan *Phraya* Siphiphat yang diarahkan oleh Rama III untuk merombak pemerintahan Kedah. Mereka mengusulkan supaya melantik pembesar-pembesar Melayu yang sebaik-baiknya mempunyai pertalian dengan bekas Sultan tetapi yang lebih penting akan setia kepada Maharaja Siam untuk mengisi jawatan. Justeru permohonan Syed Hussein untuk menjadi pembantu Raja Long Krok diluluskan tanpa masalah.[151] Ini membawakan Syed Hussein ke istana Bangkok pada tahun 1840 menerima perlantikan rasmi Rama III.[152]

---

[149] Surat itu mengandungi tandatangan oleh hulubalang, panglima dan orang-orang kenamaan Perlis. Zoradah Abbas, op. cit., m.s. 40-41.

[150] Kobkua, *Thai-Malay Relations*, op. cit., m.s. 90.

[151] Vella, op. cit., m.s. 75.

[152] Kobkua, *Thai Malay Relations*, op. cit.

Akan tetapi untuk menjadi Raja, Syed Hussein mesti mengatasi kuasa Raja Long Krok. Nasib nampaknya menyebelahi Syed Hussein dan Muhammad Arshad memandangkan Raja Long Krok meninggal dunia hanya empat bulan kemudian.[153] Paling penting pada tahun 1841 Rama III membenarkan Sultan Ahmad Tajuddin kembali tetapi sebagai jaminan agar ia tidak lagi berupaya bangkit menentangnya, memecahkan Perlis dan Kubang Pasu, daripada Kedah. Jaminan ini telah membantu menghasilkan kerajaan baru Perlis pada tahun yang sama. Hasil pelayaran kali kedua mertua-menantu ini ke Bangkok menyaksikan Maharaja Siam menabalkan Syed Hussein sebagai Raja Perlis pertama ini dengan pangkat, gelaran, dan alat-alat kebesaran yang sewajarnya.[154] Selepas ini Raja Syed Hussein turut memakai gelaran dalam bahasa Siam yakni "Phya Songkram Ramu Wichit Willis Asmara Phya Pelit".[155]

Namun ini masih belum mencukupi. Sebagai penyokong yang merealisasikan impian Syed Hussein, Muhammad Arshad perlu juga

---

Gullick walau bagaimanpun menulis bahawa "The new regime of Tunku Anum and Syed Hussein soon proved a failure. "The rule of these men was more severe and exacting than even of the Siamese." As a result the Kedah exiles settled in Province Wellesley would not return to Kedah....". Lihat Gullick, "Kedah 1821-1855", op. cit., m.s. 49. Tetapi tidak harus dinafikan kemungkinan bahawa mereka yang menjalankan kekejaman itu sebenarnya ialah bekas-bekas Gabenor Kedah dan Perlis. Bukti ini terletak pada keluhan daripada sekumpulan penduduk Kedah yang melarikan diri ke Pulau Pinang pada masa itu. C. Skinner, "A Kedah Letter Of 1839", di dalam John Bastin and R. Roolvink (eds.), *Malayan And Indonesian Studies. Essays presented to Sir Richard Winstedt on his eighty-fifth birthday*, (Oxford: At The Clarendon Press, 1964), m.s. 162.

153 Koblua, *Thai-Malay Relations*, op. cit.

154 Zoraidah Abbas, op. cit., m.s. 46.

155 *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 44. Tetapi dari kacamata ini hanya perlantikan mengisi perkhidmatan dalam kerajaan. Lihat jadual gelaran di dalam kerajaan Siam, Chayachoke Chulasiriwongs, "Thai-British Relations Concerning The Southern Malay States, 1880-1899, PhD Thesis (tidak diterbitkan), Ohio University, 1980, salinan mikrofilem, Ann Arbor: University Microfilms International, 1980, m.s. xxi.

melaksanakan tanggungjawabnya yang terakhir dan terunggul iaitu menabalkan Raja Perlis yang pertama ini di atas tanah Perlis sendiri. Memetik Latihan Ilmiah tersebut:

> "Setelah sampai balik dari Bangkok... maka Muhammad Arshad telah bermesyuarat dengan Syed Hussain Jamalullail, beberapa orang kenamaan, Tunku Sofiah dan Cik Wan Fatam. Di dalam majlis mesyuarat itu beliau telah mengesyurkan supaya diadakan suatu istiadat pertabalan Syed Hussain Jamalullail menjadi Raja Perlis yang pertama. Sungguhpun istiadat pertabalan baginda itu telah diadakan dengan lebeh meriah di istana balairong Maharaja Siam (King Rama III), tetapi istiadat yang hendak dijalankan di istana Arau adalah sebagai pengistiharan kepada rakyat seluruh Negeri Perlis".[156]

Sungguhpun begitu Raja Syed Hussein tidak memiliki cap mohor kerajaan, tidak seperti raja-raja kerajaan Melayu lain.

Sungguhpun Gullick tidak menyedari kemunculan kerajaan baru Perlis sebagai satu kejayaan pemberontakan pembesar, namun pengasasan daerah Perlis sebagai sebuah kerajaan baru dan pertabalan Raja pertamanya, Syed Hussein di istana Arau yang telah ditampilkan di atas menepati beberapa ciri umum yang membentuk sebuah kerajaan yang digariskan oleh sarjana tersebut. Pertama, pembesar yang merajakan raja yang bermakna Syed Hussein mesti mendapatkan sokongan majoriti pembesar untuk menjadi raja. Justeru jelaslah Raja-pengasas kerajaan Perlis ini telah dipilih dan ditabalkan oleh segolongan pembesar tempatan.[157] Sehubungan dengan itu didapati sokongan rakyat terhadap keputusan pembesar juga penting. Di sini suara rakyat telah dilaungkan melalui suara pembesar.

Kedua, kedudukan Perlis sebagai sebuah kerajaan bergantung pada adanya seorang raja. Ia sememangnya satu elemen penting

---

[156] Op. cit., m.s. 52.

[157] Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, op. cit., m.s. 54.

bahkan yang terpenting pada tahap ini bagi kerajaan baru Perlis. Raja bukan sahaja simbol kejayaan perjuangan kemerdekaan Perlis daripada Kedah, ia adalah 'jentera' yang memberikan status kerajaan kepada Perlis. Kepentingan peranannya diperlihatkan dalam petikan di bawah:

> "The apex of the political system of each State was the ruler called Yang di-pertuan (He who is made lord), Raja (Hindu ruler) and Sultan (Arabic Ruler)". The Sultan's (as he will hereafter be called) role was to symbolize and to some extent to preserve the unity of the State".[158]

Dan ketiga, pada masa yang sama Raja Syed Hussein perlu menubuhkan kerajaan sebelum dapat menjadi Raja. Tanpa sebuah kerajaan, ayahnya memerintah seperti raja tetapi dengan sebuah kerajaan ia memerintah sebagai raja.

Akhir kata penubuhan kerajaan baru Perlis pada 1841 turut menampilkan ciri-ciri tersendiri. Pertama, kelahiran Perlis ialah hasil kerjasama pembesar tempatan dengan kuasa asing. Pihak Siam telah memainkan peranan sebagai sebuah mangkin yang mempercepatkan Syed Hussein merealisasikan cita-citanya. Dan kerjasama ini telah menjimatkan Syed Hussein tenaga dan wang tanpa perlu mengorbankan penduduk tempatan. Di sinilah terletaknya kebijaksanaan Syed Hussein, ibunya Wan Fatimah dan bapa mertuanya Muhammad Arshad. Dan kedua, kejayaan mereka membuktikan bahawa seorang yang bukan kerabat diraja dan pada masa yang sama merupakan peranakan Arab-Melayu juga mampu menjadi pemerintah sebuah kerajaan Melayu.

---

[158] Op. cit., m.s. 44.

Bab 3

Pergelutan Memelihara Kerajaan, 1897-1930

> "... the formation of Kedah, Perlis and Satun into *monthon* Saiburi between 1897 and 1905 were only nominal affairs so long as the Ministry did not wish to appear to be trying to forestall British intervention in the southern tributary states. In the case of *monthon* Saiburi, a superintendent commissioner was not even sent to Kedah. The Sultan (Sultan Abdul Hamid) was merely given the title of that office and the existing administration of the state was left untouched... For his part, Sultan Abdul Hamid did not interfere in the administration of either Satun or Perlis in his capacity as superintendent commissioner of *monthon* Saiburi".[1]

Selalunya sukar untuk membincangkan sejarah kerajaan Melayu sebagai sebuah entiti politik tanpa penglibatan kuasa asing. Ini khususnya benar bagi Perlis memandangkan ia, seperti yang telah ditunjukkan dalam Bab 2 di atas, telah bergantung pada pihak Siam untuk menyempurnakan rancangannya berpisah daripada Kedah dan menubuhkan diri sebagai sebuah kerajaan yang baru. Bab ini akan membuktikan bahawa kuasa-kuasa asing Siam dan kemudiannya British memang memainkan peranan yang dominan di dalam sejarah pembangunan Perlis selepas 1841. Tetapi yang menarik ialah Raja dan pembesarnya menganggap ini sebagai jalan keluar yang unggul dan muktamad demi memelihara kerajaan daripada dicerobohi oleh Kedah.

---

[1] Tej Bunnag, *The Provincial Administration Of Siam 1892-1915. The Ministry of the Interior under Prince Damrong Rajanubhab*, (Petaling Jaya: Oxford University Press, 1977), m.s. 140. Tej Bunnag memberikan dua sebab sistem *Thesaphiban* ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Satu, kerajaan Siam takut pada Perancis dan British dan dua, kerajaan-kerajaan naungan Siam kuat menentang perlaksanaannya. Bunnag, ibid., m.s. 137.

Kepentingan mempertahankan autonomi ternyata menduduki tangga teratas dalam dasar pihak pemerintah kerajaan baru Perlis sehingga 1930. Mereka sering dihantui oleh kemungkinan Kedah menyerapkannya semula setelah pulih daripada malapetaka Perang Kedah-Siam yang berakhir pada tahun 1842. Justeru tidak hairan mereka memandang kepada Maharaja Siam sebagai penyelamat. Sumber mengenai Perlis sepanjang tahun-tahun 1841 hingga awal 1890-an amat kekurangan tetapi daripada maklumat yang ditemui, dapat dikesan bahawa ia telah memainkan peranan sebagai kerajaan naungan Siam yang unggul.[2] Raja Syed Hussein dan pengganti-penggantinya sudi melaksanakan tanggungjawab sebagai pemerintah yang dinaungi agar memastikan sokongan berlanjutan Maharaja Siam. Pada masa yang sama mereka tidak ingin menimbulkan sebarang ketidakpercayaan atau syak Maharaja mahupun anggota istananya terhadap ketaatan mereka. Ini termasuk mengenepikan buat sementara perasaan tidak senang hati mengambil bahagian dalam upacara keagamaan yang bertentangan dengan agama Islam. Misalnya Raja Syed Hussein (mem. 1841-1873) telah bertolak ke Bangkok pada tahun 1851 untuk menghadiri upacara pembakaran mayat mendiang Rama III dan pertabalan penggantinya Maharaja Mongkut. Pada tahun 1868 Raja Syed Hussein pula menghadirkan diri dalam upacara pembakaran mayat mendiang Maharaja Mongkut dan pertabalan

---

[2] Mengikut Kobkua, Kedah selepas 1842 perlahan-lahan memulihkan hubungan dengan kerajaan penaungnya. Menjelang 1890 hubungan kedua-dua sudah intim sehingga membolehkan Sultan mengemukakan tuntutan untuk mendapatkan balik bekas daerah-daerahnya. Kobkua Suwannathat-Pian, *Thai-Malay Relations. Traditional Intra-regional Relations from the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*, (Singapore: Oxford University Press, 1988), m.s. 92-94, dan 100.

Tetapi Perlis sebenarnya yang memainkan peranan sebagai kerajaan naungan yang unggul dan yang paling taat sehingga jauh mengatasi Kedah pun. Ini dilakukan demi memperolehi jaminan berterusan Maharaja Siam terhadap kedudukannya. Pada masa yang sama Siam melaga-lagakan kedua-dua kerajaan ini dengan konsep siapa lebih taat dialah yang lebih mendapat.

penggantinya Maharaja Chulalongkorn. Di samping itu kehadiran di upacara-upacara perayaan yang lain seperti meminum 'air taat' juga wajar diambilkira.[3] Pendek kata seperti ditulis oleh Kobkua:

> "Perlis had forged strong tributary bonds with Bangkok since 1839, since the house of Syed Hussein owed its power and position to its overlord in Bangkok".[4]

Pada masa yang sama sebenarnya raja dan pembesar Perlis telah melancarkan satu gerakan berlumba-lumba dan bersaingan dengan Sultan Kedah dalam menyemai perasaan baik dan mesra Maharaja dan istana Siam terhadapnya. Malah tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa mereka memikirkan tentang Kedah sebelum membuat hampir setiap langkah. Paling ketara mereka telah cukup mengetahui dan memahami bahayanya jika ketinggalan sebarang bayaran ufti Bunga Emas dan Perak khususnya, kerana perkara seperti ini yang telah digunakan sebagai alasan untuk melancarkan serangan ke atas Kedah pada tahun 1821 dahulu. Justeru Perlis bukan sahaja tidak pernah ketinggalan dalam satu bayaran, bahkan pembayaran 'wang perlindungan' ini telah menjadi agenda utama kerajaan yang langsung tidak boleh diabaikan. Dari 1841 hingga 1909 kerajaan ini telah menghantar tidak kurang daripada dua puluh buah Bunga Emas dan Perak, setiap tiga tahun.[5]

---

[3] Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan. Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, (Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992), m.s. 53. Selepas ini disebut sebagai *Perlis Indera Kayangan*. Amalan meminum seteguk air di hadapan Maharaja Siam merupakan satu cara simbolik melafazkan 'ketaatan' raja-raja Melayu pada penaung yakni Maharaja Siam. Lihat Kobkua, op. cit., m.s. 93.

[4] Kobkua, op. cit., m.s. 107.

[5] Lihat "Jadual Persembahan Bunga Emas Dan Perak Oleh Negeri Perlis (1843-1909)", di dalam *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 109. Jadual ini memberikan tarikh hantaran pertama sebagai tahun 1845 bersamaan tahun ketiga

Malahan ini diamalkan sehingga ekonominya terjejas. Ketika melawat Perlis dalam sebuah ekspedisi pada tahun 1900 W.W. Skeat membuat pemerhatian bahawa:

> "The total annual revenue of Perlis amounted to $27,000 which was not enough to pay the expense of government".[6]

Perbelanjaan tersebut termasuk sejumlah wang yang disalurkan ke arah pembayaran ufti sepertimana ditunjukkan oleh pelawat berkenaan:

> "The *bunga mas* at Perlis was made up of 12 *hungkai* (= *bungkal*) of gold (Penang wt), and 25 dollars of weight of silver. There were two trees, one of gold and the other of silver, with their combined cost coming to about $1,500: to this had to be added some $500 for presents to the Siamese chiefs, making a total expenditure of about $2,000. Rice-swamp (*sawah*) holders paid $1 each, women as well as men, but only married units were taxed, not bachelors. About two thousand people paid this tax, and the Raja made up the deficiency. The presents given by Siam in exchange consisted mostly of cloth. Two *kawu* (=80 *cubits*) of *kain twit* were given to each of the chiefs who carrried up the *bunga mas*".[7]

Ini tidak mengambilkira perbelanjaan menghadirkan diri di Bangkok untuk upacara-upacara seperti yang disebut diatas.

Ditambah dengan ketidakcekapan mengendalikan belanjawan tahunan, tidak hairanlah kerajaan ini hampir muflis menjelang per-

---

pembentukan Perlis. Tetapi sebenarnya Perlis ditubuhkan pada 1841, maka dapat diandaikan bahawa penghantaran pertama seharusnya pada sekitar tahun 1843.

6 W.W. Skeat, "Reminiscences of the Expedition", di dalam *The Cambridge University Expedition to parts of the Malay Peninsula, 1899-1900*, Personal Accounts by Skeat and F. F. Laidlaw. (*JMBRAS*, Vol. 26, Pt.4, Dec. 1953, No. 164), m.s. 136

7 Ibid., m.s. 137.

mulaan abad ke-20. Masalah serius yang berkaitan ialah corak hidup Raja Syed Alwi yang mewah. Misalnya Skeat memerhatikan baginda memelihara dua ekor kuda bermutu dan menyimpan sebuah kereta kuda yang diimport dari Pulau Pinang.[8] Skeat sendiri telah menetap di sebuah rumah tumpangan yang dihuraikannya sebagai:

> "was a most palatial building, brick-and-tile, of two storeys, situated just opposite the landing stage, and said to have cost $8,000, an immense sum for such a small place. It had mahogany tables, bentwood chairs, and iron bedsteads with spring mattresses. No doubt such things are a sign of poor quality now, but in 1900 they were, for a rest-house the height of luxury".[9]

Justeru kemiskinan Perlis harus ditinjau semula kerana pada tahap ini didapati ia bukan tiada punca pendapatan. Tetapi, pertama sekali, raja dan pembesarnya tidak dapat mengawal ekonomi dengan baik. Dan, kedua, sebahagian pendapatan mesti disalur keluar.

Usaha Menyelamatkan Kerajaan, 1897-1909

Di sebalik 'ketaatan' raja-raja Perlis kepada Siam, bermula dengan Raja Syed Hussein, ini masih tidak menjaminkan Perlis bebas daripada ancaman Kedah. Kedah, sebagai kerajaan lama, telah lama menafikan kedudukan berasingan Perlis.[10] Ia juga menganggap saiz Bunga Emas dan Perak hantaran Perlis yang lebih kecil, berbanding dengan saiz hantarannya, sebagai melambangkan kedudukan yang lebih rendah.[11] Ini berbeza dengan sudut pandangan Siam yang me-

---

8 Ibid., m.s. 135.

9 Ibid., nota kaki 89, m.s. 135

10 Lihat misalnya ibid., nota kaki 90, m.s. 135.

11 Namun ini telah disalahtafsir oleh Sultan dan pembesar Kedah, sebegitu juga oleh sejarawan sebagai menandakan perbezaan status di antara Kedah dengan bekas daerahya. Perlis, Kubang Pasu dan Setul. Ini disebabkan Bunga Emas hantaran Perlis hanya tiga tingkat, yakni dua tingkat lebih rendah daripada Bunga Emas hantaran Kedah. Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, (Kuala Lumpur: Dewan

lihat perbezaan tingkat ufti sebagai bergantung pada keupayaan kewangan sesebuah naungannya, seperti yang terpapar di dalam petikan berikut:

> "The size of the gold and silver trees varied according to the wealth of the individual states. The Sultan of Kelantan's trees were the biggest, being 10 feet 5 inches in height while those of the Lord of Berikhannikhom, a small tributary province in southern Laos, were 2 feet high".[12]

Sesudah Kedah berjaya menyerap kembali Kubang Pasu pada November 1864, masih tinggal Perlis dan Setul di luar pemerintahannya.[13] Tetapi tidak dapat dinafikan 'serangan' terhadap autonomi Perlis berlaku dari semasa ke semasa dan amat dipengaruhi oleh pergolakan politik dalaman Kedah sendiri. Semasa menghadapi perebutan kuasa dalaman, Kedah telah berdiam diri.[14] Tetapi ia

---

Bahasa dan Pustaka, 1980), m.s. 72. Sebaliknya Perlis memang memandang berat peranan ufti itu demi mengesahkan kedudukan kerajaannya di kacamata Siam dan Kedah. Ia begitu tertarik dengan jalan ini sehingga pada tahun pertama penyerahannya kepada kawalan British pada 1909, dengan banggannya menghantar ufti kepada pihak kerajaan British di London pula. Lihat nota 5 di atas.

12 Burnag, op. cit. m.s. 36-37.

13 Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), m.s. 39.

14 Mulai 1879 Kedah telah diselubungi masalah perebutan takhta dan kuasa di kalangan istana. Berikutan kematian Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah pada tahun itu muncul dua calon utama, daripada beberapa ibu, yang berebut untuk mengisi takhta iaitu Tunku Putera Zainal Rashid dan Tunku Abdul Hamid. Di belakang mereka ialah dua pihak pembesar yang bertentangan iaitu masing-masing pihak Tunku Kudin, dan pihak Tunku Yaakop dan Wan Mat Saman. Akhirnya dengan campurtangan Siam kuasa pemerintahan Kedah telah dikongsi di antara Tunku Putera yang ditabalkan sebagai Sultan Zainal Rashid II dengan Tunku Abdul Hamid yang dilantik sebagai Raja Muda. Begitu juga kuasa dikongsi di antara dua Tunku Kudin dan Tunku Yaakop. Keputusan ini tidak dapat berjalan lancar dan masalah timbul sekali lagi berikutan kematian Sultan tersebut tiga tahun kemudiannya pada 1881. Penyelesaian masalah perebutan

bertukar haluan sebaik sahaja mencapai kestabilan politik. Serangan paling serius datang di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid ibni Sultan Zainal Rashid (mem. 1881-1943). Mulai tahun 1889, bersamaan ulangtahun kesembilan pertabalannya, pemerintah Kedah itu telah menghidupkan semula rancangan agung menyatukan semula kawasan jajahannya. Pada tahun itu ketika baginda, bersama ibunya Wan Hajar, menghadiri majlis harijadi ke-12 Bakal Maharaja Siam di Bangkok, Sultan Abdul Hamid telah mengambil kesempatan mengemukakan sebuah petisyen kepada Chulalongkorn untuk mendapatkan balik Perlis. Namun melalui setiausaha sulit Chulalongkorn, ia mendapat tahu bahawa Maharaja Siam itu akan hanya mengambil tindakan setelah Raja Perlis semasa, yakni Raja Syed Ahmad ibni Raja Syed Hussein, mangkat.[15]

Satu tahun berikut, iaitu pada 1890, Sultan Kedah menulis sepucuk surat kepada *Krom Luang Teowong Priwit* untuk menuntut Perlis. Di dalamnya ia jelas menganggap Raja-raja Perlis tidak layak memerintah secara berasingan kerana kerajaan ini bukan milik mereka dan kerana mereka bukan anggota kerabat diraja Kedah mahupun berketurunan Melayu tulin.[16] Di samping itu Sultan Abdul Hamid mendakwa bahawa ia bukan berminat terhadap ekonomi Perlis. Bagi membuktikan dakwaan berkenaan ia berjanji, sekiranya diluluskan tuntutan itu, akan menjaga "keluarga" Raja-raja Perlis di samping membersihkan kerajaan ini daripada penjenayah.[17] Dipetik isi kan-

kuasa dalaman tidak tercapai sehingga ulangtahun ke-9 kenaikan takhta Sultan Abdul Hamid. Lihat Mohammad Isa Othman, *op. cit.*, m.s. 41–44.

[14] Lihat "Letter I", "Kedah-Siamese Correspondence, 1890-1898", di dalam *JMBRAS*, (Vol. 55, Pt. 1, 1982), m.s. 71.

[15] "Rencana Surat Beri Kepada Krom Luang Teowong Priwit Fasal Perlis", bertarikh hari Arbaa 25 Jemadilakhir 1308, di dalam Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T.H. 1304-1312. T.M. 1886-1894, No. 2, (tidak diterbit), Alor Star: Arkib Negara Malaysia, Cawangan Kedah, m.s. 280-281.

[16] Ibid., m.s. 281.

dungan surat berkenaan yang bertarikh "25 Jamadilakhir 1308" di bawah:

> "Maka darihal diri Perhamba sehari-hari ini ingat cita-cita tiadalah hendak himpun taruh harta buat pesaka melainkan semata-matalah hendak perbuat belanja beri jadi baik di atas negeri sahaja supaya bertambah naik pangkat mertabat kepujian pada Kebawah Tapak Cerpu Duli Phrabat Samdit Phrakchu Yuhua Yang Maha Mulia".
>
> "... Maka sekarang ini jika ada dengan limpah ampun kasihan Tapak Cerpu Duli Phrabat Samdit Phrakchu Yuhua akan terjunjung ke atas jemala ubun-ubun Perhamba sepertimana teriak Perhamba ini jadi banyaklah kemudahan yang Perhamba hendak boleh menjaga bela pelihara di atas segala orang-orang jahat yang pergi mari di antara Perlis dengan Ceraiburi".
>
> "Maka akan Phya Perlis yang ada sekarang ini bagaimana yang jadi berpatuan pada Kebawah Tapak Cerpu Duli Phrabat Samdit Phrakchu Yuhua dan Duli Phrabat hendak kasihan belas di atasnya boleh Perhamba hendak turut junjungkan ke atas jemala ubun-ubun Perhamba. Maka akan suku-suku kaum keluarga adik kakak anak cucu Phya Perlis itu Perhamba hendak bela pelihara mengikut sepertimana yang Phya Perlis duduk perbela sekarang ini juga".[18]

Surat di atas ditulis dua tahun lebih awal daripada surat Sultan yang hampir sama isi kandungannya yang dijumpai dalam bahasa Siam oleh Kobkua. Sejarawan itu telah menterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sepuluh pucuk surat yang ditulis di dalam bahasa Siam yang merangkumi tuntutan istana Kedah terhadap Perlis serta jawapan istana Bangkok sepanjang tahun-tahun 1892-1898.[19] Yang

---

[18] Ibid. Huruf miring untuk tekanan.

[19] Sepuluh pucuk surat itu dilampirkan sebagai "Letter I" hingga "Letter X" di dalam Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s. 71-82. Surat berkenaan pula ditulis oleh Sultan Abdul Hamid kepada Menteri Dalam Negeri Siam, Putera Damrong pada 27 Februari 1897. "Letter V", Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s. 76-77.

menyedihkan ialah tidak dijumpai apa-apa surat dari Perlis. Justeru kajian terpaksalah bergantung pada surat-menyurat Kedah-Siam itu untuk mendengar suaranya. Sebegitu juga tidak dijumpai apa-apa dokumen bertulis tindakbalas pemerintah Perlis terhadap keputusan Maharaja Siam meletakkannya ke dalam *Monthon* Saiburi di bawah Pesuruhjaya Penguatkuasa Kedah nanti.

Dalam pada itu Sultan dan kerabat diraja Kedah yang terlibat menghadapi satu dilema iaitu mereka enggan mengakui kedudukan Raja Perlis tetapi pada masa yang sama terpaksa juga menggunakan gelaran yang telah dianugerahi oleh Maharaja Siam kepada Raja tersebut apabila menyebutnya. Ini terbukti jelas dalam surat yang paling awal dalam koleksi tersebut bertarikh 24 Julai 1892 daripada Sultan kepada Menteri Hal-ehwal Luar Negeri Siam:

> "Phraya Perlis well knows that his grandfather was *merely a servant* of my grandfather, and did not come from the line that used to rule Perlis. When Phraya Perlis's was given Perlis to look after, it was because my grandfather happened not to be in Kedah. I myself believe that Phraya Perlis very well realized that his grandfather was but my grandfather's servant, and not a descendant of the Phraya family that used to rule Perlis while his father was allowed to govern Perlis only because, during that time, my grandfather was not living in Kedah".[20]

Ia seterusnya menggesa Menteri itu untuk mengemukakan tuntutannya kepada Chulalongkorn kerana takut kalau-kalau:

> "...Phraya Perlis will have no respect for me. Moreover, Phraya Perlis will arrive at the conclusion that Phraya Perlis and myself are of equal status. There exist no distinction [between us]. Later

[20] "Letter I", Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s. 71. Huruf miring untuk tekanan.

on, [he would think that] *muang* Perlis would ever remain under the authority of Phraya Perlis and his descendants".[21]

Setelah tidak menerima apa-apa berita Sultan menulis kepada Menteri Dalam Negeri Siam, Putera Damrong pada 9 November 1895 memintanya mengemukakan tuntutan kepada Chulalongkorn. Jawapan yang diterima, melalui seorang wakil bernama Nai Phun, pada 12 November, sama dengan jawapan Menteri Hal-chwal Luar Negeri dahulu itu yakni terpaksa menunggu sehingga kemangkatan Raja Perlis.[22]

Tuntutan bertubi-tubi istana Kedah itu boleh dikatakan tepat pada masanya berlandaskan beberapa sebab. Pertama, Perlis telah kehilangan pembesar utamanya yakni Perdana Menteri Dato' Wan Din bin Dato' Arau pada tahun 1891. Ia meninggal dunia semasa menjalankan tugas menghantar ufti ke Bangkok.[23] Jawatan kanan ini kemudiannya dipangku oleh cucu Raja Syed Ahmad iaitu Bakal Raja Syed Safi. Kedua dan secara berkaitan, tidak lama selepas itu Syed Safi menjadi Pemangku Raja Perlis akibat kegeringan tenat Raja. Ini lebih membimbangkan kerana ia mempunyai pertalian darah dengan kerabat diraja Kedah. Ibunya Wan Tam Bandar ialah emak saudara kepada Sultan Abdul Hamid Shah lalu menjadikannya (Raja Syed Safi) sepupu Sultan. Pada masa yang sama ia merupakan anak saudara kepada Perdana Menteri Kedah yang berkaliber iaitu Wan Mat Saman.[24] Ia turut terlibat di dalam rebutan kuasa dengan Tuan Syed Alwi, adik saudara Raja yang juga merupakan campuran darah kerabat diraja Kedah.[25] Ketiga, Sultan Abdul Hamid yang telah lama

---

21 Op. cit., m.s. 71-72.

22 Lihat "Letter III", Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s. 73.

23 Ini mengikut Ahmad Ismail dan Yazid Mat. *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 66.

24 Op. cit., m.s. 66.

25 Op. cit., m.s. 62-66.

sakit tenat sejak remaja lagi telah pulih menjelang 1895 dan bertenaga melakukan 'serangan' terhadap bekas daerahnya ini.[26] Ditambah dengan kecenderungan membentuk *monthon-monthon* oleh pihak Siam, boleh dikatakan baginda tiada masa yang lebih sesuai untuk berusaha mendapatkan balik Perlis.

Hari yang dinanti-nantikan oleh Sultan Abdul Hamid akhirnya tiba lebih satu tahun kemudian iaitu pada 22 Februari 1897. Lima hari selepas itu baginda menulis kepada Putera Damrong memintanya memperingatkan Maharaja tentang janjinya di belakang hari itu dan menekankan bahawa masa itu sudahpun sampai seperti berikut:

> "If it is not to be now, I fear that it will be a long, long time before His Majesty finds an appropriate occasion to bestow *muang* Perlis to me as requested".[27]

Sementara itu disebabkan masalah kegeringannya timbul semula, Sultan menghantar Raja Muda Tunku Abdul Aziz dan Perdana Menteri Dato' Wan Mat Saman ke Bangkok, untuk menemui Chulalongkorn.[28] Kegentingan saat tersebut juga dapat diperlihatkan apabila ibu Sultan digunakan untuk berhubung sesama wanita dengan Permaisuri Siam, Somdetch Phra-nang chao Ark-raj Dewi. Ia terang-terang menghadiahkan sekotak minyak wangi kepada Permaisuri tersebut melalui Tunku Abdul Aziz sebelum meminta agar Perlis dikembalikan kepada anaknya Sultan Abdul Hamid.[29] Baginda menulis mengingatkan bahawa:

---

[26] Lihat J. de Vere Allen, "The Elephant and the Mousedeer – A New Version: Anglo-Kedah Relations, 1905-1915", di dalam *JMBRAS*, Vol. 41, Pt. I, No. 213, 1968, m.s. 61.

[27] "Letter III", Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s. 74.

[28] Lihat op. cit., m.s. 73-74.

[29] "Letter II", Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s. 72.

> "It appears to me that unless His Majesty graciously restores Perlis to my son, Chao Phraya Saiburi, now, it will be a very long time [before a suitable opportunity will present itself again]. As things stand now, Phraya Perlis has already passed away since Wednesday the 15th. of Ramadan, A.H. 1314".[30]

Adalah berguna ditekankan bahawa sungguhpun cucu Al-Marhum Raja Syed Ahmad, Syed Safi, telahpun ditabalkan sebagai Raja Perlis ketiga, pihak Kedah masih enggan mengakuinya. Sebaliknya mereka merujuk kepadanya sebagai "*Phra Sunthorn*", yakni gelaran Bakal Raja yang diberikan oleh Chulalongkorn dahulu.[31] Malah Raja Muda Kedah telah mempergunakan pertalian Raja Syed Safi dengan kerabat diraja Kedah sebagai asas untuk mendapatkan balik Perlis.[32] Pada 18 Mac tahun yang sama, Tunku Abdul Aziz menulis kepada Chulalongkorn seperti berikut:

> "As to Phra Sunthorn, the nephew of Phraya Perlis, Phra Surindrawiwongsa, the younger brother of Phraya Perlis, together with other councillors of *muang* Perlis, my brother, Chao Phraya Saiburi, has pledged that he will take good care of them and will allow them to serve as in the time of Phraya Perlis. As a matter of fact many kinsmen of Phra Sunthorn and Phra Surindrawiwongsa live in Kedah, and have been allowed by my brother, Chao Phraya Saiburi, to be in his service. Phra Sunthorn and Phra Surindrawangsa are no strangers to Chao Phraya Saiburi, my brother, or to myself. We are kinsmen".[33]

---

[30] Op. cit., m.s. 72-73.

[31] Lihat misalnya "Letter VI", Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s 77. Sebenarnya Raja Syed Safi ialah cucu bukan anak saudara Al-Marhum Raja Syed Ahmad. *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 55-56, dan 62.

[32] "Letter VI", Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s. 77-78. Ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 5 tesis.

[33] "Letter VI", Kobkua, "Correspondence", op. cit.

Chulalongkorn akhirnya menepati janji pada 7 April 1897 dengan melantik Sultan Abdul Hamid sebagai Pesuruhjaya Penguatkuasa *Monthon* Saiburi yang bermakna kawalan ke atas Perlis dan juga Setul.[34] Jawatan tersebut masing-masing mempunyai makna yang berlainan bagi pihak Perlis, Kedah, dan Siam. Tidak dapat dinafikan ia ialah sebuah hadiah galakan di atas kesetiaan Sultan selama itu.[35] Tetapi sebenarnya gabungan *Monthon* Saiburi, dari kacamata Bangkok, terkandung di dalam rancangan Siam untuk mengetatkan kawalan pusat ke atas naungan-naungannya di selatan.[36] Ia bukan sesuatu yang jarang berlaku atau yang janggal dan Maharaja Siam bukan semata-semata merealisasikan impian Sultan Kedah itu. Sebaliknya ia merupakan salah satu langkah yang diambil untuk mengatur semula sistem pentadbiran kewilayahan Siam di bawah Menteri Dalam Negerinya, Putera Damrong. Tempoh selepas 1892 sehingga menjelang 1900 memperlihatkan pembentukan sebanyak 14 buah *monthon* semuanya. Cara perlaksanaan Putera Damrong itu diperhatikan oleh sejarawan Thai Tej Bunnag sebagai:

> "Like his predecessors, Prince Damrong believed that a commissioner should be responsible not only for the province in which he was resident but also for a certain number of the surrounding provinces. He felt that a commissioner should be able to superintend personally five to six provinces. As it was, the shape of a commissioner's unit of provinces came to be determined by such natural features as rivers, canals and mountain ranges. Between 1893 and 1899, fourteen commissionerships were established on these principles. The commissioner was given the new name of superintendent commissioner or *khaluang thesaphiban*, and his area of jurisdiction was called an administrative circle or *monthon*".[37]

---

[34] Mohammad Isa Othman, op. cit., m.s. 62.
[35] Kobkua, *Thai-Malay Relations*, op. cit., m.s. 100.
[36] Bunnag, op. cit., m.s. 137.
[37] Op. cit., m.s. 101.

Ia menambah,

> "Strategic considerations, however, continued to play an important part in the creation of the *monthons*... The southern *monthons* of Kedah and Nakhon Sithammarat superintended the Malay tributary states, which faced the Malay states of Pahang, Perak, Negeri Sembilan and Selangor, which were under the British Residential administration".[38]

Paling penting Bunnag mempercayai bahawa perlantikan Sultan Abdul Hamid selaku Pesuruhjaya Penguatkuasa *Monthon Saiburi* itu sebagai perkara remeh-temeh yang tidakpun menjejaskan autonomi Perlis seperti yang dipetik di bahagian teratas bab ini.[39]

Namun ini tidak pun menghalang Kedah daripada memandang perlantikan ini sebagai satu kemenangan besar ke atas Perlis yang diraikan dengan penuh istiadat. Terutama sekali Raja Perlis yang baru, Raja Syed Safi, kerabat diraja Perlis dan pembesar-pembesar kanan, dijemput untuk menyaksikan dengan mata sendiri kemeriahan perayaan di Alor Star pada hari Khamis, 16 April 1897.[40] Pada masa yang sama tetamu-tetamu dari Perlis ini diperlukan mendengar pembacaan perutusan Maharaja Siam berkenaan kemasukan kerajaan mereka di bawah penyeliaan Sultan Abdul Hamid. Selepas itu Sultan menghantar Raja Mudanya ke Arau pada 2 Jun untuk menunjukkan perutusan tersebut di depan mata Raja Syed Safi.[41] Bagi pihak Kedah ini menampakkan satu langkah tambahan mendekati aspirasi menyerapkan semula Perlis.

---

[38] Op. cit., m.s. 101-102.

[39] Pendapat ini dipersetujui oleh Gullick. J. M. Gullick, *Rulers and Residents. Influence and Power in the Malay States 1870-1920*, (Singapore: Oxford University Press, 1992), m.s. 140.

[40] "Letter IX", Koblusa, "Correspondence", op. cit., m.s. 80.

[41] Ibid.

Walau bagaimanapun ingin ditekankan bahawa perkara di atas tidak dapat dijadikan ukuran tepat Maharaja Siam menaruh perasaan baik dan mesra yang lebih pada Kedah berbanding dengan Perlis. Sebaliknya ia lebih disebabkan oleh pertimbangan pertahanan dan politik Siam yang mengambilkira kedudukannya berbanding perluasan pengaruh British di Semenanjung Tanah Melayu ketika itu. Sekiranya diterima perdebatan Kobkua tentang kedudukan Kedah sebagai benteng penghadang di pintu belakang Siam, maka bermula tahun 1842 Perlis telah mengambilalih peranan Kedah.[42] Ini juga berhubungkait dengan fungsi kedudukan Perlis sebagai hukuman dan peringatan Maharaja Siam pada Sultan dan kerajaan Kedah kerana pemberontakan menjelang 1821 itu. Tetapi nampaknya Maharaja Siam tidak melihat Perlis sebagai berasingan secara seratus-peratus daripada Kedah. Sebaliknya ia memandangkan kedua-duanya sebagai sepasang anak kembar Siam yang sungguhpun telah dipisahkan namun seharusnya masih berhubungan rapat.

Bagi kerajaan Perlis kemasukannya ke dalam gabungan dengan Kedah dan Setul ialah peristiwa malang yang harus serta-merta dihapuskan. Bukan seperti dakwaan Bunnag di atas, Sultan Abdul Hamid telah mencerobohi autonomi kerajaan Perlis. Melalui perutusan Maharaja Siam tersebut, sungguhpun pendapatan tahunan Perlis akan hanya dibelanjakan di dalam kerajaan, namun Raja Perlis mendapati dirinya perlu menurut perintah Sultan Kedah dalam segala hal-ehwal kerajaan. Mulai tahun 1897 juga baginda perlu menghantar Bunga Emas dan Perak melalui Sultan Kedah.[43] Ini merupakan perkara yang amat memalukan terutama sekali kerajaan ini telah lama memandang pembayaran ufti tersebut sebagai lambang kedudukannya ataupun autonominya yang berasingan daripada Kedah.

---

[42] Lihat Kobkua, *Thai-Malay Relations*, op. cit., m.s. 68.

[43] "Letter IX", Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s. 81.

Oleh itu tidak menghairankan jika Raja Syed Safi dan pembesar-pembesarnya melepaskan geram ke atas Syed Mansur al-Jafri, seorang pegawai Kedah yang ditugaskan untuk membantu mentadbir kerajaan pada akhir 1897. Baginda langsung tidak menghiraukan hubungan kekeluargaan lalu mengarahkan para pembesar memulaukan pentadbiran harian.[44] Maharaja Siam nampaknya menganggap peristiwa tersebut sebagai perkara remeh-temeh dan tidak mengambil tindakan.

Dengan demikian bukan Sultan Abdul Hamid tidak campurtangan dalam pentadbiran Perlis, ia sebenarnya ditentang secara padu oleh pihak pemerintahnya. Pada masa yang sama ia juga kurang berupaya dan telah menghampakan Maharaja dengan prestasi kerjanya yang buruk berbeza dengan prestasi kerja pesuruhjaya-pesuruhjaya penguatkuasa yang lain. Ia tidak cekap mentadbir sebagaimana yang diharapkan oleh Siam. Dalam tahun pertama perlantikan pun ia sudah menunjukkan ketidakupayaan dalam pengendalian akaun Perlis seperti dapat dibaca secara tersirat dalam suratnya kepada Putera Damrong pada pertengahan 1897:

> "In regard to the accounts of the revenue and expenditures as well as the allowances of the Perlis administrators, and likewise the accounts of the revenue and expenditures together with allowances of the Setul administrators, I have not had sufficient time to get them ready, and thus beg to submit them to your Royal Highness to together with the bunga mas of the three *muang* i.e. Kedah, Perlis and Setul, later. . . . If there were anything done amiss, I humbly beg for your Royal Highness's pardon. For myself, I always intend to remain a servant of His Majesty the King, and of your Royal Highness".[45]

---

[44] "Letter X", Kobkua, "Correspondence", op. cit., m.s. 81-82.

[45] "Letter IX", Kobkua, op. cit., m.s. 81.

Pada tahap ini Raja dan pembesar Perlis bersedia melakukan hampir apa sahaja demi menamatkan pencerobohan Kedah. Peluang keemasan muncul apabila Kedah yang dibelenggu oleh masalah kewangan yang serius meminjam sejumlah besar wang, tepat $2.6 juta, pada Jun 1905 daripada Siam.[46] Raja Syed Alwi yang baru sahaja menaiki takhta mengganti ayahnya, mendiang Raja Syed Safi pada Februari 1905, bersama-sama pembesar-pembesarnya mengenal-pasti pinjaman wang daripada Siam sebagai jalan keluar daripada *Monthon* Saiburi ataupun sekurang-kurangnya sebagai jalan terakhir memastikan perlantikan seorang pegawai lain dengan kuasa yang mengatasi kuasa Pesuruhjaya *Monthon*. Mereka seharusnya telah menerima khabar bahawa sebagai syarat pinjaman seorang Penasihat Kewangan Siam tetapi yang berbangsa British dihantar untuk memimpinnya menyelesaikan hutang. Turut dibentuk ialah sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berautonomi penuh untuk pentadbiran sehari-hari. Lebih penting majlis tersebut dianggotai hanya oleh pemerintah dan pembesar sendiri, selain daripada Penasihat Kewangan.[47]

Pada masa yang sama masalah kewangan Perlis pun sudah diketahui umum. Berdasarkan kenyataan bahawa Perlis tidak pernah ketinggalan, bahkan sebaliknya mendahului masa, dalam penghantaran ufti Bunga Emas dan Perak ke Bangkok sejak penubuhannya, agak menghairankan jika dikatakan bahawa ekonominya sedang dalam kemerosotan dan kejatuhan. Tetapi inilah yang memang berlaku. Nampaknya Perlis mengalami masalah yang sama dengan Kedah iaitu pemborosan raja dan mengikut jejak langkah Kedah dalam meminjam wang daripada kuasa penaungnya. Akan tetapi masalah kewangan

[46] Sharom Ahmat, *Tradition and Change In A Malay State. A Study Of The Economic and Political Development Of Kedah 1878-1923*, MBRAS Monograph No. 12, 1984, m.s. 74.

[47] Lihat ibid., m.s. 109-110.

bukan unik bagi kerajaan ini, mahupun bagi Kedah. Sebaliknya wilayah Siam yang lain turut berhutang pada Maharaja dalam lingkungan masa yang sama.[48]

Justeru pinjaman telah diberikan kepada Perlis dengan tangan terbuka walaupun angka yang diminta itu lapan kali setengah pendapatan 1900nya. Ini sebenarnya selaras dengan dasar pemusatan kawalan pusat ke atas naungan-naungannya dan pada masa yang sama merupakan lanjutan daripada kepentingan mengekalkan statusnya sebagai sebuah negarabangsa yang merdeka daripada ancaman kuasa-kuasa asing khususnya British dan Perancis. Sebelum 1890-an kawalan pusat ke atas kerajaan-kerajaan Melayu terletak di tempat ketiga dan terakhir dalam hierarki pentadbiran kerajaan Siam. Kawalannya ke atas rantau ini juga tidak ketat mahupun kukuh.[49] Oleh itu Chulalongkorn dan Putera Damrong mengalu-alukan permohonan pinjaman wang dari sini.[50]

Namun begitu perlu ditekankan bahawa bagi Perlis masalah kewangan hanyalah salah satu faktor penyebab yang mendorongnya menjadi penghutang pada awal 1900-an. Yang pasti ialah Raja Syed Alwi bijak mempergunakan masalah kewangan Perlis dengan sebaik-baiknya. Baginda telah pada bulan Oktober 1905 memohon kepada Chulalongkorn untuk meminjam sebanyak $230,000. Ini dilakukan dengan penuh kesedaran dan pemahaman bahawa kerajaan akan menerima bonus yang berfungsi sebagai kunci kebebasan yang dicari-cari. Selagi hutangnya belum dilangsai selagi itu kerajaan ini mempunyai seorang Penasihat Kewangan yang dapat menandingi Pesuruhjaya Penguatkuasa *Monthon*. Permintaannya dikabulkan sepertimana terpapar dalam fasal keempat kontrak hutang yang ditandatangani pada 4 Oktober 1905 yang menetapkan bahawa:

---

[48] Sebagai contoh wilayah Chiangmai. Bunnag, op. cit., m.s. 145.
[49] Bunnag, op. cit., m.s. 17-18.
[50] Op. cit., m.s. 45.

> "In consideration of the loan herein referred to the borrower undertakes on himself as Rajah of Perlis his successors and assigns to accept, until the loan (Capital and Interest) shall have been entirely repaid, the services of an Adviser to be appointed by His Siamese Majesty's Government to assist him in the financial administration of his State, and the borrower further undertakes on behalf of himself as Rajah of Perlis, his successors and assigns to follow the advice of such Adviser in all matters relating to finance....".[51]

Di samping itu kepentingan kontrak ini terletak pada pengesahannya terhadap Perlis sebagai sebuah kerajaan. Malah dokumen ini merupakan bukti bertulis yang paling awal pengakuan Siam terhadap kedudukannya. Ini adalah perkara yang menarik perhatian memandangkan penubuhan Perlis telah berlalu 64 tahun lamanya. Ia ditandatangani di Bangkok oleh Menteri Kewangan Siam bagi satu pihak dan Perdana Menteri Perlis Syed Salim al-Jafri yang mewakili, dalam terjemahan ke dalam bahasa Inggeris, "Rajah of Perlis", pada satu pihak yang lain.[52] Maka persetujuan telah dibuat di antara wakil sebuah kerajaan dengan wakil sebuah kerajaan lain. Berpandukan pada kontrak hutang ini jelas kerajaan Perlis telah berjaya mengenepikan Sultan Abdul Hamid. Tandatangan dan cap Sultan Abdul Hamid selaku Pesuruhjaya Penguatkuasa *Monthon* tidak diperlukan walaupun sebagai salah seorang saksi bahkan tiada rujukan dibuat mengenainya.

Paling penting kerajaan akan dapat membentuk sebuah jentera pentadbiran kerajaan yang moden dan yang tunggal yang berasingan daripada Kedah yakni Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pada 25 Oktober 1905 Raja Syed Alwi meluluskan Enakmen Majlis

---

[51] "Article IV", "Contract" bertarikh 4 Oktober 1905, "Relations with Siam 1905-09", Papers of John Hamer (tidak diterbit), Box 1 File 2. Bunga dikenakan pada kadar 6% setahun, dibayar setiap enam bulan. "Article II", "Contract 1905", ibid.

[52] "Contract 1905", ibid.

Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkuat-kuasa serta-merta. Menurut dokumen perundangan ini, Majlis bertanggungjawab mengendalikan segala hal-ehwal harian kerajaan melalui mesyuarat-mesyuarat yang diadakan. Ia terdiri daripada Raja sebagai Presiden, Penasihat Kewangan sebagai Setiausaha, dan empat orang Melayu sebagai ahli biasa. Dengan ini pembesar-pembesar kanan kerajaan telah menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang menerima elaun.[53] Ahli-ahli (biasa) Melayu Majlis yang paling awal ialah bekas Perdana Menteri Syed Salim bin Syed Muhammad al-Jafri yang juga berjawatan Bendahari kerajaan, Tuan Syed Hassan bin Syed Alwi Jamalullail yang menyandang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi, Tuan Syed Abdullah bin Syed Alwi Jamalullail yang turut menjadi Pesuruhjaya Tanah, dan Dato' Wan Teh bin Dato' Arau.[54]

Namun begitu elemen yang terpenting di dalam Majlis ialah Penasihat bukan Raja. Ini disebabkan enakmen memerlukan kuorum seramai tiga orang ahli sebelum mesyuarat dapat bersidang. Penasihat Kewangan mesti merupakan seorang daripadanya.[55] Mesyuarat diadakan bukan di balairong istana Raja di Arau tetapi di Pejabat Kerajaan di Kangar lalu menjadikan Kangar sebagai ibu negeri kerajaan. Raja Syed Alwi terpaksa berulang-alik kira-kira 10 kilometer dari istana setiap kali mempengerusikan mesyuarat Majlis.[56] Baginda juga tidak diperlukan hadir setiap kali dan

---

[53] "State Council Enactment" bertarikh 25 Oktober 1905, J. de V. Allen, A.J. Stockwell, L.R. Wright (eds.), *A Collection Of Treaties And Other Documents Affecting The States Of Malaysia 1761-1963. Volume I*, (New York: Oceana Publications Inc., 1981), m.s. 412–414. Berbeza dengan dua kontrak hutang tersebut yang menyebut Penasihat sahaja, Enakmen Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 1905 menetapkan jawatan berkenaan sebagai Penasihat Kewangan. Untuk gambaran struktur organisasi kerajaan sebelum dan selepas tahun 1905 serta sebagai bandingan, 1948-1956, rujuk Lampiran-lampiran III (a), (b) dan (c) tesis.

[54] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 93

[55] "State Council Enactment", Allen dan lain-lain, op. cit., m.s. 412.

[56] Jarak di antara Arau dan Kangar ialah 10 kilometer. Asmad, *Perlis, Sri Lambaran Nusa*, (Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.,

sebaliknya boleh memindahkan hak kepada mana-mana seorang ahli.[57] Begitu juga enakmen tersebut diluluskan di Kangar.[58] Walau bagaimanapun pihak pemerintah Perlis masih menerima baik jentera pentadbiran ini sebagai jalan keluar yang melunturkan pengaruh Sultan Kedah. Mereka juga berjaya mengenepikan Pesuruhjaya Penguatkuasa *Monthon* itu sama sekali dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dibentuk pada tahun 1905. Sebelum itu Raja Syed Alwi misalnya juga tidak perlu meminta kebenaran Pesuruhjaya Penguatkuasa *Monthon* dalam penggubalan enakmen mahupun dalam perlantikan Penasihat Kewangan Perlis. Dokumen tersebut langsung tidak menyebut kedudukan kerajaan ini di dalam sebarang *Monthon*.

Tempoh Tidak Menentu, 1905-1909

Sungguhpun begitu, Raja Syed Alwi seharusnya tidak menyangka bahaya jalan keluar ini berubah menjadi jalan mati tidak lama lagi. Sekiranya baginda dan anggota-anggota Melayu menganggap Penasihat Kewangan kerajaan sebagai berkuasa penuh, mereka silap. Ini adalah kerana Penasihat Kedah, G. C. Hart yang menggubal enakmen pembentukan Majlis. Pegawai ini bahkan mengadakan mesyuarat pertama pada 18 November 1905 sebelum Penasihat Perlis yang pertama ditugaskan di sini.[59] Lebih membimbangkan ialah hadir segelintir pegawai kerajaan British yang beriya-iya mahu meletakkan kembali kerajaan ini ke dalam Kedah. Perhatian harus ditumpukan kepada Meadows Frost dan Ralph Paget. Berkenaan Frost, perbincangan perlu beralih kepada perdebatan perlantikan Penasihat Kedah yang pertama.

1987), m.s. 42. Ini kecuali bila mesyuarat Majlis terpaksa diadakan di Arau apabila Raja Syed Alwi gering.

[57] "State Council Enactment", Allen dan lain-lain, op. cit., m.s. 414.

[58] Op. cit., m.s. 412.

[59] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit.

Setelah mendapati Kedah muflis, Raja Muda Tunku Abdul Aziz telah pada awal 1905 pergi ke Bangkok untuk meminjam wang. Ia juga meminta kebenaran membentuk sebuah majlis mesyuarat kerajaan negeri dan menerima perkhidmatan seorang pegawai penasihat untuk memperbaiki ekonomi kerajaannya.[60] Pihak Siam sudah tentu bersetuju. Siam sendiri sebenarnya mempunyai seorang Penasihat Kewangan British bernama W.J.F. Williamson. Pegawai ini menasihat Putera Damrong agar mensyaratkan perlantikan seorang Penasihat untuk memastikan Kedah berupaya menjelaskan hutangnya kelak. Dalam rundingan dengan pihak British, Pejabat Tanah Jajahan di London menuntut agar seorang di kalangan pegawai Perkhidmatan Awam Malaya dipilih dan ia (pejabat tersebut) berkuasa ke atasnya. Damrong bersetuju hanya untuk melantik seorang Penasihat berbangsa Eropah. Hanya tuntutan yang pertama sahaja dipersetujui oleh Siam. Tetapi British dibenarkan melantik seorang Konsul British Saiburi dan Phuket di Alor Star. Frost, seorang pegawai rendah telah dilantik untuk mengisi jawatan ini.[61] Frost dan sekutu-sekutunya kemudian berusaha untuk menggabungkan Perlis balik dengan Kedah.

Seperti yang telah disebut di atas Majlis Mesyuarat Negeri Perlis telah bersidang sebelum Penasihat mula bertugas. Orang yang dilantik ke jawatan ini ialah A. H. Duke, bekas Penolong Penasihat Kedah. Pengalamannya di luar Semenanjung Tanah Melayu termasuk tugas sebagai Penolong Pegawai Politik di Negeri-negeri Shan, Burma sehingga Mac 1905.[62] Di antara tugas awalnya di Perlis ialah mengadakan mesyuarat Majlis pada 2 Disember tahun tersebut.[63] Tanggungjawab Duke seterusnya sebagai Penasihat amat berat memandangkan kerajaan berada dalam keadaan hampir muflis. Demi

---

[60] Allen, "The Elephant and the Mousedeer", op. cit., m.s. 66.
[61] Ibid., m.s. 64, dan 66-67. Sharom Ahmat, op. cit., m.s. 107-108.
[62] Paget kepada Grey 30 September 1905, CO 273 1098a. 315.40067.
[63] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s.93-94.

menjelaskan hutang yang berjumlah, seperti yang telah disebut di atas tadi, lapan kali setengah pendapatannya pada 1900, ia bukan sahaja perlu mencari cara meningkatkan pendapatan tetapi juga mencari jalan mengurangkan perbelanjaan.

Dalam tahun pertama perkhidmatannya, pegawai ini berjaya membawa masuk hampir $90,000 ke dalam perbendaharaan. Daripada jumlah ini tidak sampai pun $3,000 dibayar sebagai bunga kepada kerajaan Siam manakala kira-kira $25,000 digunakan untuk membayar hutang kerajaan pada pemajak Cina. Wang yang baki semuanya telah dibelanjakan sehinggakan belanjawan 1905 mengalami defisit $49.[64] Pada tahun berikut belanjawan masih menampakkan defisit iaitu $4,600, selepas $3,500 disalurkan untuk membayar bunga, sedangkan Perlis belum membuat pembayaran balik bagi modal.[65]

Justeru kerajaan terpaksa meminjam tambahan $150,000 pada 1907. Pada bulan Oktober Raja Syed Alwi telah berangkat ke Kedah diiringi oleh Duke untuk menemui Timbalan Menteri Dalam Negeri Siam untuk meminjam jumlah berkenaan.[66] Pinjaman diluluskan pada 8 Februari 1907 juga dengan kadar pembayaran tahunan bunga sebanyak 6%.[67] Disebabkan masalah kewangan Perlis begitu serius, pihak Siam terpaksa menundakan pengutipan bunga selama lima

---

[64] "Appendix A, Statement of The Actual Revenue From Each Year From A.H. 1323 To 1330 (A.D. 1905-1912) And The Estimated Revenue For A.H. 1330 (A.D. 1912)", The Annual Report of the Adviser To The Perlis Government For The Year 1912, m.s. 38. Selepas ini disebut "Appendix A", LTP 1912. Dan "Appendix B Statement of The Actual Expenditure From Each Year From A.H. 1323 To 1330 (A.D. 1905-1912) And The Estimated Expenditure For A.H. 1330 (A.D. 1912)", LTP 1912, m.s. 39. Selepas ini disebut "Appendix B", LTP 1912.

[65] "Appendix A", LTP 1912, ibid. Dan "Appendix B", LTP 1912, ibid.

[66] Timbalan Menteri Dalam Negeri Siam kepada Duke 8 Februari 1907, Papers of John Hamer, op. cit., folio 4.

[67] Perunnukan ini diterapkan ke dalam "Article I", "Contract" bertarikh 15 Februari 1907, Papers of John Hamer, op. cit.

tahun yang berikut iaitu sehingga 14 Februari 1912.[68] Tetapi disyaratkan kerajaan Perlis menghantar belanjawan tahunan ke Bangkok.[69] Kali ini Raja Syed Alwi sendiri yang menandatangani surat hutang iaitu pada 15 Februari, di Kangar dengan Duke sebagai saksi.[70] Pinjaman yang kedua itu yang disalurkan ke dalam akaun kerajaan di *Hongkong and Shanghai Bank Corporation* di Pulau Pinang, sertamerta digunakan untuk menjelaskan hutang kerajaan pada sekumpulan pemajak Cina, kebanyakannya pemajak candu.[71] Pendapatan Perlis telah buat pertama kali melebihi perbelanjaan tepat $3,170 pada tahun 1907.[72] Akan tetapi Perlis sekali lagi mengalami defisit belanjawan pada tahun berikut iaitu sebanyak $13,000. Ini merupakan angka yang membimbangkan disebabkan tiada sesen pun yang digunakan untuk membayar balik modal mahupun bunga.[73]

Pada tahap ini sedangkan Raja Syed Alwi dan Majlis berharap untuk bergerak semakin dekat lagi ke arah perlindungan dan pernaungan Maharaja Siam, namun yang didapati ialah kehadiran segelintir pegawai British yang berusaha menamatkan autonominya. Sedangkan Siam lebih berlembut dengan Perlis dalam persoalan tuntutan Kedah itu, kumpulan itu tidak begitu. Dalam hal ini berpandukan kepada sejarah hubungan Kedah-British, wajarlah diandaikan Kedah mempunyai seorang sekutu di kalangan mereka. Kerajaan British di Pulau Pinang telah selama itu bersimpati pada Kedah kerana terhutang budi mengenai perihal pengambilan Pulau Pinang dan Seberang Prai, selain daripada merasa kesal kerana tidak dapat membantu Sultan semasa

---

[68] Peruntukan ini diterapkan sebagai "Article IV", "Contract" 1907, op. cit.

[69] Peruntukan ini diterapkan sebagai "Article V", "Contract" 1907, op. cit.

[70] "Contract" 1907, op. cit.

[71] Timbalan Menteri Dalam Negeri Siam kepada Duke 8 Februari 1907, op. cit. Jumlah yang dibayar tepat $150,053 "Appendix B", LTP 1912, op. cit.

[72] "Appendix A, Statement of Revenue", LTP 1912, op. cit. Dan "Appendix B", LTP 1912, op. cit.

[73] "Appendix A", LTP 1912, op. cit. Dan "Appendix B", LTP 1912, op. cit.

Perang Kedah-Siam 1821-1842. Justeru jika boleh Perlis akan diberikan sebagai pampasan. Malah sejak Kedah diselubungi dengan masalah kegeringan tenat Sultan Abdul Hamid dan lebih-lebih lagi masalah kewangan, British seolah-olah telah mengambilalih tuntutan kerajaan berkenaan terhadap Perlis. Oleh itu harus ditekankan di sini bahawa Perlis dalam tahun-tahun 1897 sehingga 1909 bagaikan 'telur di hujung tanduk'.

Di sini perbincangan wajar dibawa kembali kepada keadaan selepas Meadows Frost dilantik sebagai Konsul British bagi Saiburi (yakni Kedah, Setul, dan Perlis) dan Phuket pada Januari 1906. Seterusnya Perlis mendapati ia ditariksemula ke dalam orbit Kedah apabila Frost dan sekutunya Menteri British di Bangkok Ralph Paget bersubahat untuk menggabungkan semula kedua-dua buah kerajaan Melayu ini. Mereka langsung tidak menyetujui keyakinan Siam bahawa Perlis dapat berdikari, walaupun lebih 60 tahun selepas penubuhannya. Baru lima bulan selepas berjalannya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Frost menulis kepada Paget pada 4 Mac 1906 melaporkan keruntuhan kerajaan ini yang baginya diakibatkan oleh kes-kes perlanunan dan jenayah yang berleluasa.[74] Pada 8 Ogos tahun yang sama, Konsul Frost secara terbuka melahirkan hasrat bahawa:

> "I would like to see Setul and Perlis made part of Kedah and the Adviser in Kedah given some authority over other Advisers, not only for the purpose of obtaining uniformity in the administration, but by this means the Malay State of Kedah would be strengthened, and there would be less chance of Perlis and Setul being absorbed into the purely Siamese provinces."[75]

---

[74] "Enclosure In No. 1, Frost kepada Paget 4 Mac 1906", di dalam Paget kepada Grey 3 Mei 1906, CO 273 1098a. 323/19408.

[75] "Enclosure In No. 1, Frost kepada Beckett 8 Ogos 1906", di dalam Beckett kepada Grey 22 Ogos 1906, CO 273 1098a. 323/39868.

Sebenarnya sebelum itu pada 8 April tahun yang sama Frost telah menghantar satu laporan sulit kepada Paget selepas melawat Perlis pada bulan Mac. Di dalamnya ia terlebih dahulu menyentuh potensi ekonomi Perlis dan memuji Penasihat Duke kerana berjaya meningkatkan pendapatan kerajaan ini kepada $100,000.[76] Ini seharusnya merupakan pencapaian yang memuaskan memandangkan angka ini ialah hampir separuh daripada pinjaman modal $230,000 itu. Namun ia membidas ketidakcekapan anggota-anggota Melayu Majlis dalam kata-kata seperti berikut:

> "From what I saw he has already done a great deal as the administration before he came was very bad. Unfortunately he is rather too high handed with the officials and there is no enlightened person among them like the Raja Muda of Kedah to help him so that he encounters a good deal of passive resistance".[77]

Kemudian baru ia menaruhkan isi hatinya:

> "I should personally like the Siamese to appoint Mr. Duke as Adviser to Stul in addition to his duties in Perlis. He could very well look after both places.
>
> For the reasons I have mentioned on a previous occasion I hope both these places will eventually revert to their proper position as dependences of Kedah".[78]

Dengan adanya laporan di atas, Paget menulis kepada Ketua Setiausaha bagi Hal-ehwal Luar Negeri Sir Edward Grey di London pada 3 Mei 1906 menakut-nakutkan kononnya kacau-bilau di dalam kerajaan Perlis (dan Setul) akan membawa campurtangan Siam.

---

[76] Frost kepada Paget 8 April 1906, HC 772/1906.

[77] Ibid.

[78] Ibid. Ini merupakan langkah menyeragamkan pentadbiran Perlis dan Setul sebelum meletakkan kedua-duanya balik ke dalam Kedah.

Pegawai ini cuba menyakinkan Grey bahawa penduduk Perlis tentu akan membantah terhadap pencerobohan Siam disebabkan mereka memiliki "semangat kebangsaan Melayu" yang berkobar-kobar. Justeru ia mencadangkan agar Perlis digabungkan semula dengan Kedah.[79] Kemungkinan besar Frost telah mendapat tahu ada ura-ura bahawa pihak tertentu dalam kerajaan Siam ingin membawa masuk Perlis ke dalam *monthon* Phuket yang juga dikawal olehnya (Frost) tetapi ia telah membuat keputusan untuk menggabungkan semula Perlis dengan kerajaan lamanya. Justeru demi menyenangkan pihak London, Frost bercadang membiarkan Perlis mengekalkan Penasihatnya, tetapi dengan syarat ia menerima arahan daripada Penasihat Kedah. Kemudian baru cadangan ini dikirim kepada W.R.D. Beckett, Menteri British di Bangkok pada 8 Ogos 1906 yang mempersembahkannya kepada Grey pada 22 Ogos.[80]

Seterusnya Frost begitu cepat mempergunakan pinjaman kedua Perlis itu untuk mengadu tentang ketidakcekapan Duke. Pinjaman kedua 1907 itu ialah alasan yang ditunggu-tunggukannya. Jelas taktik Perlis mengumumkan masalah kewangannya untuk mengusir pencerobohan Kedah telah menghadapi jalan buntu kerana alasan yang sama telah digunakan oleh Frost dan sekutunya untuk menentang kewujudan kerajaan Perlis yang berasingan. Sebenarnya laporan dan dakwaan ini memang tidak adil bagi Perlis dan juga Duke kerana Penasihat Kewangan ini berkhidmat belum sampai dua tahun di sini. Tetapi faktor ini tidak dipedulikan oleh Konsul British di Saiburi dan Phuket ini yang melaporkan kepada Beckett pada 17 Ogos 1907 bahawa:

---

[79] Paget kepada Grey 3 Mei 1906, op. cit.

[80] Beckett kepada Grey 22 Ogos 1906, op. cit.

> "He (Mr. Duke) is in a very difficult position, as Perlis is bankrupt and the revenue is not likely to increase very much. It is too small a state to support a Raja and Adviser".[81]

Walau bagaimanapun, samada disedari mahupun tidak, kerajaan Perlis telah diselamatkan oleh pernyataan Beckett kepada Paget pada 20 September tahun yang sama bahawa ia akan turut menjadi anggota sebuah gabungan kerajaan Melayu bekas naungan Siam. Akan tetapi sebab yang mendorong Beckett membuat keputusan ini ialah bahawa latarbelakang Perlis dan Kedah adalah sama.[82] Gabungan empat buah kerajaan berkenaan kemudiannya diterapkan di dalam Perjanjian Great Britain-Siam yang lebih dikenali sebagai Perjanjian Bangkok pada 10 Mac 1909.[83] Dari satu segi ini menampakkan satu tahap kejayaan British dalam usaha secara perlahan-lahan menyatukan Semenanjung Tanah Melayu ke dalam sebuah Persekutuan.[84] Dari segi lain Maharaja Chulalongkorn bersedia memindahkan hak ke atas kerajaan-kerajaan ini kepada British setelah mendapati sistem Penasihatan membebankan perbendaharaan. Justeru ia menerima usul Strobel, Penasihat Am Siam, untuk menyerahkan naungan Melayunya kepada British.[85]

Tetapi bagaimana pula dengan kerajaan-kerajaan Melayu yang dipindahkan itu? Cara rundingan dan pengikatan perjanjian tersebut tanpa penglibatan pemerintah Melayu yang terlibat dibidas oleh pemerintah tersebut dan juga oleh para sejarawan yang mengkaji hal

---

[81] Lihat *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 98.

[82] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 103-104.

[83] "Treaty Between Great Britain And Siam, Signed at Bangkok, March 10th, 1909", di dalam W.G. Maxwell dan William Sumner Gibson (eds.), *Treaties And Engagements Affecting The Malay States And Borneo*, (Suffolk Lane. Printed by JAS Truscott & Son, Ltd., 1924), m.s. 88-90.

[84] Allen, "The Elephant and the Mousedeer", op. cit., m.s. 54.

[85] Sharom Ahmat, op. cit., m.s. 146-147.

ini kemudiannya.[16] Tetapi layanan Siam terhadap Perlis lagi teruk. Misalnya Putera Damrong selaku Menteri Dalam Negeri menulis kepada Sultan Abdul Hamid pada 9 Julai 1909 untuk memaklumkan kepadanya berkenaan pemindahan Kedah tetapi Perlis tidak menerima apa-apa surat yang serupa. Lebih menyayatkan ialah Menteri Dalam Negeri itu masih menganggap Perlis sebagai kembar Kedah, walaupun *Monthon* Saiburi telah dimansuhkan. Dipetik surat tersebut di bawah:

> "I am commanded by His Majesty to inform Your Highness that for some time past negotiations have been carried on which have resulted in the signing of the treaty between His Majesty's Government on the 10th of March 1909.
>
> By article 1 of the treaty it is provided that Siamese Government transfers to the British Government whatsoever rights of suzerainty, protection, administration and control they formerly possessed over the states of Kedah and Perlis and the adjacent islands".[17]

Namun begitu ternyata dokumen di atas sebenarnya merupakan satu titik-tolak dalam pemeliharaan kewujudan kerajaan Perlis. Seperti yang telah dibincangkan di atas sungguhpun kerajaan ini telah ditubuhkan secara berasingan sejak 1841, yakni sebelum Perang Kedah-Siam ditamatkan dan sebelum Sultan Ahmad Tajuddin dibenarkan balik, tetapi Kedah tidak pernah melepaskan tangan sebegitu sahaja. Sebaliknya ia, dari semasa ke semasa, cuba menuntut balik bekas daerahnya ini sehingga mencapai kemuncak pada 1897 dengan pembentukan *Monthon* Saiburi yang meliputi Kedah, Perlis, dan Setul serta dengan perlantikan Sultan Abdul Hamid sebagai Pesuruhjaya Penguatkuasa. Tetapi bermula 10 Mac 1909 kedudukan kerajaan Perlis secara berasingan daripada kerajaan Kedah diterima dan

---

[16] Terutama sekali lihat Sharom Ahmat, op. cit., m.s. 147-148.

[17] "Prince Damrong" kepada "Chow Phya Ritisong Kram" (gelaran Sultan Kedah) 9 Julai 1909, HC 921/1909.

disahkan secara bertulis oleh kedua-dua bekas penaungnya, Siam dan penaung barunya, British. Justeru peruntukan pertama perjanjian yang dipetik di bawah berbunyi merdu sekali kepada Raja Syed Alwi dan Majlis:

> "The Siamese Government transfers to the British Government all rights of suzerainty, protection, administration, and control whatsoever which they possess over the States of Kelantan, Trengganu, Kedah, *Perlis and adjacent islands*. The frontiers of the territories are defined by the Boundary Protocol annexed hereto".[88]

Masalahnya, mungkin British memandangkan ungkapan urutan "Kedah, Perlis and pulau-pulau berhampiran" itu sebagai satu entiti.[89] Sebenarnya sungguhpun kedudukan Perlis nampaknya telah disahkan oleh British pada 1909, namun Raja Syed Alwi dan Majlis masih perlu membuktikan bahawa mereka berhak berkerajaan sendiri. Dan ujian yang dikenakan kepada mereka ialah cara mereka mengendalikan perbendaharaan kerajaan. Ini sudah tentu berkisar pada kemampuan kerajaan menjelaskan hutangnya lebih-lebih lagi memandangkan jawatan Penasihat dicipta khas bagi memastikan pembayaran hutang. Hal ini yang menjadi ujian utama di dalam tempuh percubaan dan penilaian terhadap keupayaan kerajaan ini mempertahankan kedudukannya.

Tempoh Percubaan, 1909-1930

Perlis perlu membuktikan kegunaannya dan bahawa ia berhak mengekalkan kedudukannya kepada Kerajaan Negeri-negeri Melayu

---

[88] "Article I", Perjanjian Great Britain-Siam 1909, di dalam Maxwell dan Gibson, *op. cit.*, m.s. 88.

[89] Ini membawa kembali ke masa Sultan Dhiauddin yang sengaja meletakkan "Perlis" di hadapan "Kedah" di dalam perjanjian 1800nya dengan British, untuk mengelakkan dampada salahtaham. Rujuk perbincangan Bab 2

Bersekutu. Kerajaan itu telah mengambilalih hutangnya sejumlah tepat $443,227.34 (termasuk bunga $63,227.34) daripada kerajaan Siam pada 1909.[90] Dalam pada itu tidak dapat dinafikan bahawa bermula 1909 pergolakan dan perkembangan Perlis melangkah ke satu tahap baru yang sangat mendekati corak perkembangan Kedah. Perbincangan di bawah akan membuktikan bahawa dari satu segi faktor ini dipaksakan ke atas kerajaan ini oleh Penasihatnya sendiri yang secara praktis bertugas di bawah Penasihat Kedah. Dari segi lain Raja Syed Alwi dan Majlis mendapati amalan meniru Kedah sebagai satu cara persaingan yang berkesan dan yang mendatangkan manfaat kepada kerajaan. Dilihat sebegini Perlis seolah-olah sudah menyertai sebuah Persekutuan yang terdiri daripada ia sendiri dan Kedah. Ini merupakan fenomena yang unik yang tidak dapat dilihat di bahagian lain Semenanjung kecuali di dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang dibentuk pada 1895.

Ini benar lebih-lebih lagi setelah Frost sendiri ditugaskan menjadi Penasihat Kewangannya yang pertama setelah penerimaan kewibawaan oleh British pada 1909. Ia secara rasmi mengambilalih "kewibawaan" ke atas kerajaan daripada Duke tepat pada pukul 11 pagi, 15 Julai tahun tersebut. Upacara berkenaan disaksikan oleh Raja Syed Alwi dan penduduk-penduduk yang berkedudukan. Pada waktu petang barulah Frost mengambilalih tanggungjawab sebagai Penasihat Kewangan Perlis.[91] Malangnya pada tahap ini Frost juga telah bekerjasama dengan Penasihat Kedah, W.G. Maxwell, untuk mengikatkan Perlis balik dengan Kedah, sekurang-kurangnya dari segi ekonomi. Tetapi samada diketahui oleh Frost mahupun tidak ia sendiri akan dilucutkan jawatan sekiranya Maxwell berjaya melaksanakan

---

90 Maxwell kepada Residen Jenaral Negeri-negeri Melayu Bersekutu Taylor 29 Oktober 1909, HC 1406/1909.

91 Frost kepada Maxwell 17 Julai 1909, HC 920/1909. Duke sendiri meninggalkan Perlis pada keesokan harinya.

cita-citanya yang sebenar iaitu menamatkan autonomi Perlis. Jelas kedua-dua orang pentadbir British ini melampaui tanggapan Maharaja dan Menteri Dalam Negeri Siam terhadap Perlis dan Kedah. Mereka bahkan menganggap dua buah kerajaan Melayu ini sebagai sepasang kembar Siam yang harus dicantumkan semula. Sememangnya pada tahun 1915 Maxwell telah mempergunakan kebergantungan ekonomi Perlis pada ekonomi Kedah sebagai asas untuk mengemukakan tuntuan agar Perlis diberi balik kepada Kedah.[92]

Walaupun pengembalian Perlis kepada Kedah tidak dapat dilaksanakan namun yang pasti secara praktis ialah Penasihat Kewangannya terpaksa menerima arahan daripada Penasihat Kedah. Dalam halehwal pentadbiran kerajaan ia merujuk kepada 'rakan sekerja'nya itu sebelum membuat keputusan yang penting. Surat-menyurat di antara pejabat Penasihat Perlis dengan pejabat Pesuruhjaya Tinggi di Singapura dikirim melalui pejabat Penasihat Kedah. Di samping itu Penasihat Perlis tidak mengirim terjemahan minit-minit mesyuarat Majlis ke dalam bahasa Inggeris terus kepada Pesuruhjaya Tinggi. Sebegitu juga laporan-laporan tahunan pembangunan ekonomi dan sosial kerajaan. Bahan-bahan tersebut dihantar melalui Penasihat Kedah terlebih dahulu. Bahkan mulai 1910 laporan tahunan Perlis dihantar sebagai bahagian kedua laporan tahunan Kedah.[93]

Seterusnya ingin ditegaskan bahawa sungguhpun Penasihat Kewangan dilantik di Perlis khas untuk membantunya membayar hutang, tetapi ini bukan tanggungjawab tunggalnya. Kayukur sebenar kemampuan kerajaan ini mempertahankan kewujudannya dari segi jangkapanjang ialah potensi pembangunan ekonomi Perlis. Justeru tugas pegawai berkenaan adalah dua: satu, meningkatkan pendapatan tahunan, dan dua, menghadkan perbelanjaan. Dari 1909 hingga 1930

---

[92] Dibincangkan dengan lanjut dalam bab seterusnya.

[93] Misalnya laporan tahunan Perlis bagi 1910 bermula sebagai Bahagian II, m.s. 43. Lihat LTP 1910

sejumlah 11 orang telah mengisi jawatan, di kalangannya H.C. Eckhardt yang berkhidmat paling lama dari akhir Disember 1911 ke 31 Mei 1920.[54] Setiap daripada mereka telah menjalankan tugas pertama dengan penuh kejayaan tetapi mereka tidak begitu mengendahkan pengurangan perbelanjaan. Malah sebahagian besar usaha ditumpukan pada membawa tambahan pendapatan ke dalam perbendaharaan kerajaan agar menutupi perbelanjaan. Justeru dapat difahamkan bahawa wang yang disalurkan ke arah penjelasan hutang awam itu tidaklah terlalu besar. Ini menjelaskan mengapa Perlis terpaksa mengambil sehingga 21 tahun untuk membebaskan diri daripada kedudukannya sebagai penghutang.

Demi meningkatkan pendapatan tahunan Perlis, Penasihat Kewangan telah menumpukan akal dan tenaga dalam tiga sektor utama yakni Tanah, Kastam, dan Monopoli Candu melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kejayaan dirasai apabila gabungan ini secara purata menyumbang tidak kurang 80% daripada jumlah pendapatan kerajaan sepanjang tempoh ini. Pertama, tanah, di samping merupakan tempat bergantungnya kehidupan penduduk Melayu, juga menyumbangkan pelbagai pendapatan yang berkaitan kepada kerajaan khususnya yang berkisar pada eksport padi sawah dan beras. Oleh itu tidak menghairankan bahawa sektor ini merupakan tumpuan utama Penasihat Kewangan dalam usaha meningkatkan hasil pendapatan tahunan Perlis. Sebaliknya sektor ini menyumbangkan pendapatan yang paling kecil. Walaupun pegawai ini bertumpu pada kutipan sewa bendang ia kurang berjaya akibat empat masalah utama. Perbincangan dalam beberapa halaman-halaman berikut berkisar pada percubaannya menyelesaikan masalah satu demi satu.

---

[54] Eckhardt semasa bercuti dari 19 April ke 18 Disember 1913 digantikan oleh C.M. Laidlaw. Semuanya menggunakan gelaran Pemangku Penasihat dalam laporan tetapi dalam perbincangan masing-masing akan dirujuk sebagai Penasihat Kewangan. Lihat nota 53 di atas.

Pertama, masalah datang dari dalam Pejabat Tanah. Dari satu segi cara kutipan tidak memuaskan. Sebelum 1909 rekod-rekod gran tanah yang diagihkan berada di dalam keadaan yang tidak teratur. Walaupun kerajaan Perlis sudah mengeluarkan gran sejak tahun 1892 lagi tetapi sekurang-kurangnya sehingga 1900 tiada sebarang hasil sewa disalurkan ke dalam perbendaharaan kerajaan. Dalam tempoh tersebut penduduk tidak dikenakan sewa tanah, sebaliknya mereka dikenakan cukai kelamin $1 seorang sebagai sebahagian sumbangan membuat Bunga Emas dan Perak ke Bangkok.[95] Untuk memperbaiki masalah ini Penasihat Kewangan A.H. Duke telah pada tahun 1908 menggubal Enakmen Hasil Tanah yang menetapkan agar pengeluaran gran-gran yang baru mula dicatat di dalam sebuah buku daftar. Sewa kemudiannya dikutip oleh Penghulu mukim masing-masing.[96] Dari 1905-1908 purata pendapatan di bawah tajuk Hasil Tanah dan Lombong ialah $15,494 dengan jumlah paling tinggi sebanyak $24,906 pada 1905 dan paling rendah $4,689 pada tahun berikutnya.[97]

Disebabkan pendapatan yang rendah itu penggantinya, Meadows Frost, pada 1910 memulakan satu daftar senarai sewa tanah baru yang berpandukan pada daftar gran Duke. Ia mengandungi butir-butir mengenai semua tanah yang dapat dikenakan sewa. Ia juga mengarahkan agar semua penyewa tanah yang tidak pernah mendaftar sebelum 1909 untuk mendaftar serta-merta.[98] Pada tahun yang sama Frost menetapkan kadar yang mesti dibayar oleh "para setinggan" yang belum pernah membayar sewa tanah atas kadar 60sen serelong setiap tahun. Kadar ini adalah sepuluh sen lebih tinggi daripada kadar

---

[95] Lihat nota 7 di atas.

[96] LTP 1910, m.s. 42. Perlis dibahagikan kepada 22 buah mukim, bukan kepada daerah. *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 47.

[97] "Appendix A", LTP 1912, op. cit.

[98] LTP 1910, op. cit.

sewa biasa.[99] Ini membawa kepada kutipan sektor Tanah dan Lombong berjumlah $20,586, yakni tambahan hampir 40% daripada kutipan tahun sebelumnya.[100] Menjelang akhir 1911, Pejabat Tanah sudah menyimpan hampir 17,000 gran yang membawa masuk kutipan sewa berjumlah $21,524.[101] Walaupun ini merupakan permulaan yang baik, sehingga tahun 1927 kerajaan masih menanggung kerugian akibat pengemaskinian rekod yang tidak licin di dalam Pejabat Tanah yang mengganggu proses pengutipan sewa. Masalah ini ditonjolkan oleh Penasihat Kewangan semasa P.S. Williams setelah merakamkan sejumlah $5,615 sebagai "memang tidak dapat dikutip".[102]

Kedua, amalan bekerja kakitangan Pejabat Tanah tidak memuaskan. Seawal 1912 misalnya Penasihat terpaksa melantik tiga orang kerani pejabat berkenaan secara bergilir-gilir sebagai Pemangku Pesuruhjaya Tanah disebabkan pegawai yang berkhidmat, Abdul Ghani telah mengambil cuti panjang tanpa kebenaran.[103]

Dari segi lain Pejabat Tanah perlu berkongsi kutipan sewa dengan para penghulu yang berkuasa mengutipnya. Oleh itu di samping membasmikan ketidakcekapan dan penyelewengan di tangan penghulu, Penasihat Kewangan H.C. Eckhardt telah pada 7 September 1914 mendapatkan kelulusan Majlis Mesyuarat untuk memindahkan tugas berkenaan kepada kakitangan Pejabat Tanah. Kini resit dikeluarkan serta-merta setiap kali bayaran diterima.[104] Langkah ini membawa kepada penjimatan sebanyak $2,200 pada tahun itu sahaja dan daripadanya $1,068 telah digunakan untuk membayar pampasan

---

[99] Minit mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Perlis (selepas ini disebut Minit mesyuarat) 20 Jun 1910, CO 273 1908a. 362/27437. Dan Minit mesyuarat 18 Mei 1914, CO 273 1098a. 411/26298.

[100] "Appendix B", LTP 1912, op. cit.

[101] LTP 1911, m.s. 34.

[102] LTP 1927, m.s. 62.

[103] Minit mesyuarat 7 Oktober 1912 dan Nota Penjelasan Penasihat, CO 273 1098a. 388/2035. Dan LTP 1913, m.s. 42.

[104] Minit mesyuarat 7 September 1914, CO 273 1098a. 412/47268.

kepada penghulu dalam bentuk kenaikan gaji.[105] Sebelum itu penghulu yang mengutip sewa dan menerima komisyen 10% daripada jumlah kutipan. Ini mendatangkan pendapatan yang jauh lebih tinggi daripada gaji bulanan yang rendah iaitu misalnya gaji $20 sebulan yang diterima oleh Penghulu Kuala Perlis.[106] Walau bagaimanapun penduduk masih berasa lebih selesa membayar sewa kepada penghulu sehingga 1929. Pada 16 Oktober tahun itu Penasihat Kewangan semasa iaitu L. A. Allen memperolehi persetujuan Majlis Mesyuarat untuk membolehkan notis-notis dipaparkan di semua masjid di seluruh Perlis untuk menghalang penduduk daripada memberikan apa-apa bayaran berkenaan tanah kepada penghulu mereka.[107]

Seterusnya masalah ketiga yang mengakibatkan angka kutipan sewa tanah yang kecil terletak pada hak pengecualian sewa. Perlaksanaannya yang dijamin oleh Enakmen Hasil Tanah 1908 seperti berikut:

> "The privilege of holding land free of the land-tax is entirely a personal one, and is confined by statute to members of the ruling house, their wives and widows until re-marriage, heads of Government departments, *penghulus* (headmen), and their clerks and assistants. It only applies, except in the unimportant cases of *penghulus*, their clerks and assistants, who can hold free a limited area only, to lands held at the time that the "Land Tenure Regulation, 1326," was passed. As when the land passes by sale or any form of transmission to other persons it became liable to the land-tax".[108]

---

[105] Memoranda Penjelasan Penasihat, Minit mesyuarat 16 November 1914, CO 273 1098a. 425/8712.

[106] Minit mesyuarat 16 November 1914, ibid

[107] Minit mesyuarat 16 Oktober 1929, Surat-menyurat Pejabat Penasihat Perlis (selepas ini disebut sebagai PP) 289/48.

[108] LTP 1912, m.s. 32.

Sungguhpun didapati bahawa luas tanah yang dikecualikan cukai tidak besar yakni 3,400 relong yang bersamaan $1,700 bebas cukai sewa, namun Frost dan Maxwell sama-sama tidak senang hati dengan hak ini. Seawal 1909 Penasihat Perlis ini telah menulis kepada ketuanya di Alor Star bahawa:

> "I made a rough estimate of 90 square miles of occupied land. Probably not one half of this is held under a title. We should have a rent roll of forty or fifty thousand dollars if all persons including the syeds paid land rent".[109]

Namun begitu tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap pihak yang mengambil kesempatan terhadap hak di atas tidaklah sama. Kerapkali tindakan yang terlalu tegas tidak diambil apabila berhadapan dengan kerabat diraja. Misalnya sungguhpun hanya sampai keturunan ketiga Raja Perlis yang dikecualikan daripada membayar sewa tanah, namun ia membiarkan sahaja kerabat lain menikmati hak itu.[110] Layanan sebegini tidak diberikan kepada orang bukan kerabat. Penghulu-penghulu misalnya hanya diberikan pengecualian daripada cukai ke atas 10 relong tanah seorang. Justeru, sebagai contoh, petisyen seorang bernama Hamzah agar dikecualikan daripada membayar sewa bagi tahun 1909 sewaktu ia berkhidmat sebagai Penghulu Besri diluluskan manakala permohonan Penghulu Dato Stia agar dikecualikan sewa ke atas kesemua tanahnya ditolak.[111] Dalam mesyuarat 5 Februari 1912 Majlis tidak melayan permintaan pengecua-

---

[109] Maxwell kepada Pesuruhjaya Tinggi Anderson melalui Residen Jenaral Negeri-negeri Melayu Bersekutu Taylor 4 November 1909, HC Perlis 1406/09.

[110] Lihat Minit mesyuarat 10 April 1911, CO 273 1098a. 374/21677.

[111] Walau bagaimanapun Penghulu Dato' Stia diberi $10 di atas "kerja yang memuaskan". Minit mesyuarat 25 Ogos 1910 CO 273 1098a. 363/34700. Dan Minit mesyuarat 28 November 1910, CO 273 1098a. 372/7061.

lian sewa tanah daripada 12 orang imam yang berkhidmat di Kayang dan Seriap.[112] Ia mengambil keputusan bahawa:

> "The persons who are entitled to remission of rent are specified in the rules under Land Revenue Act 1326 and it is inadvisable to add up to their already large numbers".[113]

Pada masa yang sama kerajaan diselubungi dengan masalah keempat yang lebih serius iaitu tiadanya perkhidmatan pakar dalam kerja meninjau dan mengukur tanah. Sewaktu mula-mula bertugas dahulu Frost disebabkan kekurangan kewangan kerajaan terpaksa bertahan dengan cara pengukuran lama yang tidak cekap. Dipetik laporannya di bawah:

> "There is no Survey Department. There is one demarcator attached to the Land Office but he only measures large blocks of land, and areas regarding which cases have arisen in Court. Ordinarily, the penghulu makes a rough measurement of each block for which an application is made, and a sketch plan taken from his measurement is depicted at the back of the grant when issued.
>
> In default of an accurate survey, I consider this method sufficient. A more expensive system, unless it were really accurate, would only be waste of money, and we are content to go on as we are at present until we can afford to engage a qualified European surveyor".[114]

Cara lama ini memang perlu ditukarkan memandangkan permintaan untuk membuka tanah semakin bertambah khususnya di kalangan pekebun kecil. Dari 1913 hingga 1914 Pejabat Tanah menerima sebanyak 550 buah permohonan untuk kebun-kebun kecil ke atas tidak kurang daripada 2,500 relong semuanya, termasuk tanah yang

---

[112] Minit Mesyuarat 5 Februari 1912, CO 273 1098a. 385/16817.
[113] Memoranda Penjelasan Penasihat, Minit Mesyuarat 5 Februari 1912, ibid.
[114] LTP 1910, m.s. 43.

sedang diduduki. Tetapi pada tahun berikutnya hanya 662 permohonan berjumlah 620 relong sahaja yang dapat diagihkan di bawah gran.[115] Cara ini kemudiannya ditentang oleh Eckhardt yang seterusnya mencadangkan agar kerajaan menubuhkan sebuah pejabat ukur, tetapi ini bukan tiada masalah:

> "The state of the titles and the Land Office records leaves much to be desired. The chief drawback in the absence of any proper survey or demarcation, upon which titles may be based. It would be work wasted to attempt any radical improvement which does not include the establishment of a proper Survey Department, and this of course is beyond the means of the State at present".[116]

Oleh itu pada 1917 Eckhardt mengambil jalan keluar dengan meminta bantuan Kedah seperti berikut:

> "It was recognized that a small independent Survey Office could not be worked economically or efficiently and an arrangement was come to by which the State could be able to avail itself of the survey organization of Kedah".[117]

Dengan demikian Majlis Mesyuarat kerajaan Perlis menubuhkan Pejabat Ukur yang pada 1917 dan meletakkannya di bawah Penguatkuasa Ukur, Kedah. Pegawai itu dibantu oleh seorang Pembantu Penguatkuasa, yang bertugas di utara Kedah, yang dihantar menyelia kerja di sini satu kali sebulan.[118] Akan tetapi aturan ini tidak begitu menguntungkan Perlis kerana pegawai-pegawai tersebut tidak berupaya menanggung beban kerjanya sehinggakan Pejabat Tanah terpaksa menolak semua permohonan untuk bidang-bidang tanah yang

---

[115] LTP 1913, m.s. 42, LTP 1914, m.s. 45, dan LTP 1915, m.s. 32.
[116] LTP 1914, m.s. op. cit.
[117] LTP 1917, m.s. 21
[118] LTP 1918, m.s. 26.

besar sepanjang 1919. Ketika menghadapi permohonan 3,000 relong tanah dalam bidang-bidang yang kecil pun, Pejabat Tanah terpaksa mengeluarkan lesen petempatan sementara dan itupun bagi tanaman padi sahaja.[119] Malangnya jumlah kutipan lesen berkenaan sukar ditemui. Yang ada walau bagaimanapun cukup menunjukkan angka yang agak tinggi iaitu $8,651.90 bagi 1923, $7,178.00 bagi 1924, $6,537.00 bagi 1925, dan $10,935 bagi 1926.[120] Pengeluran lesen-lesen ini sudah pada tahun 1924 dikesali oleh Penasihat Kewangan J.W.W. Hughes sebagai

> "This has proved an unsatisfactory arrangement and it is hoped that gradually persons occupying land on this system will exchange it for a permanent title".[121]

Tidak keterlaluan jika mengatakan kerajaan tidak mahu wang sebegini. Pada tahun 1927 Majlis Mesyuarat telah membuat keputusan untuk memansuhkan pengeluaran lesen petempatan sementara kecuali ke atas tanah yang tidak dapat diagihkan untuk disewa.[122]

Dalam pada itu kerajaan menghadapi masalah yang paling serius yakni tunggakan sewa yang semakin meningkat. Ia dapat dibahagikan kepada pelbagai faktor. Pertama, para penyewa tanah sering lambat membayar sewa. Aduan Frost mengenai sikap acuh tak acuh mereka yang ditujukan kepada Pesuruhjaya Tinggi pendek dan tepat:

> "The people in Perlis always imagine that the rent which they pay one year is that the rent for the previous year although the Land

---

[119] LTP 1919, m.s 36.
[120] LTP 1923, m.s. 28. LTP 1924, m.s. 30. LTP 1925, m.s. 41. Dan LTP 1926, m.s. 49.
[121] LTP 1924, m.s. 30.
[122] LTP 1927, *op. cit.*

> Act expressedly states that all rents is due in advance on the 1st day of each year".[123]

Kedua, dan yang membimbangkan ialah apabila tanah yang terlibat merupakan tanah terbiar. Dalam kes-kes sebegini kerajaan pun tidak dapat berbuat apa-apa kecuali menanggung kerugian. Ini diakui oleh Eckhardt seperti berikut:

> "A large proportion of these is in respect of abandoned lands, the positions of which are not sufficiently certain to permit the sale for the recovery of the sums due. The alternative is forfeiture".[124]

Ini ditambah pula dengan faktor ketiga yang paling kerap dikesan yakni ramai penduduk enggan membayar sewa tanah begitu sahaja. Terhadap mereka Penasihat Kewangan tidak sedikitpun berhati lembut. Pada 1911 Frost berjaya mendapatkan persetujuan Majlis untuk meluluskan pindaan terhadap Enakmen Hasil Tanah lalu memberikan kuasa kepada Pesuruhjaya Tanah untuk terus merampas apa sahaja daripada orang yang berhutangkan sewa tanah. Kini pegawai ini tidak payah lagi memohon perintah rampasan daripada mahkamah dan tidak lagi semata-mata merampas tanah, harta-benda ataupun tanaman yang berada di atas tanah itu sahaja.[125] Menjelang akhir tahun itu sahaja sebanyak 195 waran rampasan dikeluarkan. Tetapi Pejabat Tanah masih menanggung tunggakan sebanyak $2,898.[126] Oleh itu Majlis Mesyuarat pada 14 Oktober 1912 memutuskan untuk memastikan notis memaksa pembayaran sampai ke tangan penghutang. Dipetik minit mesyuarat berkenaan di bawah:

---

[123] Memoranda Penjelasan Penasihat, Minit mesyuarat 17 Julai 1911, CO 273 1098a. 374/29728.
[124] LTP 1918, m.s. 25.
[125] LTP 1911, m.s. 34.
[126] LTP 1912, op. cit.

"Notices of demand of land tax must be served by being handed to the registered owner of the land himself, or his agent, or by being left at his ordinary place of abode with his wife, (or her husband if the registered owner of the land is a woman) or with a child, or servant, of the registered owner of full age and understanding.

If the registered owner of the land is not in the State, or cannot be found, and there is no one in the State who can receive the notice on his behalf, the notice may be served by being sent to the registered owner through the post to his address outside the State, or it may be posted at the mosque and on the door of the house in which he resided before he left the state, or disappeared".[127]

Akan tetapi pada tahap ini tindakan tegas mengemukakan notis dan waran rampasan tidak juga berkesan. Pada tahun-tahun 1913 dan 1914 Pejabat Tanah mengutip sewa masing-masing sebanyak $21,536 dan $23,957.[128] Malangnya lebih satu dekad berikut angka ini hampir sama sahaja iaitu mencatat $25,499.[129] Ini sudah tentu diakibatkan oleh keengganan penduduk untuk membayar sewa kerana luas tanah yang ditanam dengan padi sawah telah meningkat hampir 50% iaitu dari 30,000 relong pada 1914 hingga 44,867 relong pada 1925.[130]

Alasan yang sering dikemukakan oleh pesawah ialah tanaman padi tidak menjadi. Dalam perkataan lain angka tunggakan sewa tanah secara berterusan dipengaruhi oleh kadar kejayaan-kegagalan tanaman ini. Tetapi Penasihat Kewangan sebenarnya jarang melayan permintaan pengurangan sewa mahupun permohonan agar dikecualikan daripada membayar sewa buat sementara waktu. Apabila keadaan mengizinkan ia rela mencari kerja-kerja sambilan bagi mereka yang

[127] Minit mesyuarat 14 Oktober 1912, CO 273 109/8a 38812035
[128] LTP 1913, m.s 42 Dan LTP 1914, m.s 45
[129] LTP 1925, m.s 41
[130] LTP 1914, m.s 45 dan LTP 1925, m.s 41

terlibat.[131] Namun adakalanya ia pun terpaksa membiarkan petani berhutangkan sewa, tetapi atas syarat buat satu tahun sahaja.[132] Sungguhpun begitu kebanyakan petani kerapkali tidak membayar sewa tanpa kebenaran yang menjelaskan angka tunggakan yang sebegitu tinggi. Tunggakan tidak dicatatkan oleh Penasihat Kewangan setiap tahun tetapi daripada angka-angka yang dapat diperolehi, dapat dirumuskan bahawa jumlah berkenaan bukanlah kecil. Pada 1913 jumlah berkenaan ialah $2,588.[133] Pada 1916 ia ialah $4,635 dan bertambah sehingga $7,500 dalam masa dua tahun sahaja.[134] Seterusnya sungguhpun pendapatan di bawah sekor Tanah telah meningkat lebih 40% dari 1922 ke 1923 tetapi sewa tanah yang dihutang oleh pesawah pada tahun 1923 tinggi yakni $12,706.[135] Menjelang akhir 1925 Williams memerhati bahawa para petani sudah berhutang sejumlah $30,000 dalam tunggakan tahun-tahun kebelakangan itu, yakni lebih daripada kutipan sewa bagi tahun yang sama.[136] Justeru ia melaporkannya kepada Pesuruhjaya Tinggi pada 1927 bahawa:

> "There is still a seriously large amount of land-rent outstanding, due over a period of several years, and an equally serious attempt will have to be made to reduce it, as the State cannot afford to be philanthropic over the tenure of land".[137]

Ini mendorong kerajaan untuk melantik seorang Inspektor Tanah khas untuk mengutip tunggakan sewa dan untuk menyiasat kes-kes

---

[131] LTP 1930, m.s. 72. Allen mengaku bahawa cara mencari kerja sambilan sedemikian adalah kebelakangan masa tetapi itulah satu-satunya pilihan baginya memandangkan kegagalan tanaman padi dua tahun berturut-turut.

[132] LTP 1922, m.s. 21.

[133] LTP 1913, m.s. 42.

[134] LTP 1916, m.s. 29 dan LTP 1918, m.s. 25.

[135] LT 1923, m.s. 28.

[136] Lihat LTP 1927, m.s. 41.

[137] LTP 1927, ibid.

pekebun yang tidak membayar sewa tanah pada tahun berikut. Sebanyak 8,373 notis dan 2,397 waran rampasan terpaksa dikeluarkan misalnya dari 1926 hingga 1927 sebelum Pejabat Tanah mendapatkan balik $21,201 daripada jumlah tunggakan tahun-tahun sebelumnya.[138] Secara perbandingan tunggakan sewa telah dapat dikurangkan dari $30,000 pada 1925 ke $18,000 pada 1928 dan seterusnya ke $13,392 pada 1929. Pada akhir tahun 1930 Pejabat Tanah sudah mampu mengutip sewa tanah sebanyak $48,039.[139] Keberkesanan pegawai yang dilantik khas ini sebagai penghalang terhadap amalan berhutangkan sewa tanah yang meluas ternyata memandangkan luas tanah bendang hanya bertambah 19% dari 1925 ke 1930, sedangkan jumlah sewa yang dikutip telah meningkat hampir 50% dalam tempoh yang sama.[140] Pada tahun 1930 tugas Inspektor Tanah pun diperluaskan merangkumi aspek-aspek pertanian lain lalu dikenali sebagai Inspektor Tanah dan Pertanian.[141]

Selain daripada tujuan mengutip sewa, Penasihat Kewangan juga menggalakkan pembukaan lebih banyak tanah pertanian demi meningkatkan petempatan dan seterusnya jumlah penduduk. Justeru sejak awal-awal lagi Majlis Mesyuarat pada 3 Februari 1913 sudah mengeluarkan perintah mengharamkan amalan penebangan hutan untuk menanam padi bukit.[142] Dalam penjelasannya Eckhardt turut menyentuh keperluan menjaga alam semulajadi seperti yang dapat dilihat di bawah:

---

[138] LTP 1926, m.s. 49. LTP 1927, m.s. 62. Dan LTP 1928, m.s. 58. Orang yang menyandang jawatan ini ialah Syed Hassan bin Syed Zain. LTP 1926, ibid.

[139] LTP 1930, m.s. 71

[140] Penambahan luas dalam relong dari 44,867 relong pada 1925 ke 55,274 relong pada 1939

[141] Minit mesyuarat 21 April 1930, PP 699/48.

[142] Minit mesyuarat 3 Februari 1913, CO 273 1098a. 399/17572.

"It is desirable to preserve the small area of forest land left in the State".[143]

Akan tetapi perintah di atas terpaksa dilonggarkan apabila berlakunya kegagalan tanaman padi, misalnya akibat penyakit di mukim-mukim Besri dan Titi Tinggi pada dua tahun berikut.[144]

Daripada perbincangan di atas jelas langkah-langkah meningkatkan kutipan sewa tanah bendang ada kalanya berkesan dan pada masa yang lain pula tidak. Ini mendatangkan kesan ke atas pendapatan keseluruhan Tanah terutama sekali kerana luas bendang meliputi 70% daripada luas tanah pertanian Perlis. Oleh yang demikian kutipan yang rendah bermakna pendapatan Tanah yang rendah. Ini adalah satu faktor yang menjelaskan mengapa pendapatan sektor ini tidak pernah mencatat 20% daripada jumlah pendapatan kerajaan, kecuali 21.38 % pada tahun 1910.[145] Secara purata pula dari 1909 sehingga 1930 sumbangan pendapatan Tanah kepada pendapatan tahunan Perlis ialah 13.82% sahaja.[146]

Dalam pada itu sehingga 1924 apabila kutipan sewa tanah pertanian menyumbang lebih kurang tiga perempat daripada jumlah pendapatan sektor ini, maka dalam tempoh masa yang sama pendapatan tahunan Tanah tidak melebihi $50,000.[147] Tetapi aliran ini berubah sebentar dari 1925 hingga 1928 sehinggakan pendapatan keseluruhan sektor kastam mengalami purata kenaikan 8% setiap tahun.[148] Dalam tempoh masa ini kutipan sewa tanah pertanian mencatat separuh sahaja daripada jumlah pendapatan. Ini berpunca daripada dua sebab. Pertama, seperti yang telah disentuh di atas, lesen

[143] Memoranda Penjelasan Penasihat, Minit mesyuarat 3 Februari 1913, ibid.
[144] Minit mesyuarat 11 Januari 1915, CO 273 1098a, 425/14707.
[145] LTP 1909-1930.
[146] Ibid.
[147] LTP 1909-1924.
[148] LTP 1925-1928.

pendudukan sementara semakin dikeluarkan oleh Pejabat Tanah akibat ketidakmampuan Pejabat Ukur memproses permohonan gran tanah. Pada tahun 1926 misalnya kutipan lesen ini sudah mencatat 12% daripada pendapatan Tanah, yakni satu peratusan yang tinggi.[149] Kedua, disebabkan tunggakan sewa yang semakin bertambah, Pejabat Tanah terpaksa memandang ke arah jualan tanah pertanian sebagai satu lagi sumber pendapatan. Pada 1926 juga jualan telah bertambah sebanyak tiga kali ganda daripada tahun sebelumnya dan menyumbangkan 20% daripada pendapatan Tanah. Justeru pendapatan keseluruhan sektor Kastam mencecah $92,012 pada tahun yang sama.[150] Jualan tanah pertanian seterusnya pada tahun-tahun 1927 dan 1928 masing-masing menyumbangkan 28% dan 22% daripada pendapatan sektor.[151] Di samping penduduk Melayu tempatan, orang yang membeli tanah terdiri daripada orang Melayu dari Kedah dan orang Cina yang lahir di Perlis dan yang datang dari Pulau Pinang. Selain itu ada juga segelintir orang Mendiling dan Bugis.[152]

Walau bagaimanapun kerajaan Perlis hanya memandang kedua-dua cara yang disebut di atas itu sebagai langkah sementara sahaja. Ini terutama sekali benar dari segi jualan tanah kerajaan. Sungguhpun Undang-undang Tanah Simpanan Melayu Perlis tidak digubal sehingga 1935, namun Penasihat Kewangan amat memandang berat perlindungan punca pendapatan dan taraf kehidupan pesawah Melayu. Daripada surat balas Allen kepada Pemangku Setiausaha Hal-ehwal Orang-orang Cina bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, A.B. Jordan pada 30 Ogos 1930, didapati bahawa luas bendang yang diduduki oleh orang Cina pada tahap ini ialah hampir 500 relong. Kebanyakannya menggaji pesawah Melayu untuk mengerjakan tanah

---

[149] LTP 1926, m.s. 49
[150] Ibid.
[151] LTP 1927, op. cit. dan LTP 1928, m.s. 59
[152] LTP 1927, op. cit.

mereka.[153] Terhadap prospek pertambahan orang Cina sebagai penyewa bendang pun, Allen terang-terang membantah:

> "... the Government should reserve the remaining unalienated padi land for Malays and particularly for later generations of Perlis Malays. It is admitted that it will be very many years before all the unalienated padi land is taken up by Malays and it has been suggested that padi land should be leased to Chinese for a period of 20 years. The main objection to this is that if it were possible to get Chinese to open up and cultivate land on such conditions it would probably be impracticable to force them to remove from the land after the expiry of the leases".[154]

Selain daripada angka kutipan sewa bendang yang rendah, satu lagi sebab yang tidak kurang penting yang menjejaskan pendapatan sektor ialah Penasihat Kewangan menghadkan penanaman selain daripada padi sawah di kalangan penduduk Melayu, kecuali tanaman makanan untuk menampung sara hidup seperti sayur-sayuran dan buah-buahan. Ia paling keras membantah mereka menjadi pekebun-pekebun kecil getah. Pada tahun 1910 Frost melaporkan bahawa

> "No rubber has been planted, except a few trees here and there which are too young to tap, and some trees planted by H.H. the Raja some years ago. The latter are not much criterion of whether the soil is suitable for rubber or not as they have been neglected and badly tapped".[155]

---

[153] Allen kepada Jordan 30 Ogos 1930, IIC 166/1349.

[154] Jawapan Allen dalam soal-selidik Jordan, 31 Ogos 1930, ibid. Amalan melindungi pesawah Melayu Perlis ini merupakan dasar kerajaan sepanjang masa. Misalnya pada 1910 ketika berhadapan dengan permohonan tanah pertanian seluas 80 relong daripada empat orang Cina, Majlis Mesyuarat membenarkan hanya jika pesawah Melayu yang sedang menduduki tanah tersebut tidak memohon gran dalam masa 15 hari. Minit mesyuarat 11 Julai 1910, CO 273 1098a. 363/33244.

[155] LTP 1910, m.s. 47.

Setelah Estet Cawdor, satu-satunya ladang getah Perlis, ditutup pada 1913, pokok-pokok getah yang ada ditanam kebanyakannya oleh penduduk Melayu.[156] Ia menghasilkan 1,744 dan 3,485 paun getah untuk dieksport masing-masing pada 1914 dan 1915.[157] Sedangkan ada potensi dalam tanaman ini, Eckhardt dalam laporannya tidak memandang baik potensi penanaman getah oleh mereka.[158] Satu tahun berikut ia secara terbuka membantah petani menanam getah dalam ayat berikut:

> "There can be no doubt that the padi and coconut industries will suffer if the cultivation of rubber on small holdings is not discouraged".[159]

Selepas ini Majlis Mesyuarat pada sebahagian besar masanya melayan permohonan membuka tanah untuk getah daripada peladang dan pekebun bukan Melayu. Itupun semakin banyak tanah dipohon untuk menanam getah tetapi sebahagian besarnya ditolak. Di antara tahun-tahun 1916 dan 1917 misalnya daripada 38 buah permohonan seluas 17,000 relong diterima oleh Pejabat Tanah, hanya tiga diluluskan yang membawa kepada 2,600 relong sahaja.[160] Menjelang akhir 1930 luas tanaman getah ialah 5,000 ekar kebanyakannya milik pekebun Cina dan seorang peladang India yang mengerjakan semula Estet Cawdor pada 1919 dengan penghasilan 700,000 paun getah untuk dieksport.[161] Ini secara ironisnya menyelamatkan penduduk Melayu Perlis daripada kesan buruk kemelesetan selepas Perang

---

156 LTP 1913, m.s. 42.
157 LTP 1914, m.s. 45 dan LTP 1915, m.s. 32.
158 LTP 1915, ibid
159 LTP 1916, m.s. 29
160 LTP 1917, m.s. 21.
161 LTP 1919, m.s. 36 Dan LTP 1930, m.s. 55

Dunia Pertama yang berakhir pada 1919 dan daripada akibat harga getah asli yang merosot di pasaran dunia.[162]

Pada masa yang sama pendapatan Tanah yang rendah juga berpunca daripada dasar Penasihat Kewangan yang tidak begitu menggalakkan perlombongan bijih timah. Ini dapat dibuktikan dengan kutipan lesen perlombongan yang kekal pada 5% daripada jumlah pendapatan sektor.[163] Di kalangan pelombong yang ada, kebanyakannya orang Cina yang melombong secara persendirian dan di samping itu segelintir pelombong Eropah bersyarikat. Pada mulanya layanan boleh dikatakan lebih memihak kepada syarikat pelombong Eropah yang dapat menimbunkan sejumlah modal yang besar untuk membangunkan industri ini. Secara adil didapati ini bertolak daripada cara perlombongan yang utuk dan membebankan di Perlis yang memerlukan kerja-kerja meletup bukit. Dipetik laporan tahunan Frost yang berkaitan:

> "... the mining is most peculiar, the ore being found in underground and hollows in the limestone range which separates Perlis from Setul. People who have been all over Perak and the other states of the federation unite in saying that the Perlis mines are unique".[164]

Cara perlombongan yang khusus ini memang memberatkan sehinggakan Frost terpaksa menggubalkan pindaan pada Enakmen Perlombongan yang ada bagi memudahkan aktiviti tersebut. Ia bahkan menghadapi masalah sewaktu mendraftkan pindaan lalu memutuskan untuk mengambil jalan keluar yang paling munasabah iaitu ditandakan sahaja 'pintu' kemasukan bukit-bukit yang akan dimulakan kerja melombong dan ditetapkan garis pusat kawasan yang dibenarkan

---

[162] LTP 1919, m.s. 40.
[163] LTP 1909-1930.
[164] LT 1910, m.s. 47.

kepada seseorang pemilik lesen untuk menghalang orang lain melombong di sana. Paling menarik lesen-lesen meninjau dikeluarkan oleh Pejabat Tanah tanpa memerlukan kerja-kerja tinjauan tanah. Lebih tepat tinjauan tanah tidak dapat dijalankan disebabkan kebanyakan bijih timah didapati di dalam timbunan bawah tanah dan di dalam bukit.[165]

Berkenaan hasil lombong didapati sehingga 1912 hanya seorang daripada pemilik lesen melombong Cina iaitu Lo Beng Quang dari Pulau Pinang yang berjaya mengaut keuntungan lumayan daripada lombongnya di Kaki Bukit. Pada tahun 1911 ia mengeksport 1,706 pikul timah jongkong, inipun satu-satunya eksport timah jongkong Perlis.[166] Pada tahun-tahun 1912 dan 1913 Pejabat Tanah meluluskan masing-masing 14 dan 12 permohonan lesen meninjau tetapi tiada satu yang melaporkan penemuan bijih.[167] Ini mendorong Eckhardt untuk mendapatkan nasihat pakar J.B. Scrivenor, Ahli Geologi Kerajaan Negeri-negeri Bersekutu pada tahun yang sama.[168] Keputusan laporannya telah mendatangkan kesan yang mendalam ke atas masa depan aktiviti perlombongan bijih timah di Perlis. Ia merumuskan bahawa:

> "... the physical conformation of the State was such that any tin-mining on a large scale would be likely to endanger the padi fields. Any risk of danger to an industry upon which the greater part of the population of the State depends for a livelihood cannot be contemplated without uneasiness, and mining can only be permitted in such forms and in such places as will reduce risk to a negligible quantity".[169]

---

[165] Ibid., m.s. 48
[166] LTP 1911, m.s. 38
[167] LTP 1912, m.s. 33 dan LTP 1913, op. cit.
[168] LTP 1913, op. cit.
[169] Lihat LTP 1913, m.s. 42-43

Selepas itu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis mengambil langkah berhati-hati semasa mempertimbangkan permohonan meninjau tidak kira ia datang daripada pelombong Cina mahupun Eropah. Malahan Penasihat Kewangan pun, selain daripada mencatat kutipan cukai eksport timah jongkong, tidak melaporkan perkembangan industri ini sehingga 1926. Tetapi tiada laporan, tidak bermakna tiada perkara berlaku. Sebaliknya pada tahun 1920 Penasihat Kewangan E.W.N. Wyatt mengambil keputusan untuk meminda Enakmen Perlombongan 1915 demi menjaga kepentingan pesawah padi. Di dalam pindaan berkenaan ia bercadang menghadkan tempoh berkuatkuasa lesen melombong dan sewaan tanah lombong kepada hanya satu tahun. Ini merupakan pengurangan yang drastik kerana sebelumnya pelombong berhak menduduki lombong sehingga 21 tahun lamanya. Paling menimbulkan cemuhan ialah Wyatt dengan sendirinya mempraktikkan pindaan tersebut sebelum Majlis meluluskannya. Dengan perkataan lain sementara menunggu pindaan diluluskan Wyatt melalui persetujuan Majlis membenarkan pelombong menerokai tanah lombong selama satu tahun sahaja.[170] Tujuan sebenar Wyatt ialah menghindarkan kerja perlombongan daripada mencemarkan sungai yang akan menjejaskan pertanian padi sawah dan ini sudah tentu Majlis menyokong tujuan murni ini.[171]

Layanannya yang tidak menyenangkan terhadap aktiviti perlombongan telah mengakibatkan sekumpulan pelombong yang terdiri daripada 2 orang pelombong Eropah dan 15 orang pelombong Cina mengemukakan satu petisyen bantahan kepada Pesuruhjaya Tinggi Sir L. Guillemard di Singapura pada 11 Jun 1921.[172] Sebelum

---

"Report re the Proposed Amendments to the Existing Mining Enactment", m.s. 2, HC 502/1921

Wyatt kepada Penasihat Kedah, M.S.H. McArthur 4 Oktober 1921, HC 502/1921, ibid.

"The Humble Petition of the Tin Mineowners of the State of Perlis to the High Commissioner of the Unfederated Malay States", 11 Jun 1921, ibid.

itu pada 26 Mei 1920 seorang daripada mereka iaitu Graf menghantar petisyen persendirian untuk mengadu kepada Pesuruhjaya Tinggi tentang tingkahlaku Wyatt yang sengaja melambat-lambatkan pengeluaran lesen melombong di Gua Geti.[173] Setelah diarahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi, Penasihat Kewangan Perlis ini terpaksa mengadakan satu rundingan dengan kumpulan pelombong itu. Dalam rundingan yang mengambil tempat pada 2 Julai 1921 dan yang mengambil masa lima setengah jam, Wyatt bersetuju mengekalkan had maksima tempoh berkuatkuasa lesen dan sewaan melombong yakni 21 tahun tetapi mewajibkan kerja tinjauan tanah disempurnakan sebelum sebarang lesen mahupun sewaan dikeluarkan. Pada masa yang sama ia menaikkan harga lesen meninjau sebanyak 100% dari $10 sekeping kepada $20 sekeping.[174] Majlis kemudiannya meluluskan pindaan pada tahun berikut.[175]

Sementara itu Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi Sherwood yang tidak berpuas hati dengan cara Wyatt bertindak telah mengarahkan J. Laird, Warden Jabatan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk melaporkan perkembangan aktiviti perlombongan bijih timah di Perlis. Keputusan itu dipersetujui oleh Pesuruhjaya Tinggi dan Laird tiba di sini pada bulan September 1921.[176] Sebagai satu cara bantahan, Wyatt mendapatkan kerjasama Raja Syed Alwi untuk melambat-lambatkan pembayaran elaun perkhidmatan kepada pegawai tersebut sehingga tiga bulan selepas laporannya siap.[177]

---

[173] "The Petition of Ernest Graf of Perlis, Tin-mine owner to the High Commissioner of the Unfederated Malay States", 26 Mei 1920, HC 509/1921.

[174] Wyatt kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi, Sherwood 25 Julai 1921, HC 502/1921, op. cit.

[175] LTP 1922, m.s. 21.

[176] Sherwood kepada McArthur 25 Julai 1921, HC 502/1921, op. cit.

[177] Wyatt kepada Sherwood 22 Ogos 1921, op. cit., dan Sherwood kepada McArthur 24 Oktober dan 8 Disember 1921, op. cit. Juga McArthur kepada Sherwood 15 Disember 1921, op. cit.

Dengan enakmen baru di tangan, Penasihat Kewangan bahkan telah menghadkan pembukaan tanah lombong dan pada masa yang sama keluasan lombong. Misalnya pada 25 Oktober 1926 Penasihat Kewangan semasa Williams meluluskan permohonan lesen meninjau E.H. Bulford dari Pulau Pinang untuk lima tahun tetapi luas tanah dikurangkan daripada 500 relong yang diminta kepada 200 relong sahaja.[178] Sebelum itu pada 11 November Majlis meluluskan permohonan lesen melombong seorang Cina, bernama Ong Swee Lam dari Kaki Bukit selama lima tahun di Wang Pisang Tinggi tetapi dihadkan luas lombong kepada 50 relong.[179] Demi melindungi aktiviti pertanian padi sawah, setiap kali dikenakan syarat pelombong tidak boleh mencemarkan sungai.[180] Sehubungan dengan itu tindakan yang paling keras tentu ialah mengarahkan kawasan ditutup untuk perlombongan sama sekali. Sebagai contoh pada 1926 Majlis membuat keputusan untuk menutup Wang Tangga kepada perlombongan bijih timah.[181]

Walaupun perlombongan bijih timah dianaktirikan, pendapatan daripada cukai eksport timah jongkong kerap mengatasi pendapatan daripada cukai eksport padi dan beras. Ini dikesan selepas kerajaan mengambilalih seluruh sektor Kastam pada tahun 1908.[182] Sebelum itu sehingga akhir 1907 kutipan cukai eksport dan import dipajakkan kepada pemajak Cina dari Pulau Pinang. Pada 1900 semasa melawat Perlis Skeat melaporkan pajakan cukai import-eksport membawakan

---

178 Minit mesyuarat 25 Oktober 1926, PP 166/45.

179 Minit mesyuarat 11 November 1926, op. cit.

180 Lihat misalnya nota-nota 178 dan 179 di atas.

181 Minit mesyuarat 26 Januari 1927, PP 206/45. Khoo Kay Kim ketika menulis tentang keistimewaan laluan lombong bijih timah Perlis ada menyebut kawasan perlombongan Wang Tangga. Khoo, "Quaint little Perlis of old", *The Sunday Star*, April 2 1995, m.s. 36. Tetapi kawasan perlombongan ini sebenarnya telah ditutup oleh kerajaan pada 1926.

182 Lihat LTP 1909, m.s. 2.

$1,000 sahaja.[183] Dari 1905 ke 1907 pendapatan di bawah tajuk Pajakan Kastam sudah membawa masuk sekurang-kurangnya $12,000 setahun.[184] Sungguhpun tidak ditemui jumlah yang berasingan bagi padi namun berdasarkan laporan Frost, eksport padi dari Perlis ke Pulau Pinang pada 1906 bernilai $200,000, kutipan cukai tahun itu seharusnya $6,000.[185] Tetapi angka-angka tersebut tidak termasuk kutipan cukai ke atas eksport timah jongkong yang kecil sahaja, iaitu tidak sampai $2,700 setahun dari 1905 hingga 1907.[186]

Disebabkan kebergantungan pada kedua-dua eksport timah dan padi, dasar kerajaan memansuhkan cukai-cukai import dan eksport pada tahun 1910 tidak melibatkannya.[187] Ini menjelaskan mengapa sektor ini masih dapat menyumbang satu perempat daripada pendapatan keseluruhan kerajaan pada tahun berikutnya.[188] Ini juga

---

[183] Skeat, op. cit., m.s. 136.

[184] "Appendix A", LTP 1912, m.s. 38.

[185] Report For The Year 1906 On The Trade And Commerce Of The Monthons Of Saiburi And Puket, No. 3788 Annual Series Diplomatic And Consular Reports Siam, (London: Harrison & Sons for His Majesty's Stationery Office, 1907), m.s. 4. Pada tahap tersebut cukai eksport ialah 3% ad valorem. Frost tidak mendapati sebarang eksport beras dari Perlis. Report For The Year 1907 On The Trade And Commerce Of The Monthons Of Saiburi And Puket, No. 3999 Annual Series Diplomatic And Consular Reports Siam, (London: Harrison & Sons for His Majesty's Stationery Office, 1908), m.s. 1.

[186] "Appendix A", LTP 1912, op. cit.

[187] LTP 1910, m.s. 34. Berdasarkan catatan Penasihat dapat dirumuskan bahawa sehingga 1930, 90% daripada eksport kedua-dua barangan ini mendapat tempat di Pulau Pinang melalui tiga pelabuhan utama Perlis iaitu Kangar, Kuala Perlis dan Kuala Sanglang. Barangan ini diangkut oleh tongkang-tongkang Cina, dan juga oleh kapal-kapal layar kepunyaan *Eastern Shipping Company*. LTP 1913, m.s. 46, LTP 1929, m.s. 56-57 dan LTP 1930, m.s. 61.

[188] "Appendix A", LTP 1912, op. cit. Kadar cukai yang dikenakan ke atas eksport padi dan beras pada 1914 misalnya adalah sama dengan kadar Kedah iaitu $5 sekoyan padi dan $10 sekoyan beras. Minit mesyuarat 5 Januari 1914, CO 273 1098a. 410/11435. Dari semasa ke semasa pengecualian daripada membayar cukai eksport diberikan atas sebab agama. Misalnya pada pertengahan 1912 Majlis Mesyuarat membenarkan Penghulu mukim Sanglang bernama Man

menunjukkan bahawa naik-turun kuantiti pengeksportan padi dan beras, serta timah jongkong secara langsung mempengaruhi naik-turun jumlah pendapatan Kastam. Kesan negatif dirasai apabila berlaku kejatuhan yang serius dalam kutipan cukai eksport padi dan beras dan kejatuhan mendadak kutipan cukai eksport timah jongkong. Ini dapat dikaitkan masing-masing dengan dasar kerajaan mengharamkan pengeksportan padi dan kejatuhan dalam kuantiti bijih yang dilombong. Tetapi jarang berlaku kedua-duanya sekali.

Pada pertengahan 1911 Majlis Mesyuarat mengharamkan eksport padi sehingga tahun berikutnya akibat kegagalan tanaman.[189] Ini mengakibatkan kejatuhan sumbangan cukai padi dan beras kepada Kastam dari 25% pada 1911 ke 5% pada 1912. Tetapi langkah pengharaman itu tidakpun berupaya menjejaskan pendapatan Kastam tahun 1912. Malahan pendapatan sektor ini telah meningkat 20% dari 1911 disebabkan sumbangan eksport timah jongkong naik 100% dalam tempoh yang sama. Pada tahun 1912 juga kutipan daripada timah jongkong menjangkau 10 kali ganda kutipan daripada padi dan beras.[190] Ini berpunca daripada dua faktor. Pertama, seperti yang telah disentuh sebelum ini, pengeluaran besar lombong Lo Beng Quang di Kaki Bukit. Kedua, kenaikan harga pasaran timah jongkong.[191] Namun memandangkan jumlah timah yang dilombong di Perlis sangat kecil ditambah pula dengan dasar kerajaan menghadkan pembukaan

---

mengeksport 80 gantang beras bebas cukai sebagai sumbangan kepada tambangnya mengerjakan fardu Haji ke Mekah. Pada masa yang sama dan demi tujuan yang sama Majlis membenarkan orang-orang Melayu biasa mengeskpot 20 gantang beras bebas cukai setiap orang. Minit mesyuarat 28 Jun 1912, CO 273 1098a. 386/29265.

[189] Minit mesyuarat 11 Disember 1911 dan Memoranda Penjelasan Penasihat yang berkaitan, CO 273 1098a 384/6539. Dan Minit mesyuarat 6 Januari 1912, CO 273 1098a. 385/9766. Serta Minit mesyuarat 16 Disember 1912, CO 273 1098a. 385/16817.

[190] "Appendix A Statement of Revenue", LTP 1912, op. cit.

[191] LTP 1912, m.s. 31 dan 33.

lombong baru, maka kesan kenaikan harga pasaran timah jongkong lebih berperanan di sini. Misalnya pada tahun 1917 ketika harga pasaran Pulau Pinang mencatat di antara $85.00 dan $116.75 sepikul, cukai berkenaan membawa masuk $21,315 atau satu pertiga jumlah pendapatan keseluruhan sektor tersebut. Pada tahun itu Perlis mengeksport 3,284 pikul timah jongkong. Tetapi angka ini jatuh ke 2,596 pikul pada tahun berikut, kutipan cukai pula menampakkan kenaikan iaitu ke $26,948. Ini disebabkan peningkatan harga pasaran yakni di antara $117.70 dan $180.00 sepikul.[192]

Apabila cukai eksport padi dan beras serta cukai timah jongkong bersama-sama mengalami kenaikan secara besar-besaran, maka ini memastikan pendapatan lumayan kepada Kastam. Ini memang berlaku pada 1920 apabila pendapatan keseluruhan sektor ini menjangkaui $185,403. Dari satu segi ia disebabkan oleh pengambilalihan cukai biasa oleh satu cukai khas sebanyak $81,532 ke atas eksport padi dan beras. Majlis Mesyuarat telah meluluskan langkah ini demi mempertingkatkan taraf hidup pesawah padi Melayu.[193] Dengan ini jumlah kutipan cukai ke atas eksport padi dan beras 1920 telah buat pertama kalinya dalam satu dekad mengatasi kutipan cukai eksport ke atas timah jongkong. Masing-masing menyumbangkan 44% dan 24.5% kepada Kastam.[194] Pada masa yang sama sektor ini juga telah julung-julung kali sejak 1911 mengatasi monopoli candu, punca pendapatan terbesar Perlis, dengan sumbangan 41.81% kepada pendapatan keseluruhan kerajaan.[195]

Di samping itu adakalanya pelombong menjumpai timbunan besar timah seperti pada 1920. Dibandingkan dengan jumlah 1919, pendapatan cukai eksport timah jongkong telah meningkat hampir

---

[192] LTP 1917, m.s. 20 dan LTP 1918, m.s. 24.
[193] LTP 1920, m.s. 33.
[194] Ibid., m.s. 36.
[195] "Appendix A Statement of Revenue", LTP 1920, m.s. 40.

70% dari $14,403 ke $45,445. Terutama sekali memandangkan keadaan yang tidak menyenangkan di antara Wyatt dengan pelombong-pelombong, ia pun tergamak dengan pertambahan pendapatan ini.[196]

Selepas ini dalam keadaan biasa yang bermaksud tiada pengharaman eksport padi dan beras, kutipan cukai eksport timah jongkong mengatasi kutipan cukai eksport padi dan beras. Tahun-tahun 1924, 1926, dan 1927 memperlihatkan perbezaan yang besar yakni kutipan cukai eksport timah jongkong ialah secara purata dua kali kutipan berkenaan daripada padi dan beras. Perbezaan ini menjangkau sehingga 60% setiap tahun bagi 1925, 1928 dan 1929.[197] Pada tahun 1928 cukai yang dikutip daripada eksport timah jongkong mencapai kemuncak pada $81,691 manakala cukai yang dikutip daripada eksport padi dan beras hanya $32,113.[198] Semasa berlakunya pengharaman eksport padi dan beras sudah tentu pecahan sumbangannya jauh lebih kecil daripada sumbangan timah jongkong. Misalnya pada 1922, kutipan cukai ke atas eksport padi dan beras hanya mencatat satu perlima daripada kutipan ke atas timah jongkong.[199] Seterusnya pada 1930, cukai yang dikutip daripada padi dan beras hanya 10% daripada pendapatan cukai timah jongkong.[200]

Walau bagaimanapun angka-angka yang ada menunjukkan bahawa apabila digabungkan kedua-duanya menyumbang secara purata 52% setahun daripada jumlah pendapatan di bawah tajuk Kastam dari 1909-1930.[201] Ini menjaminkan tempat kedua penting bagi Kastam

---

[196] LTP 1920, m.s. 33.
[197] LTP 1924-1929.
[198] LTP 1928, m.s. 51.
[199] LTP 1922, m.s. 25.
[200] LTP 1930, m.s. 59.
[201] LTP 1909-1930

dalam sumbangannya kepada pendapatan keseluruhan Perlis yakni dengan purata 31.74 % setahun.[202]

Akhirnya di kalangan ketiga-tiga punca pendapatan utama Perlis yang disebut, monopoli candu menyumbang jumlah yang paling besar yakni purata 38.57% daripada pendapatan tahunan.[203] Pada 19 Februari 1910 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk memonopoli perniagaan candu lalu meluluskan Enakmen Candu pada 21 Mac. Ia bertujuan semata-mata untuk mengisi perbendaharaannya. Monopoli ini berkuatkuasa sebaik sahaja pajakan kepada seorang pemajak Cina dari Pulau Pinang genap tempoh pada 11 April tahun yang sama.[204] Sebelum itu pajakan candu membawa hasil yang tidak sebegitu tinggi. Pada tahun 1900 misalnya pendapatan yang diperolehi daripada gabungan pajakan candu, beras, dan lain-lain hanya mencatat $14,000.[205] Kemudian pajakan bersama candu dan padi membawa masuk $35,750 dan $37,000 masing-masing pada 1905 dan 1906. Jumlah berasingan untuk pajakan candu hanya wujud untuk tahun 1907 yang mencatat $17,733. Ini bersamaan satu perlima daripada pendapatan kerajaan bagi tahun yang sama.[206]

Keadaan yang berbeza muncul selepas Majlis Mesyuarat meluluskan penggubalan enakmen tersebut yang secara terang-terang meniru enakmen Kedah yang berbunyi

> "It is forbidden to any one but the government to import opium or chandu into Perlis or to cook opium or to sell chandu without a license from the government. Licenses may be issued to two kinds

---

202 Ibid

203 LTP 1910-1930

204 LTP 1910, m.s. 44

205 Skeat, op. cit.

206 "Appendix A", LTP 1912, op. cit. Manakala pajakan padi bagi 1907 membawakan $23,827. Selepas itu bagi tahun-tahun 1908 dan 1909 belanjawan kerajaan mencatatkan angka yang sama yakni $23,600 untuk pendapatan di bawah tajuk "Pajakan"

of shops: (a) those where chandu is sold to be smoked on the premises; (b) those where chandu is sold for consumption off the premises".[207]

Maka bermula 1910 sebahagian besar pendapatan daripada monopoli candu bertumpu pada satu cara iaitu kerajaan membeli terus candu daripada Penguatkuasa Candu di Pulau Pinang dan menjualkannya kepada para pemilik lesen. Pendapatan agak lumayan kerana dari semasa ke semasa harga dinaikkan. Hanya lima bulan selepas perniagaan ini diambilalih oleh kerajaan, Pemangku Penasihat Kewangan A. Cavendish memutuskan supaya harga jualan candu oleh kerajaan kepada pemilik lesen kedai jualan dan penghisapan dinaikkan sejajar dengan kadar kenaikan harga candu yang dibeli dari Pulau Pinang.[208] Selain daripada menutupi kos belian, kerajaan juga mampu mengaut keuntungan. Setelah dengan harga jualan kepada pemilik-pemilik lesen dinaikkan sebanyak tiga kali dari $2.50 setahil sehingga $3.40 setahil menjelang akhir 1910, keuntungan bersih daripada jualan candu sahaja mencatat $22,602.[209]

Selain daripada disebabkan oleh harga candu yang dibeli dari Pulau Pinang semakin mahal, kerajaan sebenarnya semakin menaikkan harga berikutan desakan Maxwell supaya harga jualan di Perlis disamakan dengan harga di Kedah. Penasihat Kedah itu ingin memastikan agar Perlis tidak membolot pasaran jualan candu Kedah terutama sekali dalam pasaran gelap. Namun demi melindungi ekonomi Kedah ia pada masa yang sama menolak cadangan Pesuruhjaya Tinggi Anderson untuk menaikkan harga jualan sehingga sama dengan harga jualan Jajahan dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

---

[207] LTP 1910, m.s. 44. Bersama ini ialah peraturan bahawa "No women or children, or persons known to be of bad character, are allowed to enter a smoking shop".

[208] Minit mesyuarat 26 September 1910, CO 273 1098a. 363/39280.

[209] LTP 1910, m.s. 44-45

yakni $4.60 setahil.[210] Walau bagaimanapun Perlis sendiri menaikkan harga jualan kepada $4.00 setahil menjelang akhir 1911 dan ini menyalurkan keuntungan bersih kira-kira $50,000.[211] Pada bulan Februari tahun berikut Majlis Mesyuarat mengikut 'nasihat' Maxwell lalu menaikkan harga jualan kepada $4.30 setahil.[212] Kedah pada masa yang sama terpaksa menurut cadangan Anderson lalu harga jualan kepada pemilik lesen dinaikkan kepada $5.00 setahil. Pada 20 Mei Perlis pula mengikutnya.[213]

Kemudian harga jualan kepada pemilik lesen di Perlis terus dinaikkan sehingga $6.00 setahil sehingga $6.35 setahil pada tahun 1914.[214] Tiga tahun berikut yakni 1917 harga jualan candu kerajaan kepada pemilik lesen sudah mencatat $10 setahil.[215] Harga ini dikekalkan sehingga 1930. Justeru tahun-tahun 1917-1930 memperlihatkan pendapatan Monopoli Candu yang tidak pernah kurang daripada $100,000 setahun.[216] Pada kemuncaknya tahun 1927 sebanyak $220,874 disalurkan ke dalam kocek kerajaan. Ini bersamaan satu pertiga daripada jumlah pendapatan tahun tersebut.[217]

Demi benar-benar untuk memonopolikan perniagaan candu, Majlis Mesyuarat telah pada tahun 1913 mengikut jejak langkah Kedah mengenakan peraturan yang lebih ketat ke atas penghisap. Enakmen Candu 1913 yang digubal tidak lagi membenarkan orang-orang Cina menyimpan paip-paip candu di dalam rumah walaupun

---

210 Minit mesyuarat 12 April 1911, CO 273 1098a. 373/14778. Salinan surat Maxwell kepada Anderson bertarikh 22 Mac 1911 dibaca semasa mesyuarat.

211 LTP 1911, m.s. 37

212 Minit mesyuarat 5 Februari 1912 dan Memoranda Penjelasan Penasihat, CO 273 1098a 385/16817

213 LTP 1912, m.s. 36. Dan Memoranda Penjelasan Penasihat, Minit mesyuarat 20 Mei 1912, CO 273 1098a 386/26841.

214 LTP 1914, m.s. 46

215 LTP 1917, m.s. 22.

216 LTP 1917-1930.

217 LTP 1927, m.s. 52

untuk kegunaan "tetamu".[218] Demi mengambil langkah berjaga-jaga terhadap pendapatan besar yang ditadbir oleh Penguatkuasa Monopoli Candu, Majlis Mesyuarat menetapkan pada April 1914 bahawa pegawai yang dilantik mesti mengemukakan $1,000 sebagai jaminan.[219] Sementara itu penggunaan candu di Perlis bukan sahaja tidak meningkat tetapi telah menurun. Awal-awal lagi jumlah candu yang dihisap telahpun jatuh 16% dari 1912 ke 1913.[220] Ini bermakna kenaikan pendapatan Monopoli Candu dalam tempoh yang sama hampir keseluruhannya disebabkan oleh harga jualan yang tinggi itu. Yang membimbangkan Eckhardt ialah jangkaannya pada 1915 bahawa:

> "The consumption of chandu seems to have reached a stationary stage – some 13,000 tahils – and unless the price of which Penang sells to us is increased, or the price which it is sold to the public, is forced up I do not anticipate any great alteration in the revenue".[221]

Tetapi sebelum itupun Penasihat sudah mulai 1913 memikirkan satu lagi cara yang pasti menguntungkan iaitu kerajaan secara perlahan-lahan mengambilalih kedai jualan candu dan kedai penghisapan candu daripada para pemilik lesen. Sungguhpun tender-tender dikeluarkan, tetapi kutipan lesen masih kecil. Angka berkenaan tidak diberi tiap-tiap tahun tetapi yang didapati ialah sebagai contoh, $1,797 pada 1910 dan $1,396 pada 1911.[222] Justeru kerajaan mengambilalih kedai jualan candu di Kangar pada April 1913 berikutan tempoh lesen pemilik bernama Ba Keow Hup telah matang. Sebagai perbandingan kedai Kangar itu telah membawa keuntungan

---

218 Minit mesyuarat 27 Ogos 1913, CO 273 1098a. 400/37790.
219 Minit mesyuarat 13 April 1914, CO 273 1098a. 410/20589.
220 LTP 1913, m.s 45
221 Perlis Estimates A. H. 1333 (1915), PP 425/11847.
222 LTP 1911, m.s 37.

tambahan $800 dalam tahun pertamanya sahaja berbanding dengan kutipan lesen $72.20 sebulan itu.[223]

Disebabkan kadar penghisapan yang menurun itu, Majlis Mesyuarat mengambil keputusan untuk mengurangkan bilangan kedai jualan daripada lima buah kepada tiga pada tahun 1917. Jumlah kutipan lesen pada tahun tersebut hanya membawakan $1,170 tetapi kedai jualan milik kerajaan itu sahaja sudah menyalurkan $1,200 ke dalam pendapatan monopoli candu.[224] Tetapi setelah mendapati jumlah candu yang dihisap dinaik lagi sehingga lebih 15,000 tahil pada 1922, kerajaan menambah bilangan kedai jualan berlesen kembali kepada lima buah termasuk sebuah kedai penghisapan yang baru di Kaki Bukit. Ini membawa kutipan lesen purata $6,500 setahun dari 1922 ke 1925.[225]

Namun begitu amalan mengutip lesen tidak dipraktikkan lama kerana mulai 15 Januari 1926 kerajaan telah menjadi pemilik keenam-enam kedai jualan candu di Perlis, masing-masing di Kangar, Arau, Kuala Perlis, Sanglang, Paya, dan Mata Ayer.[226] Pada akhir 1928 kerajaan turut mengambilalih kedua-dua kedai penghisapan berlesen di Kangar dan Kaki Bukit.[227] Dua tahun berikut kerajaan membuka sebuah kedai penghisapan baru di Sanglang, yang bertujuan "menguntungkan" orang-orang Cina di sana. Tetapi kedai tersebut terpaksa ditutup akibat ketidakupayaan kewangan penduduk Cina di sana.[228] Untuk menampung beban kerja tambahan berkenaan, Majlis Mesyuarat pada 1 Februari 1927 memulakan satu jawatan baru

---

[223] LTP 1913, *op. cit.* Dan Minit mesyuarat 2 September 1912, CO 273 1098a 387/37104

[224] LTP 1917, m.s. 22

[225] LTP 1922-1925.

[226] LTP 1926, m.s. 57

[227] LTP 1928, m.s. 49

[228] Langkah membuka kedai penghisapan candu yang baru di Sanglang itu dibusahakan oleh Penasihat Perlis. LTP 1930, m.s. 59

Pembantu Bendahari dan Penguatkuasa Monopoli Candu. Ini bermakna Bendahari kerajaan tidak lagi perlu merangkap jawatan Penguatkuasa Monopoli Candu.[229]

Sungguhpun begitu, mulai 1930 kerajaan terpaksa mencari jalan menggantikan pendapatan yang lumayan ini disebabkan usaha British membasmikan perniagaan candu secara perlahan-lahan di seluruh Semenanjung. Sebenarnya seawal 1925 Kedah sudah mula menabung ke arah ini.[230] Tetapi disebabkan Perlis masih diikat oleh hutang awam, maka Perlis masih belum dapat mengikut jejak-langkah Kedah. Tabung Penggantian Pendapatan Monopoli Candu hanya disediakan pada 16 Jun 1930, dengan modal permulaan $150,000, bersama peruntukan $10,000 akan ditambahkan setiap tahun selama 15 tahun.[231]

Kebergantungan kerajaan pada padi, timah dan candu merupakan satu langkah yang bijak di pihak Penasihat Kewangan Perlis dan di kalangan Majlis Mesyuarat kerana ini memastikan pendapatan yang meningkat hampir setiap tahun. Jika pada tahun-tahun 1905 dan 1909 pendapatan kerajaan hanya $89,913 dan $102,552, lebih 20 tahun berikut sudah memperlihatkan pendapatan yang berlipat lima kali ganda dan yang mencecah $487,436 pada 1930.[232] Ini bermakna dari 1909 ke 1930 Perlis telah mengalami pertambahan purata pendapatan 3.76 % setahun. Ketiga-tiga sektor ini juga tidak menelan belanja yang terlalu banyak. Monopoli Candu khususnya memastikan pulangan yang tinggi sedangkan perbelanjaannya rendah. Dari 1910 sehingga 1930 ia tidak payah menggunakan lebih 5% daripada pendapatannya sendiri, kecuali 1928 5.01%, 1929 7.09% dan 1930

[229] Minit mesyuarat 1 Februari 1927, PP 295/45.
[230] Williams kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi 8 Mei 1930, PP 386/48.
[231] Minit mesyuarat 16 Jun 1930, PP 100/49.
[232] "Appendix A", LTP 1912, op. cit. Dan LTP 1909-1930.

9.02%.[233] Kastam pula memerlukan perbelanjaan dalaman yang lebih sedikit iaitu purata 6.3% setahun daripada pendapatannya sendiri.[234] Tanah menyumbangkan pendapatan yang paling sedikit tetapi mencelan belanja yang paling banyak. Dalam tempoh masa yang sama gabungan Tanah dan Lombong membelanjakan purata 17.11% setahun daripada pendapatan sendiri dengan kadar paling tinggi 38.39% pada 1930.[235]

Sementara itu sektor kerja-raya mencelan perbelanjaan tahunan yang jauh lebih tinggi. Dari 1909 hingga 1912 ia telah membelanjakan sejumlah $168,009 daripada pendapatan Perlis.[236] Ini merupakan angka yang besar terutama sekali kerana sehingga 1912 Perlis tidak mempunyai sebuah jabatan khas yang mengendalikan kerja-kerja tersebut. Yang ada hanya Penasihat Kewangan sendiri sebagai ketua dan seorang pembantu yang menggembelengkan tenaga banduan dan tenaga kerah serta perkhidmatan tukang-tukang kayu Cina dan juru-juru bina berkontrak Eropah.[237] Jumlah yang dibelanjakan juga menakjubkan memandangkan terdapat 52 orang banduan sahaja di Perlis pada tahun 1912 dan penduduk Melayu hanya dikerah di luar musim tanaman padi.[238]

Pada 1913 barulah ditubuhkan Jabatan Kerja-raya yang diletakkan di bawah penyeliaan Jurutera kerajaan Kedah yang melawat

---

[233] LTP 1910-1930. Jika dikira dari segi peratusan perbelanjaannya daripada jumlah perbelanjaan tahunan kerajaan, maka angka berkenaan lagi kecil yakni tidak pernah melebihi 2.5%.

[234] Ibid. Angka berkenaan dicatat mulai 1910 sahaja. Sebagai perbandingan sektor berkenaan mencatat kurang daripada 3% perbelanjaan tahunan Perlis.

[235] Ibid. Angka perbelanjaan bagi Tanah dan Lombong digabungkan di bawah satu tajuk dalam belanjawan tahunan.

[236] LTP 1909-1914.

[237] LTP 1910, m.s. 45. Pembantunya bernama Jagat Singh, seorang pembantu hospital, dan ceti yang kaya. Kesan aktiviti peminjaman wangnya ke atas kerajaan akan dibincangkan dengan teliti dalam Bab 4 nanti.

[238] LTP 1911, m.s. 37 dan LTP 1912, m.s. 34.

sebulan sekali.[239] Dapat dikesan bahawa selepas penubuhannya jumlah yang diperlukan untuk membiayai kerja-kerja pembinaan dan pembaikpulihan ini agak tinggi. Dalam sepuluh tahun pertamanya, jabatan ini sudah menelan belanja hampir $685,000 yang bersamaan purata 24.84% setahun daripada pendapatan kerajaan.[240] Daripada angka-angka yang dilaporkan didapati nisbah belanja kerja pembinaan baru kepada kerja membaik-pulih, samada jalan raya dan terusan mahupun bangunan kerajaan, terletak di dalam lingkungan 1:1 dan 3:1 kecuali 1:2 pada tahun-tahun 1929 dan 1930.[241] Justeru kerja membaikpulih jalan misalnya bukan seremeh-temeh yang difikirkan oleh Frost pada 1910 dahulu sepertimana dipetik di bawah:

> "For its-size, Perlis is very well off for roads made of laterite or red gravel, and all government can do is to upkeep".[242]

Menjelang akhir tahun 1930 Perlis mempunyai sepanjang 36.5 batu jalan dan sepanjang 26.5 batu jalan batu untuk dibaikpulihkan.[243]

Selain itu laporan tahunan turut memaparkan tumpuan perhatian Penasihat Kewangan pada kerja-kerja penyediaan pengairan selaras dengan dasarnya membangunkan pertanian padi sawah di kalangan penduduk Melayu. Sebaik sahaja Jabatan Kerja-Raya ditubuhkan ia memastikan kerja mendalamkan terusan pengairan dipergiatkan. Terusan Sungai Raja misalnya telah diperdalamkan sejauh 50 relong.[244] Sementara itu pembinaan terusan pengairan Terusan Simpang Ampat-Arau memerlukan hampir $12,000 dan selama lima tahun untuk disiapkan.[245] Sebagaimana dikenalpasti oleh Allen,

---

[239] LTP 1913, m.s. 46.
[240] LTP 1913-1922.
[241] LTP 1909-1930.
[242] LTP 1910, m.s. 45.
[243] LTP 1930, m.s. 60.
[244] LTP 1913, m.s. 46, op. cit.
[245] LTP 1922, m.s. 26 dan LTP 1926, m.s. 58.

kemudahan pengairan merupakan salah satu faktor pembantu terpenting yang akan menjayakan pembangunan pertanian padi sawah secara lebih pesat lagi. Tetapi seperti juga dikeluh olehnya menjelang akhir 1930, penyediaan kemudahan pengairan merupakan satu usaha yang berterusan:

> "Most of the rice lands are at present largely dependent on direct rainfall, but some are irrigated by damming up small streams, and investigations are being made with a view to effecting some improvements in irrigation so that the crops will be less influenced than they are at present by the vagaries of the rainfall during the normal wet season. Unfortunately there are no large rivers in Perlis and the small streams are liable to dry up quickly in a period of drought. A search is being made to find suitable sites for storage reservoirs which would provide sufficient water for the nurseries in the months of June and July when long dry spells are frequently met with".[246]

Selain daripada hubungan kerja-raya dengan dasar pembangunan pertanian padi sawah, jabatan ini turut mendapat tempat dalam perbincangan disebabkan perkaitannya dengan peranan penduduk Cina di dalam pertumbuhan ekonomi Perlis. Mulai 1913 jabatan ini bergantung pada kemasukan buruh kasar Cina. Justeru sebagai galakan Majlis Mesyuarat membenarkan setiap majikan yang menggaji 30 orang buruh Cina ke atas membeli candu terus daripada kerajaan dengan harga dua puluh sen lebih rendah daripada harga yang dikenakan oleh kedai jualan.[247]

Kerajaan bukan sahaja bergantung pada tenaga buruh kasar Cina tetapi juga sebahagian besar pada penduduk Cina yang menetap di Perlis untuk membawa masuk pendapatan yang besar setiap tahun.

---

[246] LTP 1930, m.s. 55

[247] Memoranda Penjelasan Penasihat, Minit mesyuarat 4 September 1912, CO 273 1098a 387,37104

Orang Cina (samada yang dilahirkan di Perlis mahupun tidak) telah lama menetap di sini dan jika berpandukan pada pemerhatian Skeat pada 1900, mereka kebanyakannya ialah pekedai yang bertumpu di Kangar. Deretan kedai yang dimiliki oleh mereka dibina menggunakan batu-bata manakala lapan buah kedai milik penduduk Melayu diperbuat daripada papan dan beratapkan rumbia.[248] Namun bilangan kaum ini tidak besar yakni hanya 5% daripada jumlah penduduk menurut banci penduduk Perlis 1911.[249] Pertambahannya juga tidak besar iaitu kaum ini merangkumi hanya 9% daripada jumlah penduduk 1921.[250]

Di sebalik itu sumbangan mereka terhadap pertumbuhan ekonomi kerajaan besar lagi tetap. Pertama, penglibatan orang Cina di dalam perlombongan bijih timah dan pengeksportan timah jongkong menjaminkan sumbangan pendapatan Kastam. Tidak dapat diperolehi jumlah tepat wang yang dibawa masuk oleh kaum ini.[251] Namun sekiranya merujuk balik kepada laporan Penasihat Kewangan yang mengatakan Lo Beng Quang sebagai pengeksport tunggal timah jongkong Perlis bagi 1911, maka sumbangan orang Cina dari segi cukai eksport berkenaan sahaja telah mencatat 8% daripada pendapatan tahun tersebut.[252] Kedua, penglibatan mereka di dalam pengeksportan padi dan beras pula secara besar-besaran. Selain daripada 98 orang pesawah terdapat 42 orang peniaga padi dan beras Cina pada 1911.[253] Pada tahun yang sama ada enam orang peniaga

---

[248] Skeat, op. cit., m.s. 135.

[249] Report on the Census of Kedah And Perlis A.H. 1329 (A.D. 1911), (Penang: Criterion Press Ltd., 1911), Jadual VI i, m.s. 46. Selepas ini disebut Banci Penduduk 1911.

[250] Superintendent of Census, Singapore, Preliminary Report on the Census of Kedah and Perlis 1921, 5 Julai 1921, HC 554/1921.

[251] Banci 1911 tidak tepat kerana melaporkan tiada seorang pun pelombong Cina di Perlis. Lihat Banci Penduduk 1911, Jadual VIII c, m.s. 78-89, op. cit.

[252] LTP 1911, m.s. 33 dan 38.

[253] Banci Penduduk 1911, Jadual VIII c, op. cit.

bukan Cina sahaja iaitu dua orang Melayu, tiga orang India dan seorang peniaga Siam.[254] Ini bermakna peniaga Cina hampir memonopolikan pengeksportan padi dan beras ke Pulau Pinang. Ini benar sekurang-kurangnya sehingga 1930 apabila Allen melaporkan para pesawah Melayu menjual padi yang telah dituai kepada peniaga Cina di Kangar, Arau dan Sanglang serta kepada pengilang beras Cina di Arau.[255] Sungguhpun tidak didapati keuntungan mereka tetapi dapat dianggarkan bahawa secara kasar 90% padi dan beras Perlis dieksport oleh peniaga Cina. Dipadankan dengan kutipan cukai ke atas eksport padi dan beras dari 1920-1930 misalnya, peniaga Cina telah menyumbangkan 5.4% daripada jumlah pendapatan tahunan kerajaan.[256]

Dan ketiga, dilihat dari segi candu sahaja mereka sudah menyumbangkan hampir 40% daripada pendapatan tahunan kerajaan. Boleh dikatakan hampir kesemua penghisap candu adalah orang Cina dan Monopoli Candu pula mencatat hampir 40% daripada pendapatan keseluruhan kerajaan. Di samping mereka, sebenarnya ada juga orang-orang Melayu dan Siam yang menjadi penghisap candu tetapi pada pertengahan tahun 1913 Majlis Mesyuarat telah mengambil keputusan untuk menghadkan penghisapan candu kepada kaum Cina sahaja.[257] Enakmen Candu yang diluluskan pada tahun yang sama turut menghadkan kedai-kedai penghisapan kepada orang lelaki Cina yang dewasa.[258] Pada masa yang sama keputusan kerajaan

---

[254] Banci Penduduk 1911, Jadual VII a, op. cit., m.s. 62-71, Jadual VII d, op. cit., m.s. 90-91, dan Jadual VII e, op. cit., m.s. 98-99.

[255] Jawapan Allen dalam soal-selidik Jordan, 31 Ogos 1930, op. cit.

[256] LTP 1920-1930.

[257] Minit mesyuarat 2 Jun 1913, CO273 1098a. 400/30405. Dipetik laporan Konsul Saiburi dan Phuket Frost terhadap amalan berkenaan di kalangan penduduk Melayu Kedah dan Perlis pada 1906 "The chief consumers are naturally the Chinese, but in this part of the peninsula a great number of Malays are also addicted to the habit". Frost, Report For The Year 1906 On The Trade And Commerce Of The Monthons Of Saiburi And Puket, op. cit., m.s. 5.

[258] "The Chandu Enactment 1311 (1913)", CO 273 1098a. 411/28400.

menumpukan kedai-kedai jualan dan penghisapan pada kawasan petempatan Cina seperti Kaki Bukit dan Kangar membuktikan dasarnya menggalakkan amalan berkenaan di kalangan orang Cina sahaja. Sebaliknya sebagai contoh, Majlis Mesyuarat menutup sebuah kedai jualan dan penghisapan candu di Paya atas sebab ia merupakan sebuah kawasan pertanian Melayu.[259] Oleh itu tidak menghairankan apabila Majlis Mesyuarat memutuskan seawal 1913 untuk memberikan hadiah galakan $250 seorang kepada kakitangan kerajaan yang mempelajari bahasa Cina khususnya dialek Kantonis, Hakka dan Hokkien.[260]

Tidak dapat dinafikan sumbangan kaum Cina kepada pertumbuhan ekonomi Perlis tetapi laba yang mereka perolehi pun bukan kecil. Berkisar pada eksport padi dan beras sahaja keuntungan yang diraut daripada pesawah padi Melayu amat besar. Sebagai contoh pada tahun 1911 didapati ada 15,744 orang pesawah Melayu dan sekurang-kurangnya 90% daripada padi yang dituai dijual kepada peniaga Cina.[261] Justeru hanyalah adil jika mereka menyumbang balik kepada pembangunan kerajaan. Berbalik kepada perbincangan perbelanjaan Jabatan Kerja-raya, secara perbandingan dapat dianggap bahawa dari 1913 hingga 1925 60% pendapatan daripada monopoli candu telah dibelanjakan untuk kerja-kerja pembinaan dan pembaikpulihan di dalam kerajaan.[262] Malah pada tahun 1927 pendapatan candu setinggi $220,874 pun tidak cukup untuk menutupi perbelanjaan kerja-raya yang berjumlah $259,833.[263]

Seterusnya seperti yang telah disebut di bahagian awal bab walaupun pegawai-pegawai yang mengisi jawatan Penasihat

---

[259] Minit mesyuarat 24 Februari 1913, CO 273 1098a, 399/7572.

[260] Minit mesyuarat dan Memoranda Penjelasan Penasihat 24 April 1913, CO 273 1908a 400/40269

[261] Lihat Banci Penduduk 1911, Jadual VII a, *op. cit.*

[262] LTP 1913-1925

[263] LTP 1927, m.s. 52 dan 67

Kewangan Perlis amat berjaya meningkatkan pendapatan tahunan kerajaan, mereka kurang berjaya dalam mengawal perbelanjaan. Tidak dapat dinafikan belanjawan Perlis jarang menampakkan defisit dalam tahun-tahun 1909-1930 dan sebaliknya menampakkan kadar pertambahan pendapatan dan perbelanjaan yang hampir sama.[264] Tetapi perbelanjaan juga telah berlipat enam setengah (6½) kali ganda dalam tempoh yang sama.[265] Ini disebabkan selain daripada Frost, pegawai-pegawai tersebut tidakpun meluangkan masa dan tenaga yang secukupnya demi mengurangkan perbelanjaan. Sebaliknya sebahagian besar masa mereka digunakan untuk membawa sebanyak mana yang dapat pendapatan untuk menutupi perbelanjaan yang semakin bertambah itu. Dalam tahun pertama perkhidmatannya, Frost telah menamatkan perkhidmatan sebilangan kakitangan daripada setiap jabatan kerajaan. Di tempat kerjanya sendiri yakni Pejabat Raja dan Penasihat, bilangan kerani yang ada telah dikurangkan kepada dua orang sahaja. Mereka yang dikekalkan itu masing-masing bertanggungjawab terhadap surat-menyurat dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Inggeris, yang menampakkan dasar dwi-bahasa kerajaan Perlis.[266]

Sememangnya keperluan menanggung gaji dan elaun kakitangan kerajaan kerap mendatangkan kerumitan kepada Penasihat Kewangan. Sektor ini turut mendatangkan masalah kepada perbincangan perbelanjaan kerana jumlah tidak diberikan setiap tahun dan lebih-lebih lagi kerana ia dicatat bukan di bawah tajuk "Gaji dan Elaun Kakitangan Kerajaan" tetapi dimasukkan ke dalam perbelanjaan masing-masing jabatan. Walau bagaimanapun maklumat yang ada memadai untuk menunjukkan bahawa sejumlah wang yang besar dan tetap mesti dikeluarkan daripada perbendaharaan sepanjang masa.

---

[264] LTP 1909-1930.
[265] Ibid.
[266] LTP 1909, m.s. 2.

Misalnya pada tahun 1909 ia memerlukan 30% daripada pendapatan kerajaan.[267] Inipun belum termasuk gaji dan elaun Penasihat yang mesti dibiayai oleh kerajaan seperti ditetapkan oleh kontrak-kontrak hutang 1905 dan 1907. Pada tahun-tahun 1912, 1914 dan 1919 gaji dan elaun kakitangan kerajaan, tidak termasuk yang diterima oleh Penasihat Kewangan, masing-masing mencatat 34.61% dan 35.3% dan 30% daripada pendapatan kerajaan.[268] Ini mendorong Eckhardt melaporkan pada 1914 bahawa:

> "The expenditure on Personal Emoluments was 35.3 per cent of the revenue. This is very much higher than in the Colony or the Federated Malay States. Perlis is smaller than the average district of the Federated Malay States, yet it has its Commissioner of Lands, Senior Magistrate, Auditor, Kathi, and most of the other officers and departments found in larger States. Economy of administration can scarcely be expected in those circumstances".[269]

Selepas ini jumlah tidak diperolehi sehingga 1927. Pada tahap ini sehingga akhir 1930, gaji dan elaun yang diterima oleh kakitangan kerajaan sudah mencecah sekurang-kurangnya $200,000 setiap tahun. Tetapi disebabkan pendapatan tahunan pun telah meningkat dengan pesat maka peratusan perbelanjaan sektor ini pada 1927 dan 1928 lebih kurang sama dengan peratusan 1912 dan 1914 itu.[270] Peratusan yang lebih tinggi didapati apabila perbelanjaannya masing-masing naik sehingga $230,795 dan $242,916 pada 1929 dan 1930 sehingga kepada masing-masing 39.57% dan 49.83% daripada pendapatan Perlis.[271]

---

[267] Frost kepada Maxwell 17 Ogos 1909, HC 1436/1909.
[268] Lihat LTP 1912, m.s. 31, LTP 1914, m.s. 42, dan LTP 1919, m.s. 34.
[269] LTP 1914, m.s. 42.
[270] Lihat LTP 1929, m.s. 50.
[271] LTP 1930, m.s. 53.

Sebaliknya gabungan elaun Raja, dan perbelanjaan membiayai Pejabat Raja dan Penasihat tidak memerlukan belanja yang sebegitu tinggi. Ini menarik perhatian kerana ia mewakili elemen-elemen pertama dan kedua yang membentuk kerajaan yakni Raja, dan Penasihat Kewangan. Sepanjang masa dari 1909 hingga 1930 gabungan kedua-dua jabatan hanya membelanjakan purata 12.02% daripada pendapatan tahunan Perlis.[272]

Memandangkan kepentingan institusi Raja kepada keutuhan kerajaan Perlis dan penubuhannya, wang yang diperlukan untuk menampung baginda dari segi elaun tahunan tidaklah banyak. Ini bukan seperti yang dimaksudkan oleh Frost kepada Maxwell dalam laporan belanjawan Perlis 1909 sebagai beban yang paling berat:

> "I need hardly say that next year if not sooner the establishment list can be considerably reduced but the heaviest items are not the pay of officials administering the Government and it may be impossible to make any reduction in them".[273]

Begitu juga pada 1909 Penasihat Kedah Maxwell membidas perbelanjaan ke atas Raja dan kerabat diraja Perlis sebagai faktor yang telah menghalang pembangunan projek-projek kerjaraya. Tetapi seperti yang telah ditunjukkan di atas, Jabatan Kerja-raya menelan belanja yang jauh lebih besar daripada institusi terpenting kerajaan yakni Raja.[274]

Sebaliknya elaun tahunan yang diterima oleh Raja Syed Alwi dari 1909 hingga 1930 tidakpun sampai 20% daripada pendapatan kerajaannya.[275] Sebelum itu dari 1905 ke 1908 elaun baginda hanya

---

[272] LTP 1909-1930

[273] Frost kepada Maxwell 17 Ogos 1909, op. cit. Ternyata Frost merujuk kepada elaun Raja dan kerabat diraja

[274] Maxwell kepada Taylor 27 September 1909, HC 1436/1909.

[275] LTP 1909-1930.

kira-kira 23.75% setahun daripada pendapatan Perlis.[276] Sebenarnya elaun Raja telah mengalami penurunan dari $29,246 pada 1905 ke $17,680 pada 1909 dan ke $16,320 pada 1910.[277] Jumalh 1910 ini dikekalkan sehingga 1915. Disebabkan pendapatan kerajaan meningkat setiap tahun dalam tempoh yang sama maka peratusan elaun Raja daripada pendapatan tersebut pula turun yakni dari 14.21% pada 1910 sehingga 8.95% pada 1915.[278] Pada akhir 1914 permohonan Raja Syed Alwi kepada Majlis Mesyuarat untuk kenaikan elaun hampir 18% ditolak oleh Penasihat atas alasan kerajaan sedang dibelenggui hutang pada kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Baginda tidak berpuas hati lalu mengugut untuk menulis kepada Pesuruhjaya Tinggi sekiranya elaunnya masih tidak dinaikkan.[279] Tidak diketahui samada Raja benar-benar mengambil langkah tersebut tetapi sekiranya ada, baginda pasti menemui kegagalan kerana Majlis sekali lagi menolak permohonan kenaikan elaunnya iaitu pada 23 November tahun yang sama.[280]

Namun begitu apabila keadaan kewangan kerajaan mengizinkan, Penasihat tidak lupa terhadap Raja. Pada 1916 elaun baginda dinaikkan sebanyak $316 ke $16,636.[281] Selepas itu kenaikan secara kecil-kecilan dapat dikesan sehingga elaun yang diterimanya pada 1922 ialah $18,360.[282] Sejak tahun itu Raja Syed Alwi menerima pertambahan elaun kira-kira 14% dari 1922 ke 1923 dan hampir 16.5% dari 1924 ke 1925.[283]

---

[276] "Appendix B", LTP 1912, op. cit. dan "Appendix A", LTP 1912, op cit.
[277] "Appendix B", LTP 1912, op. cit. dan "Appendix A", LTP 1912, op cit.
[278] LTP 1910-1915.
[279] Minit mesyuarat 8 November 1914, CO 273 1098a. 425/8712.
[280] Minit mesyuarat 23 November 1914, ibid.
[281] "Appendix B Statement of Expenditure", LTP 1916, m.s. 38
[282] LTP 1917-1922.
[283] LTP 1923-1925.

Mulai 1927 elaun baginda sudah melebihi $30,000 setahun dengan angka paling besar pada tahap ini $42,670 pada 1930.[284] Sudah tentu ini dipengaruhi oleh kebergantungan Penasihat terhadap kebenaran baginda supaya dapat terus berkhidmat di Perlis, seperti yang akan dibincangkan dengan lanjut dalam bab berikut.

Dalam pada itu keistimewaan yang diterima oleh Raja selaku ketua kerajaan tidaklah terhad pada penerimaan elaun tahunan sahaja. Sebaliknya ia luas meliputi tanggungan kerajaan terhadap perbelanjaan-perbelanjaan membaik-pulih istana, cuti berangkat ke luar Perlis dan kenduri perkahwinan anak Raja. Paling berat ialah beban Penasihat mencari jalan menjelaskan hutang persendirian Raja. Di samping itu Penasihat perlu menjaga kepentingan kerabat diraja yang bukan merupakan perkara yang kecil. Tanggungjawab kewangan kerajaan terhadap Raja dan kerabat akan dibincangkan dengan lanjut dalam bab berikut.

Seterusnya perhatian beralih kepada perbelanjaan menampung Penasihat Kewangan. Harus disedari bahawa catatan gaji dan elaun Penasihat tidak dapat diperolehi setiap tahun. Yang didapati ialah untuk 1909 sahaja iaitu $7,820 bersamaan 75% daripada jumlah perbelanjaan pejabat berkenaan.[285] Justeru perbincangan bergantung pada perbelanjaan menampung Pejabat Raja dan Penasihat, sebahagiannya merupakan gaji dan elaun Penasihat dengan mengandaikan gaji dan elaun yang diterima Penasihat Kewangan meliputi tiga perempat daripadanya. Memandangkan kepentingan institusi Penasihat sebagai penjamin pengesahan British terhadap kewujudan berlanjutan kerajaan ini, kos yang disalurkan ke arahnya juga tidak tinggi. Malahan berbaloi kerajaan mengeluarkan angka yang sebegitu kecil untuk memperolehi jaminan yang sebegitu besar.

---

[284] LTP 1927-1930

[285] Frost kepada Maxwell 17 Ogos 1909, op. cit.

Pejabat ini juga tidak memerlukan wang yang banyak. Tahun-tahun 1905 hingga 1908 menampakkan purata kos pembiayaan $10,771 sahaja setahun. Ini bersamaan purata 12.61% daripada pendapatan tahunan kerajaan.[286] Selepas itu sehingga 1930 pun angka ini tidak pernah melebihi 7% daripada pendapatan tahunan Perlis, kecuali 9.04% pada 1909. Sebagai perbandingan pejabat berkenaan membelanjakan paling banyak $19,931 pada 1930 dan paling sedikit $6,151 pada 1910. [287] Pada masa yang sama gaji dan elaun yang dibayar kepada Penasihat Kewangan Perlis yakni elemen kedua kerajaan seharusnya terletak di dalam lingkungan $8,078 setahun dari 1905 ke 1908 atau 9.46% daripada pendapatan tahunan.[288] Dari 1909 ke 1930 gaji dan elaun pegawai ini seharusnya bersamaan purata 3.2% setahun daripada pendapatan Perlis.[289]

Malangnya juga tidak dapat dicari angka sebenar perbelanjaan menampung elemen ketiga kerajaan Perlis yakni anggota-anggota Melayu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Yang ada hanya gaji dan elaun yang diterima oleh mereka selaku ketua jabatan masing-masing sahaja. Sekiranya berpandukan pada angka-angka 1928 maka tiga orang anggota tersebut menerima $2,580 setahun seorang atau gabungan 1.26% daripada pendapatan tahun itu.[290]

Daripada perbincangan di atas adalah jelas kerajaan ini membelanjakan secara purata sekurang-kurangnya 70% daripada pendapatan tahunannya ke atas ketiga-tiga elemen yang membentuknya, ke atas kakitangan yang menyokongnya, dan ke atas Jabatan Kerja-raya. Setelah ditolak perbelanjaan dalaman masing-masing jabatan tidak tinggal banyak wang di tangan Penasihat Kewangan untuk melaksanakan tanggungjawab yang mengikatnya sejak 1905 lagi yakni men-

[286] "Appendix B", LTP 1912, op. cit. dan "Appendix A", LTP 1912, op cit.
[287] LTP 1909-1930.
[288] "Appendix B", LTP 1912, op. cit. dan "Appendix A", LTP 1912, op cit.
[289] LTP 1909-1930.
[290] Minit mesyuarat 9 Julai 1928, PP 95/47.

jelaskan hutang awam Perlis.[291] Didapati berguna mengulangi bahawa membantu kerajaan membayar hutang bukan tanggungjawab tunggalnya. Sebaliknya ia bertanggungjawab secara jangkapanjang membangunkan ekonomi Perlis. Ini menjelaskan mengapa dengan pendapatan yang meningkat hampir setiap tahun kerajaan masih perlu mengambil masa sehingga 1930 untuk melangsaikan hutangnya pada kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Sewaktu mula-mula diambilalih oleh kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1909 hutang tersebut adalah lima kali pendapatan Perlis. Tetapi sedangkan pendapatannya sudah meningkat lebih kurang dua kali sehingga hampir $194,000 pada 1917, ia belum sempat membuat sebarang pembayaran balik modal yang dipinjam.[292] Kadar bunga ke atas hutang ini telahpun dikurangkan oleh kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu kepada 4% setahun pada 27 Jun 1911.[293] Ini sebenarnya bertolak daripada desakan Maxwell dua tahun sebelum itu terhadap Residen-Jeneral Taylor dan Pesuruhjaya Tinggi Anderson.[294] Bukan itu sahaja ia hanya mula membayar bunga pada 1913, selaras dengan kontrak hutang 1907 itu yang membenarkannya menunda bayaran bunga selama lima tahun. Di samping itu jika diandaikan pokok yang dihutang oleh kerajaan ini kekal pada $380,000 maka ini satu kesilapan besar. Pada 1911 Perlis memohon kepada kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk pinjaman $50,000. Duit ini telah digunakan bagi membiayai pembinaan sebuah semula pasar yang telah diambilalih daripada keluarga Raja Syed Safi dan pemulihan jalan raya pada tahun berikutnya.[295] Empat tahun kemudian ia meminjam sekali lagi, kali ini $20,000 untuk dibelanja-

---

[291] Untuk perkembangan jabatan-jabatan berkenaan, lihat *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 122-126.

[292] LTP 1909-1917

[293] Minit Mesyuarat 3 Julai 1911, CO 273 1098a, 374/29798.

[294] Maxwell kepada Taylor (tidak bertarikh), HC 1406/1909

[295] LTP 1911, m.s. 33 dan LTP 1912, m.s. 31.

kan ke atas pembinaan jalan keretapi.[296] Daripada tujuan pinjaman tambahan yang disebut di atas, sekali lagi dibuktikan bahawa kerjaraya memainkan peranan yang utama di dalam belanjawan Perlis.

Daripada laporan tahunan dan minit-minit mesyuarat, didapati Penasihat Kewangan jarang menggunakan alasan pembayaran hutang untuk menunda projek-projek pembangunan. Sebaliknya penjelasan hutang terpaksa mengikut irama perbelanjaan pembangunan. Selain daripada bayaran bunga yang berjumlah $106,650 dari 1913 sehingga 1917, pegawai ini hanya buat pertama kali membayar balik modal yakni $21,789 pada 1918, di samping bunga sebanyak $21,443.[297] Tetapi ia sudah tidak mampu meneruskan bayaran balik modal pada tahun berikut disebabkan masalah kewangan. Keadaan ini berlanjutan sehingga 1921.[298] Tetapi dari 1922 sehingga 1930 dengan pendapatan kerajaan yang meningkat purata 24% setahun, Penasihat Kewangan telah membayar balik pokok bersama bunga setiap tahun. Penjelasan hutang pokok dibuat dengan kadar $50,000 setiap tahun, kecuali $45,395 pada 1922 dan $100,000 pada 1924.[299] Menjelang akhir tahun 1930 barulah Penasihat Kewangan semasa L.A. Allen dapat dengan bangganya melaporkan bahawa Perlis akhirnya bebas daripada hutang awam.[300]

Akhir kata paling penting corak belanjawan Perlis membuktikan bahawa dari dahulu lagi iaitu sejak perlantikannya yang pertama pada 1905, tugas Penasihat Kewangan bukan semata-mata sebagai pegawai pembayar hutang. Sebaliknya ia ditugaskan untuk memimpin kerajaan ke arah pertambahan pendapatan agar berdikari secara ekonomi.

---

[296] LTP 1915, m.s. 30.
[297] LTP 1918, m.s. 23
[298] LTP 1919, m.s. 24. LTP 1920-1921.
[299] LTP 1922-1930.
[300] LTP 1930, m.s 53

Bab 4

Perjanjian Perlis-British 1930: Pengukuhan Kerajaan

"Di atas meja inilah ditandatangani perjanjian penyerahan Negeri Perlis kepada British oleh pihak Siam pada 29hb. Zulqaedah 1348H bersamaan 28hb. April 1930" — (Pameran sempena Jubli Emas pemerintahan Raja Perlis Tuanku Syed Putra Jamalullail ibni Tuan Syed Hassan Jamalullail bulan November 1995, Muzium Warisan Perlis, Kangar.)

Menjelang pembebasan Perlis daripada status kerajaan berhutang, jawatan Penasihat Kewangan akan turut lesap tidak lama lagi jika berpandukan kepada peruntukan Kontrak-kontrak 1905 dan 1907. Supaya dapat kekal berkhidmat, Penasihat mesti mendapatkan kebenaran bertulis daripada Raja Syed Alwi. Dalam perkataan lain sebuah perjanjian mesti dimeterai dengan kerajaan Britain yang menetapkan bahawa Raja bersetuju secara berlanjutan menerima perkhidmatan pegawai British tersebut. Tetapi dari awal lagi disebabkan terpaksa bergantung pada bantuan dan pengesahan kuasa asing, Raja dan pembesar sehingga anggota-anggota Melayu Majlis lebih cenderung mengambil langkah berjaga-jaga, bertoleransi dan bekerjasama di samping menunggu peluang untuk mengemukakan tuntutan. Pada masa yang sama mereka juga mengamalkan dengan bijak dasar tunggu dan lihat apa Kedah buat dahulu. Oleh yang demikian tidak hairanlah Raja Syed Alwi berdalih menunggu British memulakan rundingan perjanjian.

Dasar Perlis ini bersama-sama dasar British mengikatkan Perlis balik kepada Kedah ternyata membawa keuntungan besar kepada kerajaan kecil ini pada 1930. Dari satu segi, sebahagian besar fasal yang ditawarkan memang merupakan teras kepada usaha mengukuhkan status kerajaan berautonomi sepenuhnya. Tanpa menghabiskan

banyak tenaga Raja dan anggota-anggota Melayu Majlis Mesyuarat sudah memperolehi jaminan dan perlindungan yang diidam-idamkan selama ini. Dari segi lain, mereka turut menuntut peruntukan-peruntukan khusus ke arah yang sama. Di samping itu, Raja Syed Alwi juga tidak ketinggalan menjaga kepentingan peribadi dan kerabat diraja Perlis. Justeru perjanjian ini harus dipandang sebagai sebuah dokumen pengukuhan kerajaan. Paling kurang, ia bukan sama sekali perjanjian yang menyerahkan Perlis kepada siapa-siapa, tidak seperti dakwaan dalam petikan di atas. Dalam perbincangan yang selanjutnya akan dirujukkan salinan perjanjian dalam bahasa Melayu tulisan Rumi khususnya kerana ia lebih jelas menaparkan suara pihak pemerintah Perlis. Terdapat tiga draf iaitu draf A yang ditawarkan oleh Pesuruhjaya Tinggi, dan paling penting draf B dan draf C yang dikemukakan oleh Raja dan anggota Melayu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Versi bahasa Inggeris hanya wujud sebagai salinan muktamad perjanjian.[1]

Walaupun British yang tergesa-gesa memerlukan perjanjian untuk terus bertapak di Perlis, Pesuruhjaya Tinggi semasa Sir Hugh Clifford telah berpesan kepada Allen supaya Raja Syed Alwi yang mengorak langkah meminta sebuah perjanjian, bukan mereka. Justeru buat sementara waktu Penasihat Kewangan ini menemui baginda secara perseorangan di luar daripada persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.[2] Perjumpaan tidak rasmi yang pertama ini mengambil tempat pada petang 19 November 1928 selepas persidangan Majlis hari itu berakhir. Allen mencadangkan agar lebih baik "hubungan persahabatan" di antara Perlis dan Britain diterapkan secara bertulis melalui sebuah perjanjian. Namun Raja pula menunggu supaya

---

1 Dokumen-dokumen ini disimpan di dalam koleksi Papers of John Hamer (tidak diterbit) MSS Ind. Oce. S 316 Box 1 File 4 Treaty negotiations 1928-1930.

2 Allen, "Notes On The Perlis Treaty" (tidak bertarikh), Papers of John Hamer, ibid

Penasihat yang membuka rundingan di dalam mesyuarat Majlis. Maka baginda mengemukakan alasan bahawa sekiranya diperlukan juga sebuah perjanjian untuk menandakan hubungan Perlis-British yang telah berlanjutan sekian masa ini maka baginda berasa langkah ini seolah-olah menunjukkan ia tidak yakin pada hubungan mereka dan oleh itu "kurang elok".[3] Allen jelas tidak memahami kehendak Raja Syed Alwi lalu cuba mencari penjelasan yang berbunyi seperti berikut:

> "At the bottom I think his dislike of opening the proceedings for a treaty is based on a wariness about the unknown which is not uncommon among Malays and other Eastern races".[4]

Keberatan baginda memaksa Allen untuk mengesyorkan kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi agar ia (Allen) menunjukkan kepada Raja salinan perjanjian Kedah-British 1923 sebagai pengenalan kepada peruntukan-peruntukan yang bakal diterima oleh kerajaan Perlis. Ini diharap akan mendorong baginda untuk menulis kepada Clifford meminta diikat sebuah perjanjian sepertimana Surat Akuan Kedah 1923 yang ditulis oleh Raja Muda Kedah. Kemudian barulah Allen akan memperingatkan Raja Syed Alwi bahawa tempoh perkhidmatannya akan tamat sebaik sahaja selesainya hutang kerajaan pada Negeri-negeri Melayu Bersekutu dalam dua tahun nanti.[5]

Cadangan menunjukkan salinan perjanjian Kedah itu diterima tetapi yang mendatangkan masalah ialah membenarkan Raja Perlis bertindak seagresif Tunku Ibrahim yang menulis Surat Akuan itu. Sudah tentu Pesuruhjaya Tinggi membantah. Justeru pada 26 November tahun yang sama, Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi menghantar sebuah memorandum kepada Penasihat Kedah T.W. Clayton untuk disampaikan kepada Allen yang berbunyi:

---

3 Allen kepada Penasihat Kedah, 19 November 1928, ibid.
4 Ibid.
5 Ibid.

"... H.E. considers that no harm would be done by Allen showing him informally at an interview of a copy of the Kedah or any other recent treaty, if he is likely to be encouraged thereby to write and ask for a treaty of his own. *He should not however be encouraged to write a letter like the Kedah letter on p.p. 102 & 103 of Maxwell and Gibson, but merely a general letter asking for a Treaty.*

There would be no harm in Allen reminding the Raja definitely that our obligations in his State will come to an end with the final repayment of the loan, & that the onus is upon him, not upon us, to take steps to provide for the future Government of the State".[6]

Pada petang 6 Disember 1928 dalam satu lagi perjumpaan persendirian, Allen terlebih dahulu menekankan kepada Raja Syed Alwi tentang bahaya tiadanya perjanjian apabila bayaran terakhir hutang tersebut dibuat kelak. Sekiranya perkara ini dibiarkan maka Perlis akan kehilangan seorang Penasihat Kewangan. Ia mengesyorkan agar Raja menulis "sepucuk surat yang pendek" meminta supaya jawatan ini dikekalkan. Memandangkan masa itu belum lagi tiba baginda masih enggan menulis kepada Clifford. Baginda juga mendakwa tidak pun kenal apakah rupa perjanjian yang bakal dirundingkan. Pada saat itu Allen sudah bersedia untuk membawa keluar salinan perjanjian Kedah itu tetapi tawaran ini ditolak oleh Raja Syed Alwi yang meminta agar diberikan sedikit masa lagi untuk berfikir. Namun yang pasti baginda mengakui kebergantungan Perlis pada Penasihat Kewangan seperti yang dilaporkan oleh Allen seperti berikut:

"he (the Raja then said he) did not consider the country sufficiently advanced to be administered without an Adviser and

[6] Huruf miring untuk tekanan. Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi kepada Penasihat Kedah, 26 November 1928, Papers of John Hamer, op. cit.

> expressed the wish to continue to have the assistance of an Adviser for some time....".[7]

Keadaan ini berterusan selama dua bulan. Setelah dua bulan berlalu tanpa sebarang berita Allen sudah tidak sabar-sabar lagi lalu mengemukakan sebuah draf surat yang ditulis olehnya sendiri, untuk ditujukan oleh Raja Perlis kepada Clifford, kepada Raja Syed Alwi sebagai panduan. Tidak dijumpai draf itu tetapi sekiranya baginda menirunya bulat-bulat maka ia berbunyi sepertimana surat kepada Clifford yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat pada 21 Januari 1929 iaitu:

> "I write to inform my friend that the balance of the Perlis debt to the FMS is $50,000, and that this amount will be paid in full in the year 1348 (1930). I am very grateful to my friend who has sent the various Advisers to help me in the successful accomplishment of the work of the country. If it can be arranged I am very anxious to remain under the Protection of Great Britain still".[8]

Pada hari yang sama Clifford menulis kepada L. Amery, Setiausaha Tanah Jajahan di London bahawa:

> "... it seemed desirable that the position of the State of Perlis *vis-a-vis* the British Government should now be regularized by means of a formal Agreement simular to that entered into by my predecessor with the neighbouring State of Kedah on November 1st, 1923".[9]

Isi kandungan surat di atas membuktikan sekali lagi bahawa kerajaan British tidak dapat memisahkan Kedah dan Perlis. Dengan memberikan kepada kerajaan ini peruntukan yang lebih kurang sama

---

7 Allen kepada Penasihat Kedah, 6 Disember 1929, op. cit.
8 Raja Syed Alwi kepada Clifford 21 Januari 1929, PP 472/47.
9 Clifford kepada Amery 21 Januari 1929, CO 717. 67/62434.

dengan peruntukan yang dituntut oleh Kedah, Pesuruhjaya Tinggi sebenarnya menggganggap Perlis sebagai adik kembar Kedah. Apa yang didapatkan oleh si abang lambat-laun akan diberikan kepada si adik juga. Tetapi seperti yang telah disebut di atas Clifford tidak menggalakkan Raja Syed Alwi mengikut jejak-langkah Tunku Ibrahim. Raja Perlis dan anggota Melayu Majlis sebenarnya pun boleh dikatakan tidak pernah bertindak agresif terhadap Penasihat mahupun kerajaan British tempatan atau di London. Sedangkan Sultan dan pihak pemerintah Kedah yang bertindak secara ofensif dalam hubungannya dengan Siam dan British, keadaan yang sebaliknya pula adalah benar bagi Perlis.[10]

Draf A telah sampai dari pejabat Pesuruhjaya Tinggi ke tangan Raja menjelang minggu ketiga bulan Februari 1929 tetapi hanya pada 20 Mac barulah baginda mengadakan persidangan khas untuk merundingkannya.[11] Tidak seperti yang didakwa oleh baginda sebelum ini kononnya ia tidak pasti apakah rupa perjanjian yang akan dirundingkan, ada bukti mencukupi bahawa Raja Syed Alwi mengetahui isi kandungan Perjanjian dan Surat Akuan Kedah. Dalam mesyuarat tersebut Raja sendiri telah dilengkapi dengan drafnya sendiri yang bukan sahaja menyerupai Perjanjian Kedah secara asasnya bahkan yang mengandungi peruntukan yang terkandung di dalam Surat Akuan. Setelah membiarkan draf Clifford dibaca, Raja membawa keluar drafnya, yakni draf B, yang disuruhnya dibaca oleh Ketua Kadi Haji Muhammad Nor.[12] Mesyuarat ini telah mengambil masa selama dua setengah jam dengan masing-masing pihak mengajukan kepentingan masing-masing. Mesyuarat-mesyuarat seterusnya

---

[10] Bagi latar belakang yang membawa kepada penulisan Surat Akuan Kedah dan Perjanjian Kedah-British 1923, lihat Sharom Ahmat, *Tradition and Change In A Malay State. A Study Of The Economic and Political Development Of Kedah 1878-1923*, MBRAS Monograph No. 12, 1984, m.s. 159-171.

[11] Allen kepada Penasihat Kedah 23 Mac 1929, Papers of John Hamer, op. cit.

[12] Op. cit

berkisar pada masing-masing pihak mempertahankan keputusan mereka. Dibincangkan terlebih dahulu kepentingan kerajaan Perlis.

Autonomi Sepenuhnya: Cita-cita dan Perlaksanaan

Pertama, peruntukan atau keuntungan yang paling asas sedia diberikan oleh British ialah janji tidak memaksa Perlis menyertai apa jua gabungan dengan kerajaan lain. Ini sebenarnya berlanjutan daripada percubaannya menyakinkan pemerintah Melayu terutamanya Sultan-sultan Johor dan Kedah bahawa kerajaan-kerajaan Melayu Tidak Bersekutu tidak akan dimasukkan ke dalam sebuah Persekutuan dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu tanpa persetujuan mereka.[13] Dalam keadaan yang sama, fasal ketiga draf A menjanjikan naungan British ke atas Perlis tidak akan dipindahkan kepada kuasa lain dan Perlis tidak akan "dipermasukkan atawa dipersekutukan"nya dengan kerajaan lain.[14]

Sungguhpun Raja Syed Alwi memahami dan menyambut baik jaminan di atas yang melindungi Perlis daripada pencerobohan politik Kedah pada masa hadapan, namun maksudnya berbeza daripada makna yang diinginkan olehnya. Di sini draf B menggantikan perkataan "tidak dipersekutukan" dengan "tidak dipersatukan".[15] Ini tepat bagi Perlis kerana perkataan "tidak dipersekutukan" hanya bermakna tidak akan berulang peristiwa kemasukan Perlis ke dalam *Monthon* Saiburi bersama-sama Kedah dengan Sultan Kedah sebagai Pesuruhjaya Penguatkuasa pada 1897. Tetapi "tidak dipersatukan" memansuhkan sekaligus bahaya ia dipulangkan kepada Kedah sebagai sebuah daerah. Kebimbangan Raja Syed Alwi bukan sengaja diperbesarkan sebagai isu perbincangan. Sebaliknya memang sebelum itu Penasihat Kedah W.G. Maxwell pernah memohon kepada Pejabat

---

[13] Lihat nota 11 di atas.
[14] Draf A, op. cit.
[15] Draf B, op. cit.

Tanah Jajahan di London agar menyatukan Perlis dengan kerajaan lamanya itu. Sepucuk memorandum sulit bertajuk "Secret Memorandum Upon The Future Of Perlis" yang ditulis pada tahun 1915 secara tepat menggariskan dasar dan motifnya terhadap Perlis serta alasan-alasannya. Petikan panjang di bawah didapati perlu:

> "The real administrator is the Adviser to the Perlis Government, appointed by the British Government in the place of the Adviser appointed by Siam at the time of the loan by Siam to Perlis. He acts under the direct control and supervision of the Adviser to the Kedah Government. Under the Siamese regime, Mr. Duke (the Adviser in Perlis) had been entirely independent of Mr. Hart (the Adviser in Kedah), and, when the transfer of suzerainty took place, it was therefore considered desirable that the control and supervision in Perlis of the Kedah Adviser should first be more or less a secret between the two Advisers. Gradually it was given out. Now it is fully recognised, and acquiesced in by the Perlis Government. The Raja and the State Council of Perlis are however wholly independent of the Sultan and the State Council of Kedah".
>
> "... For the purposes of the Post and Telegraph Department, Perlis is part of Kedah. This came about in the following manner. When Kedah and Perlis were under Siam, the Royal Siamese Posts and Telegraphs Department maintained the postal and telegraphic services of the two States. Siamese stamps were used, Siamese officials employed, and for Post and Telegraph purposes both Kedah and Perlis were treated as if they were part of Siam. Upon the transfer of suzerainty, Siam made a present to Great Britain of all its postal and telegraphic equipment in Kedah and Perlis; and Great Britain in its turn, made a present of it to Kedah. As Perlis had only a single post office, a separate department for Perlis was considered unnecessary. Perlis now uses the Kedah stamps, and all the postal and telegraphic forms with the heading "Government of Kedah" are accepted there without any demur on the part of the Perlis Government".[16]

---

[16] Maxwell, "Secret Memorandum Upon The Future Of The State Of Perlis" 3 April 1915, Papers of John Hamer (tidak diterbit), MSS Ind. Oct. s 316. Box 1 File 3.

Semua ini ditujukan ke arah sasaran muktamad supaya:

> "This State should not remain permanently independent of Kedah. Its destiny must be to revert to its former position as part of Kedah".[17]

Pada masa yang sama perkara yang menakjubkan ialah Maxwell menawarkan diri bagi pihak Kedah untuk mengambilalih hutang Perlis pada kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang berjumlah tidak kurang daripada $500,000 ketika itu, walaupun Kedah sendiri berhutang jumlah yang lebih besar pada kerajaan yang sama.[18] Walaupun pengembalian Perlis tidak dapat dilaksanakan namun, seperti yang telah ditunjukkan di dalam bab sebelum ini, dalam pentadbiran sehari-hari kerajaan ini seolah-olah salinan karbon Kedah. Oleh itu satu usaha pihak pemerintah Perlis dalam rundingan perjanjian bertumpu pada percubaan menghapuskan pengaruh dan cengkaman Kedah, yang akan dibincangkan dalam bab ini kemudian.

Tetapi sedihnya bagi Raja Syed Alwi perkataan "tidak dipersatukan" itu telah diketepikan oleh Allen. Dalam mesyuarat bertarikh 30 Ogos 1929 yang bertujuan mencapai kataputus bagi menghasilkan draf perjanjian yang muktamad, Majlis telah mengekalkan perkataan-perkataan dalam draf A. Justeru fasal ketiga perjanjian 1930 ialah sedemikian:

> "Duli Yang Maha Mulia Lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris tidaklah hendak menolak atau memindahkan naungannya di-atas Negeri Perlis ini kepada mana-mana Kerajaan atau negeri yang lain lagipun *tidaklah boleh dipermasukkan atau dipersekutukan* Negeri Perlis dengan negeri yang lain melainkan dengan surat

---

17 Ibid. Walaupun pengembalian Perlis tidak dapat dilaksanakan namun, seperti yang telah ditunjukkan di dalam bab sebelum ini, dalam pentadbiran sehari-hari kerajaan ini seolah-olah salinan karbon Kedah.

18 Ibid.

kebenaran Yang Maha Mulia Raja Perlis di dalam mesyuarat State Council".[19]

Kedua, Raja Syed Alwi tegas melaung-laungkan identiti Perlis sebagai sebuah kerajaan, bukan kesultanan, dengan dirinya sebagai ketua kerajaan. Di bahagian pembuka Draf A yang menyebut tentang perjanjian diikat, di antara dua buah kerajaan ini, oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan "Raja Negeri Perlis bagi dirinya dan bagi salasilahnya Tuan Syed Alwi yang menjadi ganti Raja yang memerentah Kerajaan Negeri Perlis".[20] Sebelum itu Clifford, setelah menerima laporan perkembangan rundingan bertarikh 23 Mac 1929 dan draf B yang dikepilkan bersama daripada Allen, mengirimkan satu salinan kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London L. Amery pada 6 Jun. Pada 13 Ogos tahun yang sama suratbalas Amery tiba dalam bentuk sebuah telegram sulit yang mengandungi beberapa pindaan.[21] Satu daripadanya ditujukan kepada bahagian pembuka yang dalam bahasa Inggeris berbunyi seperti berikut

"Agreement to maintain the friendly relations between His Britannic Majesty and the Raja of the Mohammedan State of Perlis".[22]

Ternyata pihak London tidak sedar bahawa hasrat Raja Syed Alwi ialah dirujuk sebagai Raja kepada "the Kingdom of Perlis" bukan sekadar "the State of Perlis". Ini bertolak daripada amalan pihak British yang dengan begitu mudah menggunakan perkataan *negeri* dan *kerajaan* secara bertukar-ganti dan adakalanya kedua-dua

---

[19] Huruf murung untuk tekanan. Perjanjian Perlis-British 28 April 1930, Papers of John Hamer, Box 1 File 4, op. cit. Yang menandatangani bagi pihak kerajaan British ialah Pesuruhjaya Tinggi baru, Sir Cecil Clementi.

[20] Draf A, op. cit.

[21] Amery kepada Clifford, "Confidential Code Telegram" 12 Ogos 1929, op. cit.

[22] Op. cit.

secara sekaligus tanpa memahami makna yang tersirat mahupun yang tersurat. Oleh itu dalam mesyuarat 30 Ogos baginda berkeras mempertahankan kedudukannya sebagai pemerintah yang tunggal bagi kerajaan Perlis dan enggan menerima ungkapan lain selain daripada "Raja Kerajaan Negeri Perlis".[23] Menghadapi ketegasan Raja, Allen tidak dapat berbuat apa-apa kecuali merakamkan kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi pada 2 September 1929 bahawa:

> "He argues that in Perak and elsewhere there are chiefs with the title of Raja and he considers it desirable that the above phrase should be used to indicate that the Ruler of the State, and no mere chief, is referred to in the Treaty.
>
> Personally I think the word 'Kerajaan' in that phrase is redundant since there can only be one Raja in Perlis just as there can only be one Sultan in Perak, but as the Raja asks for it I think the phrase might be allowed to stand. The other members of the Council have raised no objection to it".[24]

Oleh yang demikian bahagian pembuka salinan perjanjian dalam bahasa Melayu mengandungi ungkapan "Raja Kerajaan Negeri Perlis" itu.[25] Walau bagaimanapun salinan dalam bahasa Inggeris mengekalkan pindaan-pindaan Amery.[26]

Ketiga, demi memastikan Perlis kekal sebagai sebuah kerajaan pihak pemerintahnya perlu terlebih dahulu memastikan waris takhta berlanjutan. Clifford seolah-olah memahami suara hati mereka apabila menawarkan peruntukan berkaitan dalam fasal keempat perjanjian.

---

[23] Allen kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi melalui Penasihat Kedah, 2 September 1929, op. cit.

[24] Op. cit.

[25] Perjanjian Perlis-British 1930, op. cit.

[26] "Treaty for the Establishment of a British Adviser" Perlis bertarikh 28 April 1930. J. de V. Allen, A.J. Stockwell, L.R. Wright (eds.), *A Collection Of Treaties And Other Documents Affecting The States Of Malaysia 1761-1963, Volume I*, (New York: Oceana Publications Inc., 1981), m.s. 421-423.

Tidak dapat dinafikan kerajaan ini menghadapi masalah genting yakni risiko tinggi kekosongan takhta sekiranya Raja Syed Alwi mangkat. Ini berpunca daripada ketiadaan zuriat baginda walaupun usia sudah menjangkau 46 tahun. Baginda mempunyai berapa orang isteri dan gundik tetapi setiap orang belum melahirkan anak.[27] Sekiranya ini dibiarkan berlanjutan maka kewujudan berkekalan kerajaan Perlis ditimpa masalah. Justeru baginda selagi sempat akan sendiri memilih bakal pengganti. Dari satu segi, demi melindungi pilihannya daripada ditolak oleh mana-mana satu pihak samada anggota Melayu Majlis mahupun oleh British, baginda menerima dengan tangan terbuka fasal keempat draf A yang menetapkan bahawa Raja Perlis selepasnya mesti diterima oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Maharaja Britain. Paling tidak, baginda sebagai Presiden Majlis berkuasa menentukan calon yang bakal mewarisi tempatnya. Dari segi lain pihak pemerintah kerajaan berusaha mengelakkan campurtangan kerabat diraja Kedah dalam sistem kenaikan takhta Perlis. Maka mereka memerlukan Maharaja Britain berlaku sebagai pengesah terhadap pilihan mereka.[28]

Sungguhpun begitu Raja Syed Alwi masih mendukung hasrat untuk memiliki anak sendiri. Justeru baginda menekankan bahawa hanya jika ia benar-benar tiada zuriat barulah akan dipertimbangkan calon daripada cabang kerabat diraja Perlis lain sebagai Bakal Raja. Keputusan ini memang dihormati oleh Penasihat Kewangan lalu Majlis meluluskan peruntukan tambahan ini tanpa perdebatan.[29] Keunikan kes Perlis ini terpapar seperti di bawah:

> "Keturunan Yang Maha Mulia Tuan Syed Alwi turun menurun bertali-tali yang tiada berkaputusan *dan jika tiada* berpindah kepada katurunan to'nenek-nya yang dipilih oleh meshuarat State

---

[27] Masalah ini akan dibincangkan dengan lanjut dalam bab seterusnya.

[28] Lihat nota 28 di atas

[29] Allen kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi, 2 September 1929, op. cit.

> Council dan di-terima oleh Duli Yang Maha Mulia lagi Maha-kuasa Raja benua Inggeris akan menjadi Raja bagi Negeri Perlis se'lama-lamanya".[30]

Sebelum itu, baginda telah menggantikan perkataan "dengan nasab-nya dan perahwa" dalam draf A dengan perkataan yang jauh lebih jelas dan tepat maksudnya yakni "tiada berkaputusan". Yang menarik perhatian di sini ialah nampaknya pengetahuan Pesuruhjaya Tinggi British dan Penasihat Kewangan Perlis dalam tatabahasa Melayu pentadbir Inggeris mengatasi pengetahuan pemerintah Melayu ini sehinggakan Allen melemparkan rumusan sebegini:

> "The Malay members of the Council appeared to be unfamiliar with the words "nasab" dan "perahwa" and I think the Raja's wording is preferable because it is better understood in Perlis".[31]

Selain daripada memberikan peruntukan-peruntukan ke arah pengukuhan kerajaan Perlis, sudah tentu pihak British ingin mendapatkan balik sesuatu. Sebenarnya mereka ada sebab sendiri memasukkan peruntukan penerimaan Maharaja terhadap Raja Perlis. Dalam perjanjian dengan kerajaan-kerajaan Melayu sebelum ini hanya dokumen Kedah yang membenarkan kuasa asing ini mengambil peranan dalam sistem kenaikan takhtanya.[32] Tiadanya sebarang peruntukan sedemikian tidak pernah menghalang British campurtangan dalam kenaikan takhta kerajaan Melayu yang lain tetapi dalam dekad kedua abad ke-20 ini British ingin secara terang-terang memainkan peranan dalam sistem kenaikan takhta Kedah dan Perlis. Dan adalah penting memahami

---

[30] Huruf miring untuk tekanan. Perjanjian Perlis-British 1930, op. cit.

[31] "Schedule showing the differences between the texts of Draft A and Draft C", dikepilkan bersama surat Allen bertarikh 23 Mac 1929, Allen kepada Penasihat Kedah, 23 Mac 1929, op. cit. Selepas ini disebut sebagai "Schedule".

[32] "Treaty providing for a British Adviser" Kedah bertarikh 1 November 1923, fasal keempat. Allen dan lain-lain, op. cit., m.s. 175

bahawa kini pemerintah Melayu yang membenarkannya mengambil jalan yang sah kepadanya.

Memang benar perjanjian Perlis memberikan ruang rasmi kepada British untuk memilih, melantik dan menabalkan Rajanya. Ini dapat dilaksanakan melalui dua cara. Pertama, Penasihat berkuasa memilih dan menetapkan calon kerana pengganti Raja Syed Alwi dan Raja-raja Perlis seterusnya mesti dipilih oleh Majlis Mesyuarat dan kehadiran Penasihat Kewangan diwajibkan untuk setiap persidangan.[33] Dan kedua, pertabalan Raja Perlis selepas 1930 tidak akan dapat berlangsung selagi Maharaja Britain tidak menurunkan cap dan tandatangan di atas dokumen yang berkaitan.[34]

Di samping peruntukan di atas, dan peruntukan umum yang menggariskan kewibawaan British ke atas kerajaan ini yang diterapkan sebagai fasal pertama dan kedua, paling penting Raja Perlis mesti menerima seorang Penasihat British. Mendapati perlu ditekankan bahawa menurut fasal kelima, pegawai yang dilantik berikutan perjanjian ditandatangani kelak ialah Penasihat British Perlis yakni bukan sekadar Penasihat Kewangan lagi. Institusi ini merupakan elemen terpenting yang merangka "persahabatan" di antara kedua buah kerajaan ini. Setakat ini, seperti yang telah dibincangkan di dalam bab sebelumnya, peranan yang dimainkan oleh Penasihat Kewangan dalam hal-ehwal pentadbiran sehari-hari tidak sama sekali bertumpu pada penjelasan hutang. Sekiranya berpandukan pada konsep pembahagian kuasa kepada tiga segi iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman, maka Enakmen Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 1905 membolehkan Penasihat Kewangan menguasai dua daripada tiga iaitu eksekutif dan perundangan. Ini disebabkan persidangan Majlis memang membincangkan hal-ehwal pentadbiran

---

[33] "State Council Enactment" bertarikh 25 Oktober 1905, Allen dan lain-lain, op cit., m.s. 412.

[34] Draf A, op. cit.

dan pada masa yang sama merangkumi penggubalan undang-undang.[35] Demi mempertingkatkan pendapatan dan mengawal perbelanjaan ia tidak dapat tidak memperluaskan kuasanya ke atas eksekutif dan perundangan. Telah juga dikesan bahawa penglibatan pegawai ini tidak terhad kepada hal kewangan sahaja, sungguhpun alasan yang diberi untuk melibatkan diri seringkali bertumpu pada soal kewangan. Penasihat Kewangan telah mempergunakan ketidakmampuan kerajaan menampung pertambahan bilangan ketua jabatan lalu mengambilalih sebahagian kuasa eksekutif di dalam kerajaan. Sebagai contoh dia yang mengetuai pentadbiran kerja-raya sebelum jabatan tersebut ditubuhkan pada 1913 dan yang memegang jawatan Penguatkuasa Penjara dari 1922 ke 1930.[36] Tetapi kuasanya tidak terhad di situ. Sebaliknya Majlis meluluskan Enakmen Mahkamah pada 1912 yang memerlukan "nasihat"nya di dalam mahkamah. Sejak tahun itu Penasihat Kewangan juga pada masa yang sama bertugas sebagai Hakim ketiga bersama dua orang lagi Hakim Melayu di Mahkamah Tinggi Perlis.[37] Ini bermakna kuasanya turut merangkumi aspek kehakiman.

Dipandang dari sudut ini, kuasa Penasihat British yang bakal dilantik tidak mempunyai apa-apa perbezaan dengan kuasa Penasihat Kewangan. Sebaliknya Raja Syed Alwi pula dalam rundingan perjanjian melakukan percubaan yang serius untuk menghadkan kuasanya. Pada tahap ini berguna ditanya satu soalan iaitu tiadakah Raja dan ahli-ahli Melayu Majlis berpuas hati dengan prestasi kerja Penasihat Kewangan selama ini? Nampaknya tidak. Mereka telah menyaksikan keupayaannya membawa sejumlah besar wang ke dalam perbendaharaan setiap tahun dan mereka berkongsi sebahagian

[35] "State Council Enactment" bertarikh 25 Oktober 1905, Allen dan lain-lain, op. cit., m.s. 412–414

[36] LTP 1910, m.s. 45 dan LTP 1913, m.s. 46. Juga LTP 1922, m.s. 24 dan LTP 1930, m.s. 64

[37] LTP 1912, m.s. 34

daripada wang tersebut. Mereka juga telah melihat kebolehannya membebaskan kerajaan daripada hutang awam, sungguhpun mengambil masa yang agak lama. Justeru pihak pemerintah Perlis telah menerimanya sebagai penyelesai masalah. Pada masa yang sama Raja dan anggota Melayu Majlis perlu bekerjasama dengan Penasihat Kewangan selaku wakil kerajaan British demi berkekalannya kewujudan kerajaan Perlis.

Keempat, namun menerimanya bukanlah bermaksud menerima segala 'nasihat'nya. Ini benar lebih-lebih lagi memandangkan, seperti disentuh di dalam Bab 3, Raja Syed Alwi telah memperlihatkan ketidakpuasannya ditetapkan oleh Penasihat Kewangan jumlah dan masa ia harus menerima kenaikan elaun. Justeru baginda melakukan pindaan pada fasal kelima draf A bagi menuntut kebebasan daripada dikawal oleh Penasihat. Dengan menggantikan perkataan "hendaklah diterima nasihat" dengan "bolehlah diterima nasihat", fasal berkenaan dalam draf B membolehkannya mempertimbangkan dan memutuskan samada bersetuju menerima 'nasihat' Penasihat mahupun tidak.[38] Mula-mulanya Allen berjaya mendesak Raja membatalkan pindaan tersebut dengan menyedarkannya tentang peruntukan tambahan bahawa baginda boleh menulis surat kepada Pesuruhjaya Tinggi mahupun Maharaja Britain sekiranya ada apa-apa ketidakpuasan.[39] Ini sebenarnya merupakan ihsan daripada Perjanjian Kedah 1923.[40]

Tetapi dua hari kemudian dalam mesyuarat Majlis pada 22 Mac, Raja Syed Alwi mengemukakan draf baru yakni Draf C yang menggantikan perkataan "hendaklah diterima nasihat" dengan "akan diterima nasihat" sejajar dengan perkataan dalam versi bahasa Melayu

---

[38] Draf A dan Draf B, op. cit.

[39] Allen kepada Penasihat Kedah 23 Mac 1929, op. cit.

[40] "Treaty providing for a British Adviser" Kedah, fasal kelima, Allen dan lain-lain, op. cit.

perjanjian Kedah.[41] Sebab perubahan itu dilaporkan oleh Allen sebagai:

> "... as the Raja explained, he thought the latter word ("hendak-lah") was too harsh (keras). He said he preferred "akan" as being more polite (halus). When first asked whether "akan" meant the same as "hendak-lah" the Raja hesitated and suggested that "akan" left him some discretion in accepting the advice of the Adviser.[42]

Sebaliknya amat menarik bahawa anggota Melayu Majlis bersedia menerima 'nasihat' Penasihat. Oleh itu jika Raja berharap akan mendapatkan sokongan mereka, baginda silap kerana:

> "Haji Nor first, and then the other Malays, disagreed and said that the two words express the same intention (maksud) namely that advice given by the Adviser must be followed. (It is clear that the Raja would much prefer a word which has the meaning of "may" instead of "shall").[43]

Sebelum itu dalam mesyuarat 20 Mac 1929 Raja Syed Alwi juga cuba meminda fasal pertama yang menyentuh tentang kewibawaan British ke atas Perlis. Baginda menuntut agar British memerintah kerajaan ini "dengan keadilan".[44] Tetapi sekali lagi ia gagal mendapat sokongan ahli-ahli Melayu Majlis. Naib Presiden Majlis Syed Hamzah telah menundukkan Raja dengan berdebat bahawa perkataan tersebut "masam" kerana seolah-olah menunjukkan mereka dan British tidak mempercayai di antara satu sama lain.[45] Pada masa yang sama baginda cuba menghadkan 'nasihat' Penasihat kepada mesyuarat

---

41 Allen kepada Penasihat Kedah 23 Mac 1929, op. cit.
42 Op. cit.
43 Op. cit.
44 Op. cit.
45 Op. cit.

Majlis sahaja. Ini ditolak serta-merta oleh Allen.[46] Selain daripada itu Raja Syed Alwi telah melepaskan geram lalu mengambil langkah menyedarkan pihak British bahawa baginda dan kerajaan Perlis yang bersetuju menerima Penasihat Kewangan dan yang memberikannya sebuah tempat tinggal selama ini. Pindaan terhadap fasal kelima juga menekankan bahawa persetujuan baginda diperlukan supaya kerajaan menampung perbelanjaan dan membayar gaji Penasihat. Ini sudah semestinya ditolak oleh Allen.[47]

Menghadapi masalah mendapatkan sokongan anggota Melayu Majlis, Raja Syed Alwi seterusnya mengambil langkah mengenepikan mereka sama sekali. Baginda bertujuan mengirimkan kepada Clifford salinan draf C tanpa pembetulan pada pindaan syarat kerajaan British mesti memerintah "dengan keadilan".[45] Jelas baginda terlebih dahulu mempraktikkan peruntukan fasal kelima yang membolehkannya menulis terus kepada Pesuruhjaya Tinggi. Tetapi nampaknya Syed Hamzah menyedari sesuatu lalu memberitahu Allen untuk berjumpa dengan Raja Syed Alwi pada keesokan harinya iaitu 23 Mac. Raja tidak membantah tetapi hanya membenarkan Allen mengadapnya seorang diri di istana tanpa anggota Majlis lain. Setelah ditunjukkan kepadanya salinan tersebut, Allen serta-merta membantah tindakan Raja lalu menuntut untuk diadakan mesyuarat khas pada hari itu juga:

> "I made it clear that it was not for me to agree to or object to the inclusion of the words, but that as the other members had agreed to the words being cut out it would not be right to include them without consulting the other members again. The Raja said the addition of those two words was the only alteration he had made and he obviously hoped to get me to acquiesce in his sending the altered Draft on to the H.E. but I firmly refused to have anything further to do with the matter unless he agreed to consult the other

[46] Draf B dan Draf C, op. cit.
[47] Allen kepada Penasihat Kedah 23 Mac 1929, op. cit.
[48] Op. cit.

members. Eventually he agreed to a further meeting in the afternoon".[49]

Sebaik sahaja meninggalkan istana Allen pergi menemui Syed Hamzah dan Syed Idrus untuk mendesak mereka membantah tindakan Raja menulis terus kepada Pesuruhjaya Tinggi itu. Adalah ketara Raja terpaksa menunduk dalam perjumpaan khas berkenaan kerana pada petang itu juga Syed Idrus membawa kepada Allen di pejabatnya di Kangar salinan draf perjanjian yang diluluskan oleh Majlis pada 20 Mac 1929 itu. Bersama salinan itu ialah sepucuk surat yang ditanda-tangani oleh Raja Syed Alwi, untuk dialamatkan kepada Clifford, sebagai tanda persetujuan. Sebelum pejabat ditutup Allen sempat mengirimkannya pada pukul empat petang.[50]

Di sebalik itu tidak dapat dinafikan fasal keenam yang ditawarkan oleh British dalam draf A memihak kepada institusi Raja. Fasal tersebut menetapkan bahawa di Perlis Raja merupakan Presiden Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bahawa "Maka Negeri Perlis akan diperintah oleh Yang Maha Mulia Raja dengan pertolongan mesyuarat State Council".[51] Sebelum itupun kehadiran Raja mempengerusikan persidangan Majlis sangat diutamakan. Misalnya mesyuarat diadakan di Arau semasa Raja Syed Alwi gering pada tahun 1913. Malah mesyuarat Majlis tidak lagi dijalankan bagi bulan Jun 1913 selepas 16 haribulan.[52] Lebih penting ialah ketika baginda benar-benar tidak berupaya menghadirkan diri yakni selama enam bulan pada tahun 1915, anggota-anggota Melayu Majlis dilantik secara bergilir sebagai Pemangku Presiden.[53] Oleh itu demi menyelamatkan keadaan

[49] Op cit.
[50] Op cit.
[51] Draf A, op cit.
[52] Minit mesyuarat 16 Jun 1913, CO 273 1098a, 40030405.
[53] LTP 1915, m.s. 36

sekiranya Raja Syed Alwi gering lagi. Clifford menetapkan dalam fasal keenam juga bahawa:

> "Maka pada masa yang Maha Mulia Raja tidak hadir bendaklah dipilih oleh Yang Maha Mulia Raja itu akan seorang daripada ahli Mesyuarat Melayu itu menjadi kepala di dalam majlis State Council itu".[54]

Di samping menyokong langkah Pesuruhjaya Tinggi ini, Allen menekankan bahawa jawatan tersebut hanya ialah Pemangku bukan pengganti Presiden seperti ditonjolkan dalam petikan di bawah:

> "I think it desirable to retain the word 'Kepala' in the 7th line because the Raja is the only 'President.' In his absence the person presiding may be called the 'Vice-President' but not the President".[55]

Di samping itu fasal keenam juga membolehkan Raja pada bila-bila masa menambahkan anggota Melayu Majlis, sungguhpun dengan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi.[56] Baginda menerima baik peruntukan ini lalu mempraktikkannya tidak lama selepas perjanjian ditanda-tangani. Dalam usaha mengalihkan lebihan sokongan terhadap keputusannya di dalam Majlis, baginda telah menjelang akhir 1930 melantik orang yang dipercayainya yakni Ketua Hakim Perlis, Haji Ahmad. Sebelum perlantikannya ia dititikberatkan oleh Raja yang membenarkannya mengiringi baginda dalam lawatan rasmi ke Singapura pada 1929 untuk menyaksikan pembukaan rasmi sebuah pelabuhan.[57] Pada 20 September 1930 baginda memperolehi kelulusan

---

[54] Draf A, op. cit.
[55] Allen kepada Penasihat Kedah 2 September 1929, op. cit.
[56] Draf A, op. cit.
[57] LTP 1930, m.s. 74

Majlis untuk melantik Haji Ahmad sebagai anggota tambahan.[58] Kemudiannya pada bulan Oktober 1930 baginda mengarahkan Haji Ahmad mengiringinya ke persidangan Durbar di Singapura untuk memperkenalkannya kepada Pesuruhjaya Tinggi semasa Sir Cecil Clementi. Di sana baginda memperolehi persetujuan Pesuruhjaya Tinggi terhadap perlantikan berkenaan.[59]

Dalam pada itu Raja, Penasihat, dan anggota-anggota Melayu dalam Majlis Mesyuarat merupakan tiga elemen yang bergantung antara satu sama lain dalam perseimbangan kuasa kerajaan Perlis. Adalah sukar untuk menentukan siapakah yang berada di kemuncak. Tetapi dilihat dari segi had 'nasihat' pegawai British ini pada "semua perkara-perkara yang berjangkit dengan pemerintahan Negeri Perlis yang lain daripada perkara-perkara berkenaan dengan adat Melayu atau Ugama Islam", maka Raja seharusnya berada di kemuncak.[60] Malahan Penasihat Kewangan sebelum 1930 dan Penasihat British berikutan 1930 amat bersedia mengasingkan diri daripada pengendalian hal-ehwal agama Islam agar tidak membebankan dompet kerajaan. Satu contoh penting ialah sistem pungutan zakat dan fitrah yang dimulakan di Perlis oleh Raja Syed Alwi pada tahun 1917. Satu peniga daripada wang membiayai pembinaan masjid yang terbesar di Perlis yakni Masjid Alwi di Kangar yang disiapkan pada 1933 berasal daripada kutipan wang ini.[61] Tiga tahun berikut pada 1936 Penasihat British O.E. Venables memutuskan untuk membiarkan hal-ehwal

---

[58] Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi kepada Pesuruhjaya Tinggi 20 September 1930, PP 251/49

[59] LTP 1930, op. cit.

[60] Draf A, op. cit.

[61] Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan. Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, (Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992), m.s. 149-150.

Jawatankuasa Pungutan Zakat dan Fitrah di luar Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.[62]

Kelima, walau bagaimanapun di sebalik perselisihan pendapat mengenai kuasa Penasihat yang telah dibincangkan di atas, ada satu faktor yang mengikat ketiga-tiga elemen yang membentuk kerajaan ini untuk bermuafakat iaitu kepentingan mengusir pengaruh dan menghapuskan genggaman Kedah ke atas pentadbiran kerajaan. Mereka bersama-sama memandang kepada perjanjian ini sebagai jalan keluar yang muktamad. Pada satu pihak Raja dan anggota Melayu Majlis memang ingin mempertingkatkan maruah dan identiti kePerlisan. Bagi mereka tiada jalan lain yang lebih sesuai melainkan mencapai autonomi sepenuhnya, yakni dalam politik dan ekonomi daripada Kedah. Justeru Raja Syed Alwi menuntut dalam fasal keenam juga bahawa anggota Melayu Majlis bukan sahaja mesti merupakan orang Melayu, bahkan lebih penting merupakan "anak negeri Perlis."[63]

Langkah ini bukanlah tidak munasabah kerana sebelum ini memang terdapat seorang kerabat diraja Kedah yang menyandang jawatan ahli. Berikutan kematian Syed Salim, ahli Majlis dan Bendahari kerajaan pada 23 Januari 1912, Tunku Abdullah dilantik mengambil tempatnya pada 29 Januari.[64] Orang Kedah ini bahkan pernah menyandang jawatan Pemangku Presiden dalam tempoh kegeringan Raja Syed Alwi itu, misalnya dalam persidangan 8 Julai 1912.[65] Majlis kemudiannya dalam mesyuarat 20 November 1913 memecatnya daripada Majlis dan jawatan Pesuruhjaya Tanah setelah ia didapati bersalah menjadi orang tengah dalam hubungan sulit seorang wanita Islam dengan seorang lelaki beragama lain dan

---

[62] Setiausaha Jawatankuasa Zakat dan Fitrah kepada Penasihat Perlis 28 November 1936. PP 853/50

[63] Draf B, op. cit.

[64] Minit mesyuarat 29 Januari 1912, CO 273 1098a. 385/16817.

[65] Minit mesyuarat 8 Julai 1912, CO 273 1098a. 386/29922.

mempengaruhi wanita itu bercerai dengan suaminya.[66] Bagi mengisi kekosongan ini Raja Syed Alwi dan ahli Melayu Majlis telah melantik adik saudara Raja iaitu Tuan Syed Hamzah pada 9 Februari 1914.[67] Tundaan ini disebabkan ia sedang berkhidmat di dalam kerajaan Kedah sebagai Juruaudit ketika itu. Selepas rundingan Penasihat Kewangan Perlis dengan Penasihat Kedah yang membuahkan kebenaran Majlis Mesyuarat Kedah untuk melepaskan Syed Hamzah, barulah ia memulakan tugas di sini.[68]

Berbalik kepada tambahan peruntukan "anak negeri Perlis" itu, Allen menghormati keputusan pihak pemerintah Perlis ini, tetapi masih belum memahami sepenuhnya lalu menulis bahawa:

> "The intention is that the Malay members of the Council should be Perlis born. I think this is quite a reasonable provision."[69]

Sebenarnya kemestian taat dan setia pada kerajaan Perlis lebih penting daripada dilahirkan di dalamnya memandangkan ada di kalangan anggota Melayu yang ada dalam Majlis pada saat ini bukan dilahirkan di dalam Perlis.[70]

Bukan sahaja anggota Melayu Majlis malah kakitangan kerajaan pun mesti memenuhi keperluan tersebut. Sehingga 1929 wujud sebilangan orang asing yang datang dari Kedah untuk berkhidmat di dalam kerajaan ini khususnya mereka yang melawat Perlis dalam tugas penyeliaan jabatan. Kumpulan ini termasuk, diulangi, Jurutera kerajaan Kedah yang menyelia kerja-kerja Pejabat Ukur.[71] Amalan bergantung pada kakitangan kerajaan Kedah menimbulkan masalah

---

[66] Minit mesyuarat 20 November 1913, CO 273 1098a, 409/3760.
[67] Minit mesyuarat 9 Februari 1914 CO 273 1098a, 410/16073.
[68] Minit mesyuarat 4 Mei 1914, CO 273 1098a, 411/26298.
[69] "Schedule", op. cit.
[70] Perbincangan lanjut dalam Bab 6
[71] Rujuk perbincangan Bab 3.

seperti dilaporkan oleh Penasihat Kewangan semasa Wyatt kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi, Sherwood pada 22 Ogos 1921 bahawa:

> "There is intense jealousy in Perlis over the pay of European officers, and the matter is continuously cropping up. The Adviser is Class II, and his Assistant Engineer gets $600 per month, whereas the highest salary of any Malay officer is $110 per month.
>
> ... This jealousy makes the State Council view with the greatest suspicion any proposal to bring another officer here even temporarily. The Raja is afraid that this may be the thin edge of the wedge to introduce another European into the State.
>
> When it was purposed in Eckhardt's time to pay the Legal Adviser Kedah a retaining fee for advising upon legal matters, the Raja absolutely refused to consider the matter and only yielded when he received a letter direct from H.E. the High Commissioner".[2]

Akan tetapi adalah ketara Raja Syed Alwi dan anggota Melayu Majlis tidak dapat dengan serta-merta memberhentikan semua orang Kedah, samada berbangsa Eropah mahupun tidak, yang bertugas tanpa mencarikan pengganti. Ini disebabkan mereka menghadapi masalah kekurangan tenaga manusia di kalangan penduduk Melayu Perlis yang memiliki kemahiran yang berkaitan. Justeru mereka mengambil keputusan bahawa jalan yang paling berkesan untuk mengatasi masalah tersebut ialah melalui serampang dua mata. Pertama, meningkatkan latihan kepada kakitangan Perlis yang ada sementara meneruskan amalan bergantung pada kakitangan luar. Dan kedua, menghantar budak-budak sekolah ke luar Perlis demi menambahkan ilmu pengetahuan. Dengan demikian Raja Syed Alwi memasukkan satu fasal baru yakni fasal ketujuh perjanjian yang

[2] Wyatt kepada Sherwood 22 Ogos 1921, HC 502/1921.

mencontohi peruntukan dalam Surat Akaun Kedah. Fasal dalam draf B ini berbunyi seperti berikut:

> "Pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Negeri Perlis mahulah diambil anak-anak Melayu daripada bangsa Negeri Perlis melainkan jika mesyuarat State Council tampak apa-apa kerja yang anak Melayu Perlis tiada boleh perbuat baharulah boleh diambil orang luar negeri. Maka Kerajaan Negeri Perlis akan menghantarkan anak-anak Melayu Perlis pergi belajar apa-apa pelajaran di luar Negeri mengikut timbangan mesyuarat State Council dengan perbelanjaan Kerajaan Perlis supaya menjadi kegunaan bagi Kerajaan Negeri Perlis".[3]

Peruntukan tambahan di atas dialu-alukan oleh Allen sedemikian:

> "This is an entirely new clause.
> I am in favour of the new clause being included in the Treaty as a reminder to future Advisers and others of the wishes of the Raja and the State Council".[4]

Mulai tahun 1932 iaitu selepas perjanjian ditandatangani Raja Syed Alwi dan seluruh Majlis secara sedikit demi sedikit mengurangkan jumlah kakitangan Kedah yang bertugas di Perlis. Mereka bijak menggunakan alasan yang sama dengan alasan yang dahulunya digunakan oleh Penasihat Kedah untuk memasukkan kakitangan ke dalam jabatan kerajaan Perlis yakni 'keadaan kewangan yang tidak mengizinkan'. Sebagai contoh, Majlis pada 21 Mac 1932 memutuskan bahawa disebabkan "kesempitan wang" mengurangkan bilangan 'lawatan' Jurutera kerajaan Kedah daripada sebulan sekali kepada sekali sekala.[5] Ini membawa kepada rungutan Pemangku Setiausaha

---

[3] Draf B, op. cit. Dan Surat Akuan Kedah 1923, Allen dan lain-lain, op. cit., m.s. 173

[4] "Schedule", op. cit.

[5] Minit mesyuarat 21 Mac 1932, PP 814/50.

Pesuruhjaya Tinggi. Ia pada masa yang sama cuba mempertahankan penyeliaan pegawai-pegawai Kedah di Perlis sebagai:

> "Under the terms of the instructions these officers will only visit the State when the concurrance of the Kedah Government has been asked for and obtained. They are thus in the position of officers who are invited to visit the State for a specific purpose when their services are desired.
>
> I will again emphasize that these officers will exercise no executive functions within the State, and that their duties are limited to making suggestions to the British Adviser who will present any such suggestions for the consideration of the State Council".[76]

Pada satu pihak lagi Allen pun sedia bekerjasama dengan Raja dan anggota Melayu Majlis demi menyekat perluasan pengaruh Penasihat Kedah ke dalam hal-ehwal pentadbiran kerajaan Perlis umumnya dan ke atas kuasanya sebagai Penasihat Kewangan khususnya. Pengaruh Penasihat Kedah ke atas kerajaan Perlis meliputi sehinggakan ia mengetahui setiap perkara yang dirundingkan oleh Majlis mengenai perjanjian ini. Ini menyebabkan Allen bukan sahaja perlu melaporkan kepadanya perkembangan rundingan tetapi surat-menyurat di antara pejabat Penasihat Kewangan dengan pejabat Pesuruhjaya Tinggi juga melalui pejabatnya di Alor Star. Begitu juga sungguhpun secara praktis Penasihat Kewangan selama ini bertugas di bawah telunjuk Penasihat Kedah, namun adalah keterlaluan jika menganggap setiap pegawai yang mengisi jawatan ini rela menurut arahan dari Alor Star secara seratus peratus. Ini benar terutama sekali bagi Allen sendiri.

Tidak sampai sebulan selepas mesyuarat 30 Ogos 1929 yang membuahkan draf perjanjian yang muktamad, Penasihat Kewangan ini

---

[76] Pemangku Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi kepada Penasihat Perlis 4 Julai 1932, PP 31/50.

telah mengambil salah satu langkah terawal untuk membebaskan kerajaan Perlis daripada cengkaman politik dan ekonomi Kedah. Pada 22 September ia menulis kepada pegawai British yang bertugas di dalam jabatan pos di Brunei, McKerton meminta jumlah perbelanjaan bagi membiayai keluaran stem kerajaan itu. Ini akan dijadikan panduan dalam rancangannya untuk mengadakan stem kerajaan Perlis sendiri. Pada tahap ini Allen menyembunyikan perkara ini daripada Penasihat Kedah dan meminta kerjasama McKerton menyimpan rahsia ini.[77] Setelah memperolehi angka-angka tersebut ia menyediakan sebuah memorandum yang mengandungi cadangan harga stem yang akan dijual oleh pejabat-pejabat pos Perlis dan kos pengendaliannya untuk dibentangkan kepada Penasihat Kedah. Tetapi Allen masih menunggu. Mengambil kesempatan di atas persidangan Durbar di Singapura pada 1929, Allen yang turut mengiringi Raja ke sana meminta sokongan Clifford agar Perlis tidak lagi menggunakan stem Kedah. Dilengkapi dengan sokongan ini Allen menunggu sehingga selepas termeterainya perjanjian 1930 untuk memberi isyarat kepada Raja Syed Alwi untuk mendapatkan persetujuan secara rasmi oleh Majlis Mesyuarat. Kemudian barulah persetujuan ini dimaklumkan kepada Penasihat Kedah pada 24 Julai, bersama memorandum yang telah disiapkan awal tadi. Tetapi Allen cuba mendapatkan perhatian Penasihat Kedah dengan tuntutan permulaan bahawa:

> "His Highness who was supported by the Vice-President (Tuan Syed Hamzah) said that, now the Treaty was signed, he would like negotiations started with a view to Perlis eventually taking over the administration of Postal Affairs within the State".[78]

Sebenarnya seluruh Majlis menyedari bahawa kerajaan masih belum mampu mengambilalih jabatan ini. Namun mereka bersetuju bahawa

---

[77] Allen kepada McKerton 22 September 1929, PP 120/49.

[78] Allen kepada Penasihat Kedah 24 Julai 1930, AP 120/49.

ini merupakan pembuka mata yang berkesan. Sepertimana ditonjolkan suara hati pihak pemerintah Perlis dalam isi kandungan memorandum yang sama:

> "... what "offends" the Council members is not so much that the postal administration is run from Kedah but that Kedah postage stamps are used in Perlis.
>
> I told the members of the Council that I had already considered the question of the revenue which might be expected from the sale of Perlis postage stamps and I did not think there would be much profit after deducting the expenses of the Posts and Telegraphs Department. The Raja immediately said that the desire for Perlis to have postage stamps of its own was not so much with a view to obtaining additional revenue as a desire that the stamps used in Perlis should bear the name of Perlis and not the name of another country".
>
> I gathered from a further discussion on the subject that if arrangements could be made for the issue and sale in Perlis of Perlis postage stamps instead of the present Kedah stamps, the Raja would not press for the taking over of the general administration of the Posts and Telegraphs affairs in Perlis". [29]

Maka tidak seperti dakwaan Maxwell pada 1915 bahawa kerajaan Perlis tidak membantah terhadap pengendalian jabatan pos dan telegraf di bawah Kedah, ia hanya menunggu peluang untuk mengemukakan bantahan.

Kalaupun Raja Perlis bukan berhasrat mengaut keuntungan daripada jualan stem, baginda ingin menahan wang kerajaan daripada mengalir keluar ke Kedah. Sebagai bukti pada tahun 1928 sahaja sebanyak 88,335 pucuk surat dikendalikan oleh Pejabat Pos Kangar, dan setiap pucuk yang dikirim keluar menggunakan stem Kedah.[30] Tidak hairanlah kerajaan Kedah enggan melepaskan tangan terhadap perkhidmatan pos Perlis terutamanya dari segi penggunaan stem.

---

[29] Ibid.

[30] LTP 1928, m.s. 60

Justeru jawapan negatif diterima oleh Allen daripada pejabat Penasihat Kedah pada 18 Oktober 1930 tegas berbunyi:

> "I inform you that the Kedah Government is only prepared to continue present arrangement of conducting postal business in Perlis, provided that Kedah stamps are used as at present".[81]

Akhir sekali, sekiranya hendak mencari satu fasal yang diluluskan oleh kedua-dua pihak tanpa perdebatan ia adalah fasal kelapan yang ditawarkan oleh British yakni yang menetapkan bahawa:

> "Maka di dalam segala tempat-tempat pekerjaan kerajaan Negeri Perlis hendaklah dipakai bahasa Melayu iaitu tulisan Jawi. Itulah bahasa Kerajaan melainkan mana-mana yang diluluskan oleh Undang-undang Negeri Perlis atawa yang dibenarkan oleh Kerajaan Perlis menggunakan bahasa lain demikianlah halnya".[82]

Menjaga Kepentingan Peribadi Raja dan Kerabat

Disebabkan raja merupakan institusi yang tidak dapat dipisahkan daripada kerajaan Perlis dan satu tidak dapat wujud tanpa yang satu lagi, maka Raja Syed Alwi memikirkan tiada sebabnya masalah raja dan kerabatnya tidak turut menjadi masalah kerajaan. Ini merujuk kepada satu perkara sahaja iaitu kewangan. Ini bukanlah mendakwa kononnya selama ini kerajaan tidak menghiraukan keadaan kewangan golongan ini. Sebaliknya soal kewangan mereka merupakan sebahagian yang tetap dalam hal-ehwal pertimbangan Majlis dalam mesyuarat-mesyuaratnya. Namun seperti diketahui kewangan terletak di dalam tanggungjawab dan kawalan Penasihat Kewangan, dan keputusan Majlis sering bertolak daripada keputusan Penasihat Kewangan. Ini mendorong Raja untuk memperbaiki kelemahan tersebut dengan menuntut jaminan bertulis agar "Maka terwajiblah

---

[81] Penasihat Kedah kepada Penasihat Perlis 18 Oktober 1930, PP 149/49.
[82] "Schedule", op. cit.

bagi Kerajaan Perlis pelihara atasnya serta Kerabat-kerabatnya dengan cukup sempurna".[83] Ini difahami oleh Allen sebagai, dalam bahasa Inggeris:

> "It shall be the bounden duty of the Government of Perlis to protect the Raja and his family".[84]

Tetapi dalam mengakui beban masalah kewangan kerabat terhadap belanjawan kerajaan, Raja Syed Alwi dan Majlis menerima cadangan Amery untuk mengurangkan saiz kerabat di samping memastikan sokongan kepada raja dan kerabat mesti sejajar dengan kedudukan kewangan kerajaan sendiri. Sebagaimana Allen melaporkan:

> "It is interesting to note that one reason for Council agreeing to the addition of the words 'daripada perolehan Negeri Perlis' is that it will be clear that the "support" given by the Government is to be commensurate with the revenue of the State. That is to say if the revenue were to shrink the financial support to the Raja and the Kerabat might have to be reduced".[85]

Sebaliknya dalam mesyuarat 30 Ogos itu Raja berkeras mengekalkan peruntukan bahawa "Maka terwajiblah bagi Kerajaan Perlis pelihara atasnya serta Kerabat-kerabatnya dengan cukup sempurna." bagi menekankan tanggungjawab kerajaan pada Raja dan kerabat.[86] Keputusan muktamad tidak dapat dicapai lalu kedua-dua pihak mengekalkan versi masing-masing. Bagi pihak British peruntukan tersebut hanya bermakna:

---

[83] Draf B, op. cit.
[84] "Schedule", op. cit.
[85] Allen kepada Penasihat Kedah 2 September 1929, op. cit.
[86] Perjanjian Perlis-British 1930, op. cit.

"The Raja and his family shall be entitled to adequate support from the public funds of Perlis, the term family meaning the children of the Raja and those of his grandchildren of his sons".[87]

Matlamat jangka panjang Raja Syed Alwi ialah memastikan baginda dan kerabat diraja menerima pendapatan yang lumayan dan selesa lagi terjamin. Baginda dan anggota-anggota kerabat dari semasa ke semasa menuntut pendapatan tambahan dalam bentuk kenaikan elaun dan kenaikan pencen masing-masing serta gran perbelanjaan khas kepada Majlis keseluruhan dan kepada Penasihat Kewangan. Sebenarnya, seperti yang telah ditunjukkan dalam bab sebelum ini, pembayaran elaun dan pencen berkenaan tidak merupakan masalah yang besar bagi kerajaan. Hanyalah setengah-setengah Penasihat Kewangan, dan Penasihat Kedah Maxwell tidak bersenang hati terhadap tuntutan mereka.[88]

Seterusnya semasa saat-saat pembukaan rundingan perjanjian semakin menjangkau tiba, timbul pula satu faktor baru yang mendatangkan kesan positif ke atas sumber pendapatan raja daripada dompet kerajaan. Adalah sangat penting bagi Penasihat Kewangan dan Pesuruhjaya Tinggi yang mewakili kerajaan British untuk berbaik-baik dengan Raja dan satu cara yang berkesan lagi cepat ialah melalui pemberian wang tunai di samping 'sogokan' kewangan lain. Pada tahun 1928 elaun Raja ditambah sebanyak lebih 35% daripada angka tahun sebelumnya, yakni satu pertambahan yang lumayan. Taktik British ini memang disedari oleh Raja Syed Alwi yang menggunakannya dengan sepenuh-penuhnya. Berbalik kepada perbincangan di atas terhadap keberatan baginda untuk mengambil inisiatif dalam rundingan perjanjian, ini bukannya didorong oleh ketakutan atau ketidakpastiannya tetapi didorong oleh langkah mengambil kesempatan di atas perasaan tergesa-gesa British terhadap

[87] "Treaty", Allen dan lain-lain, op. cit.
[88] Rujuk perbincangan Bab 3.

sebuah perjanjian. Bagi baginda tiada masa yang lebih sesuai untuk mengemukakan tuntutan selain ini. Justeru Allen melaporkan pada 1929 bahawa:

> "On several occasions I have heard the Raja express dissatisfaction with the way he has been treated by the Government. It usually happens in Council and he hesitates to talk to me direct on the matter. He usually mutters to Tuan Syed Hamzah which is only half intelligible to me. This has occured again during the discussion of the treaty. The dissatisfaction appeared to be largely connected with the lack of suitable accomodation for the Raja. He points out that he has done a lot for the Government in the past... He thinks the Government should build an Astana for him. My predecessor left a note regarding the building of a new mosque of Arau that there is a general feeling that an Astana should be built for the Raja before the Mosque is started, but the Raja wants the Mosque first... The Government is contributing $10,000 this year towards a new mosque at Kangar and a further $10,000 in 1348 (1930). Personally I agree that when possible an Astana should be built by the Government. This would be Government property for the use of each Raja".[89]

Sebenarnya pada 1914 baginda sudah menuntut untuk sebuah istana baru dan dari semasa ke semasa bertanya di dalam mesyurat Majlis terhadap kediamannya barunya. Sehubungan dengan itu harus disebut bahawa selain daripada pembinaan masjid Kangar, baginda lebih mendesak dalam tuntutan wang tunai berbanding dengan tuntutan kebendaan yang lain. Dalam tuntutan kewangannya baginda juga telah menerima layanan yang memuaskan. Pendapatannya sejak tahun 1905 memuncak pada satu tahun sebelum perjanjian ditandatangani iaitu 1929 dengan jumlah elaun hampir $45,000.[90] Tetapi hampir empat tahun selepas perjanjian ditandatangani istana baginda pun belum disiapkan. Pada 1934 baginda menulis kepada Penasihat

[89] Nota, dalam Allen kepada Penasihat Kedah 23 Mac 1929, op. cit.

[90] LTP 1929, m.s. 68.

semasa O.E. Venables menuntut dengan lebih mendesak kenaikan elaun sekali lagi. Dipetik isi kandungan surat tersebut:

> "Ahwal beta takrifkan akan surat sahabat beta kepada beta bertarikh 22.4.52 berkenaan dengan hal istana bagi beta di Arau itu sudah lah beta terima dan paham lah beta sekelian yang tersebut di dalamnya, inilah beta takrifkan juga demikian beta harap Kerajaan perbuatkan dahulu rumah bagi tempat kedudukan beta sehari-hari ini di dalam Kota Arau itu yang layak supaya terpelihara maruah dan nama negeri.
>
> Dan lagi sahabat beta sedia maklum hal masrof beta tiap-tiap bulan itu tiada lah mencukupi kerana tanggongan beta kapada Kaum Keluarga dan Kerabat-kerabat beta tiap-tiap sebulan tiada kurang daripada $200 maka hal itu terpaksalah diri beta tiap-tiap bulan di dalam kesusahan ditambah pula dengan lain-lain perkara seperti barang-barang perkakas Balai Penghadapan itu Kerajaan tiada siap apa-apa semuanya beta sendiri siap dan beli daripada rial masrof beta juga. Maka sekiranya jika tuan orang pembesar-pembesar luar negeri lihat hal-hal kesusahan beta sehari-hari ini malulah beta kepada tuan itu. Inilah beta harap Kerajaan timbangkan dan bersetujulah beta jika sahabat beta hendak hantarkan salinan surat ini kapada Tuan Yang Terutama High Commissioner. Hal inilah beta takrifkan surat adanya tamat".[91]

Sedangkan Penasihat perlu berlembut terhadap tuntutan kewangan dan kebendaan baginda, ia tidak begitu bertoleransi terhadap tuntutan kenaikan pendapatan para kerabat diraja. Didapati bahawa gambaran akan lebih jelas jika disorotkan perbincangan kepada keadaan sebelum 1929. Di sini patut diketahui bahawa dalam rekod-rekod belanjawan tahunan, hadir pelbagai tajuk seperti "Pensions and Retired Allowances," "State Pensions," dan "Retired Pensions". Adakalanya kedua-dua ini digabungkan, ada masanya ia dilaporkan berasingan sebagai "Political Pensions" dan "Retired Allowances". Misalnya bagi tahun 1916 "Political Pensions" yang dibayar kepada kerabat diraja

[91] Raja kepada Venables 1934, PP 446/51.

Perlis berjumlah $10,723.[92] Pada tahun 1905 jumlah pencen yang dibayar kepada mereka mencatat satu persepuluh (1/10) daripada pendapatan kerajaan.[93] Selain daripada tindakan yang menurut adat, Majlis Mesyuarat meluluskan gran untuk perayaan khas seperti perkahwinan ahli kerabat, serta permohonan anak kepada ahli yang telah meninggal dunia agar dilanjutkan pencen itu kepadanya. Penasihat Kewangan jarang melayan permohonan untuk peningkatan pencen. Tetapi dikesan satu pengecualian iaitu apabila kerajaan mengambilalih Pasar Kangar yang telah dikurniakan kepada bekas Raja Perempuan Che Samsiah dan anak-anak raja oleh mendiang Raja Syed Safi, pada 1912. Sebagai pampasan pencen diberikan kepada mereka $200 setahun setiap orang tetapi tanpa perlanjutan pencen kepada anak mana-mana ahli yang meninggal dunia kelak.[94]

Matlamat Penasihat Kewangan sehubungan dengan itu terletak pada sekurang-kurangnya mengawal dan seterusnya menghadkan penerima pencen dan claun kerabat. Seawal 1912 H.C. Eckhardt telah menggariskan dengan jelas tidak akan meluluskan pencen mahupun tambahan pencen pemohon semata-mata kerana ia merupakan saudara-mara Raja. Pada tahun yang sama Penasihat Kewangan ini membawa persoalan pencen kerabat untuk dibincangkan dengan Raja Syed Alwi.[95] Hasilnya Majlis pada 12 Ogos memutuskan bahawa bayaran pencen tidak akan lagi dianggap sebagai "pesaka".[96] Perbincangan mereka dilanjutkan kepada persoalan makna 'kerabat.' Dari sudut pandangan Majlis dan Penasihat Kewangan, ini meliputi keluarga raja-raja yang termasuk anak bekas raja dan suami-isteri mereka.

---

92 LTP 1917, m.s 27.

93 "Appendix B Statement of The Actual Expenditure From Each Year From A.H. 1323 To 1330 (A.D 1905-1912) And The Estimated Expenditure For A.H. 1330 (A.D 1912)", LTP 1912, m.s 39

94 Minit mesyuarat 5 Februari 1912, CO 273 1098a 384/6539.

95 Minit mesyuarat 17 Julai 1912, CO 273 1098a. 386/29922

96 Minit mesyuarat 12 Ogos 1912, CO 273 1098a. 387/33041.

Tetapi golongan ini diperkecilkan berikutan pindaan Setiausaha Tanah Jajahan Amery pada 1928 terhadap peruntukan yang dikemukakan oleh Raja Syed Alwi dalam fasal keempat perjanjian. Ayat yang diperbaiki, dalam bahasa Inggeris, adalah seperti di bawah:

> "The Raja and his family shall be entitled to adequate support from the public funds of Perlis, the term family meaning the children of the Raja and those of his grand children who are the children of his sons".[97]

Bolehlah diandaikan bahawa tiada siapa yang lebih mengalualukan had ini selain daripada Penasihat. Ini disebabkan anggota-anggota kerabat yang pada masa itu sebahagian besarnya merupakan perempuan malah suami-suami mereka sering membuatkan Penasihat 'sakit kepala' melalui bukan sahaja permohonan kenaikan pencen dan elaun bahkan lebih serius permohonan pinjaman wang kerajaan yang kedua-duanya ditujukan khususnya untuk menjelaskan hutang-hutang kepada peminjam wang yang terdiri daripada ceti-ceti. Pada tahap ini perlu dinyatakan bahawa tidaklah benar jika mendakwa Penasihat Kewangan membiarkan keadaan kewangan golongan ini begitu sahaja. Pada akhir 1926, setelah dipersetujui oleh Pesuruhjaya Tinggi, Majlis telah menaikkan elaun mereka sebanyak 50% bermula tahun berikutnya.[98] Akan tetapi masalah kewangan mereka tidak terhenti-henti diakibatkan oleh hutang.

Masalah ini turut membelenggui Raja Syed Alwi sehingga campurtangan Penasihat Kewangan tidak dapat dielakkan. Dalam laporan-laporan tahunannya, Allen memang berhati-hati menggunakan perkataan ketika menyentuh tentang hutang Perlis pada Negeri-negeri Melayu Bersekutu yakni hutang ini disebut sebagai "hutang awam". Perkataan ini memang tepat kerana di samping itu, hutang per-

---

[97] Amery kepada Clifford, op. cit.

[98] Minit mesyuarat 13 Disember 1926, PP 206/45.

sendirian yang wujud itu tidak sama sekali kecil saiznya. Tambahan pula sedangkan menjelang akhir 1930 hutang awam telah akhirnya selesai dijelaskan selepas lebih kurang 25 tahun nampaknya tanggungjawab Penasihat Kewangan masih terikat pada percubaan menyelesaikan hutang Raja dan kerabat. Raja Syed Safi dahulunya pun pernah dilaporkan sebagai berhutang sebanyak $20,000 pada seorang pemajak judi.[99] Adalah juga menjadi sebutan umum bahawa seorang ceti bernama Jagat Singh akan memiliki separuh daripada tanah Perlis akibat hutang Raja Syed Alwi padanya sekiranya Raja tidak menghalaunya dari tanah Perlis pada 1931.

Walaupun tidak diketahui jumlah sebenar hutang itu namun ini tidak harus dipandang ringan sama sekali, sekurang-kurangnya ia langsung tidak dipandang ringan oleh Maxwell semasa ia menekan untuk penyerapan Perlis semula oleh Kedah pada 1915 itu. Dalam memorandum sulit yang telah disebut di atas, ia yakin bahawa:

> "The difficulty will be with the Raja. But his consent can perhaps be obtained if he is assured of relief from the constant worry of his private debts...
>
> "He (Perlis Adviser) might suggest that the consent of the Raja might be won by an offer of a loan to pay his private debts. The loan to be without interest, and repayable by reasonable instalments from his allowance".[100]

Dalam pada itu sekiranya jumlah "hutang persendirian" Raja dan kerabat menghampiri jumlah wang yang dipinjamkan oleh kerajaan Perlis kepada mereka, maka jelaslah ia cukup merisaukan. Telah menjadi amalan kerajaan untuk mengambilalih sebahagian daripada hutang Raja pada ceti. Dalam angka-angka yang dibentangkan oleh Bendahari kerajaan di bawah tajuk "Akaun Perseorangan", ditunjuk-

---

[99] Maxwell kepada Pesuruhjaya Tinggi 27 September 1909, HC 1436/1909.

[100] Memorandum Sulit Maxwell, op. cit.

kan bahawa pada 1927 sahaja Raja dan kerabatnya bersama-sama berhutang pada kerajaan sebanyak $53,188.18sen yakni lebih kurang 8.5% daripada pendapatan kerajaan bagi tahun yang sama.[101] Sebagai hadiah kepada Raja sempena ulangtahun ke-25 pemerintahannya, Pesuruhjaya Tinggi menyetujui Majlis memansuhkan hutangnya pada kerajaan sebanyak $10,869 dan juga menjelaskan hutangnya di luar sebanyak $19,000.[102] Ini memang membebankan kedudukan kewangan Perlis jauh lebih mendalam berbanding elaun tahunan yang dibayar kepadanya. Sepertimana dilaporkan oleh Allen pada 1930:

> "This 1348 (1930) has been an unfortunate one financially for the State and a defict of $100,000 is expected, but this is largely accounted for by two items, which will not recur in future years viz: ... $20,000 Settlement of the Raja's debts on his 25th anniversary as Raja".[103]

Adalah menarik bahawa hutang-hutang mereka pada kerajaan juga membebankan kerja Bendahari kerajaan sepertimana dirungutkan olehnya kepada Penasihat:

> "Ahwal dengan beberapa hormat daripada sahaya State Treasurer maklumkan kepada Tuan jika sekiranya tiada menjadi cacat cedera di atas Kerajaan, sahaya pohon dengan belas arahim daripada Tuan yang mana adil timbang dan sokongkan (recommend) kepada Kerajaan iaitu allowance-allowance yang tanggungan sahaya dengan tukang wang (cashier) ada selain memperbuat kerja lebih yang bukan kerja Kerajaan sampai membawa book kira-kira hutang buat kerja di rumah fasal tolong kutip potong gaji-gaji orang-orang Kerajaan kerana bayar hutang-hutang kepada Jagat Singh, Bhaguan Singh dan Chetty dengan hukuman Kerajaan juga.

---

[101] "Monthly Return showing the amount outstanding on loans granted to Government Officers and others for A.H. 1345 (1927), PP 3/45.

[102] Minit mesyuarat 4 November 1929, PP 409/48.

[103] Allen kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi 8 Mei 1930, PP 386/48.

Sahaya sokongkan kepada Kerajaan eloklah Kerajaan ambil 5 peratus di atas kesemua hutang-hutang ini dan sebahagian pulang kepada Kerajaan dan sebahagian pulang kepada pegawai-pegawai Treasury yang menanggung pekerjaan ini adanya".[104]

Sementara itu rekod akaun 1934 menunjukkan baki hutang kebelakangan Naib Presiden Majlis Syed Hamzah sahaja pada ceti-ceti sudah sebanyak $14,500. Hutang asalnya pada Jagat Singh seorang mencatat $16,000. Keenam-enam adik perempuan Raja pula berhutang sejumlah $3,500 pada Jagat Singh dan pada Bhaguan Singh. Pemotongan elaun mereka setiap bulan oleh Bendahari ke arah menjelaskan hutang tidak berkesan sama sekali kerana mereka kerap meminjam lagi dengan menggadaikan rumah dan bendang.

Oleh yang demikian demi menghindarkan masalah ini daripada berlanjutan pengganti Allen iaitu Hay memutuskan untuk membuang-negerikan Jagat Singh. Tindakan drastik ini diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dengan senang hati dalam mesyuarat 5 November 1931.[105] Selepas itu Jagat Singh, melalui peguam-peguamnya, cuba mendapatkan balik hutang-hutang daripada Raja dan kerabat. Permohonan kepada Mahkamah untuk mengeluarkan saman dan petisyen terhadap mereka mahupun permohonan bagi bantuan Penasihat sebagai perantara gagal sama sekali.

Jalan keluar yang berkesan lagi cepat tanpa perlu membelanjakan wang kerajaan ialah membuang negeri penunjam wang. Sebelum itupun pada 1928 Raja Syed Alwi telah mengeluarkan perintah kepada Ketua Polis Perlis melalui Penasihat Kewangan untuk membuang-negeri seorang pemajak gadai Cina bernama Lee Chow Khoon alias Lee Kuan Teng atas tuduhan melakukan jenayah.[106] Sebab sebenar

---

[104] Bendahari kerajaan kepada Penasihat 1934, PP 36/52

[105] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 147

[106] Penasihat Kewangan kepada Ketua Polis 1928, PP 328/46.

langkah ini disuarakan oleh Lee sendiri dalam suratnya kepada Penasihat Kewangan yang dipetik di bawah:

> "... I respectfully beg to apply for your valuable pardon again to let me know where I should take my legal steps for the recovery of my outstanding accounts for my Clothes sold and supplied, which were owing to me by the Chinese and Malays residing in the State of Perlis.
>
> Now they came to know that I must leave here forever so they strongly refused to pay to me their debts which I have been trying my outmost to collect from them.
> In order to avoid my losses I humbly pray that your Honour would be kind enough to help and to pity me so that I may easily recover my debts".[107]

Akhir sekali perhatian ditumpukan pada upacara menandatangani perjanjian pada 28 April 1930. Dengan tujuan menyaingi malah mengatasi kerajaan Kedah, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis pada 7 April cuba menukar perjalanan Pesuruhjaya Tinggi baru Sir Cecil Clementi agar bertolak dari Pulau Langkawi terus ke Arau melalui laut tanpa melalui Alor Star.[108] Cadangan menukar arah perjalanan ini ditolak oleh Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi tetapi Raja Syed Alwi dan seluruh Majlis termasuk juga Penasihat bangga bahawa perjanjian ini ditandatangani di dalam kerajaan dan lebih-lebih lagi di Balai Penghadapan Istana Arau. Sepertimana dilaporkan oleh Allen:

> "Everyone including the Raja appeared extremely pleased to have the treaty signed in Perlis and not in Singapore or elsewhere outside the State".[109]

---

[107] Lee Kuan Teng kepada Penasihat Kewangan 31 Januari 1928, ibid.

[108] Allen kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi 7 April 1930, PP 675/48. Dan kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi kepada Allen 11 April 1930, ibid.

[109] Ternyata Allen merujuk kepada perjanjian Kedah yang ditandatangani di Singapura. Lihat "Treaty providing for a British Adviser" Kedah , Allen dan lain-lain, op. cit.

Bukan sahaja upacara disambut dengan meriah bahkan Allen pun begitu bangga melaporkan bahawa rundingan telah membuahkan hasil dan perjanjian ditandatangani dengan aman sekali:

> "I think it will be admitted that the negotiations with the Raja demanded a considerable amount of patience and tact, and I am glad to say that the attitude of the Raja towards the treaty has changed from one of apprehension and fear to one of personal satisfaction and pleasure.
>
> I don't know whether I shall get any credit for helping to carry out successfully the negotiations with the Raja and thus cementing the friendship between this little State and the British Government, but I hope at any rate that my efforts will not go unrecorded".[110]

Paling menarik ialah pernyataan yang dicakar olehnya dalam surat yang sama:

> "YOUR TREATY SIR !
> AND DON'T FORGET THE WAITER SIR".[111]

---

[110] Allen kepada Pesuruhjaya Tinggi melalui Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi 2 Mei 1930, PP 675/48.

[111] Op. cit.

Bab 5

Isu Perlantikan Raja

"Keturunan Yang Maha Mulia Tuan Syed Alwi turun menurun bertali-tali yang tiada berkaputusan dan jika tiada berpindah kapada keturunan to'nenek-nya yang dipilih oleh meshuarat State Council dan di-terima oleh Duli Yang Maha Mulia lagi Maha-kuasa Raja benua Inggeris akan menjadi Rajo bagi Negeri Perlis se'lama-lamanya". — (Fasal keempat, Perjanjian Perlis-British 1930)

Seperti ditunjukkan dalam bab yang lepas, Perlis telah pada tahun 1930 berjaya memperkukuhkan statusnya sebagai sebuah kerajaan yang, dari segi politik, merdeka dan berdaulat. Perjanjian yang ditandatangani dengan kerajaan British pada tahun tersebut telah mempertingkatkan maruah orang Melayu Perlis dengan menaikkan kerajaan ini daripada sebuah bekas naungan Maharaja Siam kepada sebuah kerajaan yang mempunyai hubungan "persahabatan" dengan Maharaja Britain. Sememangnya kerajaan ini tidak lagi terikat menerima seorang Penasihat Kewangan untuk menyeliakan pembayaran hutang awamnya. Sebaliknya setelah menjelaskan bayaran tersebut, ia sendiri memilih untuk melanjutkan perkhidmatan seorang Penasihat British. Secara khusus, perjanjian ini menjamin kemerdekaan politiknya daripada tuntutan kerajaan lamanya iaitu Kedah. Ini adalah satu hak dan keistimewaan yang dicari-carinya buat berpuluh-puluh tahun bahkan lebih seabad dan akhirnya dicapai. Perjanjian 1930 ini bukan sekadar secebis kertas penakrifan hubungan luar Perlis, dokumen rasmi ini sebenarnya lebih berfungsi sebagai pembuka tirai kepada sebuah perlembagaan yang membina suatu identiti untuk Perlis – identiti kerajaan Perlis – yang menerapkan pelbagai aspek pengukuhan kerajaan serta menggariskan secara bertulis haknya sebagai sebuah kerajaan.

Namun begitu, di atas dokumen ini yang terterap tandatangan raja, dan pembesarnya sebagai saksi, kerajaan Perlis telah menyerahkan wibawa tertinggi dalam pemilihan rajanya kepada Maharaja Britain, seorang raja asing yang diakui sebagai "sahabat" Raja Perlis. Rekod kerjasama dan 'ketaatan' Perlis membuktikan bahawa ia memberikan paling sedikit masalah dan kerumitan kepada Siam mahupun British. Ini tidak dapat dinafikan telah membantu kelahirannya sebagai sebuah kerajaan yang baru dan terpisah daripada Kedah bahkan lebih penting kelanjutan hayatnya. Sepanjang masa Perlis telah mendukung dasar bersaing dan berebut-rebut dengan serta meniru Kedah. Tidak perlu dan memang tidak dapat dinafikan fasal kenaikan takhta yang disebut ini sangat mirip fasal perjanjian Kedah dengan British yang bertarikh 1923. Tetapi sudah tentu kelas pemerintah Perlis sudah melampaui batas kali ini. Mereka seharusnya menyedari betapa serius dan berbahaya menyerahkan hak eksklusifnya, satu daripada hanya dua jaminan monopoli, iaitu adat Melayu dan agama Islam di tangan orang Melayu, yang begitu diperjuangkan dan dipertahankan oleh kerajaan-kerajaan Melayu lain apabila dicerobohi hak tersebut. Lebih-lebih lagi ini berlatarbelakangkan percubaan-percubaan British melaksanakan Desentralisasi yang telah mengembalikan kuasa kepada kerajaan Melayu masing-masing.

Justeru bahagian awal perbincangan bab ini cuba membongkar rahsia di sebalik tindakan Raja dan Majlis Mesyuarat Perlis yang nampaknya tidak berapa bijak yakni mengapa dan bagaimana mereka boleh terjerumus di dalam jerat sebegini, serta bagaimana pula syarat itu diamalkan dalam tahun-tahun seterusnya. Perjalanan peristiwa ke arah penggantian Raja Syed Alwi yang sedang memerintah ketika itu sebenarnya telahpun bermula apabila ia sendiri dan Majlisnya membuka pintu selebar-lebarnya kepada penglibatan British yakni tepat 12 tahun sebelum kemangkatannnya, untuk melantik seorang waris yang sah. Namun timbul pergolakan apabila tiba masanya untuk

menggantikan Raja Syed Alwi tetapi British pula tidak kelihatan untuk menurunkan cap mohor Maharajanya sebagai tanda memperkenankan pertabalan raja pengganti. Pendudukan Jepun yang menguasai keadaan, berfungsi sebagai satu penghalang kepada keputusan British apabila seorang raja lantikan Jepun naik takhta pada tahun 1942. Selepas perang tamat, pada tahun 1945, pihak British tidak ketinggalan menjalankan tanggungjawabnya mengangkat ke atas takhta Bakal Raja yang sudah dilantik dahulunya.

Kesemua ini membuka jalan ke arah persoalan pembahagian dan perseimbangan kuasa kerajaan. Memang tidak dapat dinafikan melalui peranannya, British telah mengganggu dan memesongkan perseimbangan ini yang dahulunya hanya di antara raja dan pembesar serta di kalangan pembesar sendiri. Perbincangan selanjutnya akan menyelongkari bagaimanakah dan apakah perseimbangan baru yang dicapai dan, lebih penting, siapakah yang disebelahinya. Ini dengan sendirinya akan mendedahkan siapakah yang paling berkuasa dalam kerajaan Perlis sehingga berjaya mengawal dan menguasai kenaikan takhta. Satu soalan yang mesti ditanya ialah sejauh manakah fenomena ini menjejaskan kemerdekaan politik dan kedaulatannya yang begitu sukar dicapai dan diperkukuhkan itu? Persoalan-persoalan ini memang menyentuh aspek-aspek yang lebih meluas dalam politik rantau Melayu sezaman yakni kebergantungan kerajaan Melayu pada kuasa-kuasa asing dalam menyelesaikan masalah rebutan takhta dan kuasa raja.

Tetapi terlebih dahulu adalah berguna menggalurkan bagaimana setiap orang raja menaiki takhta kerajaan Perlis sebelum 1930. Ini bukan sekadar latarbelakang mahupun pengenalan biasa tetapi adalah satu garis panduan lebih-lebih lagi suatu perbandingan untuk menilai sejauh manakah pihak British berupaya menembusi sistem kenaikan takhta berkenaan. Ini akan mendedahkan bahawa kelas pemerintah Perlis pada tahun 1930 sebenarnya memilih untuk membenarkan pihak British memainkan peranan dalam pemilihan dan perlantikan

Bakal Rajanya dan seterusnya mengangkat rajanya, namun sebagai pengesah semata-mata.

Kenaikan Takhta pra-1930

Di sebalik 'perangkap' yang dimasuki, Raja dan Majlis Negeri sebenarnya mewarisi satu sistem kenaikan takhta yang agak teratur dan ketat. Disebabkan sehingga 1930 Perlis menyaksikan pertabalan hanya empat orang raja sahaja, termasuk Raja Syed Alwi, dan bahawa kelahiran kerajaan ini pun begitu lewat dan dekat dengan masa kini, adalah mungkin bagi halaman-halaman berikut memaparkan secara terperinci kenaikan raja pengasas diikuti dengan penggganti-penggantinya. Sebenarnya lebih penting, adalah pasti bahawa selama ini perbincangan Bab 2 lebih bertumpu pada kelahiran Perlis sebagai kerajaan terpisah dan kurang pada kenaikan raja-pengasasnya. Adalah dianggap lebih kena tempatnya perbincangan kenaikan raja-pengasas dan raja-raja berikutnya diterapkan di dalam bab ini yang temanya berpusat pada persoalan sistem kenaikan takhta.

Dapat dirumuskan pada tahap ini bahawa sedangkan Perlis berkongsi sebahagian elemen kenaikan takhta kerajaaan-kerajaan Tanah Melayu lain, seperti raja dipilih dan diangkat daripada kerabat diraja oleh sekumpulan pembesar tempatan, keunikan sikap progresif kerajaan ini adalah ketara, yang sebahagian besarnya merupakan hasil usaha gigih Dato' Arau (Muhammad Arshad). Sistem ini berdasarkan penerapan tiga ciri utama iaitu penggantian takhta secara automatik oleh Bakal Raja, bantuan kuasa asing semata-mata sebagai pengesah kepada keputusan yang terlebih dahulu dicapai, dan larangan campuran darah kerabat diraja Kedah. Ini, walau bagaimanapun terjejas oleh pemerintahan Raja Syed Safi dan Raja Syed Alwi seperti yang akan ditunjukkan di bawah.

Dalam pada itu amat berguna bab ini menegaskan bahawa kesan dominasi Dato' Arau terhadap pertumbuhan politik khususnya dalam

sistem kenaikan takhta begitu gigih sehinggakan berlanjutan sehingga diterapkan di dalam Perlembagaan Perlis, sepertimana yang akan ditunjukkan dalam Bab 6 nanti. Sementara itu seperti yang telah ditunjukkan dalam Bab 2, jelaslah Raja-pengasas kerajaan Perlis telah dipilih dan ditabalkan oleh segolongan pembesar tempatan yang diketuai oleh Dato' Arau. Di samping itu tidak ketinggalan satu unsur penting iaitu sokongan rakyat terhadap keputusan pembesar ini. Lebih penting suara rakyat tidak dilupakan dan telah dilaungkan melalui suara pembesar.[1] Pada masa yang sama perlu diingatkan bahawa kelahiran Perlis pada pertengahan abad ke-19 ialah hasil tindakan pembesar tempatan dan juga hasil bantuan kuasa asing. Yang menarik ialah ini bukan sahaja tidak mengakibatkan kekacauan tetapi sebenarnya disebabkan oleh sikap dan strategi kelas pemerintah pandai menggunakan keadaan sebagai sebuah naungan Maharaja Siam dan 'mengalir mengikut arus'. Justeru sebenarnya Perlis ialah contoh perlaksanaan sistem naungan Maharaja Siam yang paling berjaya. Ini telah membantunya mempertahankan status baru ini. Malah tidak keterlaluan jika mengatakan bahawa buat tempoh masa yang lama, Perlis lebih takut diserapkan semula ke dalam Kedah daripada takut dinaungi oleh kuasa asing.

Oleh itu dalam pembinaan sebuah kerajaan Perlis baru, langkah-langkah serius telah diambil untuk memisahkan dirinya daripada Kedah. Ini perlukan rombakan terhadap corak pemerintahan lama. Dalam percubaan untuk mengelakkan sebarang pertalian dengan kesultanan Kedah, Raja-raja Perlis pada tahap ini hanya menggunakan sebahagian daripada gelaran yang biasa digunakan oleh raja-raja Melayu di Tanah Melayu, yang bertolak daripada gelaran 'Yang Dipertuan', iaitu 'Tuan' bukannya 'Tuanku'. Gelaran ini dilanjutkan

[1] Zoraidah Abbas, "Dato' Arau (t.m. 1797-1873): period ujudnya Negeri Perlis dan susunan pentadbiran negeri itu", Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Universiti Malaya, 1978, m.s. 52.

kepada para anggota kerabat diraja Perlis, tetapi tidak termasuk lelaki-bukan kerabat yang mengahwini kerabat diraja Perlis. Misalnya Raja pertama menggunakan gelaran 'Tuan Syed Sharif Hussein Jamalullail'. Gelaran sepenuhnya 'Tuan Syed Sharif Hussein Jamalullail Phya Songkram Ramu Wichit Phya Pelit' tidak dapat dinafikan turut memaparkan pengaruh dan bukti naungan Siam.[2]

Juga adalah berguna untuk mengulangi bahawa wangsa pemerintah Perlis sebenarnya tidak dapat mendakwakan sebarang pertalian langsung dengan mana-mana kerabat diraja Empayar Melaka mahupun kerajaan Melayu lain. Malah tiada setitik pun 'darah raja' yang mengalir di badan Raja Syed Hussein mahupun keturunannya. Kalau adapun hanya 'darah cair' hasil perkahwinan dengan kerabat diraja Siam yang berketurunan pembesar. Perkahwinan dengan kerabat kerajaan lain pada tahap ini, sekurang-kurangnya, juga terhad kecuali dengan kerabat diraja Kedah yang bekerjasama dalam menentang Sultan Ahmad Tajuddin mahupun yang mengakui status kerajaan Perlis. Sekiranya perkahwinan antara-kerabat dapat berfungsi sebagai satu petanda pengiktirafan kerajaan-kerajaan Melayu lain terhadap kemerdekaan barunya, maka dapat diputuskan bahawa sekurang-kurangnya pada tahap awal Perlis belum diiktiraf oleh kebanyakan kerajaan Melayu jiran.

Seterusnya sebagai langkah penisahan dan sebagai memenuhi keperluan praktikal, yakni disebabkan saiznya yang kecil, ia tidak dibahagikan kepada daerah tetapi sebaliknya kepada mukim-mukim. Pentadbiran schari-hari kerajaan hanya memerlukan jawatan-jawatan eksekutif Raja Muda, Perdana Menteri and penghulu-penghulu.[3]

---

[2] Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan. Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, (Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992), m.s. 44-45. Selepas ini disebut *Perlis Indera Kayangan*.

[3] Ibid., m.s. 46-47.

Selain itu, tiada bukti ujud pembesar pusat utama seperti Bendahara, Temenggung, mahupun Orang Besar Berempat.

Sebaik sahaja ditabalkan, Raja Syed Hussein perlu menghadapi kenyataan bahawa baginda telah dinaikkan ke atas takhta oleh Dato' Arau dan amat memerlukan sokongan berterusannya. Sebagai bayaran terhutang budi, baginda menganugerahkan pangkat dan gelaran serta jawatan eksekutif yang tertinggi kepada bapa mertuanya dan yang selainnya kepada anak-anak lelaki bapa mertuanya. Pembesar paling berkedudukan tinggi di dalam kerajaan Perlis ialah Perdana Menteri dan Raja Syed Hussein telah mengkhaskannya kepada Dato' Arau. Ia kemudiannya bergelar Dato' Belat Paduka Seri Perdana Menteri.[4] Kawalan keluarganya pula begitu ketat, keempat-empat anak lelaki Dato' Arau daripada isteri-isterinya yang berlainan memegang jawatan pembesar.[5] Selain itu, Raja Syed Hussein merapatkan

---

[4] Ibid., m.s. 46.

[5] Ibid., m.s. 46 dan 49-50. Mengikut Ahmad Ismail dan Yazid Mat, "perlantikan putera-putera Dato' Arau: Wan Din, Wan Mat Saman (bukan dari Kedah), Wan Teh dan Che' Lanang sebagai pembesar-pembesar negeri adalah suatu kebijaksanaan Raja Syed Hussin. Mereka berempat adalah putera-putera Dato' Arau, tetapi daripada berlainan bonda. Dato' Arau mempunyai tiga orang isteri. Jadi dalam hal ini putera Dato' Arau daripada tiap-tiap orang isterinya telah dilantik oleh Raja Syed Hussin menjadi pembesar negeri. Cara perlantikan mereka yang sedemikian itu adalah bertujuan untuk menjaminkan perpaduan di kalangan keluarga Dato' Arau sendiri dan juga perpaduan antara mereka dengan kerabat Baginda. Justeru dengan kuatnya perpaduan keluarga-keluarga ini sudah tentu hasil kekuatannya dapat dihalakan ke arah perpaduan di dalam pentadbiran dan jagaan negeri.

Dengan tatacara seperti itu juga telah dapat mengelakkan daripada berlaku perpecahan dan irihati di kalangan keluarga Dato' Arau yang menjadi tulang belakang pemerintahan Negeri Perlis dewasa itu. Tegasnya perpaduan di kalangan keluarga Dato' Arau sendiri dan hubungan rapat mereka ini dengan kerabat Raja Syed Hussin itu telah dapat menjamin dan mengekalkan keteguhan dan ketenteraman politik Baginda Raja Syed Hussin sendiri". Dato' Wan Teh mulai berkhidmat sebagai salah seorang anggota terawal Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis pada 1905. *Perlis Indera Kayangan*, ibid., m.s. 93.

hubungan dengan keluarga Dato' Arau melalui perkahwinan. Pada suatu masa setelah mengahwinkan adik perempuannya kepada Dato' Arau, bapa mertuanya juga telah menjadi adik iparnya.[6] Dengan demikian hasil daripada kedua-dua langkah ini, sejarah awal Perlis menampakkan kawalan dan penguasaan politik dan sumber-sumber di tangan sebuah keluarga pembesar berpengaruh yang tunggal iaitu keluarga Dato' Arau. Ini telah membawa masuk elemen politik kekeluargaan.

Perkara kedua yang lebih menandakan dominasi berlanjutan keluarga ini jelas ialah ke atas kenaikan takhta Raja Perlis yang sekurang-kurangnya pada tahap awal hanya keturunan Dato' Arau. Pengaruh dan kuasanya di dalam majlis pemilihan raja adalah satu perkara yang pasti. Dalam perkataan lain, suaranya adalah kata pemutus. Tidak dapat dijumpai bilangan anggota kerabat dan pembesar yang menganggotai majlis tersebut tetapi yang jelas keputusannya menandakan kuasa tertinggi Perdana Menteri ini.

Ini kerana pada tahun 1844 ia menaikkan cucunya Syed Ahmad Jamalullail, yakni putera sulung Raja Syed Hussein hasil perkahwinan dengan anak perempuan Dato' Arau, sebagai Bakal Raja.[7] Begitu juga bakal pengganti raja seterusnya, Syed Safi ialah keturunannya., iaitu cicitnya.[8] Justeru elemen paling ketara yang mencorakkan perlantikan Bakal Raja Perlis pada tahap ini ialah darah Dato' Arau yang menentukan perlantikan seseorang waris takhta lebih daripada, atau lebih penting daripada darah raja. Sehubungan dengan itu, dari permulaannya raja Perlis memang tidak dapat mendakwa sebarang pertalian langsung mahupun hubungan darah dengan mana-mana

---

6 Ibid., m.s. 52

7 Ibid., m.s. 49-50

8 "Perhubongan Salasilah D.Y.M.M. Raja Perlis dengan keluarga Dato' Arau", disusun dan di-padankan dari cherita mulut Wan Ajar bt. Dato' Wan Din ia-itu chuchu Dato' Arau dalam Ahmad Ismail, "DYMM Raja2 Perlis", Kangar: 1963, (tidak diterbit), tidak bermukasurat, didapati di bahagian Koleksi Perlis Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Perlis, Kangar

kerabat diraja Melayu tempatan. Ini disebabkan Raja Syed Hussein hanya berketurunan seorang Penghulu Mukim Arau. Oleh itu sekiranya hendak mempunyai darah raja walaupun betapa cairnya, raja Perlis perlu mengamalkan perkahwinan campur dengan kerabat diraja kerajaan lain. Tetapi perkahwinan campur sebegini amat terhad di kalangan kerabat dirajanya. Dari satu segi ada kemungkinan raja dan pembesar kerajaan Melayu lain masih belum mengiktiraf kedudukan baru kerajaan Perlis. Ini bertentangan dengan pandangan yang dikemukakan oleh sejarawan tempatan Abdul Rahman Haji Ismail yang berbunyi seperti berikut:

> "... walaupun terdapat perbezaan menurut suku, kawasan dan negeri, rakyat Melayu di Tanah Melayu tidaklah terpisah secara mutlak berdasarkan perbezaan itu... Perpecahan berdasarkan kawasan dan sempadan negeri umumnya terjadi lebih kerana kerenah kepentingan politik-ekonomi golongan pemerintah yang dalam zaman penjajahan asing adakalanya direstui, digalakkan dan dipergunakan kuasa penjajah". Sebagai satu golongan, kalangan pemerintah ini yang antara mereka sendiripun umumnya bertalian kekeluargaan melampaui sempadan negeri".[9]

Dari segi yang lain, cengkaman Dato'Arau dan keluarganya ke atas penabalan rajanya sebegitu kuat sehingga hubungan darah raja tidak lagi memainkan peranan yang penting untuk menyokong seseorang anggota kerabat menjadi raja. Selagi pembesar ini dan keluarganya menguasai politik kerajaan, seseorang daripada kerabat diraja lain janganlah mengharap untuk menaiki takhta kecualilah ia merupakan keturunan Dato' Arau. Justeru dalam kenaikan takhta Perlis tidak

---

[9] Abdul Rahman Haji Ismail, "Nasionalisme Melayu Dan Nasionalisme Melayu SeTanah Melayu. Satu Perbincangan Tentang Soal Permulaannya", dalam Abu Talib dan Cheah Boon Kheng (penyunting), *Isu-isu Pensejarahan*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1995, m.s. 183. Istimewa dan menariknya ia membuat perbandingan di antara nasionalisme Melayu "istana" dan "teratak", lihat m.s. 181-184

pernah merupakan faktor penting mahupun faktor penentu samada seseorang calon itu anak gahara mahupun anak gundik raja.

Walau bagaimanapun ini bukan menafikan sebarang perkahwinan antara kerabat di Perlis. Sebaliknya perkahwinan sebegini dihadkan kepada cabang-cabang kerabat diraja Empayar Siam, dan cabang kerabat diraja Kedah yang mengakui kewujudan Perlis. Sebagaimana didapati oleh W.W. Skeat, sehingga 1900 pun Sultan dan sebahagian besar pembesar Kedah masih enggan mengakui kedudukan Perlis.[10] Raja Syed Hussein misalnya telah berkahwin dengan puteri Tengku Zamzam, adik perempuan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (mem. 1807-1843), iaitu Tunku Nor Aishah.[11]

Akan tetapi pada masa yang sama seseorang calon mendapati peluangnya menaiki takhta dengan serta-merta dihapuskan sekiranya ia beribukan seorang kerabat diraja Kedah, melainkan tiada calon lain yang dianggap sesuai. Ini ketara dalam rebutan jawatan Bakal Raja di antara kedua-dua putera Raja Syed Hussein iaitu putera sulung, Syed Ahmad dan putera muda, Syed Alwi.[12] Syed Ahmad dilantik berlandaskan beberapa sebab yang jelas iaitu pertama, ia merupakan cucu Dato' Arau, dan kedua, ibunya adalah Raja Perempuan Perlis.[13]

---

[10] The Cambridge University Expedition to parts of the Malay Peninsula, 1899-1900. Personal Accounts by the Late W.W. Skeat & Dr. F.F. Laidlaw, *JMBRAS*, Vol. 26, pt.4, No. 164, Singapore, 1953. Bahagian ini ditulis oleh Skeat sendiri dan telah diterbitkan di bawah tajuk bab "Reminiscences of the Expedition, by the late W.W. Skeat, M.A., leader of the Expedition", nota kaki 90, m.s. 135.

[11] Lihat "Pertalian Salasilah D.Y.M.M. Raja Perlis Dengan D.Y.M.M. Sultan Kedah", dalam Ahmad Ismail, op. cit., tidak bermuka surat.

[12] Mereka berlainan ibu.

[13] Tidak dapat dipastikan dengan tepat (kerana tiada rekod dijumpai sehingga ini) tahun berapa Syed Ahmad dilantik sebagai Bakal Raja Perlis tetapi tarikh terawal yang pernah dicatat sebaliknya tahun 1844 yang dicadangkan oleh Putera Indera. Tetapi penulis tersebut merujuk kepada perlantikan berkenaan sebagai jawatan Raja Muda. "Pada tahun 1844, Syed Husain menghantar putera sulung baginda Syed Ahmad, diiringi oleh Datuk Arau ke Ligor seterusnya ke Bangkok, menyembah Raja Siam dan melantik putera baginda menjadi Raja Muda Perlis".

Namun ini tidak sepenting faktor yang menyebabkan adik saudaranya Syed Alwi ditolak iaitu semata-mata kerana ia adalah anak Tunku Nor Aishah, kerabat diraja Kedah. Ternyata dasar pertimbangan kenaikan takhta Perlis telah sejak tempoh permulaan kerajaan mengenakan larangan terhadap pengaruh Kedah.

Sungguhpun begitu, amalan pemilihan pengganti raja dan kenaikan takhta tidak sama sekali kacau-bilau. Ini disebabkan raja dan pembesar tidak boleh menaikkan seseorang menjadi raja baru tanpa terlebih dahulu melantiknya sebagai Bakal Raja. Ini bertujuan mengelakkan rebutan takhta berikutan kematian raja dan lebih-lebih lagi menghalang campurtangan Sultan dan pembesar Kedah melalui sokongan terhadap mana-mana satu pihak. Walaupun tidak tertulis peraturan melantik Bakal Raja, namun jawatan ini diterapkan dalam pentadbiran kerajaan sebagai sebuah jawatan yang tetap dan berelaun. Sebaik sahaja seseorang Bakal Raja dilantik, ia pasti menjadi raja kecuali ia mangkat terlebih dahulu daripada raja yang sedang memerintah. Oleh yang demikian kedua-dua Raja Syed Ahmad dan Raja Syed Safi masing-masing berkedudukan sebagai Bakal Raja sebelum menaiki takhta.

Ini membuktikan bahawa sistem kenaikan Perlis adalah secara automatik, jauh berbeza dengan amalan di kebanyakan kerajaan-kerajaan Melayu lain yang menunggu sehingga saat kematian raja

---

Putera Indera, "Sejarah Raja-Raja Perlis. Tuanku Syed Husain – Raja Perlis I", dalam *Warisan Indera Kayangan*, Bil. 3. 1991, Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis, Kangar: Penerbitan Jurnal Gerakan Membaca Negeri Perlis, m.s. 10.

Sekiranya berpandukan pada tulisan Buyong Adil, tahun berkenaan pula 1859. Ini disebabkan mengikutnya: "Setelah lebih kurang dua puluh lima tahun Syed Husain Jamalullail menjadi Raja Perlis, baginda pun melantik putera sulung baginda, Syed Ahmad Jamalullail menjadi bakal Raja Perlis." Tahun '1859' didapati setelah mencampur 25 tahun kepada 1843 yakni tarikh yang dikemukakan oleh penulis itu sebagai tarikh kenaikan Syed Hussein sebagai Raja Perlis yang pertama. Buyong Adil, *Sejarah Perlis*, m.s. 24.

khususnya sebelum pengebumiannya untuk menampilkan seorang pengganti.[14] Dalam aspek ini, pihak pemerintah Perlis lebih progresif dalam pemikiran jika dibandingkan dengan pemerintah kerajaan-kerajaan Melayu yang lebih tua. Strategi ini sebenarnya merupakan cara kerajaan muda ini mempertahankan dan melanjutkan wangsa rajanya demi mempertahankan kewujudan dan keutuhannya. Bagi sebuah kerajaan yang telah bersusah-payah menubuhkan diri, setentunya kemerdekaan politiknya bukan suatu perkara yang boleh dipandang ringan mahupun remeh-temeh.

Seterusnya adalah berguna ditekankan tentang perbezaan di antara jawatan Bakal Raja dengan jawatan-jawatan Raja Muda dan Pemangku Raja. Di Perlis sungguhpun Raja Muda berkedudukan di tangga kedua dalam hierarki politik iaitu selepas Raja, ia tidak merupakan pilihan pertama untuk mengisi takhta. Malahan sekiranya keadaan mengizinkan, ia langsung tidak akan dipertimbangkan sebagai raja baru. Begitu juga seorang Pemangku Raja dilantik hanya apabila raja yang sedang memerintah itu gering mahupun kurang berupaya, itupun buat sementara waktu sahaja. Sekali lagi dilihat contoh rebutan kuasa di antara Syed Alwi dan Syed Ahmad. Setelah dinafikan peluangnya untuk mengganti ayahnya kelak, Syed Alwi telah dilantik sebagai Raja Muda.[15] Dari satu segi, ini merupakan satu bentuk pampasan kepadanya. Dari segi lain pula, ini berfungsi sebagai satu alat perseimbangan kuasa di antara Syed Alwi dengan abang saudaranya itu. Adalah merupakan satu ironi bahawa sedangkan Raja Muda diberikan tugas eksekutif dan Bakal Raja tidak, Raja Syed Hussein dan Dato' Arau telah memilih untuk melantik calon kesayangan dan pilihan mereka iaitu Syed Ahmad sebagai Bakal Raja.

---

[14] Contohnya di Perak. Lihat Khoo Kay Kim, "Succession To The Perak Sultanate", di dalam *JMBRAS*, Vol. 56 Pt.2, 1983, m.s 7-29.

[15] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 57.

Dalam pada itu Syed Alwi sebenarnya berjaya mempertahankan kedudukan sebagai Raja Muda sekurang-kurangnya selama pemerintahan tiga orang Raja sehingga kematiannya sendiri dan pernah juga mengisi jawatan Pemangku Raja semasa pemerintahan Raja Syed Ahmad (mem. 1873-1897), tetapi setiap kali pencalonannya ke atas takhta, ditolak.[16] Sejarawan-sejarawan Perlis mengandaikan bahawa ini telah berhubungkait dengan sifat-sifat kelemahan yang ada pada dirinya sepertimana dipetik di bawah:

> "Dalam tahun-tahun 1890-an itu Raja Syed Ahmad nampaknya semakin setahun semakin kerap gering malah baginda sentiasa berada dan berehat di istana sahaja. Memandang kepada keadaan kesihatan Baginda itulah baginda telah memberi peluang kepada Raja Muda, Tuan Chik Endut (Syed Alwi) untuk menjalankan pentadbiran negeri buat sementara waktu. Daripada beberapa sumber yang boleh dipercayai, didapati bahawa pentadbiran Tuan Chik Endut tidak begitu memuaskan. Beliau adalah seorang yang tidak dapat menjalankan pentadbiran negeri sebagaimana yang diharap-harapkan oleh Tuan Syed Ahmad. Sifat dirinya yang pemarah itu telah menyebabkan beliau tidak disenangi oleh beberapa orang kerabat Diraja, para pembesar dan rakyat Negeri Perlis dewasa itu.
>
> Walau bagaimanapun Tuan Chik Endut tidak lama menjadi Pemangku Raja, kerana segala kelemahannya telah sampai kepada pengetahuan Raja Syed Ahmad. Dengan titah perintah Raja Syed Ahmad, kedudukan Tuan Endut sebagai Pemangku

[16] Ia dipercayai telah dilucutkan jawatan Pemangku Raja oleh Raja Syed Ahmad dalam "1890-an", lihat nota 12. Tetapi tidak ditemui sebarang rekod tarikh tepat tamatnya perkhidmatannya sebagai Raja Muda Perlis. Yang dapat dipastikan ialah ia berusia 53 tahun pada tahun 1897. Tuan Syed Alwi ini dipercayai meninggal dunia pada tahun 1910 ketika berusia 66 tahun. Mengikut minit mesyuarat Majlis Negeri Perlis 15 Jun 1910, Tuan Syed Mahmud telah dilantik sebagai anggota Majlis bagi menggantikan Tuan Che Endut (nama timang-timangan Tuan Syed Alwi), "one of the original members approved by Siamese Government". CO 273, 361/25105. Namun pihak British, untuk kepentingan sendiri, menganggap jawatan Raja Muda yang dipegang sehingga kematiannya sebagai "heir-presumptive" Perlis.

Raja itu telah dibatalkan, dan Baginda telah mengangkat Syed Safi pula menjadi Pemangku Raja yang baharu".[17]

Dan jawatan tersebut bukan hanya yang berjaya digondol oleh anak saudaranya itu, ia termasuk jawatan Bakal Raja. Pertabalan Raja Syed Safi sebagai Bakal Raja semasa remaja membuktikan bahawa usia yang lebih tua dan kematangan juga tidak mempunyai kepentingan dalam kenaikan takhta Perlis. Sebaliknya faktor terutama yang menguasai keadaan ialah Bakal Raja dan Rajanya perlu dijamin kesetiaan pada kerajaan dan ini bermakna paling penting tidak mempunyai sebarang pertalian dengan kerabat diraja Kedah.

Berhadapan dengan penolakannya sebagai pengganti takhta, tentunya Syed Alwi mengemukakan bantahan. Tetapi bantahannya ditolak dan cara bagaimana ia ditundukkan membawa perbincangan kepada ciri kedua penting dalam sistem kenaikan takhta Perlis iaitu melalui suara penaungnya Maharaja Siam. Sehingga 1909 setiap Bakal Raja yang telah dilantik mesti tampil sendiri di hadapan Maharaja ini semata-mata untuk memperolehi pengesahan daripadanya. Upacara berkenaan difahamkan sebagai lengkap hanya setelah Bakal Raja dianugerahkan gelaran "Phra' Sunthorn".[18] Dengan mengambil jalan ini, raja dan pembesar Perlis berjaya menumpaskan sebarang risiko perebutan mahupun rampasan takhta sepanjang tempoh itu.

Dengan demikian raja-raja pertama dan kedua Perlis telah bekerjasama rapat dengan Dato' Arau dan keluarganya dalam pemilihan dan perlantikan Bakal Raja. Penulis-penulis sejarah Perlis yang kerap menggunakan bahasa istana semasa merujuk kepada Bakal Raja menandakan mereka sudah menerima perlantikan ini sebagai keputusan muktamad. Kejayaan kerjasama tersebut memaparkan bahawa kedua-dua pihak raja dan pembesar melafazkan kesetiaan

[17] Op. cit., m.s. 66.
[18] Op. cit., m.s. 63.

kepada kerajaan Perlis dan berusaha menjaminkan keutuhannya daripada diceroboh oleh musuh lamanya Kedah. Pada satu pihak, para pembesar bermula dengan Dato' Arau memerlukan perlanjutan wangsa raja sebagai lambang dan alat kewujudan serta keutuhan kerajaan. Pada satu pihak lagi, Raja Syed Hussein dan penggantipenggantinya bergantung pada pembesar terutama sekali keluarga pembesar yang berpengaruh seperti keluarga Dato' Arau untuk melaksanakan pentadbiran kerajaan. Pada masa yang sama masingmasing tidak ketinggalan mempertahankan kepentingan keluarga sendiri. Sebagaimana Dato' Arau telah menerapkan keturunannya sebagai raja, raja-raja selepas Raja Syed Hussein turut berusaha memonopoli takhta di tangan cabang keluarga mereka sendiri.

Sungguhpun begitu, pertabalan Syed Safi sebagai raja ketiga pada tahun 1897 mula menampakkan kebantutan dalam kerjasama anti-Kedah yang disebut di atas. Ini diakibatkan oleh satu faktor yakni baginda merupakan campuran darah kerabat diraja Kedah. Emaknya, Wan Tam Bandar ialah emak saudara kepada Sultan Kedah Abdul Hamid Halim Shah (mem. 1882-1943) lalu menjadikannya (Raja Syed Safi) sepupu Sultan. Pada masa yang sama baginda merupakan anak saudara kepada Perdana Menteri Kedah yang berkaliber iaitu Wan Mat Saman, yang seterusnya melaksanakan dasar menggabungkan semula Perlis dengan Kedah. Berlatarbelakangkan hubungan keluarganya itu, sepatutnya ia tidak diterima sebagai Raja Perlis. Tetapi keadaan bertambah rumit disebabkan selepas kematian bapa Syed Safi iaitu Syed Alwi ibni Raja Syed Ahmad pada 1860, tinggal Syed Safi seorang sahaja cabang keluarga Raja Syed Ahmad.[19] Di antara Syed Safi dan Syed Alwi yang sama-sama bertalian dengan kerabat Kedah, kerajaan telah memilih Syed Safi.

Namun ini berlaku hanya selepas langkah-langkah 'mengeluarkan' daripada dirinya unsur-unsur keKedahan. Baginda yang dilahir-

[19] Op. cit., m.s. 55-57, dan 73.

kan di Kedah telah dibawa balik ke Perlis untuk dijaga oleh datuknya, Raja Syed Ahmad. Dalam usia yang muda, yakni lebih kurang tiga belas tahun, ia dilantik sebagai Bakal Raja sebelum dihantar oleh datuknya ke istana Bangkok untuk diletakkan di bawah naungan Maharaja Chulalongkorn. Di sini ia telah dijadikan anak angkat Maharaja berkenaan dan dilantik sebagai "Mahat Let" yakni budak istana di samping diperkenankan kedudukannya sebagai Bakal Raja Perlis.[20] Seterusnya ia juga dikahwinkan dengan seorang anggota keluarga pembesar kerajaan Siam.[21] Langkah-langkah ini bertopengkan keperluannya memperolehi pendidikan dalam bahasa Siam sedangkan tujuan sebenar ialah bagi menjauhkan sebanyak yang mungkin pengaruh Kedah terhadap anak remaja ini. Dalam perkataan lain, persediaan yang secukupnya telah dibuat demi mengelakkan Perlis daripada dijadikan sebuah satelit Kedah melalui pengaruh Sultan Kedah ke atas Syed Safi.

Walau bagaimanapun di sebalik langkah-langkah berjaga-jaga yang telah diambil itu, dalam tahun yang sama dengan pertabalan Raja Syed Safi, Sultan Abdul Hamid telah dilantik oleh Maharaja Siam sebagai Pesuruhjaya Monthon Saiburi iaitu pada 16 April 1897. Ada setengah-setengah penulis yang mempercayai bahawa jawatan tersebut tidak membawa apa-apa makna yang tersembunyi. Misalnya Mohammad Isa Othman menulis bahawa:

> "Langkah kerajaan Kedah membawa masuk semula kedua-dua bekas jajahannya tidak menguntungkan, malahan telah mencetuskan konflik dengan bekas jajahannya. Kedah gagal meluaskan pengaruh pentadbiran ke Perlis. Sultan Abdul Hamid telah menghantar seorang pegawainya bernama Syed Mansor yang mempunyai hubungan keluarga dengan kerabat diraja Perlis dan seorang yang memahami sistem pentadbiran Kedah bagi membantu Raja Perlis memerintah. Oleh kerana Syed Mansor

---

20 Op. cit., m.s. 63.

21 Seorang "puteri keluarga Kelahom", op. cit.

> tidak diterima dengan baik, beliau kembali ke Kedah bagi melaporkan tindakan Raja Perlis. Apabila Syed Mansor dihantar semula ke Perlis, Raja Perlis memerintah semua pegawainya memulaukan kerja. Syed Sofi tidak pula diberi teguran oleh pihak Siam atas tindakannya, dan ini menjadikan kuasa yang diberikan kepada Kedah tidak berkesan. Raja Syed Sofi berani bertindak demikian kerana baginda dikatakan pernah menjadi anak angkat Maharaja Siam sebelum menjadi Raja Perlis iaitu ketika menuntut di Bangkok. Jelaslah dalam konflik Kedah-Perlis ini, Kedah mengalami kekecewaan politik. Kedah tidak memiliki kuat kuasa sepenuhnya ke atas Perlis tanpa sokongan kerajaan Bangkok. Selepas ini didapati Kedah tidak lagi berusaha menghidupkan semula tuntutannya ke Perlis dan negeri tersebut kekal sebagai negeri tersendiri".[22]

Tetapi pernyataan di atas tidak tepat sama sekali. Sebegitu juga tidak berasas pendapat Gullick bahawa:

> "When Sultan Abdul Hamid became titular Commissioner of Monthon Saiburi (Kedah, Setul and Perlis) in 1897, he 'did not interfere' in the smaller states and in Kedah itself 'the existing administration of the state was left untouched'".[23]

Keadaan sebenar yang menyelubungi rancangan tuntutan semula Kedah ke atas Perlis yang memuncak dengan perlantikan itu telahpun dibincangkan dalam Bab 3 yang lepas. Kesan tersebut ke atas sistem kenaikan takhta Perlis adalah kuat lagi serius. Buat pertama kalinya dalam sejarah Perlis, tiada seorang pun Bakal Raja dilantik semasa pemerintahan seseorang raja. Memang dapat dibahaskan bahawa faktor lain turut memainkan peranan seperti terlalu ramai putera untuk dipertimbangkan dan keputusan muktamad belum sempat dicapai

---

[22] Mohammad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), m.s. 62.

[23] J. M. Gullick, *Rulers and Residents. Influence and Power in the Malay States 1870-1920*, (Singapore: Oxford University Press, 1992), m.s. 140.

kerana Raja Syed Safi mangkat hanya tujuh tahun selepas naik takhta. Sekiranya ini benar, ini berkemungkinan besar berhubung-rapat dengan dasar Raja Syed Safi semakin menjauhkan diri dari Bangkok lalu enggan menaikkan puteranya, Syed Alwi (yang ketiga) yang merupakan campuran darah pembesar Siam sebagai Bakal Raja. Penjauhan sedemikian terbukti juga dalam penghantaran putera-puteranya bersekolah ke Pulau Pinang, bukan ke Bangkok.[24] Pada masa yang sama ada kemungkinan ini disebabkan baginda mangkat sebelum sempat membuat keputusan.

Selain itu, satu lagi faktor yang lebih berat yang memainkan peranan ialah bahawa pentadbiran pembesar telahpun bertukar tangan kepada golongan yang walaupun tidak seaktif Dato' Arau tetapi berkongsi gigih sentimennya. Dato' Arau telah meninggal dunia pada tahun 1873, iaitu "beberapa minggu" selepas kemangkatan Raja Syed Hussein, tetapi setelah melanjutkan pentadbiran ke tangan anak-anak lelakinya. Kemudiannya "pada tahun-tahun 1890-an", anak Dato' Arau yang berjawatan Perdana Menteri iaitu Dato' Wan Din pula meninggal dunia.[25]

---

[24] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 81. Menurut Buyong Adil, "Pada masa Syed Safi inilah pakaian barat (coat-pendon) mula dipakai oleh orang Melayu di negeri Perlis. Pada masa itu putera-putera Raja Perlis dan anak-anak keluarga Diraja Perlis dihantar bersekolah Inggeris ke Pulau Pinang. Sekolah yang dipilih oleh Syed Safi ialah St. Xavier Institution di Pulau Pinang. Haji Buyong Adil, *Sejarah Perlis*, Siri Sejarah Nusantara, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), m.s. 33.

Ini diulangi oleh Rejab F.I. dalam Rejab F.I., "Sejarah Pemerintahan Tuanku Raja Syed Saffi Jamalullail, Raja Negeri Perlis yang Ketiga", dalam *Warisan Indera Kayangan*, Bil. 5, 1993, Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis, Kangar: Penerbitan Jurnal Gerakan Membaca Negeri Perlis. Kemungkinan Syed Safi telah mengharungi kepahitan hidup di dalam istana Bangkok yang menyebabkannya menghantar putera-puteranya ke sekolah Inggeris ke jajahan British, Pulau Pinang pula.

[25] Op. cit., m.s. 55 dan 66. Rejab F. I. menurunkan tarikh kematian dato' Arau sebagai 31 Disember 1873. Rejab F.I., "Bakti dan Jasa Tuk Arau Peneroka

Tempatnya diganti oleh saudara seibu Raja Syed Safi iaitu Tuan Syed Salim bin Syed Muhammad Al-Jafri dan bersamanya timbul penguasaan pentadbiran dalam kerajaan oleh sekumpulan orang Kedah. Mereka termasuk dua orang anak lelaki bekas Raja Muda Syed Alwi iaitu Tuan Syed Hassan yang berjawatan Hakim Mahkamah Besar dan Tuan Syed Abdullah yang berjawatan Pemegang Khazanah dan Wang Negeri, serta Tengku Abdullah bin Tengku Mat Saman yang bertugas sebagai Hakim Mahkamah Rendah.[26] Ada kemungkinan pembesar-pembesar itu mendukung aspirasi politik yang berbeza lalu menyokong pelbagai calon pengganti takhta. Pilihan yang ada ternyata tidak kecil bilangannya memandangkan Raja Syed Safi meninggalkan empat orang putera. Mereka ialah putera tunggal Wan Saadiah iaitu Syed Alwi (Raja Perlis keempat nanti), dan tiga orang adik-beradik kandung Syed Hussin, Syed Mahmud, dan Syed Hamzah.[27]

Tindakan pembesar-pembesar yang disebut di atas untuk menabalkan Syed Alwi sebagai Raja kelihatan sebagai satu konspirasi untuk mengangkat seorang raja yang senang dikawal. Ini dapat dikesan dalam protokol penabalannya yang dikisahkan dalam petikan di bawah:

> "Sehubungan dengan itu maka Mak Wan Tam, bonda Al-Marhum Raja Syed Safi telah menyuruh Tuan Syed Mansur Al-Jafri (Tuan Bulat) menghantar taligram ke Bangkok untuk memaklumkan kepada Raja Chulalongkorn tentang kemangkatan Raja Syed Safi.
>
> Setelah selesai kerja tersebut Tuan Syed Mansur telah meminta persetujuan daripada Tuan Chik Endut (Syed Alwi Ibni

Bandar Arau Dan Negeri Perlis", dalam *Warisan Indera Kayangan*, Bil. 3, 1991, Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis, Kangar: Penerbitan Jurnal Gerakan Membaca Negeri Perlis, m.s. 18.

[26] Op. cit., m.s. 89 dan 93.

[27] Op. cit., m.s. 73 dan 86.

> Raja Syed Hussein) dan Tuan Syed Salim Al-Jafri serta para pembesar negeri dengan menurunkan tandatangan mereka tanda berkenan supaya Tuan Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Safi menjadi Raja Negeri Perlis yang baharu, dan mereka semua telah berbuat demikian tanda bersetuju. Kemudiannya Tuan Syed Mansur membawa surat perjanjian itu dan dipersembahkan kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah, yang pada masa itu berada di Istana Pelamin, Alor Setar".[28]

Ini disempurnakan sebelum pengebumian jenazah Raja Syed Safi.[29]

Seterusnya kawalan orang Kedah menjangkaui ke dalam pentadbiran kerajaan sehari-hari melalui penglibatan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dibentuk pada tahun 1905. Tetapi menjelang tahun 1915, politik Perlis menyaksikan kemunculan dua orang ahli Majlis yang berkaliber dan yang lebih penting benar-benar mendukung kesetiaan pada kerajaan Perlis. Latarbelakang mereka turut mendapat perhatian di sini memandangkan mereka bukan datang daripada keturunan pembesar tempatan, bukan terdiri daripada anggota kerabat diraja Perlis, dan paling menarik sekali bukan dilahirkan di sini. Mereka tidak lain dan tidak bukan adalah Haji Muhammad Nor dan adiknya Haji Ahmad.[30] Mereka yang bersama-sama bekerja keras membentuk dan mengekalkan identiti kerajaan Perlis sehingga pertengahan abad ke-20 sehingga membawakan pertembungan dengan Tuan Syed Hamzah. Justeru dengan sokongan padu pentadbir-pentadbir ini di belakangnya, Raja Syed Alwi bukanlah pemerintah yang lemah, tidak seperti yang digambarkan oleh setengah-setengah sejarawan Perlis dan juga oleh pegawai-pegawai British sezaman.

---

[28] Op. cit.
[29] Op. cit.
[30] Perbincangan teliti dalam Bab 6

Isu Perlantikan Bakal Raja, 1933-1945

Sehingga sekarang ciri-ciri keunikan sistem kenaikan takhta Perlis yang dapat dikesan ialah yang bersifat anti-Kedah, yang menggunakan bantuan kuasa asing iaitu Maharaja Siam semata-mata sebagai pengesah terhadap keputusan yang telah dibuat oleh pihak pemerintah, dan yang bertolak daripada pemilihan raja oleh sekumpulan pembesar yang berpengaruh dan sejak 1905 oleh anggota-anggota Majlis Mesyuarat. Seterusnya akan dibahaskan di dalam bahagian ini bahawa Raja dan Majlis mulai tahun 1930 mengulangi amalan lama dengan membenarkan, secara bertulis, pihak British mengambil bahagian dalam proses mengangkat raja. Sekiranya sejak 1844 raja dan pembesar Perlis perlu menghantar Bakal-bakal Raja ke istana Bangkok untuk mendapatkan pengesahan daripada Maharaja Siam dan sebegitu juga raja-raja yang baru menaiki takhta perlu berangkat ke sana untuk tujuan yang sama, bermula tahun 1930 pihak pemerintah Perlis mendapati wakil-wakil Maharaja Britain begitu bersedia melibatkan diri dalam sistem kenaikan takhtanya.

Justeru dari satu segi bagi raja dan pembesar berkenaan, sungguhpun watak kuasa asing telah bertukar tetapi peranannya sama iaitu semata-mata sebagai pengesah. Dari segi lain, Pesuruhjaya Tinggi British tidak berhasrat memainkan peranan yang nominal sahaja. Sebaliknya, seperti yang akan dibincangkan seterusnya, urutan peristiwa 1933-1945 yang berkisar pada perlantikan Bakal Raja kepada Raja Syed Alwi memaparkan dengan jelas bagaimana ketiga-tiga elemen ini telah bekerjasama di antara satu sama lain terlebih dahulu demi menghapuskan sebarang peluang kenaikan takhta oleh seorang petanding iaitu Tuan Syed Hamzah, Naib Presiden Majlis dan adik saudara Raja. Ketiga-tiga pihak bersama-sama melantik seorang lagi calon iaitu Tuan Syed Hassan, adik saudara Raja, sebagai Bakal Raja dan berikutan kematian Tuan Syed Hassan, anaknya Tuan Syed Putra. Kedua-dua perlantikan tersebut dipersetujui dan dilaksanakan

bersama-sama oleh Raja Syed Alwi dan Majlis dalam suatu dasar bertolak-ansur tanpa sebarang krisis, tidak seperti keadaan yang berlaku dalam rebutan takhta Selangor dalam masa yang sama. Sebenarnya krisis tercetus hanya pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua akibat Perjanjian MacMichael dan Malayan Union iaitu apabila Raja dan Majlis ditekankan untuk menandatangani perjanjian tersebut semata-mata berlandaskan fasal pengesahan Maharaja British terhadap rajanya.

Menjelang termeterainya Perjanjian 1930 itu, Perlis wujud tanpa seorang Bakal Raja tetapi Raja Mudanya, Syed Mahmud, telah dianggap oleh kerajaan British tempatan sebagai Bakal Raja ataupun dalam bahasa Inggeris, "Heir Presumptive". Sebenarnya British mempunyai alasan kukuh untuk menyokongnya kerana ia ialah putera tertua Raja Syed Ahmad dan oleh itu adalah abang saudara kepada Raja Syed Alwi. Syed Mahmud telah dilantik menjadi seorang anggota Majlis dalam mesyuarat 15 Jun 1910 untuk menggantikan tempat Tuan Syed Alwi ibni Raja Syed Hussein.[31] Syed Mahmud menduduki tempat yang penting di kacamata British memandangkan ia kerapkali mempengerusikan mesyuarat Majlis semasa kegeringan Raja. Namun begitu ia didapati bersalah atas tuduhan berkhalwat dengan adik perempuannya pada tahun 1912 lalu dipenjarakan selama lima tahun di Kedah.[32] Ia meninggal dunia di Alor Star pada 1919.[33] Ini membuka ruang kosong kepada British dalam perlantikan Raja Muda yang baru dan lebih penting lagi dalam soal pemilihan seorang waris takhta.

Akan tetapi soal waris takhta tidak dibincangkan oleh kerajaan British sehinggalah 1934. Walaupun diterapkan syarat penerimaannya

---

31 Minit mesyuarat 15 Jun 1910, CO 273 1098a. 361/25105.

32 Minit mesyuarat 15 April 1912, CO 273 1098a. 386/22831.

33 Secret Memorandum Howitt kepada Shenton Thomas 25 Mac 1937, Papers.of John Hamer MSS ind Oen s 316. Box 1 File 1, "British administration in Perlis 1933-38".

terhadap pengganti dalam perjanjian tersebut, namun mengikut tafsiran British sendiri ia hanya berhak melaksanakan peruntukan ini apabila tiba masa kenaikan takhta. Walau bagaimanapun ini tidak menghalangnya daripada memainkan peranan dalam memilih seorang waris. Sebaliknya pihak British memang mempunyai asas yang kukuh untuk menekankan perlantikan seorang waris raja kerana pertama, Raja Syed Alwi sudah berusia 51 tahun, dan sering gering sehingga tidak dapat hadir dan mempengerusikan mesyuarat Majlis buat satu tempoh yang lama. Kedua, dan lebih penting, sehingga itu Raja Syed Alwi masih belum mempunyai seorang putera kandung dan dianggap besar kemungkinan baginda tidak dapat zuriat dalam masa akan datangpun. Justeru dapat dijangka Pesuruhjaya Tinggi British akan mula bertindak mendorong Raja dan Majlis melantik seorang Bakal Raja.[34]

Telah diperkatakan oleh para sejarawan dan sarjana bahawa pembesar yang mengatasi raja dari segi kuasa politik, namun fenomena ini tidak sama sekali timbul seratus-peratus dalam kenaikan takhta Perlis pada tahap ini. Demikian juga tidak benar sama sekali dakwaan pegawai-pegawai British tempatan kononnya Raja Syed Alwi lemah dan tidak berupaya mengendalikan pemerintahan. Di sini wajar ditegaskan bahawa Raja Syed Alwi sendiri yang membuka tirai penggunaan peruntukan fasal kenaikan takhta yang disebut untuk mengenepikan Syed Hamzah sebagai bakal penggantinya.

Namun begitu, harus ditekankan di sini bahawa apajua perasaan cemas dalam soal pemilihan waris takhta datang daripada Pesuruhjaya Tinggi, bukan daripada Raja Syed Alwi sendiri. Sebaliknya sejak tarikh permulaan pemerintahannya pada 1905 jawatan Bakal Raja telah dibiarkan kosong. Amalan ini boleh dikatakan berterusan

[34] Shukor Ahmat "Syed Alwi, Pemimpin Dalam Tiga Zaman (1905-1943)", Mini tesis (tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978, m.s. 34. Sungguhpun begitu surat-menyurat di antara Pesuruhjaya Tinggi dengan Pejabat Tanah Jajahan di London tidak timbul istilah "Bakal Raja" mengikut interpretasi kerajaan Perlis sendiri sehingga saat terakhir. Ini akan ditunjukkan kemudiannya.

daripada amalan Raja Syed Safi sebelumnya, tetapi sedangkan Raja Syed Alwi ketiadaan zuriat, ayahnya boleh dikatakan mempunyai terlalu ramai putera malah paling ramai jika berdasarkan sejarah keturunan raja-raja Perlis sehingga itu.[35] Kemungkinan besar Raja Syed Alwi sengaja menundakan perlantikan warisnya disebabkan masih mendukung hasrat memperolehi sekurang-kurangnya seorang anak kandung. Penundaan ini masih berlanjutan walaupun semasa tempoh kegeringannya tahun-tahun 1914-1915 dan walaupun sewaktu baginda tidak berupaya hadir dalam mesyuarat Majlis buat setengah tahun lamanya. Dalam tempoh masa ini Majlis melantik Tengku Abdullah, kemudian Syed Mahmud dan, selepas perlucutan jawatannya, Syed Hamzah untuk mempengerusikan mesyuarat. Malahan atas sebab yang sama Majlis juga telah melantik Syed Hamzah sebagai Naib Presiden Majlis, satu jawatan yang masih dipegangnya sekurang-kurangnya sehingga akhir tahun 1933.[36]

Dipercayai Syed Hamzah telah menekan Raja supaya melantik dirinya sebagai Bakal Raja berdasarkan pengalaman pentadbiran eksekutif dan lebih-lebih lagi jawatannya sebagai Naib Presiden Majlis. Sebagai tindakbalas, Raja Syed Alwi melakukan percubaan 'menafikan' peluangnya mengisi jawatan tersebut. Pada awal 1934, iaitu dalam bulan Januari, baginda menuntut agar fasal keenam perjanjian diubahsuai untuk membolehkannya melantik salah seorang ahli yang lain, kemungkinan besar penasihat rapatnya Haji Ahmad, untuk mengambilalih tempat Syed Hamzah sebagai Naib Presiden. Ini disebabkan Majlis mempunyai kuasa melantik salah seorang daripada ahlinya untuk mempengerusikan mesyuarat dalam tempoh kegeringan raja dan apabila raja tidak dapat hadir.[37]

---

[35] Lihat "Salasilah Raja-raja Perlis dalam Ahmad Ismail, op. cit.

[36] Lihat *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 146.

[37] Caldecott kepada Cunliffe-Lister 25 Julai 1934, CO717. 107/33411.

Percubaan ini mentah-mentah ditolak oleh Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Andrew Caldecott. Penjelasannya kemudian kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London berbunyi:

> "I informed the BA in reply that I felt certain that you would take the view that the Treaty could not be held to stulify the Raja's own appointment of Syed Hamzah to the office of Vice-President; and that I was therefore unprepared to support the request. The existence of a Vice-President who did not preside in the absence of the President would be farcical".[15]

Ini sebenarnya hanya alasan Caldecott untuk menaikkan Syed Hassan, calon yang disokongnya sebagai bakal pengganti takhta. Raja Syed Alwi sepatutnya menyedari bahawa baginda telah 'mengacau sarang tebuan' dan pihak British tidak akan berdiam diri melepaskan peluang begitu sahaja untuk mendesaknya melantik seorang waris, lebih tepat waris pilihan mereka. Dalam masa lebih kurang enam bulan, pegawai ini membuat persediaan dengan matlamat memperolehi persetujuan Raja dan Majlis terhadap perlantikan Syed Hassan.

Pertama, ia, pada masa yang sama mengulangi dan melaksanakan keputusan Pesuruhjaya Tinggi sebelumnya Sir Cecil Clementi dalam menghindarkan Syed Hamzah daripada menyentuh jawatan tersebut. Pada penghujung tahun 1933 Clementi, sebelum bersara dan meninggalkan Tanah Melayu, telah mengarahkannya memperolehi pandangan bekas-bekas Penasihat British Perlis dan Penasihat semasa terhadap Syed Hamzah. Dapat dijangka laporan-laporan yang diterima balik ialah bersifat negatif. Di sini berguna memetik pandangan bekas-bekas Penasihat M.C. Hay dan J.W.W. Hughes, serta Penasihat mutakhir O.E. Venables yang berbunyi "venal", "corrupt", "overbearing", "vain", "extravagant", "deceitful", "dissipated", "gambler",

[15] Ibid.

"unpopular with Malays", dan "shameless".[39] Caldecott tidak ketinggalan menyumbangkan pandangan sendiri yang melukiskan Syed Hamzah sebagai "unattractive and toad-like in appearance and sadly devoid of the courtliness and charm generally found in Malay rajas".[40]

Walau bagaimanapun, bukan semua pendapat bekas Penasihat terhadap Syed Hamzah yang bersifat negatif sepertimana H.C. Eckhardt, P.S. Williams, dan L.A. Allen yang melaporkan ciri-ciri positif seperti "intelligence, ability and occasional helpfulness".[41] Namun ini tidak dapat membantu Syed Hamzah kerana Caldecott telah sejak awal membuat keputusan tidak akan menerimanya sama sekali. Nada Pesuruhjaya Tinggi terhadapnya, yang seakan-akan sama dengan nada terhadap Raja Muda Selangor Tengku Musa-eddin, berbunyi demikian:

> "(i) Syed Hamzah is some $50,000 in debt; the chief creditor being Jagat Singh whose banishment from Perlis was the subject of Sir Cecil Clementi's Confidential Confidential Despatch dated the 31st May, 1933, and of your answering despatch dated the 24th August, 1933.
>
> Nothing but evil has been reported of Syed Hamzah for the past 3 ½ years; it is known, for instance, that he has organized and taken part in illicit public gambling under cover of a bogus "Football Club".
>
> The later damnatory reports on him are not incompatible with the earlier ones, as Malay morals not unoften deteriorate with age. The inherent rottenness of his character evident to Mr. J.W.W. Hughes as long ago as 1923-5: his words are, "I strongly suspected him of venality and corruption; in fact I am convicted that he was, though it is almost impossible to get proper evidence in such cases".[42]

---

[39] Ibid.
[40] Ibid.
[41] Ibid.
[42] Ibid.

Kedua, Caldecott turut mengenepikan pencalonan seorang lagi putera Raja Syed Safi iaitu Syed Hussin Magistret Kedua Perlis, adik kandung Syed Hamzah, dan bersamanya seorang cucu kepada Raja Syed Hussein yang pertama itu, Syed Idrus.[43]

Ketiga, Caldecott telah melukiskan gambaran yang putih murni berkenaan Syed Hassan, dengan tujuan membatalkan pencalonan Syed Hamzah. Ia menulis:

> "He at present adequately performs the dual duties of Third Magistrate and Aide-de-camp to His Highness. He was educated at the Malay College, Kuala Kangsar, is of quiet habits and is well liked by everyone. I have met him personally on four occassions and have found him pleasant and well-mannered. His looks are more prepossessing than those of the rest of the royal family".[44]

Dari segi kelayakan dan pengalaman pentadbiran kerajaan sudah tentu Syed Hassan tidak dapat menandingi abang kandungnya Syed Hamzah. Namun menariknya kedua-dua faktor ini yang membawa kepada sokongan British tidak sebenarnya bertepatan dengan dasar British memastikan seseorang raja itu bekerjasama dan pada masa yang sama tidak terlalu berkuasa. Raja dan kerabat serta pembesar Melayu digalakkan memiliki fikiran yang maju dan moden, misalnya anak-anak raja kerapkali dihantar belajar di sekolah-sekolah Inggeris di Negeri-negeri Selat, tetapi nampaknya mesti ada batasan kemodenan dan kemajuan pemikiran mereka ini.

Dalam pada itu adalah penting diselidiki dengan lebih mendalam sebab-sebab Syed Hamzah ditolak serta-merta oleh British dalam perebutan jawatan Bakal Raja Perlis. Pertama, ia merupakan orang berhutang yang kedua paling besar di Perlis (yang paling besar ialah Raja Syed Alwi sendiri) sehingga 1931. Ini sudah melebihi sekadar

[43] Ibid.
[44] Ibid.

cukup untuk melahirkan perasaan syak dan was-was terhadap kesetiaannya kepada kerajaan Perlis. Pentadbir British tempatan telahpun memutuskan untuk mengusir mana-mana calon rebutan takhta yang berpotensi menjadi seorang raja yang kuat dan sedang mencarikan alasan-alasan, kalaupun untuk ukiran sahaja, untuk menghalau Syed Hamzah daripada perlumbaan ini. Sebagai seorang yang ketagih berjudi dan penghutang besar, Syed Hamzah telah sendirinya menyediakan alasan yang memastikan pengusirannya. Dan ini sebenarnya, tidak dapat dinafikan merupakan satu kebaikan pada pihak pentadbir British untuk mengambilkira kelemahan Syed Hamzah ini.

Tidak dapat dinafikan kecemasan yang cuba dipaparkan oleh Pesuruhjaya Tinggi ini turut dirasai oleh anggota-anggota Melayu Majlis. Mereka telahpun cukup bersabar dengan masalah hutang Raja Syed Alwi, ini ditambah pula oleh hutang Syed Hamzah. Prospek raja selanjutnya yang juga dibelenggui oleh hutang keliling pinggang tidak menyenangkan sama sekali. Sebenarnya memanglah kebiasaan seseorang termasuklah petanding takhta disyaki nilai-nilai dan kesetiaannya apabila ia miskin mahupun dalam keadaan berhutang, tetapi ini hiasan sahaja. Bagi para pemilih Bakal Raja berkenaan, ini bukan faktor tolakan utama. Sebaliknya ia membawa kepada faktor kedua iaitu Syed Hamzah terlalu berkuasa dan berpengaruh di dalam Perlis dan oleh itu tidak sesuai menjadi Raja. Ia, yang semakin meningkat pengaruhnya dan semakin mengumpulkan kuasa bukan sahaja di dalam kerajaan tetapi pada yang sama juga di kalangan samseng, tidak boleh berharap akan menjadi Raja selagi British berkuasa. Malah Caldecott yang pada suatu ketika mempertimbangkan melucutkankannya daripada jawatan Naib Presiden Majlis, gentar melaksanakannya semata-mata

"for he is known to have a considerable following among the local roughs and gamblers".[45]

Sekiranya pemerhatian Caldecott membawa apa-apa petanda awal hubungan Syed Hamzah dengan samseng selanjutnya, laporan rasmi kerajaan Perlis mengesahkan hubungannya dengan pakatan sulit yang kuat, "Tuan Bulat Secret Society" pada tahun 1938.[46]

Justeru pentadbir British tempatan dan Majlis Negeri berkenaan berkongsi kepentingan menolak Syed Hamzah kerana ia terlalu berkuasa dan berpengaruh di dalam Perlis dan tidak sesuai menjadi raja. Dan di sinilah Syed Hamzah paling ketara berbeza daripada Syed Hassan yang secara perbandingan jauh lebih lemah. Akan tetapi Raja Syed Alwi dan anggota Melayu Majlis ini mendukung satu kepentingan politik yang unik yang nampaknya tidak disedari oleh Pesuruhjaya Tinggi, kalaupun disedari ia tidak menunjukkan dan kemungkinan sengaja berpura-pura tidak menyedari. Faktor ketiga dan yang paling penting yang menyebabkan pencalonannya ditolak terletak pada kedudukannya sebagai menantu Sultan Kedah sezaman. Mereka tidak akan berdiam diri menunggu tiba masanya satu hari nanti seorang menjadi Raja Perlis (anak Syed Hamzah sekiranya Syed Hamzah menjadi Raja dan mewariskan takhta kepadanya) yang merupakan cucu Sultan Kedah. Oleh itu, penghalauannya (Syed Hamzah) oleh Raja Syed Alwi dan Majlis daripada rebutan takhta Perlis sudah menjadi satu kepastian. Perasaaan was-was terhadap kedudukan kewangannya telah diatasi oleh alasan yang paling kukuh yakni prasangka terhadap hubungannya dengan kerabat diraja Kedah yang sekaligus menjejaskan peluangnya.

---

[45] Ibid.

[46] "Top Secret. Federation of Malaya Police. Secret Organization Perlis", 1938, Papers of John Hamer MSS ind Oen s 316. Box 1 File 6, "Secret Societies in Perlis". Caldecott kepada Cunliffe-Lister, op. cit.

Dalam pada itu adalah pasti Pesuruhjaya Tinggi Caldecott telah menetapkan keputusan untuk melantik Syed Hassan sebagai Bakal Raja Perlis dan sedang menyiapkan persediaan ke arah ini. Ia sendiri telah pergi ke Perlis pada 25 Jun 1934 untuk menelitikan keadaan di samping mengatur strategi dengan Penasihat British O.E. Venables.[47] Sekarang apa yang Caldecott perlukan ialah persetujuan rasmi Setiausaha Tanah Jajahan di London, Cunliffe-Lister, untuk melangkah setapak ke depan merealisasikan rancangannya. Untuk mendapatkan 'lampu hijau' ini, ia di samping menurunkan alasan-alasan anti-Syed Hamzah yang telah disebut di atas, lebih penting harus mengemukakan justifikasi yang membolehkannya membuka pemilihan seorang bakal pengganti kepada Raja Syed Alwi. Adalah penting menyedari bahawa dalam surat-menyurat rasmi Tanah Melayu-London pada tahap ini ia tidak menggunakan ungkapan 'Bakal Raja'. Justeru dalam "Secret Despatch" bertarikh 25 Julai 1934 ia membunyikan nada yang ingin didengar oleh Setiausaha Tanah Jajahan:

> "In January last the Raja asked for an alteration of the Treaty. He interpreted the last sentence of its sixth clause, which provides that "in the absence of H H a Malay member selected by H H shall preside over the Council", as enabling him to appoint a Malay member other than the Vice-President to preside in his absence and went on to request an addition of a new clause which would, in the event of his demise, or absolute incapacity, enable the Council itself to select one of its Malay members to preside.
>
> I informed the BA in reply that I felt certain that you would take the view that the Treaty could not be held to stultify the Raja's own appointment of Syed Hamzah to the office of Vice-President; and that I was therefore unprepared to support the request. The existence of a Vice-President who did not preside in the absence of the President would be farcical".[48]

---

[47] Caldecott kepada Cunliffe-Lister, op. cit.

[48] Ibid

Ia seterusnya menekankan elemen 'kebebasan' atau lebih tepat 'fleksibiliti' di dalam sistem kenaikan takhta Perlis selepas 1930 dan terhadap tanggungjawab dan penglibatan British di dalamnya:

> "After consultation with the British Adviser I therefore request sanction to cause the raja to be informed that the procedure recently followed in Kedah may be followed also in Perlis; that is to say, that although His Britannic Majesty's acceptance of a successor under clause 4 of the Treaty cannot be exercised until the actual time for succession arrives, there is no objection to his State Council making their selection under that clause now. The question of the bestowal of any title, such as Raja Muda, upon their nominee would be a matter of local Custom on which British advice should not be given (Clause 5 of the Treaty), but it must be made quite clear to the Council that its bestowal, if approved by them, would in no way bind His Britannic Majesty to accept the nominee's succession, should any disqualifications or disabilities manifest themselves in him".[49]

Dengan itu kerajaan British belum mengakui sistem dan adat kenaikan takhta Perlis yang teratur dan ketat yang berkisar pada jawatan Bakal Raja.

Adalah penting memahami keadaan bahawa pada masa penulisan, Caldecott masih belum memperolehi secara bertulis mahupun secara rasmi sokongan Raja dan Majlis. Akan tetapi keyakinannya mencukupi sepertimana ia turut menyakinkan Setiausaha Tanah Jajahan bahawa

> "I am assured by the British Adviser that the State Council will, if you approve this course of action, endorse the Raja's own choice of his nephew Syed Hassan as heir presumptive".[50]

---

[49] Ibid.
[50] Ibid.

Demi menunjukkan perasaan kecemasan dalam perkara berkenaan, ia mengakhiri dengan kata-kata seperti di bawah:

> "In view of the undesirability of allowing Syed Hamzah to continue uncontradicted in his pretensions to the succession, and in view of the Raja's own nervousness in the matter, I think it well to send this despatch by Air Mail and to request your telegraphic approval for the action....".[51]

Dalam masa kurang satu daripada sebulan kemudian iaitu pada 21 Ogos, Caldecott menerima berita baik dalam bentuk telegram sulit daripada Cunliffe-Lister yang turut menghadiahkan satu bonus kepadanya yang berbunyi:

> "You may discreetly let it be known, if necessity arrives, that in no circumstances would Syed Hamzah be accepted".[52]

Dilengkapi dengan jaminan sokongan Setiausaha Tanah Jajahan ini, pengganti Caldecott iaitu Pesuruhjaya Tinggi baru Shenton Whitelegge Thomas, mengarahkan Venables untuk memperolehi sokongan muktamad Raja Syed Alwi sendiri dan anggota-anggota Melayu Majlis Negeri Ketua Kadi Haji Muhammad Nor dan adiknya, Ketua Hakim Haji Ahmad untuk melantik Syed Hassan sebagai Bakal Raja Perlis. Tetapi dalam perbincangan yang diaturkan oleh Venables, hanya Haji Ahmad yang hadir bersama Raja Syed Alwi. Nampaknya Haji Muhammad Nor telah mengamanahkan sokongannya kepada adiknya yang pada masa yang sama merupakan penasihat rapat Raja Syed Alwi memandangkan kata sepakat telah dicapai agar Raja membuka rundingan di dalam mesyuarat Majlis. Tetapi terlebih

---

[51] Ibid.

[52] Paraphrase Telegram from the Secretary of State for the Colonies to the High Commissioner for the Malay States 21 August 1934 / Cunliffe-Lister kepada Caldecott 21 Ogos 1934, CO 717. 107/33411

dahulu demi menjawab dan sekaligus menyelesaikan persoalan tanggungjawab siapakah yang akan mempengerusikan mesyuarat sewaktu Raja tidak dapat hadir sepertimana dikemukakan oleh Raja Syed Alwi sebelum itu. Venables telah mengatur strategi agar raja sendiri memulakan perbincangan di dalam satu mesyuarat Majlis pada 3 Disember 1934.[53]

Setelah Majlis memutuskan untuk meneruskan amalan lama Naib Presiden, yang dimaksudkan di sini tentulah Syed Hamzah sendiri, memikul tanggungjawab berkenaan. Penasihat mengisytiharkan keinginan Raja untuk memilih dan melantik seorang Bakal Raja. Dari satu segi ia menegaskan kebebasan anggota-anggota Melayu dalam membuat pilihan tanpa campurtangan Penasihat British. Dari segi lain ia turut melaungkan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi terhadap aktiviti ini. Mengesyaki dirinya kurang berpeluang, Syed Hamzah terus membantah. Bantahannya walau bagaimanapun telah diketepikan dan anggota-anggota Majlis lain yang menetapkan untuk melaksanakan pemilihan Bakal Raja dalam sebuah mesyuarat khas "dalam beberapa hari lagi".[54] Bukan itu sahaja malah seakan-akan untuk menyakitkan hati Syed Hamzah dan memberikan isyarat ketiadaan peluangnya memegang jawatan tersebut, apabila diminta oleh Venables agar mendedahkan nama calon pilihannya, tanpa melengahkan masa Raja Syed Alwi menamakan Syed Hassan.[55]

Seperti dijangkakan dalam mesyuarat khas itu yang diadakan pada 6 Disember 1934, Raja menampilkan nama Syed Hassan sebagai calon pilihan Bakal Raja Perlis lalu disokong oleh kedua-dua Haji Ahmad dan Haji Muhammad Nor.[56] Tetapi yang menarik dan perlu dibincangkan di sini ialah reaksi Syed Hamzah terhadap pakatan

---

[53] Shenton Thomas kepada Cunliffe-Lister 23 Januari 1935, CO 717. 107/33411.
[54] Ibid.
[55] Ibid.
[56] Ibid.

mengenepikannya. Daripada rekod-rekod rasmi British dan kerajaan Perlis, tindakbalas Syed Hamzah sederhana sahaja. Tidak dapat dinafikan kemungkinan masing-masing cuba menyembunyikan sebarang perkelahian kuat, jika ada. Namun begitu menarik dan lebih penting ialah cara ia mengemukakan dua alasan mengapa ia sendiri lebih layak berbanding Syed Hassan untuk dilantik sebagai Bakal Raja. Pertama, menyedari sokongan British lebih-lebih lagi Penasihat dan Pesuruhjaya Tinggi tiada padanya, ia menggunakan elemen agama Islam yang telah dikecualikan daripada campurtangan British oleh Perjanjian 1930 untuk menghindarkan mereka daripada mengemukakan pandangan mahupun "nasihat". Untuk melenyapkan suara mereka sama sekali, ia membahaskan bahawa dari segi pembahagian harta berdasarkan pada ajaran agama Islam, ia sebagai adik Raja lebih layak daripada Syed Hassan yang hanya merupakan anak saudara Raja. Dalam perkataan lain, Syed Hamzah merujukkan jawatan Bakal Raja Perlis sebagai harta kepunyaan Raja Perlis yang pada masa yang sama bukan merupakan soal British.[57] Tetapi ia mengenepikan kebenaran bahawa dalam perjanjian yang sama ia, sebagai salah seorang anggota Majlis, turut dan telah membenarkan penglibatan British dalam kenaikan takhta kerajaan. Oleh itu, Penasihat menggunakan fasal Perjanjian yang sama untuk menyedarkannya dalam sepatah dua perkataan:

> "the question was one of eligibility, not one of propinquity, and (that), under the Treaty, all descendants of the Raja or of his ancestors were eligible".[58]

Kedua, mendapati dirinya tidak berjaya menghindarkan penglibatan British, ia bertindakbalas mengemukakan jawatan Naib Presiden Majlis yang dipegangnya dengan persetujuan British sebagai

[57] Ibid
[58] Ibid

bukti kelayakannya mengatasi kelayakan Syed Hassan. Baginya lagi bukan sahaja tugas dan tanggungjawabnya di dalam kerajaan bahkan gajinya pun mengatasi anak saudaranya itu, ia menduduki tempat kedua dalam hierarki kerajaan, iaitu selepas Raja.[59]

Ini tidak dihiraukan oleh Majlis yang meneruskan pengundian terhadap Syed Hassan sebagai Bakal Raja. Keputusannya nisbah tiga (3) kepada satu (1) yakni Raja Syed Alwi, Haji Ahmad, dan Haji Muhammad Nor memilih Syed Hassan manakala Syed Hamzah menolak. Dengan ini selesailah pemilihan dan perlantikan Bakal Raja Perlis yang dimaktubkan dalam mesyuarat khas Majlis bertarikh 6 Disember 1934. Selepas itu Syed Hamzah, dalam sebuah petisyen yang ditujukan kepada Penasihat, cuba membatalkan pengundian di atas dengan mendakwa bahawa Syed Hassan bukanlah keturunan langsung Raja mahupun keturunan langsung neneк-moyangnya. Alasan yang kedua telah ditolak oleh Venables sebagai tidak berasas sama sekali.[60]

Di sebalik penglibatan aktif British di dalam pemilihan dan perlantikan Bakal Raja Perlis, Shenton Thomas walau bagaimanapun tidak ketinggalan menenangkan Raja Syed Alwi dalam suratnya yang dibacakan oleh Penasihat dalam mesyuarat 5 Januari 1935 yang (dalam penjelasannya kepada Setiausaha Tanah Jajahan) berbunyi:

> "the British Government approves the choice of the State Council on condition that Syed Hassan is recognized as the heir to the throne only so long as his conduct is satisfactory and the Raja has no direct heir".[61]

Sebelum akhir bulan itu Pesuruhjaya Tinggi melawat Perlis untuk memastikan tiada masalah timbul terutamanya daripada Syed Hamzah

---

59 Ibid.
60 Ibid.
61 Ibid.

berikutan perlantikan Syed Hassan sebagai Bakal Raja. Memandangkan dalam perjumpaan makan tengahari bersama-sama Raja dan anggota-anggota Melayu Majlis serta Penasihat, Syed Hamzah tidakpun merakamkan apa-apa bantahan lanjut, kedua-dua Shenton Thomas dan Venables berpuas hati bahawa "it was settled once and for all".[62] Justeru ia melaporkan kepada Setiausaha Tanah Jajahan seperti di bawah:

> "This difficult matter has thus been satisfactorily settled and I wish to record my appreciation of the very tactful manner in which the British Adviser, Mr. Venables has handled the question and brought it to the desired conclusion with the least possible friction and unpleasantness".[63]

Berhadapan dengan ribut besar rebutan takhta di Selangor yang membawa ke London sejurus selepas ini, pujian pada Penasihat British Perlis ternyata bertambah nilainya.

Pusingan Kedua, Perlantikan Bakal Raja, 1935-1938

Walau bagaimanapun isu perlantikan Bakal Raja timbul sekali lagi akibat kematian Syed Hassan pada 18 Oktober 1935, iaitu tidak sampai satu tahun selepas perjawatannya itu.[64] Rebutan kuasa kali kedua ini jauh lebih berwarna-warni dan melibatkan peranan Pesuruhjaya Tinggi yang lebih aktif. Dasar-dasar pegawai berkenaan telah menghasilkan pelbagai perubahan yang mendalam ke atas sistem kenaikan takhta Perlis. Ini berkisar pada perlantikan Bakal Raja sebagai hak warisan turun-temurun, satu ciri yang tidak dapat ditemui sebelum itu.

---

62 Ibid.

63 Ibid

64 *The Straits Times*, Singapore, 19 January 1937.

Rekod-rekod kerajaan British dan Perlis semasa menunjukkan bahawa Pesuruhjaya Tinggi telah berusaha menampilkan anak tunggal Syed Hassan iaitu Syed Putra sebagai pengganti bapanya. Ternyata ini merupakan amalan berterusan memihak pada satu-satu cabang kerabat diraja yakni cabang keluarga Syed Mahmud. Tetapi kali ini disebabkan calon tersebut masih berada di bawah umur iaitu hanya berusia 15½ tahun, perlantikan mengambil masa yang agak lama seolah-olah sengaja dilambat-lambatkan. Pada 24 Oktober 1935 Shenton Thomas menghantar sepucuk telegram kepada Setiausaha Tanah Jajahan W.G.A. Ormsby-Gore memberitahu tentang kematian Syed Hassan. Lebih penting ia menyelitkan satu peringatan untuk menolak pencalonan Syed Hamzah biar apajua keadaan. Dalam "Secret Despatch" bertarikh 1 November, Malcolm MacDonald yang membalas bagi pihak Ormsby-Gore, menulis bahawa:

> "I appreciate that the choice of an heir presumptive in place of Syed Hassan will be a matter of delicacy, in view of the doubts as to the suitability of Syed Idrus and Syed Hussein, the alternative candidates to Syed Hamzah, whose succession it has already been decided, would be in no circumstances be acceptable.
>
> I should be glad to receive in due course a report on the steps contemplated to choose a successor to Syed Hassan".[51]

Tetapi sebelum itu, memanggil Raja Syed Alwi "a half baked impotent little man", MacDonald mengirim draf surat balas untuk Shenton Thomas itu kepada Edward Gent terlebih dahulu pada 24 Oktober. Antara lain isi kandungannya membunyikan satu cadangan melantik seorang pengganti kepada Syed Hassan seperti berikut:

> "we are forced back to a further choice of an heir presumptive out of the circle of aspirants limited as last year..., no doubt, of the claims of Syed Hamzah whose nomination, we hold the High

[51] MacDonald kepada Shenton Thomas 1 November 1935, CO 717. 115/51671.

> Commissioner's word in no circumstances, be acceptable to the British authority".[66]

Yang menariknya adalah ini bermakna sekali lagi pembatalan secara automatik seseorang calon, dalam perihal ini Syed Hamzah, dalam sistem kenaikan takhta Perlis. Dalam pusingan kedua ini alasan untuk menolaknya semakin dipenuhi dengan unsur kelucuan. Satu contoh datang daripada Penasihat Perlis C.R. Howitt yang menyuarakan bahawa

> "His eyesight has become worse".
> "It is inconcervable that Syed Hamzah should become Raja and the policy towards him should be complete exclusion".[67]

Di samping itu nampaknya faktor ketiadaan anak lelaki pada pihak Syed Hamzah telah disimpan sebagai senjata terakhir bagi menolaknya pada tahun 1934 sebelum itu, sepertimana dipetik di bawah:

> "Syed Hamzah has a son, Syed Suffian (4) born in 1934. Owing to the birth of this son the position now is not the same as it was in 1934 when Syed Hassan provided the only hope of a direct line of future Rajas".[68]

Tetapi dapat diperkatakan bahawa pada 1935 dengan mempunyai seorang anak lelaki pun tidak meningkatkan peluang Syed Hamzah dalam rebutan jawatan Bakal Raja. Malahan kemungkinan besar faktor ini satu-satunya halangan paling besar baginya kerana Raja Syed Alwi dan Majlis Negeri tidak akan berdiam diri menghadapi sebarang kemungkinan Raja Perlis pada suatu hari ini merupakan cucu Sultan Kedah.

---

[66] MacDonald kepada Shenton Thomas 24 Oktober 1935, ibid.
[67] Secret Memorandum Howitt kepada Shenton Thomas 25 Mac 1937, Papers of John Hamer Box 1 File 1, op. cit.
[68] Ibid.

Seterusnya Howitt menumpukan tenaganya untuk menyokong Syed Putra. Laporannya adalah seperti berikut:

> "Syed Putra is the most prepossessing of the Syeds for whom he differs in type, due most probably to the character and disposition of his late father. He is a very pleasant, well-behaved youth of good character who likes his studies seriously and is keen on games. He has been well-reported on by his late Headmaster and can be relied upon to take full advantage of the education facilities now open to him. It is this son of Syed Hassan who is now put forward as a successor to His Highness the Raja of Perlis".[69]

Di sini perlu ditekankan bahawa walaupun Syed Putra dihuraikan dengan sifat-sifat positif, namun Penasihat Perlis dan Pesuruhjaya Tinggi sama-sama mengamalkan dasar sengaja melambat-lambatkan perlantikannya. Ini berlangsung sehingga awal tahun 1937. Di antara sebabnya ialah seperti yang telah dibentangkan oleh Howitt yang perlu dipetik dengan agak panjang untuk gambaran yang lebih jelas:

> "The Raja (except on one occasion) has shown extreme reluctance to discuss it. This was due in the main to the severe blow he experienced in the death of Syed Hassan who had been the apple of his eye for many years. The Raja was so fond of him that after his death he seemed to feel an effort even to mention his name. At one time it was thought it would affect him mentally but he rallied. For a long time, however, he was quite opposed to the re-opening of the matter of a possible successor to him.
>
> The events leading to Syed Hassan's elections were not yet a year old and was still fresh in the Raja's memory. This, I consider, made him still more reluctant to raise the matter. When Syed Hamzah was ousted from the succession, the Court at Arau would be a hotbed of intrigue and faction and the Raja must have been besieged on all sides by partisans. It is possible that he did not wish to undergo a mental strain similar to that he experienced so short a time ago.

[69] Ibid.

> The youthfulness of the candidate now put forward made the Raja refrain from naming him openly to me. He was then only 14 ½ years of age and I know that the Raja feared that he might become spoilt. It is to the Raja's credit that he saw this possibility".[70]

Namun sebab yang dikemukakan oleh Howitt bertambah penting selepas ini. Ia menulis demikian:

> "From my point of view, I was completely in agreement with the Raja's fears regarding the youth of Syed Putra (an important matter in Perlis where the ruling house is very clannish and where senior members of the House exercise a powerful and often baneful influence on the younger members) and although I do not consider it important enough itself to justify holding up action, nevertheless did consider that this fact, allied with the very patent distress of the Raja at the loss of Syed Hassan, with the fact that the exclusion of Syed Hamzah was a *fait accompli* (although it had never been disclosed to him that he would not be accepted as successor in any circumstances) and with the fact that it was better to allow the State to recover from the shocks which it had experienced within one year, did justify letting matters take their course for the time being. The Raja's health gradually improved and in time he began to take a more balanced view of the general subject and position again".[71]

Jelaslah pada tahap ini Penasihat menghadapi kesulitan menyakinkan anggota-anggota Majlis tentang kesesuaian Syed Putra disebabkan usia mudanya. Secara berkaitan didapati faktor sebenar ialah bahawa calon ini belum mencecah umur kematangan yang disyaratkan untuk perjawatan Bakal Raja, mahupun untuk pertabalan menjadi raja, yakni belum mencapai usia 18 tahun.[72]

---

[70] Ibid.

[71] Shenton Thomas kepada Ormsby-Gore 18 Mei 1936, CO 717 115/51671.

[72] Nampaknya Syed Putra tidak berupaya menandingi Bakal Raja Syed Safi dahulu yang dilantik semasa berusia belasan tahun juga.

Lebih kurang pada masa yang sama Penasihat dan Pesuruhjaya Tinggi memikirkan jalan untuk mendorong Raja Syed Alwi supaya melantik Syed Putra. Sungguhpun Howitt berjaya tetapi persetujuan Raja adalah bersyarat seperti dipaparkan di bawah:

> "In a discussion recently in my house His Highness mentioned the matter and stated that provided he has no issue he wished Syed Putra to succeed him... I know that Haji Ahmad (who rendered such able assistance to Mr. Venables in the Syed Hassan succession) is aware of the Raja's wishes and that he is in agreement with them... I consider the time ripe to make the appointment".[73]

Sehubungan dengan itu juga, amat berbeza dengan perasaan kebimbangan yang diapi-apikan oleh Penasihat dahulu terhadap kesihatan Raja Syed Alwi dalam pusingan pertama, Howitt tidak berbuat begitu. Dipetik laporannya di bawah:

> "... It is practically impossible to guess how long His Highness will survive. From what I have heard of the past, he is in better health as Raja for a very long time to come. In the event of his demise in the next few years, however, the question would arise as to a Regency, Syed Putra still being a minor but being Raja Muda. This is an important matter, but not of sufficient importance, to my mind, to warrant action in the matter of succession being held up now. Once the main question is settled the other matter assumes secondary importance. In any case, a Regency which consisted of Syed Hamzah alone could not last very long while the chances are that the occasion for a Regency may never arise".[74]

Ini disebabkan kini usia Syed Putra pun sudah hampir dengan umur kematangan yang disebut tadi. Sebegitu juga Howitt tidak gentar

---

[73] Lihat Gent kepada Ormsby-Gore Note 13 September 1937, CO 717. 125/51671

[74] Secret Memorandum Howitt, op. cit. Ini lebih kurang diulangi oleh Shenton Thomas dalam surat sulitnya kepada Ormsby-Gore 1 Mei 1937, CO 717. 125/51671

tentang kemungkinan Syed Hamzah membantah perlantikan tersebut. Yang lebih membimbangkannya ialah keputusan undi anggota-anggota Majlis lebih-lebih lagi nisbah di antara undi sokongan terhadap Syed Putra dengan terhadap Syed Hamzah. Memandangkan betapa gentingnya masalah rebutan takhta di Selangor yang berlanjutan dari tahun-tahun 1934 hingga 1938, Penasihat Perlis dan Pesuruhjaya Tinggi terpaksa mengambil langkah berjaga-jaga demi menenteramkan sebarang kebimbangan yang dirasai oleh Pejabat Tanah Jajahan di London.[75] Pada tahap ini, kedua-dua orang pegawai ini masih belum dapat memastikan undi jelas menyokong Syed Putra. Ini berpunca daripada kemungkinan bahawa Haji Muhammad Nor akan menyebelahi Syed Hamzah. Sekiranya ini berlaku mereka tiada pilihan lain kecuali membawa masuk undi Raja Syed Alwi, sepertimana ditulis oleh Howitt:

> "If by any chance the Kathi is overawed by Syed Hamzah in Council then the worst that can happen would be two – the Raja and Haji Ahmad – against two – Syed Hamzah and the Kathi. It would then be a matter of choice between two equally supported candidates (if the Kathi nominated Syed Hamzah) and the candidate supported by the Raja would naturally be chosen. Syed Hamzah could not very well nominate himself".[76]

Walau bagaimanapun Shenton Thomas membuat keputusan untuk menyembunyikan kemungkinan itu daripada pengetahuan Ormsby-Gore. Sebaliknya dalam surat bertarikh 1 Mei 1937 ia cuba menyakinkan Setiausaha Tanah Jajahan terhadap kepastian Majlis menerima Syed Putra:

---

[75] Nampaknya kali ini bukan lagi Kedah tetapi kerajaan Melayu lain yang mempengaruhi aliran politik Perlis.

[76] Secret Memorandum Howitt, op cit.

> "I am assured by the British Adviser that the State Council will endorse the Raja's own choice of this grandnephew, Syed Putra as heir presumptive. I am also assured that, so far as the people of Perlis are concerned, the majority would support the present Raja's selection of an heir before that of any other person; and that, of the interested inhabitants of the State, three quarters desire Syed Putra rather than anyone else to be the successor to the present Raja, Syed Alwi, in the death of the latter without male issue".[77]

Sungguhpun begitu, apa yang diperakukan oleh Majlis tidak diperakukan oleh Ormsby-Gore yang menolak permintaan Pesuruhjaya Tinggi untuk mendapatkan kelulusan Raja dan Majlis agar melaksanakan perlaksanaan Syed Putra, melalui telegram pada 29 Mei. Di dalamnya ia menegaskan bahawa:

> "In a matter which may have troublesome repercussions I am anxious not to come to a hasty decision".[78]

Bukan itu sahaja malah Ormsby-Gore memberitahu bahawa ia hanya akan membuat keputusan selepas berbincang dengan Howitt yang akan bercuti ke London tidak lama lagi.[79] Pada 18 Mei 1937 ia menulis kepada Sir J. Maffey mendedahkan faktor utama yang mendorong Pejabat Tanah Jajahan menunda pertimbangan cadangan Pesuruhjaya Tinggi itu. Kandungan surat tersebut berbunyi sedemikian:

> "... the echoes of the Selangor case are still ringing in my ears,... I would much prefer that the whole matter stand over for a year or

---

[77] Shenton Thomas kepada Ormsby-Gore 1 Mei 1937, op. cit.

[78] Paraphrase Telegram Ormsby-Gore kepada Shenton Thomas 29 Mei 1937, CO 717. 125/51671, op. cit.

[79] Op. cit.

so. I can find nothing in the papers to suggest that there is any special urgency".[10]

Pada 25 Mei pula Gent pula yang membantah perlaksanaan cadangan Shenton Thomas dengan menyatakan bahawa:

"I don't like to be hurried by a telegraphic reply... I do not want to be rushed into a decision without knowing what the reactions of Syed Hamzah are likely to be. It is most important that the very difficult succession questions in Malaya be handled with tact... & a despatch should be drafted emphasizing the great importance & attach to them & the need for my being fully satisfied that the petitions to the... & further troubles will not arise before I approve".[11]

Akan tetapi kesulitan kes Selangor yang disebut itu pun akhirnya lenyap dan ini sempat membantu Howitt, semasa ia berada di London, dan Sir Henry Moore untuk memesongkan keputusan awal Gent. Walaupun tidak menafikan masalah yang dijangka akan timbul akibat kemungkinan nisbah undi yang sama untuk Syed Putra dan Syed Hamzah, namun Penasihat Perlis ini memperingatkan Gent bahaya membiarkan perlantikan itu tergendala entah sampai bila. Justeru Gent melaporkan persetujuannya seperti berikut:

"In subsequent discussion Mr. Howitt thought that it would be advisable not to resist the Raja's wish to proceed to raise the matter in the Council. If there were to be further delay on our part, it could better take place after we saw how the vote in the Council went. The voting on such an issue as this would in practice be confined to the four Malay members of Council (although strictly the British Adviser, under Clause 6 of the 1930 Agreement, is a full member of the Council). If it were then found to be desirable for the deadblock to be resolved, at our request the matter could be

[10] Lihat Gent kepada Ormsby-Gore Draft Note udak bertarikh, CO 717. 125/51671.
[11] Lihat ibid

> referred back to the Council at the instance of the British Adviser, and by then he did not doubt that the Raja's known wishes would result in a favour of Syed Putra, the Chief Kathi, on reconsideration, casting his vote in favour of the Raja's candidate. In that event it need not be expected to cause either the State Government or ourselves any apreciable worry. His rejection by the Council in 1934 in favour of Syed Hassan had to a large extent drawn what teeth he had".[82]

Dalam pada itu adalah menarik bahawa hanya pada tahap ini barulah buat pertama kalinya seorang pentadbir British di London menggunakan dengan betul ungkapan sebenar apabila merujuk kepada jawatan pengganti Raja di Perlis yakni Bakal Raja. Dalam laporan yang sama itu, Gent menulis berkenaan mesyuaratnya dengan Howitt seperti berikut:

> "He added that although in his memorandum he had used the title "Raja Muda" as denoting the title of a Crown Prince, it was not in fact, as in some other Malay States, a customary title in Perlis to denote the Ruler's prospective successor. "Raja Muda" had been in the past used as a title in Perlis, but not as denoting a position of that sort. The Perlis title was "Bakal Raja", which was the title given to Hassan on his election in 1934 and which could be taken as a close translation of the term "Crown Prince".[83]

Ternyata Penasihat Perlis, Pesuruhjaya Tinggi British dan pihak London kini sama-sama mengakui maksud dan kedudukan sebenar Bakal Raja Perlis sebagai satu yang berkisar pada elemen kenaikan takhta secara automatik, berbeza dengan sistem kenaikan takhta kerajaan-kerajaan Melayu lain di Semenanjung. Namun mereka masih mendukung fleksibiliti agar memberikan suatu ruang kosong untuk bertindak apabila perlu.

---

[82] Ibid.
[83] Ibid.

Pada masa yang sama mereka menerima dan menghormati perasaan Raja Syed Alwi yang selama itu masih berharap untuk memperolehi seorang waris langsung untuk mewarisi takhtanya. Justeru mereka kerap menenangkannya dengan jaminan bahawa "the British Government approves the choice of the State Council on condition that Tuan Syed Hassan is recognized as the heir to the throne only as long as his conduct is satisfactory and the Raja has no direct heir".[84] Namun dapat juga dibahaskan dari segi lain bahawa ini merupakan taktik British untuk mengelakkan daripada mengikat diri dengan keputusan awal sebegini dan bahawa ini turut merupakan satu helah Pesuruhjaya Tinggi untuk membodek Pejabat Tanah Jajahan kononnya:

> "Although the British Government's acceptance of a successor under clause 4 of the Treaty cannot be exercised until the actual time for succession arrives, there is no objection to his State Council making their selection under that clause now. The question of the bestowal of any title, such as Bakal Raja (the title which was given to Syed Hassan), upon their nominee would be a matter of local custom on which British advice should not be given (clause 5 of the Treaty), but it must be made quite clear to the Council that its bestowal, if aproved by them, would be in no way bind the British Government to accept the nominee's succession, should any grace disqualification or disabilities manifest themselves in them".[85]

Seterusnya memandangkan bahawa kemungkinan Syed Hamzah naik takhta masih dianggap sebagai satu malapetaka, Gent dalam catatannya yang bertajuk "Notes" pada 13 September 1937 yang ditujukan kepada Ormsby-Gore menyuarakan pendapat agar perlantikan Syed Putra dilangsungkan. Dipetik catatannya di bawah:

---

[84] Ini berpandukan fasal keempat Perjanjian Perlis-British 1930.

[85] Shenton Thomas kepada Ormsby-Gore 1 Mei 1937, *op. cit.*

> "Bearing in mind the agitation on a wide scale which resulted from the part played by the British authority in the recent succession dispute in Selangor, there is a natural hesitation on the part of the Colonial Office to be rushed into a course of action in the present position in Perlis... However, in Perlis the circumstances are quite different. The office of Raja Muda is vacant by the death of Hassan, and if the Raja and the State Council wish to elect a successor, it would be an act of interference, I think, on our part to prevent it. At the same time their election need not be recognised by the British authority under our rights under Clause 4 of the agreement".[86]

Malahan sekiranya terdapat nisbah undi yang sama masing-masing untuk Syed Putra dan Syed Hamzah di dalam Majlis, Gent turut memikirkan jalan keluar iaitu

> "... then we should have to consider at leisure whether it was incumbent or desirable on the British authority to use its influence in Putra's favour".[87]

Persoalan ini tidak harus menyulitkan Howitt memandangkan ia sendiri telahpun memutuskan lebih awal untuk menyokong sepenuhnya Syed Putra dalam rebutan jawatan tersebut. Tulisannya berbunyi sedemikian:

> "It is fortunate for Perlis that Syed Hassan had this son. Had it not been so, Syed Hamzah and Syed Hussein being disqualified, it would have been necessary to examine and consider the claims of the members of the remoter branch of the family, of whom there are many. This might lead to future problems and issues which are difficult to visualise, but which might be more difficult to solve".
>
> As matters now stand it cannot be too strongly emphasised that Syed Putra, if not the only hope of a direct line of future

[86] Gent kepada Ormsby-Gore Note 13 September 1937, CO 717. 125/51671, op. cit.
[87] Op. cit.

> Rajas, is the best candidate for the succession and that it is possible that normality of succession from father to son may be established through him".[13]

Sekiranya amalan yang dicadangkan oleh Penasihat di atas dapat dilaksanakan, ia sudah tentu akan menjaminkan satu siri penggantian takhta yang licin dan aman pada masa akan datang. Sedangkan faktor ini diberi perhatian yang secukupnya dalam pertimbangan dan keputusan Howitt, faktor yang sama penting, kalaupun bukan jauh lebih penting ialah kebebasan Syed Putra daripada campuran darah kerabat diraja Kedah.

Walau bagaimanapun C. W. Dawson yang mengganti Howitt mulai Julai 1937 tidak melaksanakan keputusan untuk melantik Syed Putra dengan serta-merta. Sebaliknya Penasihat Perlis yang baru ini menasihati Raja dan Majlis agar menundakan perlantikan berkenaan sehingga Raja Perempuan kembali daripada menunaikan fardu Haji di Mekah. Peranan Raja Perempuan ini sebenarnya menimbulkan semula perbincangan mengenai peranan dan penglibatan wanita dalam politik Perlis, setelah melangkah jauh melepasi penglibatan ibu Raja Syed Hussein dahulu. Secara menariknya Pesuruhjaya Tinggi Shenton Thomas bersetuju dengan cadangan Dawson lalu melampirkan salinan buku catatan harian Dawson bagi bulan Oktober 1937 bersama sepucuk surat kepada Ormsby-Gore, pada 9 Disember. Petikan catatan ini berbunyi begini:

> "The Raja's wife is shortly leaving on pilgrimage to Mecca, and it would probably be advisable to let the matter rest until she returns and is available to support him in the fuss which is bound to occur when a public decision is made. In the words of Haji Ahmat (Chief Judge) to me recently "without her the Raja is like a chick that has lost its mother hen". The only objection to postponing a decision is the danger of the position which would arise if the

[13] Howitt Secret Memorandum, op. cit., m.s. 8-9.

> Raja were to die suddenly, in which case Syed Hamzah would be in the chair at the Council meeting to choose the successor. If the Raja becomes ill I think that the matter should be decided immediately. At the moment he is in very good health".[89]

Selain itu cadangan tundaan ini sebenarnya bertolak daripada kebimbangan Penasihat Perlis terhadap kemungkinan tidak semua ahli Majlis akan memilih calon sokongan mereka. Pada 23 November tahun yang sama, Dawson mengambil peluang menulis kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi iaitu J. Martin untuk memberi amaran tentang bahaya berkenaan, seperti yang dapat dilihat di bawah:

> "There is no standing orders or rules of Council in which the solution of such a position can be sought, nor is there anything to suggest that in such a case the Raja, as President, would have a casting vote. It seems to have been the view of my predecessors that in such case the Raja's candidate would naturally be chosen. I do not however find myself in agreement with this view and think that it would be dangerous to assume that a choice made in such circumstances would have validity, as it could not be said to be founded on a decision of Council".[90]

Sehubungan dengan itu lebih penting Dawson meminta kebenaran Pesuruhjaya Tinggi agar menunda lebih lanjut soal perlantikan Bakal Raja ataupun membiarkan ia begitu sahaja sehinggalah keputusan bersih yang menyokong pihak Syed Putra dapat dicapai.[91] Justeru memang ada sebab untuk mengesyaki bahawa adik beradik Haji Ahmad dan Haji Muhammad Nor pada masa ini sedang berbalah di atas perkara berkenaan. Dari satu segi sedangkan mereka berdua

---

[89] "Extract from confidential diary of British Adviser, Perlis for October 1937, Enclosure II", dalam Martin kepada Ormsby-Gore 9 Disember 1937, CO 717. 125/51671, op. cit.

[90] Dawson kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi 23 November 1937, Enclosure I, dalam op cit.

[91] Op. cit

bersepakat menentang Syed Hamzah, dari segi lain mereka tidak bersepakat untuk menyokong Syed Putra. Walaupun sumber-sumber yang ada tidak menyatakan secara eksplisit, namun ada kemungkinan Haji Muhammad Nor memandang Syed Putra sebagai terlalu moden dan progresif pemikirannya.

Walau bagaimanapun perlantikan Bakal Raja yang mengambil masa yang begitu lama untuk diselesaikan membuktikan bahawa Raja dan Majlis memandang berat jawatan ini sebagai satu yang tetap. Ini bermakna sebaik sahaja seseorang calon dilantik sebagai Bakal Raja, ia pasti akan menaiki takhta pada satu hari nanti, kecualilah ia meninggal dunia sebelum raja yang sedang memerintah mangkat sepertimana berlaku pada pihak Syed Hassan pada tahun 1934. Ditambah dengan perasaan Pejabat Tanah Jajahan yang amat perihatin dalam rebutan kuasa di Perlis ini terutama sekali akibat 'ribut' yang melanda Selangor, jawatan berkenaan masih dibiarkan kosong sehingga tahun 1938.

Keadaan sudah cukup matang pada tahun ini kerana Syed Putra akan mencapai umur 18 tahun pada 25 November. Oleh itu pada pertengahan bulan April, Dawson mengambil kesempatan ke atas kembalinya Raja Perempuan Perlis dari Mekah untuk menggesa Raja Syed Alwi membuka pemilihan calon-calon sebagai bakal penggantinya. Raja seharusnya menulis sepucuk surat rasmi kepadanya, yakni dirinya selaku Penasihat mengesyorkan agar Majlis dibenarkan memulakan pertimbangan dan agar Raja sendiri menamakan Syed Putra sebagai pilihan. Surat ini sampai ke tangannya pada 21 April dan tanpa melengahkan masa Dawson telah berjaya memperolehi sokongan jelas daripada Haji Muhammad Nor dua hari kemudiannya. Dengan tiada lagi halangan, Penasihat memutuskan untuk menjalan-

kan perlantikan Syed Putra sebagai Bakal Raja Perlis dalam mesyuarat Majlis pada hari Isnin, 25 April 1938.[92]

Demi menafikan peluang Syed Hamzah untuk memulau perlantikan tersebut sebagai tanda bantahan kuat, ia telah mengatur strategi begini rupa, seperti yang dilaporkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Shenton Thomas berikutnya:

> "The Adviser decided to bring up the succession at this meeting, but knowing Syed Hamzah's methods, did not put the matter of the succession on the agenda as he thought it probable that if this were done Syed Hamzah would plead illness and fail to be present. This is a fiction employed by him to gain time or avoid, and, as the question could not well be decided in his absence, he might have managed to postpone a decision for some time, working up opposition in the interval. If, however, the matter were actually placed before a Meeting, with him present, it would give members an opportunity to express their views, and the actual decision could then be safely postponed to another day. It is within the normal procedure and practice of Council to discuss and even to decide matters other than those on the written Agenda. In such cases decision is postponed if any member so desires".[93]

Akan tetapi tidak tepat jika mengandaikan Syed Hamzah melangkah ke dalam bilik mesyuarat pada hari tersebut tanpa apa-apa pengetahuan. Ini disebabkan Penasihat sendiri telah menemuinya setengah jam sebelum mesyuarat bermula untuk memberitahunya tentang pembukaan soal pemilihan Bakal Raja baru. Namun ini bukan tanpa persediaan. Dawson telah berjaya menghindarkan Syed Hamzah daripada meninggalkan bangunan itu melalui kata-kata manis bahawa mereka tidak perlu tergesa-gesa membuat sebarang keputusan.

---

[92] Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi kepada MacDonald 21 Mei 1938, CO 717. 132/51671

[93] Lihat ibid.

Justeru dalam bahagian akhir mesyuarat Majlis pada hari itu Dawson membaca surat yang ditulis oleh Raja Syed Alwi menuntut agar pencalonan Bakal Raja dibuka secara rasmi di dalam Majlis. Ini diikuti dengan ucapan Raja untuk mencalonkan Syed Putra. Berikutnya kedua-dua anggota Melayu Haji Muhammad Nor dan Haji Ahmad menyokong pencalonan berkenaan. Maka tinggal Syed Hamzah seorang untuk membuat keputusan yang memutuskan untuk menyampaikan undinya dalam bentuk tertulis. Ini membawa kepada perlunya ssebuah mesyuarat khas yang ditetapkan untuk mengambil tempat pada hari Sabtu, 30 April. Adalah menarik bahawa mesyuarat itu dipindahkan ke Balai Penghadapan Istana Arau, bukan diadakan di Bangunan Kerajaan, Kangar.[92]

Masa lebih kurang lima hari itu telah dipergunakan oleh Syed Hamzah untuk menyediakan hujah-hujah bantahan terhadap pencalonan anak saudaranya itu. Pertama, menolak pencalonan Syed Putra atas dakwaan bahawa disebabkan ia hanya cicit Raja Syed Safi, ia (Syed Putra) itu terkeluar daripada senarai kerabat mahupun keluarga raja tersebut. Ini ditolak mentah-mentah oleh Penasihat berdasarkan fasal Perjanjian 1930 yang menggunakan istilah "keturunan" Raja Syed Safi, bukan "kerabat"nya. Kedua, berhadapan dengan hujah balas ini, Syed Hamzah mengeluarkan sepucuk surat yang memerli Dawson dengan menyatakan "I leave this entirely to you". Ini semenangnya ditolak oleh Dawson demi menegakkan ketiadaan penglibatan langsung Penasihat dalam soal kenaikan takhta. Mendapati langkah kedua ini turut gagal Syed Hamzah langsung tidak membuang undi.[93]

Langkah terakhir Syed Hamzah untuk menunjukkan bantahannya itu walau bagaimanapun tidak berhasil kerana Syed Putra telah serta-merta dilantik sebagai Bakal Raja Perlis dalam mesyuarat itu juga.

---

92 Ibid
93 Ibid

Sepertimana terpapar dalam surat M. MacDonald dari London kepada Pesuruhjaya Tinggi Shenton Thomas pada 17 Jun 1938, Penasihat telah melaksanakan tanggung jawabnya dengan cekap sekali:

> "The Adviser, Mr. Dawson, is to be congratulated on his discernment in the handling of this matter. He waited for the opportune moment when the Raja, having his wife to rely on and the Chief Judge and the Chief Kathi the declared supporters of his choice, could meet Syed Hamzah's opposition with confidence and he introduced the succession into Council in such a way that Syed Hamzah was given no opportunity to raise any faction to contest the choice and disturb the tranquility of the State".[96]

Rumusan Awal

Ternyata para pegawai British tempatan mahupun London yang berkaitan enggan mengakui kepentingan faktor usia kematangan calon Bakal Raja, dalam kes ini umur Syed Putra, dalam adat dan sistem kenaikan takhta kerajaan Perlis. Episod-episod perlantikan Bakal Raja di atas cukup jelas menonjolkan keunikan sistem kenaikan takhta kerajaan Perlis. Pertama, ingin ditekankan bahawa sejak sebelum tahun 1930 pun dan selama itu, jawatan Bakal Raja tidak diwarisi turun-temurun. Ini benar walaupun tidak dapat dinafikan Raja Syed Ahmad telah menjadi Bakal Raja terlebih dahulu dan sebegitu juga cucunya iaitu Raja Syed Safi. Sebaliknya, perjawatan Bakal Raja ditentukan dan ditetapkan setiap kali sejurus selepas seseorang raja baru ditabalkan mahupun semasa tempoh pemerintahannya. Oleh yang demikian sebarang unsur yang berbau warisan sebenarnya dimasukkan oleh Pesuruhjaya Tinggi dan Penasihat British Perlis serta pegawai-pegawai di Pejabat Tanah Jajahan di London. Unsur ini kelihatan jelas dalam perlantikan Syed Putra yang dilihat sebagai mewarisi jawatan bapanya Syed Hassan.

---

[96] MacDonald kepada Shenton Thomas 17 Jun 1938, ibid

Kedua, adalah penting menyedari bahawa perkara di atas menandakan kembalinya kepada amalan lama penguasaan sesebuah cabang keluarga dalam politik kenaikan takhta. Sekiranya cabang tersebut ialah cabang keluarga Perdana Menteri Dato' Arau, kali ini cabang keluarga yang menguasai keadaan ialah cabang kerabat Syed Mahmud, datuk Syed Putra. Juga menarik diperlihatkan bahawa setelah sekian masa berlalu, takhta nampaknya bakal jatuh ke tangan keturunan Syed Mahmud, lebih kurang dua puluh tahun selepas ia dilucutkan jawatan Raja Muda yang pada masa itu diterima oleh British sebagai menandakan jawatan pengganti takhta Perlis. Pada masa yang sama nampaknya nasib berada di pihak keturunan tersebut antara lain disebabkan Raja Syed Alwi dipercayai mandul dan Syed Hamzah pula disenaraihitamkan. Kedua-dua adik-beradik Haji Muhammad Nor dan Haji Ahmad pun tidak dapat menandingi penguasaan ini.

Ketiga dan sehubungan dengan itu, keadaan seseorang raja mempunyai terlalu ramai putera, lebih-lebih lagi dengan pelbagai gundik di samping isteri gahara, dan begitu juga langsung tidak mempunyai seorang putera menyulitkan proses pemilihan bakal penggantinya. Perbezaan yang ketara dapat dilihat dalam mencari pengganti kepada Raja Syed Safi dan kepada Raja Syed Alwi. Tetapi sedangkan ini mendatangkan masalah kepada para petanding dan para pemilih, ia juga pada masa yang sama memperbanyakkan pilihan calon Bakal Raja dan membuka peluang kepada cabang-cabang kerabat lain untuk menuntut takhta. Dalam kes Raja Syed Alwi, keadaan bertambah runit dengan adanya fasal Perjanjian 1930 yang hanya menyebut bahawa keturunan datuk-neneknya (Raja Syed Alwi) layak dipertimbangkan. Inilah yang dijadikan panduan hujah-hujah balas Syed Hamzah, yang dibincangkan di atas. Namun Penasihat dan Majlis telahpun bersepakat untuk mengutamakan keturunan Raja Syed Safi dan dengan itu menolak calon daripada cabang-cabang lain.

Keempat, harus disedari bahawa kalaupun Majlis dan Raja telah didorong oleh Penasihat dan Pesuruhjaya Tinggi supaya melantik Syed Hassan dan kemudian itu Syed Putra sebagai Bakal Raja Perlis, sekurang-kurangnya mereka tidak membantah. Sebaliknya kedua-dua pihak pemerintah Melayu ini mengamalkan toleransi, diplomasi, dan kerjasama dengan pegawai-pegawai British itu. Yang penting ketiga-tiga institusi pemerintah yakni Raja, Majlis, dan Penasihat telah bersatu menentang dan menolak pencalonan 'musuh dalam selimut', Syed Hamzah. Ini benar terutama sekali dalam perlantikan Syed Putra.

Kelima, perbezaan pendapat yang akhirnya bertukar kepada persetujuan sebulat suara di kalangan anggota-anggota Melayu Majlis membuktikan mereka bersama-sama meletakkan kepentingan kerajaan di tempat pertama. Ini sudah tentu, samada disedari oleh kerajaan British tempatan mahupun London, berkait-rapat dengan penolakan sebarang unsur keKedahan sehingga ke pertalian darah dengan kerabat dirajanya. Jelas perlantikan bakal pengganti kepada Raja Syed Alwi berjaya disempurnakan tanpa campurtangan Penasihat Kedah, Sultan mahupun kerabat diraja Kedah. Ini berfungsi sebagai bukti paling ketara kejayaan pihak pemerintah Perlis mempertahankan kemerdekaan politik kerajaannya melalui Perjanjian Perlis-British 1930. Akhir sekali, kemungkinan besar juga Raja Syed Alwi dan anggota-anggota Melayu Majlis melihat Syed Putra yang muda itu sebagai suatu nafas baru dan 'aur' yang dapat dilentur rebungnya berbanding dengan Syed Hamzah yang terlalu kuat dan berkuasa.

Rancangan Tergendala: Pertabalan Syed Hamzah sebagai Raja, 1943-1945

Walau bagaimanapun di sebalik keputusan yang telah dicapai sebulat suara itu, ia belum dapat dilaksanakan berikut kemangkatan Raja Syed Alwi pada 2 Februari 1943. Ini diakibatkan oleh meletusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1941 yang membawa kepada

Pendudukan Jepun sehingga Perang ditamatkan pada tahun 1945. Bukan sahaja British selaku kuasa pengesah terhadap kedudukan Syed Putra sebagai Bakal Raja terkeluar daripada gelanggang politik Perlis semasa tempoh ini, pemerintah Jepun menukar haluan sama sekali dengan melantik Syed Hamzah sebagai Bakal Raja baru dan seterusnya menabalkannya sebagai Raja Perlis kelima.

Wajarlah ditegaskan bahawa kenaikan kuasa Syed Hamzah sehingga pertabalannya sebagai Raja pada 1943 tidak berlaku secara serta-merta mahupun tanpa dirancang, samada oleh pemerintah Jepun mahupun oleh Syed Hamzah sendiri. Sebelum kemangkatan Raja Syed Alwi pun, ia harus dipuji kerana kekal dalam jawatannya sebagai ahli Majlis walaupun setelah ditolak mentah-mentah dalam pemilihan Bakal Raja. Maka, setelah kemangkatan Raja Syed Alwi, kesabaran dan kegigihannya dibalas dengan habuan besar oleh kuasa asing baru itu. Kenaikan Raja Perlis kelima ini berjalan dalam tiga tempoh. Pertama, ia berperanan sebagai pengganti sementara yakni Pemangku kepada Raja Syed Alwi yang telah melarikan diri ke Kuala Kangsar berikutan tercetusnya Perang Dunia Kedua di Asia. Walaupun selepas Raja dibawa balik pada 28 Disember 1941, Syed Hamzah terus menjadi lambang Raja di Perlis.[97]

Kedua, Syed Hamzah, dengan dorongan dan sokongan Jepun, menekankan Raja Syed Alwi untuk melucutkan Syed Putra daripada jawatan Bakal Raja dan sebaliknya melantiknya mengisi jawatan tersebut. Ini dilakukan oleh Syed Hamzah dengan penuh kesedaran bahawa seseorang calon perlu dan mesti dilantik sebagai Bakal Raja sebelum dinaikkan, secara automatik, ke atas takhta Perlis. Lebih penting kenaikannya berlangsung dengan sokongan ahli-ahli Majlis semasa. Yang berbeza di sini ialah kandungannya. Semasa ketiadaan Raja Syed Alwi di dalam kerajaan, Syed Hamzah menjadi Presiden tetapi dengan kembalinya Raja Syed Alwi, ia menjadi Naib Presiden,

[97] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 162-163.

jawatan yang dipegangnya sebelum Perang meletus lagi. Anggota-anggota Majlis semasa Perang walau bagaimanapun mengalami perubahan sama sekali dengan penampilan Tuan Syed Hussin bin Raja Syed Safi, Ketua Polis Che' Mat Haji Kassim, dan Sheikh Ahmad.[98] Pada tahun 1942 mereka bersama-sama berdiri di belakang Raja apabila ia melafazkan bahawa:

> "Bahawa inilah kami Syed Alwi Ibni Al-Marhum Syed Safi Jamalullail Raja Negeri Perlis, beri ketahui kepada sekelian rakyat kami dalam Negeri Perlis ini, adalah isytihar yang telah dikeluarkan sedikit tahun yang lalu yang bertarikh 30 hb Rabiul Akhir, 1357 Hijrah, daripada fasal perlantikan Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail menjadi Bakal Raja itu, telah kami batalkan, dan oleh kerana itu akan tidaklah berhak menuntut apa-apa jua berkenaan Bakal Raja. Maka inilah kami dengan beberapa sukacitanya menyatakan juga bahawa kami telah letakkan Yang Maha Mulia Tuan Syed Hamzah Ibni Almarhum Syed Safi Jamalullail sebagai Bakal Raja Negeri Perlis".[99]

Semasa perisytiharan ini dilakukan, bukan sahaja Penasihat Perlis mahupun Pesuruhjaya Tinggi British tiada di mana-mana bahagian kerajaan ini untuk mempertahankan perjawatan Syed Putra malah Syed Putra sendiri pun tiada di dalam kerajaan. Pada masa Perang tercetus, bekas Bakal Raja ini sedang berkhidmat sebagai Majistret di Mahkamah Ketiga, Kuala Lumpur.[100] Ia tidak kembali ke Perlis sehinggalah menerima berita tentang perlucutan jawatannya itu. Faktor-faktor ini sudah cukup bernas bagi Syed Hamzah untuk mengemukakan tuntutan bahawa ini semata-mata mengisi vakum politik.

Akhir sekali pada 2 Februari 1943 sejurus sebelum jenazah Raja Syed Alwi dikebumikan, Bakal Raja ini ditabalkan sebagai Raja Perlis

---

[98] Op. cit., m.s. 163.

[99] Lihat op. cit., m.s. 164.

[100] "Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis", R.C.P. 541/1947.

yang baru.[101] Sekiranya dilihat dari segi fasal kenaikan takhta Raja-raja Perlis yang diterapkan di dalam Perjanjian 1930, maka kenaikan takhtanya adalah satu pembohongan. Tetapi ternyata pemerintah Jepun telah mengambilalih peranan British sebagai kuasa pengesah sahaja. Dan lebih daripada itu, Raja Syed Hamzah naik kuasa mengikut adat dan sistem kenaikan takhta Perlis. Justeru dipandang dari segi ini, pertabalannya adalah sah.

Namun disebabkan terlalu berpegang pada hubungan baik di antara pihak pemerintah Melayu dengan British, sejarah rasmi Perlis sehingga hari ini berkeras memandang Syed Hamzah sekadar sebagai "Raja semasa Pendudukan Jepun".[102] Yang anehnya ialah bahawa fasal Perjanjian 1930 berkenaan tidak cukup ditonjolkan sebagai bukti oleh pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun cap ini telah diletakkan tanpa memahami atau lebih tepat kerana enggan memahami sistem politik umumnya dan sistem kenaikan takhta kerajaan ini khususnya yang menggunakan kuasa asing hanya sebagai pengesah status quo sahaja dan tidak lebih daripada itu. Sebagaimana Raja Syed Hussein, dan Raja Syed Safi tidak dikelaskan sebagai 'Raja Perlis semasa Naungan Siam', dan Raja Syed Alwi (serta Raja Syed Putra) tidak dikelaskan sebagai 'Raja Perlis semasa Pemerintahan British', begitu juga Raja Syed Hamzah tidak harus dikenali sebagai 'Raja semasa Pendudukan Jepun'.

Rancangan Disambung Semula, 1945-1946

> "Yang sebenarnya saya ini ambil tugas ayahanda saya, dulu dia Bakal Raja, dia meninggal 38 tahun jadi masa itu saya dalam 18

---

[101] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 166.

[102] Sebagai contoh Rajah mengenai Raja-Raja Perlis yang dilekatkan pada dinding bilik rujukan Perlis Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar memberikan kedudukan kepada Raja Syed Hamzah sebagai "Raja Semasa Pendudukan Jepun".

tahun. Kerajaan British ambil saya ganti dialah sebagai Bakal Raja. Kerajaan Jepun itu... British ambil balik negara ini, jadi sayapun dilawa pegang jawatan jadi Bakal Raja ganti tempat ayah saya dulu".[103]

Selepas pihak Jepun mengaku kalah, tentera pentadbiran British mengambil masa kira-kira empat bulan untuk mengembalikan zaman lama iaitu dengan melaksanakan tanggungjawab yang dimeteraikan dalam fasal kenaikan takhta Perjanjian 1930 dahulu. Tanggungjawab ini tak lain dan tak bukan termasuk menurunkan cap mohor Maharajanya sebagai tanda pengesahan terhadap pertabalan Raja Syed Putra. Tetapi sebelum ditabalkan sebagai Raja baru, mengikut sistem kenaikan takhta Perlis ia terlebih dahulu mesti dilantik semula menjadi Bakal Raja. Namun jika diandaikan British tergesa-gesa mahupun tanpa melengahkan masa menabalkan Syed Putra, ini tidak tepat sama sekali. Bukan itu sahaja British turut mengambil langkah-langkah yang perlu sebelum melantiknya semula sebagai Bakal Raja.

Ini diakibatkan oleh beberapa sebab. Pertama, keadaan tidak tenteram wujud di Perlis dan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu berikutan konflik tentera British *Force 136* dengan MPAJA dengan tentera Jepun. Ini tidak termasuk ketegangan perasaan di kalangan pelbagai kaum.[104] Kedua, selepas keamanan dipulih semula, tentera pentadbiran British secara umumnya mempertimbangkan semula secara teliti perjawatan Sultan-sultan lantikan British sebelum Perang serta waris-waris takhta. Di Perlis, Syed Putra terpaksa terlebih dahulu melalui satu 'temuduga' yang bertujuan menilai dan menim-

[103] Temubual dengan DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail di Istana Kenangan Indah, Repoh, Arau, pada 12 April 1995, dari pukul 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

[104] Untuk perbincangan teliti lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya. Resistance and Social Conflict During And After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, (Singapore, NUS: Singapore University Press, Second Edition, 1987), m.s. 127-139. Selepas ini disebut *Red Star*.

bangkan kesetiaannya pada kerajaan British tempatan mahupun London. Pegawai yang menjalankan 'temuduga' tersebut, iaitu DCCAO Brigadier Willan untuk menyiasat kecenderungan dan haluannya semasa Perang. Berpandukan pada dasar tidak mengakui mana-mana Sultan yang dilantik "semasa Pendudukan Jepun" yang bermakna Raja Syed Hamzah, dan disebabkan Raja Syed Alwi telah mangkat, calon yang ketinggalan ialah Syed Putra. Tetapi pada tahun 1945-46, pengesahan yang mampu diberikan oleh Willan padanya hanyalah, mengikut Cheah Boon Kheng, "nominal recognition of him as the Regent of Perlis".[105] Seterusnya akan disiasat apakah sebab-sebab dalaman yang mendorong Willan untuk menerimanya.

Pertama, rekod Syed Putra semasa Perang adalah bersih daripada hubungan dengan Jepun mahupun dengan Raja Syed Hamzah. Bukan itu sahaja, malahan tidak dapat dinafikan pengalaman 'pahit' yang dialaminya di tangan kedua-dua pihak itu menyakinkan lagi Willan terhadap kesetiaannya pada British. Setelah Syed Hamzah merasai kepahitan ditolak oleh Raja Syed Alwi dan Majlis serta British, kini tiba masanya Syed Putra pula merasai pahit getir. Didapati berguna untuk memetik catatan Syed Putra bertajuk "My Personal Experience Just Before And After The Japanese Occupation Of Malaya" yang dikemukakan olehnya kepada Pentadbiran Ketenteraan British (BMA) di bawah sebagai bukti:

> "I was still in Kuala Lumpur on 9.12.1941, a day after the war broke out, when I received a telegram from the British Adviser, Perlis, through the British Adviser, Kedah, asking me to remain in Kuala Lumpur; and that was one of the reasons why I did not return to Perlis at that time.
>
> Acting on the Order of Evacuation I went with my family to Dusun Tua where we rented a Malay-kampong hut for $10/- per

[105] *Red Star*, op. cit., 266.

month. We stayed there for 30 days during which period my wife was conceiving for eight to nine months.

Through Dato' Hamzah's arrangement I was invited to stay at Klang by Tengku Musa-aidin who was then the Sultan of Selangor. I was staying near Dato' Hamzah's house in Klang for nearly three months before I returned to Perlis. While I was at Klang Haji Mat, ex-penghulu of Arau and Haji Nawi, Imam of Guar Nangka, who are relatives of my grandmother, brought me a letter from the Raja of Perlis, Tuan Syed Alwi, telling me that I was no more Bakal Raja and that I had no longer any claim with regard to same. I was extremely shocked to find that the members of the new State Council formed during the Japanese administration had come to such a drastic conclusion and that the Raja whom I knew to be very fond of me had signed that fateful letter.

By Tengku Musa's advice I came back to Perlis in the middle of May 1942. He asked me to return and work in Selangor if I was not able to get any employment or if the Raja did not want me in Perlis. He also said he was certain that it was the work of Syed Hamzah that he had caused me so much trouble and hardship".[106]

Syed Putra, melalui bantuan pegawai kerajaan Sheikh Ahmad, telah menemui Timbalan Gabenor Jepun dengan harapan diterima di dalam perkhidmatan kerajaan Perlis. Jawapan yang diterimanya dalam dua tiga hari berikut adalah negatif, sebagaimana menurutnya, "... but this time he treated me with contempt and I remained standing for more than 20 minutes while he went on talking to me in a rough manner".[107] Ternyata Raja Syed Alwi tidak dapat berbuat apa-apa untuk membantu cucu saudaranya ini. Ini kerana menurut catatan Syed Putra berkenaan perjumpaannya dengan Raja Syed Alwi yang berlangsung di antara kedua-dua perjumpaan dengan Timbalan Gabenor Jepun itu:

---

[106] Syed Putra Jamalullail, "My Personal Experience Just Before And After The Japanese Occupation Of Malaya", dalam Papers of John Hamer, op. cit., Box 1 File 3, "British relations with the ruling house of Perlis 1915-57".

[107] Ibid.

"The Raja was very happy when he saw me. Instead of staying in Klang he wanted me to return to Perlis as soon as possible. He promised to give me a job and said that he would see to it that I should get the same position and privilege as those of Syed Hamzah and Syed Hussain or even better. If they refused to give me any employment he would give me some allowance to cover my monthly house expenses".[108]

Mengikut Syed Putra lagi, keupayaannya menemui secara perseorangan Raja Syed Alwi di atas pun pada permulaanya disukarkan dan jarinya ditujukan kepada Syed Hamzah:

"... I came to Perlis in a car belonging to Che Hassan, Kedah Police Inspector. Before going to the Istana I stopped at my own house and was informed by my people that the Raja was being strictly guarded and that no one was not on good terms with Syed Hamzah was not allowed to see him. After hearing all the tragic events that had taken place since the Raja's return from Kuala Kangsar I proceeded straight to the Istana and there I met the lonely Raja for the first time since the war".[109]

Lebih berat lagi ialah tuduhannya terhadap Syed Hamzah sebagai menghalangnya daripada berkhidmat di dalam kerajaan dan sebagai memberhentikan elaun bulanannya. Ia menulis bahawa:

"Syed Hussain showed me a file in which was written the Raja's consent to appoint me as his A.D.C. I was then eagerly waiting for my new appointment but I soon came to know that Syed Hamzah did not like the idea because that would make me always close to the Raja, a thing which was contrary to Syed Hamzah's policy.

I was therefore unemployed during the Japanese occupation and my source of income was only the $90/- I received monthly

[108] Ibid
[109] Ibid

from the Raja until the time of his death on the 1st of March, 1943".[110]

Selepas kemangkatan Raja Syed Alwi, catatan pengalaman Syed Putra semakin pahit dan ini mengikutnya diakibatkan oleh Syed Hamzah. Ia menulis:

"After the Raja's death everything changed. The $90/- I used to receive from the late Raja as my monthly expenses was discontinued and I was left alone to face my own trouble and hardship. I was in fact reduced to a state of poverty for some time. Knowing that there would be no end to my sufferings if I continued staying in Perlis even to the extent of losing my life I, therefore, left with my family for Kelantan on 29. 3. 1945".[111]

Dan terutama sekali laporan bahawa sejurus selepas Perang tamat Major Burr menjumpai Syed Putra di dalam sebuah teratak menyayat-kan hati si pembaca.[112] Tetapi ini pun belum dapat menjaminkan penerimaan seratus peratus BMA terhadapnya. Sebagaimana diketahui Willan masih menunggu ketibaan Harold MacMichael. Pegawai ini ditugaskan khas untuk membawa bersama rancangan Malayan Union dan untuk mendapatkan persetujuan bertulis semua raja Melayu terhadap perlaksanaannya. Ini merupakan syarat paling penting yang menghindarkan perlantikan semula Syed Putra sebagai Bakal Raja Perlis sebaik sahaja Perang berakhir.

Tetapi MacMichael bukan tidak bersedia mengakui Syed Putra sebagai Bakal Raja sepertimana ia sendiri melaporkan, sesudah selesai mencapai misinya pada awal Disember 1945, bahawa:

"In Perlis the Sultan had died in 1943 and the Japanese had installed as his successor his half-brother HAMZAH. They had

[110] Ibid.
[111] Ibid.
[112] *Red Star*, op. cit., 266.

> ignored the claims of SYED PUTERA, who had been duly nominated by the State Council in 1938 as successor. HAMZAH, had, however, voluntarily resigned office in a formal letter addressed to the General Officer commanding the British Troops as soon as the country was reoccupied, and SYED PUTERA remained available with an unimpeachable record".[113]

Di sini ingin diselitkan bahawa Raja Syed Hamzah telah melakukan satu langkah yang harus dipuji iaitu dengan relanya meletakkan jawatan dan berundur daripada politik Perlis ke Alor Star sejurus selepas BMA berkuasa.[114]

Berbalik kepada perbincangan di atas, lebih penting disebabkan faktor masa, MacMichael kini memerlukan tandatangan bukan lagi Bakal Raja Perlis tetapi tandatangan Raja Perlis di atas perjanjian. Inilah sebabnya perlantikan Syed Putra sebagai Raja Perlis tidak perlu melalui proses perlantikannya semula sebagai Bakal Raja terlebih dahulu. Dengan ini MacMichael telah pada Disember 1945 menembusi dan merombak sistem kenaikan takhta kerajaan Perlis. Sebab ini terpapar dengan jelas dalam laporan yang sama yang dipetik seperti berikut:

> "There remained the four northern States of KEDAH, PERLIS, KELANTAN and TRENGGANU, which had been handed over in 1943 by the Japanese to the Siamese Government. Not only did special problems arise here owing to the decease of the Rulers who had been in power in 1941, but the separatist tendencies of KEDAH already mentioned, were fortified by article 3 of the Agreement concluded with His Majesty's Government in 1923...
>
> The Agreement of the same year with PERLIS contained a similar clause . In KEDAH and PERLIS, consequently, negotiations had to include the State Councils in their scope.

---

[113] "Report of a Mission By Sir Harold A. MacMichael G.C.M.G., D.S.O. (October, 1945-January, 1946)", London. His Majesty's Stationery Office, 1946, m.s. 4-5.

[114] Rujuk perbincangan Bab 6.

In PERLIS, Rajah SYED PUTERA, had first to be formally elected by the State Council. This presented no difficulty as the Councillors were available and unanimity prevailed among them. Thereafter I accorded formal recognition on behalf of His Majesty's Government, and the written consent of the State Council, only obtained after prolonged but amicable discussion on numerous points of detail, was duly recorded and the Agreement signed by His Highness on 4th December".[115]

Namun bertentangan dengan apa yang dilaporkan di atas, perkara yang mengganggu Syed Putra dan Majlis ialah pertabalan Syed Putra sebagai Raja Perlis. Dan mereka bersetuju menandatangan Perjanjian MacMichael itu hanyalah semata-mata sebagai prasyarat kepada pengesahan British terhadap kedudukan Raja-raja Perlis sebagaimana berlangsung menurut fasal Perjanjian 1930 dahulu itu. Ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut berhubungkait dengan analisa peranan, kedudukan, dan kuasa Raja Perlis berbanding dengan Majlis dalam bab seterusnya.

Bagi perbincangan bab ini walau bagaimanapun, ingin ditunjukkan bahawa MacMichael sebenarnya mempergunakan fasal tersebut untuk mengikat Syed Putra dan Majlis supaya menurunkan tandatangan sebagai bukti menerima perlaksanaan Malayan Union kelak. Minit-minit mesyuarat Majlis yang berkenaan menjadi bukti. MacMicheal mengorak langkah dalam 'perang psikologi' ini dengan memperingatkan dan menyedarkan mereka tentang keadaan tidak menentu yang sedang dihadapi oleh mereka terutama sekali oleh Syed Putra. Rundingan ulung-ulung kalinya dengan Syed Putra dan anggota-anggota Melayu Majlis dilaksanakan, pada pukul 10 pagi, 3 Disember 1945, sebegini rupa:

[115] MacMichael, op. cit., m.s.4. Di sini MacMichael menyamakan tarikh Perjanjian Perlis-British 1930 dengan Perjanjian Kedah 1923.

"It had been previously decided that Syed Putra, not having yet been elected as Raja nor recognised by His Majesty's Government, should meet me on neutral ground rather than I should visit his palace. Arrangements had been made accordingly, and it had been settled at the same time that the members of the State Council, who are luckily all surviving from pre-Japanese days and have a good record (save that Syed Hamzah has faded out of the picture) should also attend at the Residency at Kangar.

... I opened by going briefly over the fortunes of the Perlis Ruling House duuring the Japanese occupation, pointing out that Syed Putera had not yet been elected as Raja and that, if it was the wish of all concerned, this must be done, as a formal preliminary, before we could open our discussion, since technically there was at present nobody with whom I could treat. At the same time I was careful to distinguish between election by the State Council and formal recognition by His Majesty's Government".[116]

Bagi pihak kerajaan Perlis termasuk juga Penasihat, Syed Putra ternyata diterima sebulat suara sebagai Raja. Dalam masa 25 minit sahaja iaitu dari pukul 10.15 hingga 10.40 pagi, Majlis telah melantik Syed Putra sebagai Raja Perlis. MacMichael sendiri melaporkan:

"The members of the State Council (which, incidentally includes Colonel Day) agreed individually and unanimously to elect Syed Putera as Raja, and nothing remained but to record the election in a Council Minute".[117]

Nampaknya kerja mencatat minit tersebut mengambil masa yang lebih lama daripada masa yang diperlukan untuk perlantikan Syed Putra seperti ditunjukkan dalam laporannya:

[116] MacMichael 3 Disember 1945, Papers of John Hamer, op. cit., Box 2 File 4, "Visit of Sir Harold MacMichael".

[117] Op. cit.

"This proved a protracted business, but I was able to fill up time with Arabic conversation with the Chief Judge and the Chief Kathi".[118]

Justeru setelah tergendala buat sekian masa, kerjasama dan hubungan timbal-balik di antara Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis dengan British dalam perihal perlantikan Raja disambung semula. Tetapi buat kali ini, tiga perbezaan ketara dapat dikesan. Pertama, sistem kenaikan takhta Perlis dirombak semula dengan tidak melantik semula Syed Putra sebagai Bakal Raja. Dari satu segi, boleh juga dibahaskan bahawa British mempunyai alasan munasabah kerana tidak mengakui perlucutan jawatan Syed Putra semasa Perang itu. Kedua, Perjanjian MacMichael 1945 telah menggantikan Perjanjian 1930. Dan ketiga, institusi Raja Perlis sudah kehilangan kuasanya. Faktor-faktor kedua dan ketiga inilah yang akan membuka perbincangan Bab 6, iaitu bab yang mengkaji semula institusi-institusi yang membentuk kerajaan Perlis ketika berhadapan dengan isu-isu Nasionalisme Melayu UMNO, Persekutuan Tanah Melayu, dan Kemerdekaan 1957.

[118] Op cit.

Bab 6

Pembentukan Kerajaan Berperlembagaan, 1945-1957

"Selepas pihak Inggeris mengesahkan kedudukan Syed Putra sebagai Bakal Raja bagi menggantikan Tuanku Syed Alwi, beliau telah dijemput dengan rasminya pulang ke Perlis. Dengan itu, pada hujung bulan November 1945, Syed Putra, bersama-sama Tengku Budriah dan ketiga-tiga anakanda baginda, berangkat pulang, sekali lagi melalui selatan Thailand dan Padang Besar...

Pada 4 Disember 1945, Tuanku Syed Putra diisytiharkan sebagai Raja Perlis kelima. Tetapi hanya pada 12 Mac 1949, barulah baginda ditabalkan sebagai DYMM Tuanku Raja Perlis Indera Kayangan". —YM Che Puan Temenggung Perlis. *Putra. Biografi yang diperkenankan tentang riwayat hidup DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Jamalullail.* (Shah Alam: Times Edition Ltd., 1995), m.s. 53 dan 56.

Sebaik sahaja dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Raja Perlis keenam, Raja Syed Putra mendapati satu tugas berat sedang menantinya yakni menurunkan tandatangan di atas sebuah perjanjian baru yang akan menggantikan Perjanjian Perlis-British 1930 awal itu. Dengan termeterainya Perjanjian MacMichael pada penghujung tahun 1945 yang membuka jalan kepada kemasukan Perlis ke dalam Malayan Union 1946, kedudukan kerajaan sebenarnya adalah runcing. Ini disebabkan segala hak dan kuasa Raja Perlis diserahkan kepada "sahabat"nya, Maharaja Britain. Walau bagaimanapun ini tidak berlangsung lama kerana gagasan tersebut telah ditumpaskan di dalam suatu pergolakan sejarah yang membangkitkan nasionalisme UMNO ke kemuncaknya, membawa kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948. Namun syarat berbalik yang dikenakan oleh Perjanjian Persekutuan-Perlis iaitu pembentukan kerajaan berperlembagaan, tidak juga menyenangkan kepada elemen-

elemen yang membentuk kerajaan ini yakni Raja dan anggota Melayu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Bukan sahaja Raja masih kehilangan kuasa, anggota Melayu yang lama juga semakin kelunturan kuasa di tangan seorang pentadbir Melayu bergelar Menteri Besar dari kerajaan pusat. Dipandang dari sudut ini, kerajaan Perlis telah menyaksikan satu tempoh kejatuhan ataupun kelemahan selepas sebegitu kukuh diperjuangan dan diperkukuhkan autonominya. Namun begitu pihak pemerintahnya berusaha dan masih sempat sebanyak yang mungkin menerapkan pemeliharaan kepentingan kerajaan dan kepentingan masing-masing, sekali lagi secara bertulis, ke dalam Perlembagaan Perlis 1948-1950. Sememangnya pergelutan memelihara dan mempertahankan kerajaan ialah satu proses yang berlanjutan sehinggakan pencapaian Kemerdekaan 1957 pun.

Di Belakang Tabir Perjanjian MacMichael

Sebagai sambungan perbincangan bab yang lepas ditegaskan bahawa sungguhpun Raja Syed Putra telah dilantik oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, sebagai Raja Perlis keenam, dan perlantikannya disahkan oleh British melalui wakilnya Harold MacMichael pada 3 Disember 1945, namun harus disedari bahawa pertabalannya hanya berlangsung lebih tiga tahun kemudian, seperti disentuh oleh petikan di atas, iaitu pada 12 Mac 1949.[1] Ini sebahagian besar berpunca daripada pergolakan politik yang menyelubungi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dari 1945 hingga 1957. Tundaan pertabalan Raja Syed Putra diakibatkan oleh perlaksanaan dan kemudiannya pembatalan rancangan Malayan Union oleh British dalam tahun-tahun 1945-1946.

Catatan-catatan rasmi mendedahkan bahawa ketika dilemparkan Perjanjian MacMichael sebaik sahaja perlantikan Raja Syed Putra berlangsung, Raja dan anggota-anggota Melayu Majlis memang

[1] Raja Perlis kelima sebenarnya ialah Raja Syed Hamzah, bukan seperti yang didakwa dalam petikan di atas.

menyedari 'bahaya' yang terletak di hadapan mereka terutama sekali kecenderungan kehilangan kuasa Raja dan kerajaan Perlis, satu hak yang dipertahankan dengan begitu gigih dan yang berjaya dimaktubkan di dalam Perjanjian Perlis-British 1930 dahulu. Kesedaran inilah yang memainkan peranan utama menyebabkan pihak pemerintah ini menundakan pengikatan perjanjian yang baru itu. Setelah meneliti isi kandungan Perjanjian MacMichael-Perlis dan Nota Penjelasan yang mengiringinya buat pertama kali pada 3 Disember jelas mereka tidak bersetuju menerima apa yang dikehendaki oleh pihak British kali ini. Dalam rundingan yang diadakan dengan Penasihat British Perlis Kolonel E.V.G. Day (Penasihat yang sama sebelum Perang meletus) pada sebelah petang di kediaman rasmi Penasihat setelah MacMichael bertolak dari Kangar ke Alor Star, kegigihan tidak akan membiarkan status dan autonomi kerajaan berkecai sebegitu sahaja adalah ketara. Ini dicatatkan oleh Day seperti berikut:

> "Tuan Haji Ahmad the Chief Judge went straight to the core of the matter by reference to clause 6 of the 1930 Treaty which states "The State of Perlis shall be governed by His Highness the Raja with the assistance of a State Council, which shall consist of His Highness the Raja as President, ..." and asked how this could be reconciled with the surrender of jurusdiction to His Majesty and the appointment of the Resident Commissioner as President. I had to admit that the proposal could not be reconciled and explained that the intention was to transfer the Raja from the sphere of a direct participant in the business of the Council to that of a constitutional Ruler in his own State with the added position, duties and dignity of membership of the Council of Rulers. Their argument was skillfully put and nothing irrelevant was allowed to enter.
>
> The Chief Kathi (Haji Mohamed Noor) concurred in his brother's contentions and confined himself to so doing.

Wan Ahmad was highly emotional and covered the same ground several times but remained courteous and friendly throughout".[2]

Paling penting di sini catatan Day turut menyumbangkan bukti kukuh keberatan Raja Syed Putra untuk menurunkan tandatangan yang sering diucapkan olehnya, berpuluh-puluh tahun selepas peristiwa bahawa baginda "signed under duress":

"Tuan Syed Putera agreed with the argument put forward by Haji Ahmad whom he reveres as a wise counsellor. He proceeded to say that did he wish for an easy life of comfort and position he would welcome the proposal; but he reminded me that largely on my advice as British Adviser he had been sent for training to the F.M.S. where he had periods in the Land Office, the Sanitary Board and finally as a sitting Magistrate, in order to fit him for the position he would ultimately hold as Ruler of the State and President of the Council. The present proposal meant the wasting of all that training while he was still a young man which he hoped many years of useful life before him".[3]

Terhadap kematangan fikiran baginda meletakkan kepentingan kerajaan telebih dahulu daripada kepentingan peribadi Penasihat turut memberikan pujian:

"Before concluding these notes I wish to record how impressive I am with the development of Tuan Syed Putera since 1939. He was then a callow youth who had apparently derived little benefit from his schooling. His training before the war and his experince under the Japanese – together with the help of a wife of character – have

---

2 H. MacMichael, "Note Of First Interview With Syed Putera And Members Of The Perlis State Council (10 a.m. Monday, December 3rd, 1945)", m.s. 1, dalam "Visit of H. MacMichael", Papers of John Hamer, MSS Ind Ocn s316, Box 2, File 4.

3 "Colonel Day's Notes On Conservations At The Residency, Perlis 2.15 PM 3rd December, 1945", Appendix, dalam "Note Of First Interview", op. cit.

produced a man with a sense of responsibility and the duty of his office rare in young men of his position".[4]

Walau bagaimanapun Raja dan Majlis terpaksa juga menurunkan tandatangan sebagaimana perasaan mementingkan kerajaan telah dipergunakan sebaik-baiknya oleh Day seperti berikut:

" Eventually after I had asked whether any of them could visualise the continued existense of the State as a single self-contained unit they replied that the conclusion was inevitable and that they would therefore sign".[5]

Tetapi Raja dan anggota Melayu Majlis berusaha menundakan penurunan tandatangan sehingga saat terakhir iaitu sebelum rundingan kedua di antara mereka dengan MacMichael bermula. Pada pagi 4 Disember dengan menjadikan Penasihat sebagai 'jurucakap' bagi pihak kerajaan Perlis, mereka mendesak MacMichael menunda mengikat perjanjian sehingga selepas pergi dan balik dari Kelantan dan Trengganu nanti. Ini ternyata merupakan satu strategi untuk mendapatkan lebihan masa agar mempertimbangkan keputusan yang harus diambil, yang menguntungkan semua pihak. Tidak dapat dinafikan Day pun bekerjasama dengan pihak pemerintah Perlis lalu mengemukakan kepada MacMichael sebab kebimbangan Raja Syed Putra jika menerima perjanjian tersebut hanya satu hari selepas baginda dilantik sebagai Raja bahawa:

"... its immediate conclusion and the exact coincidence of dates might create the impression amongst the Malays of Perlis (the

[4] Op. cit.
[5] Op. cit.

> great bulk of the population) that Syed Putera was signing for the sake of recognition as Raja".[6]

Ini ditolak oleh MacMichael yang sebaliknya mempergunakan faktor tersebut untuk mendesak baginda dan Majlis untuk menurunkan tandatangan pada hari itu juga. Jelas ia tidak akan membenarkan mereka berbincang dengan mana-mana pemerintah Melayu lain lalu memberitahu dengan tegas bahawa:

> "... I was ready to recognise Syed Putera here and now on behalf of His Majesty's Government, and this would show that the recognition carried with it no *arrière-pensée*... there would be a considerable interval between the public knowledge of his recognition and that of the signature of the Treaty....".[7]

Walau bagaimanapun pihak pemerintah Perlis masih tidak ingin melepaskan tangan bahkan sempat mencari helah untuk mengemukakan bantahan secara bertulis dalam minit mesyuarat Majlis. Malangnya langkah ini tidak juga berjaya sepertimana dilaporkan oleh MacMichael dalam satu perenggan panjang seperti dipetikkan di bawah:

> "The Raja bowed his acknowledgement, and Wan Ahmad then read aloud the draft Council minute which he has prepared recording the Council's assent to the Treaty. Brigadier Newboult translated sentence by sentence. All was well until the last sentence, in which the draft said nothing about the "written consent" (as is required by the existing treaty), but merely spoke of leaving the matter in the hands of His Majesty's Government. I invited the Council to alter this ambiguous phrase, which was merely calculated to create legal difficulty and to cast doubts on their motives. The alteration was made, but when Wan Ahmad

---

[6] "Note Of Second Interview With Syed Putera and Members of the Perlis State Council (10.30 a.m., Tuesday, 4 December 1945)", op. cit.

[7] Op. cit.

> read out the revised version, it was discovered that entirely of his own accord had inserted the words "on the advice of Colonel Day". I thereupon spoke roundly to Syed Putera and Wan Ahmad in English and to the Chief Judge and the Chief Kathi in Arabic. The words did not, I said, actually invalidate the Minute, and if they insisted on them, I should hesitate to refuse their insertion. But they would be causing themselves shame. Were they children or free citizens of the State of Perlis? Did they not have the courage to acknowledge their own decision? It would be ignominious to shelter behind Colonel Day, who in any case must sign the Minute as a member of the Council".[8]

Oleh demikian perjanjian terpaksa ditandatangani pada pukul 11.50 pagi 4 Disember 1945. Telah diperdebatkan oleh sejarawan bahawa ada di kalangan Sultan Melayu yang menandatangani perjanjian dengan MacMichael tanpa pengetahuan anggota Majlisnya. Ini kemudiannya diperlihatkan sebagai faktor utama penentangan pembesar dan rakyat Melayu terhadap Sultan.[9] Oleh itu didapati amat berguna ditunjukkan bahawa keadaan yang sebaliknya telah wujud di Perlis. Di sini pihak British telah berusaha dan berjaya memperolehi persetujuan bertulis seluruh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, walaupun dengan tekanan dan paksaan, di belakang Raja. Selain daripada tandatangan MacMichael dan Raja Syed Putra, dokumen tersebut turut mengandungi tandatangan dua orang ahli Melayu Majlis, Haji Ahmad dan Wan Ahmad sebagai saksi.[10]

---

[8] Op. cit.

[9] Sultan tersebut ialah Sultan Ibrahim dari Johor. Cheah Boon Kheng, "The Erosion of Ideological Hegemony and Royal Power and the Rise of Postwar Malay Nationalism, 1945-1946", dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. XIX, No. 1, March 1988, m.s. 23.

[10] Perjanjian MacMichael-Perlis. Lihat J. de V. Allen, A.J. Stockwell, L.R. Wright (eds.), *A Collection Of Treaties And Other Documents Affecting The States Of Malaysia 1761-1963. Volume I*, (New York: Oceana Publications Inc., 1981), m.s. 425.

Sebagai langkah terakhir sebaik sahaja perjanjian dimeterai Raja dan Majlis melemparkan kepada pegawai British itu memorandum yang ditujukan kepada Pesuruhjaya Tinggi yang berbunyi seperti berikut:

> "After discussion, due consideration and the exchange of views concerning details mentioned in this document, we are unanimously not satisfied to agree to the terms of that agreement for the following reasons....".[11]

Terdapat lima sebab semuanya yang mendorong bantahan di atas tetapi paling penting ialah terhadap pemansuhan autonomi kerajaan melalui penyerahan hak dan kuasa Rajanya kepada Maharaja Britain dan terhadap kehilangan sepenuhnya autonomi kerajaan dan juga kepentingan masing-masing sebagai pemerintah kerajaan.[12] Bukan seperti tentangan pihak pemerintah kerajaan Melayu lain, faktor yang paling kuat ditentang oleh Raja dan anggota Melayu Majlis bukan pencerobohan hak orang Melayu oleh orang Cina, yang hanya mencatat 10% daripada jumlah penduduk dan yang tidak memegang apa-apa jawatan di dalam Majlis, mahupun pemberian hak kewarganegaraan kepada kaum ini ataupun kepada kaum lain.[13]

Dalam pada itu ingin ditekankan bahawa seperti yang disedari oleh MacMichael kertas bantahan ini telahpun siap disediakan sebelum tandatangan masing-masing diturunkan di atas perjanjian yang dibawanya itu:

---

[11] "The findings of the Members of the State Council of Perlis concerning the draft agreement brought by Sir Harold MacMichael on 3.12.45", Appendix A, dalam MacMichael kepada Gater 17 December 1945, Papers of John Hamer, op. cit.

[12] Lihat op. cit

[13] Yang ditentang ialah cengkaman ekonomi orang Cina. Lihat sebab kelima dalam op. cit. Untuk perbincangan mengenai pemberian hak kewarganegaraan kepada orang Cina di dalam Persekutuan Tanah Melayu, lihat F.G. Carnell, "British Policy In Malaya", dalam *Political Quarterly*, vol. 23, 1952, m.s. 270-271.

> "The effect of this wording, if not the purpose of it, was to give the impression that the Treaty had been signed under duress, and the existence of the memorandum in that form, even allowing for the fact that it had been composed and typed before the final meeting at which the Agreement was concluded might have given the Colonial Office trouble in the future".[14]

MacMichael memang memahami bahawa ini merupakan tindakan bersama Raja dan Majlis. Pada 10 Disember tahun yang sama ia menghantar isyarat kepada SCAO di Alor Star mengarahkannya untuk mempengaruhi agar Raja Syed Putra membatalkan perkataan-perkataan yang "tidak menyenangkan" itu. Brigadier Newboult melaksanakan arahan ini dan bahkan mengambil satu langkah tambahan. Pada 13 Disember ia menemui Raja seorang diri tanpa kehadiran anggota Majlis lain bukan di Perlis tetapi di kediaman rasminya di Alor Star. Sebenarnya Penasihat Perlis Day telahpun lebih awal mendapatkan persetujuan baginda untuk menukar perkataan tersebut sehingga berbunyi demikian:

> "In the short time available, though we have consented to the agreement referred to, we unanimously wish to lay before His Majesty's Government the five points mentioned below and ask for its earnest consideration on these points before a final decision is made and before effect is given to the policy which is detailed in the explanation note handed to us by Sir Harold MacMichael".[15]

Namun MacMichael mahukan lebih daripada itu. Ia tidak mahu lagi tandatangan ahli-ahli Melayu Majlis kelihatan di atas sebarang surat-menyurat rasmi yang berkaitan lalu mengeluarkan arahan kepada Newboult untuk mempengaruhi Raja Syed Putra menanda-

---

[14] MacMichael kepada Gater, op. cit.

[15] Appendix B, Copy of Signal from B.M.A. to S.C.A.O., op. cit.

tangani memorandum ini seorang diri.[16] Ini gagal dilakukan sebagaimana dilaporkan oleh Newboult:

> "I then proceeded to point out certain details in which the memorandum could be improved. As it stood it represented the views of the State Council. I suggested that it should come from His Highness, mentioning that he had consulted the State Council if he wished to do so. His Highness took the point but is clearly not firmly enough in the saddle to have the State Council out of the matter. He preferred to start off with "I and the members of State Council...", and finish with all their signatures. I pointed out that, though Colonel Day was a member of Council, he was not a party to the memorandum. His Highness replied that it was obvious that it was from the Malay members only".[17]

Newboult menekankan kebergantungan Raja pada anggota dengan harapan agar kelemahan ini akan lenyap suatu ketika nanti:

> "I have hopes that the Raja will, in time, give a far more intelligent and forceful lead than he can at present. He is obviously feeling his way and is reluctant to force his views against those of the older members of his Council. He will in time".[18]

Tetapi sedangkan baginda bergantung pada sokongan mereka, anggota Melayu Majlis ini telah berpaling tadah terhadapnya dengan berselindung di bawah sepanduk nasionalisme UMNO sejak 1946. Dalam percubaan mempertahankan kedudukan sendiri, mereka telah menjadikan Raja yang muda dan baru ini sebagai korban. Mereka langsung tidak mengakui bahawa mereka turut menandatangani Perjanjian MacMichael bahkan mengapi-apikan perasaan rakyat Melayu dalam kerajaan untuk bangkit menentang Raja sebagaimana

---

[16] MacMichael kepada Gater, op. cit.
[17] Appendix C, Note by Brigadier Newboult, dalam op. cit.
[18] Op. cit.

yang berlaku di seluruh pelusuk Semenanjung.[19] Selain daripada terbawa-bawa oleh arus perledakan semangat kebangsaan, tidak dapat dinafikan ada di kalangan anggota Melayu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis yang mengambil kesempatan ke atas keriuhan itu bagi membalas dendam terhadap institusi Raja. Mereka ialah Ketua Kadi Haji Muhammad Nor dan adiknya Ketua Hakim Haji Ahmad. Ini bertolak daripada pengalaman pahit yang dialami oleh mereka di bawah pemerintahan Raja Syed Hamzah sebelum itu. Malangnya Raja satu yang 'mengerjakan' mereka, Raja lain pula yang mendapat padah. Untuk memahami tindakan dua orang anggota Majlis Mesyuarat Negeri ini, perbincangan perlu patah balik sedikit kepada keadaan semasa Pendudukan Jepun.

Raja Berkuasa Mutlak Semasa Perang Dunia Kedua

Dalam analisa kedudukan dan kuasa Raja Perlis semasa Perang Dunia Kedua didapati berguna merujuk kepada beberapa tulisan sarjana. Pertama ialah karya Yoichi Itagaki yang ditulis pada tahun 1952 berdasarkan penyelidikannya di Tanah Melayu dari Disember 1942 sehingga tamatnya Perang. Dalam menggariskan secara kasar dasar-dasar pentadbiran ketenteraan Jepun ke atas Tanah Melayu, Itagaki mengemukakan satu ciri penting dalam bahagian pengenalan bahawa:

> "Several months after the occupation of Malaya and Indonesia, Japanese policy followed the lines of British and Dutch pre-war colonial policies and made the most of the machinery and administration and personnel of the former regime to avoid any sudden adverse influence upon people. This orientation of Japanese policy which favoured the old-established ruling class disappointed pro-

[19] M.J. Hayward. "Recollections of Perlis, Trengganu, Pahang and Malacca 1950-1957", Reports of British Adviser, Perlis 1953-7, Papers of John Hamer, MSS Ind Oen s316, Box 2, File 8

gressive youthful leaders who fervently desired drastic renovation".[20]

Penggunaan pihak pemerintah asal oleh pihak ketenteraan Jepun memang bertepatan dengan cita-cita Syed Hamzah untuk menjadi Raja, lebih-lebih lagi setelah mentah-mentah ditolak oleh seluruh Majlis dan pihak British dalam rebutan jawatan Bakal Raja sebelum Perang. Maka di antara pemerintah asal Syed Hamzahlah orang yang paling sesuai dan paling jelas akan bekerjasama dengan pihak Jepun. Ini ditambah dengan ketiadaan Raja Syed Alwi di dalam kerajaan sebaik sahaja Perang meletus pada 1941. Tidak hairanlah pihak Jepun memberikannya kesempatan memegang pucuk pimpinan di dalam vakum ini dan melantiknya sebagai Pemangku Raja Perlis.[21] Tetapi sebagaimana Raja-raja Perlis sebelumnya memandang kepada Siam dan British sebagai kuasa pengesah dan pelindung semata-mata, begitu juga Syed Hamzah memandang kepada Jepun. Nampaknya di Perlis pihak pemerintahnya sering mengamalkan dasar bekerjasama dengan kuasa asing dengan berjaya pula.

Setelah dibawa balik pada 28 Disember 1941, Raja Syed Alwi jarang kelihatan tampil ke hadapan dan ini diperkatakan sebagai berpunca daripada kegeringan.[22] Ini bermakna Syed Hamzah terus memegang pucuk pimpinan Melayu. Ia bahkan dilantik sebagai Bakal Raja menggantikan Syed Putra yang berada di Kuala Lumpur semasa Perang meletus.[23] Berikutan kemangkatan Raja Syed Alwi pada 2 Februari 1943, Syed Hamzah ditabalkan sebagai Raja Perlis kelima

---

[20] Yoichi Itagaki, "Outlines Of Japanese Policy In Indonesia and Malaya During The War With Special Reference To Nationalism Of Respective Countries", *Hitotsubashi Academy Annals* (Tokyo), Vol. 2, No.2, 1952, m.s. 112.

[21] Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan. Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, (Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992), m.s. 162. Selepas ini disebut *Perlis Indera Kayangan*.

[22] Ibid., m.s. 163-164.

[23] Ibid., m.s. 164.

pada hari yang sama, yakni sebelum jenazah Al-Marhum dikebumikan.[24] Kenaikan takhta Raja Syed Hamzah memang bertepatan masa memandangkan perubahan besar yang bakal melanda politik Perlis umumnya dan institusi Raja Perlis khususnya. Tetapi sebelum membincangkan perubahan ini didapati berguna merujuk kepada pandangan berbeza mengenai kedudukan dan kuasa Raja-raja Melayu semasa Perang. Apa yang dipersoalkan di sini ialah samada benar Raja Syed Hamzah melalui pengalaman yang sama seperti Raja-raja Melayu lain yang didapati oleh sejarawan tempatan Cheah Boon Kheng seperti di bawah:

> "During the early phase of Japanese occupation, the Sultan was deemed not a ruler but merely a religious leader... In January 1943 the MMA allowed the Sultans to use the honorific title of Sultan, but still confined their authority to religion. In 1944 the Sultans were given back a great deal of their prewar allowances and powers, but not their status as sovereign rulers. In the state councils set up in 1944 the Sultans became vice-chairmen and advisers to the Japanese governors, the chairman, a reversal of the roles which existed before the war when the Sultan was chairman and the British Resident the adviser".[25]

Sebenarnya pemerhatian di atas tidak mencorakkan keadaan yang sebenar mahupun yang keseluruhan dalam politik kerajaan Perlis buat masa itu. Ini kerana harus diingat bahawa pada tahap awalnya tentera Jepun yang mentadbir Perlis memang bergantung pada Syed Hamzah dan segolongan pentadbir Melayu di bawahnya, yang akan dibincangkan kemudian, dari semasa Raja Syed Alwi berada di luar Perlis sehingga baginda dibawa balik. Dalam tempoh tersebut, Syed Hamzahlah yang menjadi pengganti. Kedudukan Raja Syed Alwi

---

[24] Ibid., m.s. 166.

[25] Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya. Resistance and Social Conflict During And After the Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, (Singapore, NUS. Singapore University Press, Second Edition, 1987), m.s. 41.

walaupun hanya sebagai satu simbol yang dipergunakan oleh Jepun untuk menenangkan hati rakyat, ternyata apabila baginda dibawa balik dari Kuala Kangsar. Namun pihak Jepun sebenarnya mendapati lebih sesuai menggunakan Syed Hamzah dan kelompoknya sehingga memperkenankannya (Syed Hamzah) sebagai bakal pengganti Raja.

Justeru tidak munasabah kalau mendakwakan bahawa Raja Syed Hamzah sebaik sahaja menaiki takhta pada 2 Februari 1943 dengan serta-merta diketepikan oleh pentadbiran tentera Jepun. Perbezaan perlaksanaan dasar Jepun terhadap Raja-raja Melayu memang diakui oleh Itagaki sebagai:

> "In Malaya, the policy for Sultans was most important resulting from historical circumstances. However, the policy was not always carried out with consistency".[26]

Tidak lama selepas ditabalkan Raja Syed Hamzah telah menikmati kuasa mutlak, yang tidak pernah dinikmati oleh Raja-raja sebelumnya berikutan 'penyerahan' Perlis ke dalam naungan Maharaja Negeri Thai pada 18 Oktober 1943.[27] Raja Syed Hamzah memang naik takhta tepat masanya. Tetapi sebelum itupun seperti menurut sejarawan Mohammad Isa Othman:

> "... apabila Jepun memulakan operasi untuk menawan India, satu dasar yang lebih baik untuk sultan diperlukan bagi menyakinkan raja-raja India yang mereka tidak akan rugi jika menyokong Jepun. Pentadbiran peringkat tinggi di Tokyo dan Singapura juga melihat akan wujudnya nilai positif dalam usaha memenangi hati rakyat jika kedudukan sultan sebelum perang dikembalikan. Dalam satu persidangan perwakilan sultan-sultan Tanah Melayu dan Sumatera, yang diadakan di Singapura pada 20 Januari 1943,

---

[26] Itagaki, op. cit., m.s. 187.

[27] Mohammad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), m.s. 50

satu pengumuman penting dibuat yang menjamin kedudukan sultan. Prinsip tersebut ialah:

i. Pengiktirafan rasmi ke atas gelaran kemuliaan sultan;
ii. Pengesahan kedudukan dan darjat sebagai kuasa tertinggi dalam hal-ehwal agama Islam;
iii. Bayaran pencen dan sagu hati kepada sultan disamakan seperti sebelum perang;
iv. Hak sultan untuk mendapat semula harta benda baginda".[28]

Maharaja Siam dahulu hanya menganggap Raja Perlis di bawah naungannya sebagai Gabenor semata-mata tetapi campurtangannya dalam pentadbiran kerajaan ini adalah terhad. Naungan di bawah kuasa asing ini tidak pernah menghalang pihak pemerintah kerajaan Perlis, daripada menikmati autonomi, mengapa pula Raja Syed Hamzah harus berhenti sekarang?

Sebaliknya Raja Syed Hamzah bukan sahaja membolot kedudukan kerajaan sebagai Raja malah turut membolot kuasa dan kedudukan tertinggi di kalangan anggota-anggota Majlis Mesyuarat Negeri yang dipilih olehnya sendiri. Setelah memecat Haji Muhammad Nor dan Haji Ahmad baginda menggantikan keahlian mereka dengan 'orang sendiri' Pegawai Kewangan Sheikh Ahmad Hashim dan Ketua Polis Che' Mat Haji Kassim. Sementara itu baginda mengekalkan Wan Ahmad dan menambahkan seorang ahli baru iaitu abangnya Tuan Syed Hussin bin Raja Syed Safi yang bersama-samanya telah dikeluarkan daripada rebutan takhta pada 1930-an.[29] Keadaan ini berlangsung sehingga Raja Syed Hamzah turun takhta secara sukarela selepas Perang tamat pada tahun 1945. Dalam tempoh pemerintahannya politik Perlis telah menyaksikan buat pertama kali bertakhtanya seorang raja yang berkuasa mutlak yang berjaya meletakkan seluruh Majlis di bawah telunjuknya.

---

[28] Ibid., m.s. 37

[29] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 162-163

Ini jelas berbeza dengan keadaan yang menyelubungi keempat-empat Raja Perlis sebelumnya. Nenek-moyangnya Raja Syed Hussein dan Raja Syed Ahmad, serta ayahandanya Raja Syed Safi dikawal oleh keluarga pembesar yang diketuai oleh Dato' Arau lalu menjadikan Perlis sebuah kerajaan yang dikuasai oleh sebuah keluarga pembesar yang tunggal. Raja Syed Safi bahkan dikawal oleh saudara tirinya Syed Salim al-Jafri dan paling dahsyat dikawal oleh Sultan dan Perdana Menteri Kedah sejak 1897. Raja Syed Alwi pula sejak 1905 perlu berkongsi kuasa dengan anggota-anggota Melayu Majlis, dan dengan Penasihat British yang bukan sekadar 'menasihati'nya. Pendek kata, Raja-raja Perlis sebelum Raja Syed Hamzah belum pernah menikmati kekuasaan mutlak.

Dalam pada itu ingin ditonjolkan kuasa dan kedudukan Raja Syed Hamzah selaku ketua agama Islam Perlis. Walaupun kedua-dua agama Islam dan adat-istiadat Melayu disahkan sebagai monopoli Raja yang berada di luar kawalan Penasihat dalam Perjanjian 1930, namun belum pernah disebut kedudukan Raja sebagai ketua agama Islam. Ini berbeza dengan keadaan mulai 20 Januari 1943 yakni pengesahan Raja-raja Melayu oleh pentadbiran ketenteraan Jepun sebagai Ketua Agama Islam masing-masing.[30] Hanya Raja Syed Alwi yang boleh dikatakan menguasai hal-ehwal agama Islam dan kedudukan ini diwarisi oleh Raja Syed Hamzah.

Dengan memiliki kedudukan sebagai Ketua Agama Islam ini Raja Syed Hamzah tidak membuang masa lalu 'membersihkan' segala fahaman tersebut yang didakwakan sebagai "ajaran sesat".[31] Tetapi ini sebenarnya merupakan satu langkah politik demi memadamkan pengaruh dan kuasa dua orang anggota Majlis Mesyuarat yang telah dipecatkannya yakni Haji Muhammad Nor dan Haji Ahmad. Semasa sama-sama berada di dalam Majlis sebelum Perang pun sudah wujud

[30] Lihat nota 25 di atas.
[31] Lihat nota 38 di bawah

di dalam hubungan mereka dengan Syed Hamzah suatu garis pemisah yang ketara: pertama, yang melibatkan perjalanan pentadbiran agama schari-hari, dan kedua yang melibatkan penentangan mereka terhadap Syed Hamzah dalam pencalonan Bakal Raja. Jelas agama tidak merupakan asas tunggal mahupun asas utama perjuangan mereka berdua ini.

Tidak dinafikan mereka dan Syed Hamzah mendukung ajaran pembaharuan agama Islam yang sama. Sarjana W.R. Roff memerhatikan terdapat dua tahap gerakan pembaharuan wujud di Tanah Melayu, tahap pertama yakni sebelum tahun-tahun 1920-an memperlihatkan penekanan dalam soal keagamaan berserta soal masyarakat dan pendidikan; manakala tahap kedua mulai 1920-an menyaksikan perubahan kecenderungan kepada soal sekular khususnya politik.[32] Berpandukan pada penzamanan ini, sejarawan Abdul Rahman Haji Abdullah, dalam menampilkan penulisan yang amat baik mengenai "gerakan pembaruan agama" di Perlis, mendapati bahawa ahli-ahli Majlis berkenaan yang menjadi penyebab kepada kejayaan gerakan. Tetapi ia menolak istilah "Kaum Muda-Kaum Tua" dan sebaliknya menggunakan istilah "Ahli Sunnah" apabila merujuk kepada para reformis ini.[33]

Walau bagaimanapun perlu ditekankan di sini bahawa asas perjuangan kedua adik-beradik ini ialah politik manakala agama diberikan tempat kedua. Dengan kedudukan di dalam Majlis maka lebih senang mereka melaksanakan dasar-dasar reformis agama di dalam kerajaan. Bukti yang paling ketara ialah pembentukan sistem pungutan Zakat dan Fitrah yang menjayakan pembinaan Masjid Kangar pada 1930-an, seperti yang telah disentuh dalam Bab 4. Sudah tentu

---

[32] W. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Second Edition, 1974), m.s. 211.

[33] Abdul Rahman Hj. Abdullah, "Gerakan Ahli Sunnah Di Perlis: Suatu Kajian Tentang Kaum Muda (1927-1970)," Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan), Universiti Sains Malaysia, 1979/1980, m.s. 22.

tidak kurang penting di sini ialah pemikiran Raja Syed Alwi yang progresif sehinggakan baginda menjadi pendukung tertinggi fahaman berkenaan bukan pembantut, tidak seperti Sultan-sultan kerajaan lain yang mengharamkannya.[34]

Disebabkan asas perjuangan Haji Muhammad Nor dan Haji Ahmad ialah politik, maka tidak menghairankan hal-ehwal pentadbiran agama sehari-hari diserahkan kepada satu golongan lain yang mendukung fahaman yang sama. Di kalangannya ialah Sheikh Abu Bakar al-Shaari yang dijemput khas oleh Haji Ahmad ke Perlis pada 1936 untuk menjawat jawatan Imam Besar di Masjid Alwiyah, Kangar. Di antara sumbangan terbesarnya ialah penulisan risalah dan kitab serta penafsiran semula ajaran agama Islam agar berpandukan pada al-Quran dan Hadis.[35] Tokoh-tokoh lain yang turut menyumbangkan khidmat di Perlis ialah Sheikh Mahmud bin Mat Saman, Haji Abdul Ghani bin Dato Sakti, Haji Abdul Karim bin Haji Mohd. Noor dan Ustazah Shahrom binti Sheikh Muhammad yang juga menyebarkan pemikiran baru melalui jawatan mereka sebagai guru sekolah agama. Pihak inilah yang kemudiannya menyertai parti politik PAS sementara ahli-ahli Majlis menyertai UMNO selepas Perang Dunia Kedua disebabkan perpecahan fahaman politik.[36]

Sementara itu konflik kepentingan politik di antara Haji Muhammad Nor dan Haji Ahmad ini dengan Syed Hamzah memuncak semasa Perang Dunia Kedua telah mengakibatkan kemerosotan dalam gerakan pembaharuan agama dan ajaran Islam yakni satu "Peringkat Kebekuan", sepertimana ditakrif oleh Abdul Rahman Abdullah.[37] Kali ini Raja Perlis pula menjadi pembantut gerakan tetapi atas sebab

---

[34] Ibid., m.s. 19 dan 20.
[35] Ibid., m.s. 14
[36] Ibid., m.s. 37-38
[37] Ibid., m.s. 26-28

politik bukan agama seperti yang dapat dilihat dalam petikan di bawah:

> "Jikalau dari segi pertama mereka dimusuhi kerana dianggap "bersubahat" dalam usaha Syed Hamzah mendapatkan "haknya" sebagai bakal raja, maka dari segi kedua fahaman atau aliran yang mereka perjuangkan telah didakwa oleh Syed Hamzah sebagai "suatu ajaran sesat".[35]

Menghadapi kehilangan kuasa politik dan agama ini, tidak hairanlah sekembalinya ke dalam Majlis selepas Perang tamat, Ketua Kadi Haji Muhammad Nor dan adiknya Ketua Hakim Haji Ahmad berusaha pertama sekali menghadkan kuasa dan pengaruh Raja. Nampaknya di sini pengalaman pahit dan kesulitan hidup Syed Putra yang telah memenangi simpati dan sokongan BMA tidak berapa berkesan ke atas para anggota Majlis. Juga tidak keterlaluan jika mengatakan Syed Putra telah menaiki takhta pada masa dan dalam keadaan yang silap.

Walaupun dapat dijangka bahawa mereka sebenarnya tidak mengharapkan MacMichael membawa perjanjian yang sebegitu berat ke Perlis dan mereka sebenarnya tidak rela menurunkan tandatangan walaupun sebagai saksi, namun tidak dapat dinafikan dokumen ini dan perledakan nasionalisme UMNO akan membantu Majlis menghadkan dan menggaristetapkan kuasa dan pengaruh Raja, khususnya di dalam sebuah perlembagaan.

Perseimbangan Kuasa Baru, 1948-1957

Di sebalik layanan buruk yang telah diberikan kepada Raja Syed Putra, anggota-anggota Melayu Majlis mendapati mereka masih, malah sangat memerlukan baginda sebagai satu institusi teras yang akan membentuk kerajaan berperlembagaan Perlis pada 1948. Ide raja

[35] Ibid., m.s. 28.

berperlembagaan ini sebenarnya telahpun diterapkan dalam Perjanjian MacMichael dan diterima oleh para nasionalis UMNO Semenanjung. Sepertimana diperhatikan oleh Cheah:

> "... Onn (Datuk Onn bin Jaafar) and UMNO wanted to regard the rulers as constitutional monarchs, and thereby undermine the validity of the MacMichael treaties...
>
> UMNO made its claim that it wanted the rulers to be reinstated as their rulers and heads of religion, but with limited powers in Malay customs and the Islamic religion".[39]

Keperluan terhadap Raja di Perlis ini kemudiannya diterapkan ke dalam Perjanjian Persekutuan, Perlis 1948 dan Perlembagaan 1948-1950. Malah perjanjian tersebut hanya berfungsi sebagai pembuka jalan kepada perlembagaan kerajaan yang dikenali sebagai Undang-undang Tubuh-Kerajaan, Perlis Bahagian I 1948 dan Bahagian II 1950.[40]

Berkenaan kedudukan dan kuasa institusi Raja nampaknya tiada perubahan ketara jika dibandingkan dengan peruntukan Perjanjian Perlis-British 1930. Sebaliknya peruntukan yang lebih awal itu telah diterapkan dan disesuaikan mengikut keperluan masa. Fasal kesembilan Perjanjian 1948 menjadi bukti:

> "His High Highness undertakes to govern the State of Perlis in accordance with the provisions of a written Constitution....".[41]

---

[39] Cheah Boon Kheng, "The Erosion of Ideological Hegemony", op. cit. m.s. 25.

[40] Lihat The Perlis Agreement 1948, m.s. 1-4 diikuti dengan The Laws Of The Constitution Of Perlis (First Part) 1948 (selepas ini disebut Perlembagaan 1948), m.s. 5-32. Di dalam simpanan koleksi Perlis Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar.

[41] The Perlis Agreement 1948, ibid., m.s. 2.

Lebih penting kuasa institusi ini dipertahankan oleh Perlembagaan 1948 yang menetapkan Raja sebagai kuasa yang tertinggi di dalam kerajaan masing-masing, dalam fasal ke-10 dan ke-11 seperti berikut:

> "X. The executive authority of the State shall be exercised by His Highness either directly or through officers of the Government of the State but nothing shall prevent the Council of State from conferring functions upon persons or authorities other than His Highness.
> XI. All executive authority of the State shall be expressed to be taken in the name of the Ruler".[42]

Pada masa yang sama Raja turut mengekalkan kedudukannya sebagai Presiden kepada badan eksekutif yang tertinggi, yakni Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis yang menggantikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis lama.[43]

Walau bagaimanapun perbezaan ketara dapat dikesan di dalam peruntukan sistem kenaikan takhtanya. Perlembagaan 1950 di samping menjaminkan dan menerapkan secara bertulis sistem kenaikan takhta Perlis sebenarnya juga menyemak semula dan memperbaiki kelemahan awal. Ciri-ciri utamanya adalah seperti berikut: pertama, dokumen ini mewujudkan sebuah Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang dianggotai oleh Raja sendiri, empat orang ahli yang merupakan lelaki dan kerabat diraja Perlis, serta lima orang ahli biasa bukan kerabat. Di sini keutamaan diberikan kepada amalan agama Islam memandangkan di kalangan anggota bukan kerabat itu seorang mesti merupakan Mufti kerajaan dan seorang lagi mesti berpengetahuan dalam agama ini.[44]

---

[42] Perlembagaan 1948, op. cit., m.s. 10.

[43] Ibid., m.s. 10-11dan 16-17.

[44] The Laws Of The Constitution Of Perlis 1950 Part II (selepas ini disebut Perlembagaan 1950), m.s. 6. Juga di dalam simpanan koleksi Perlis Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar.

Kedua, terutamanya demi mengelakkan kekeliruan mengenai hak cabang-cabang berasingan kerabat diraja ke atas takhta, Perlembagaan yang sama turut menggariskan dengan tepat dan tetap hak mengikut kepentingan. Pertama dan yang paling penting dipertimbangkan ialah anak (Raja) lelaki Raja Syed Putra sendiri. Hanya selepas itu akan dipertimbangkan pencalonan cabang Raja sebelumnya iaitu cabang mendiang Raja Syed Alwi. Tetapi seperti yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini, Raja keempat ini tidak mempunyai waris langsung. Seterusnya, sekiranya keputusan muktamad masih tidak dapat dicapai barulah Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja akan mempertimbangkan pencalonan daripada cabang-cabang lain yakni cabang Raja Syed Safi, cabang Raja Syed Ahmad, dan akhirnya cabang Raja Syed Hussein.[45]

Ketiga, dokumen ini telah menggantikan jawatan Bakal Raja dengan jawatan Raja Muda. Dengan ini ia telah memansuhkan amalan lama yang meletakkan Bakal Raja sebagai bakal pengganti takhta dan Raja Muda sebagai pemegang kuasa eksekutif yang seharusnya tidak berpeluang menaiki takhta. Kini Raja Muda yang merupakan bakal pengganti takhta tetapi tidak memegang apa-apa kuasa eksekutif. Adalah berguna untuk memetik bahagian "Waris" di dalam Perlembagaan 1950 ini seperti di bawah:

> "27. An Heir shall be a person who is Malay, a descendant of a Sovereign as provided in this Part, a male, and of the Muslim Religion *Ahli Sunnah Waljama'ah*.
> 28. The Heir-apparent shall be designated by the title of Raja Muda Perlis, to be called in English the Crown Prince of Perlis, and no other person shall use that title.
> 29. An Heir has no authority whatsoever to take part nor may he interfere in any affairs of the State or Government, excepting only when he has the command of the Sovereign:

[45] Ibid., m.s 5.

Provided that if any such person is appointed to be an officer in the State this Article shall not apply to the performance of his duties while holding such office".[46]

Pada masa yang sama anggota Majlis Mengangkat Raja ini turut secara bertulis mempunyai kataputus dalam perlantikan Raja Perlis berbanding Perjanjian 1930 yang hanya menekankan perlantikan Raja oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sekarang Majlis yang dibentuk khas untuk memilih, melantik, dan menabalkan Raja-raja Perlis berhak menolak seseorang waris bahkan melantik seorang yang bukan merupakan anggota kerabat diraja sebagai Raja Perlis sepertimana dimaktubkan dalam fasal ke-11 dan ke-12:

"11(3) If the Council of Succession refuses to confirm the Heir-apparent or Heir-presumptive as the case may be, as the Sovereign, it shall, subject to the same power to refuse, confirm the next in order of succession of the other Heirs and so on, always subject to the same power to refuse, until the Council has confirmed one of the other Heirs to be the Sovereign.

12(1) Whenever the Throne and Sovereignty of Perlis become vacant owing to the failure of issue or owing to the refusal of the Council of Succession to confirm the last heir, it shall be the duty of the Council of Succession to choose and appoint some person to become the Sovereign:

Provided that the person to be chosen and appointed shall be a male of mature age, sound mind, a Perlis Malay, a subject of the State of Perlis, professing the Muslim Religion *Ahli Sunnah Waljama'ah*, of good but not necessarily of Royal blood....".[47]

Sehubungan dengan itu Haji Ahmad khususnya selaku Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis tidak

[46] Ibid., m.s. 11.
[47] Ibid., m.s. 6-7.

ketinggalan memasukkan peruntukan yang berkaitan dengan fahaman pembaharuan agama yang didukungnya itu ke dalam Perlembagaan 1948-1950.[48] Oleh yang demikian Perlembagaan 1948 menetapkan bahawa agama rasmi kerajaan merupakan agama Islam fahaman Ahli Sunnah Waljama'ah dan Perlembagaan 1950 mewajibkan Raja Perlis mendukung fahaman yang sama.[49] Justeru ini merupakan bukti kukuh bagi menolak pandangan J. Allen bahawa:

> "In the Malay States, on the other hand, where religion by treaty was reserved to the Rulers themselves and their advisers, the Kaum Tua defeated the Kaum Muda elements, convicted them of heresy or slipped them away to the Straits Settlements colony (where freedom of religion applied), and so preserved the Rulers' considerable authority with the masses as unchallenged heads of religion in their states".[50]

Walau bagaimanapun, dalam perubahan penyusunan kuasa politik, anggota Majlis mendapati diri mereka yang menanggung kerugian. Ini disebabkan walaupun mereka menjadi ahli kepada kedua-dua buah Majlis eksekutif berkenaan, namun mereka perlu berkongsi kuasa bukan sahaja dengan Penasihat British tetapi lebih genting lagi juga dengan Menteri Besar. Malah Menteri Besar juga pada masa yang sama memegang jawatan Presiden Majlis yang lama, yang sekarang dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Negeri Perlis.[51] Satu-satunya faktor kekuatan mereka yakni keperluan mendukung fahaman reformis agama Islam itu pun tidak berjaya diperluaskan meliputi jawatan Menteri Besar. Sepertimana dibenarkan oleh fasal ke-36 Perlembagaan 1950:

---

[48] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 163.
[49] Perlembagaan 1948, op. cit., m.s. 7 dan 9.
[50] James Allen, *The Malayan Union*, (Yale, 1967), m.s. 13.
[51] Perlembagaan 1948, op. cit., m.s. 10 dan 17.

> "No person shall be appointed to be Mentri Besar unless he is of the Malay race and professes the Muslim Religion".[52]

Semangat Ke-kerajaan Melawan Semangat Kebangsaan, 1948-1957

Sejarawan Abdul Rahman Haji Ismail menulis bahawa:

> "Kesetiaan kenegerian juga bukanlah hujah yang kuat untuk menafikan kewujudan gejala nasionalisme sebelum tertubuhnya persatuan-persatuan Melayu pada akhir tahun-tahun 1930-an. Penerimaan bersama kekitaan 'kekeluargaan Melayu", yang menganuti, mewarisi dan mengamalkan ciri-ciri umum bersama di Tanah Melayu sebagai satu bangsa sudah cukup untuk meremehkan soal kenegerian ini".[53]

Pernyataan ini tidak tepat bagi anggota-anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis yang telah sebegitu kuat mengamalkan semangat kekerajaan. Bukan itu sahaja tetapi akan ditunjukkan di bawah bahawa golongan ini telah mengalami kemerosotan kuasa di tangan semangat kebangsaan. Inilah yang mendorong mereka mengenepikan sebarang persaingan kuasa yang wujud di antara sama lain dan menumpukan perhatian kepada pemeliharaan kerajaan daripada pencerobohan Menteri Besar.

Sememangnya dalam tahun-tahun 1948 hingga 1957 anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis berkenaan telah bersaing kuasa dengan Menteri Besar secara sengit. Ini benar khususnya bagi Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim yang tampil ke hadapan mengatasi Haji Ahmad dan Wan Ahmad berikutan penglibatan aktifnya di dalam UMNO.

---

[52] Perlembagaan 1950, op. cit., m.s. 13.

[53] Abdul Rahman Hj. Ismail, "'Takkan Melayu Hilang Di Dunia': Suatu Sorotan Tentang Nasionalisme Melayu", dalam *Nasionalisme. Satu Tinjauan Sejarah*, op. cit. m.s 38.

Di sini didapati berguna perbincangan menumpukan perhatian terlebih dahulu pada kenaikan Sheikh Ahmad di dalam politik Perlis, satu watak yang paling berkontroversi. Semasa Perang Dunia Kedua ia berkhidmat di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, di bawah Raja Syed Hamzah, menggantikan keahlian ahli lama. Kemudian selepas Perang tamat ia dicapkan sebagai pembelot oleh pihak British. Seperti yang diketahui, BMA menggunakan satu kayukur berlebihan, yakni sesiapa yang berkhidmat di dalam kerajaan semasa Pendudukan Jepun serta-merta dicap sebagai "pro-Jepun", lebih-lebih lagi jika kakitangan itu dilaporkan sebagai berbaik-baik dengan tentera Jepun di samping menerima habuan tambahan. Dalam satu senarai bertajuk "List of Japanese Collaborators and Corrupted Govt. servants known in Perlis" (tidak bertarikh) Sheikh Ahmad dilaporkan sebagai:

> "Before the War he was assistant state auditor. During Japs. Occupation he was appointed Chairman Sanitary Board.
>
> He was pro-Japs. and anti-British. He delivered a speech on the stage in the Cinema Hall, Kangar, and before a big crowd, cursing against the British, saying that the British are bad etc. etc., and the Japs. were good and strong nation.
>
> Syed Hamzah asked him whether the British could come back and govern Malays. He replied: "I will cut my head off if the British will ever come back." Haji Ismail, Treasurer heard him say the above".[34]

Sebenarnya Sheikh Ahmad disyaki oleh BMA hanya kerana bekerjasama dengan kuasa penaung, iaitu kali ini Jepun dan Thai, demi kerajaan Perlis. Kesetiaannya pada kerajaan berlanjutan dan ia terus berkhidmat di dalam kerajaan tidak kira apakah kuasa asing yang menaunginya. Kesetiaannya terhadap kerajaan bukan sahaja

---

[34] List of Japanese Collaborators and Corrupted Govt. servants known in Perlis, Papers of John Hamer, MSS ind. Oen. s316, Box 2, File 3: Japanese Collaborators 1945

dipertahankan dengan gigih tetapi juga dilakukan tanpa membelot pada British. Demi mematahkan tuduhan pembelotan tersebut ia mengemukakan catatan hariannya, dalam bahasa Inggeris, kepada BMA pada tahun 1946. Dipetik hujahnya yang membuktikan bahawa ia berkhidmat untuk kebaikan kerajaan Perlis, yakni hujah mendukung semangat ke-kerajaan paling menarik yang pernah didengarkan daripada 'mulut' seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, seperti di bawah:

> "Tuesday 9/12/41 H.H. the Raja accompanied by the A.D.C. Wan Ahmad left Perlis by car through Kedah and finally to Kuala Kangsar.
>
> Wednesday 10/12/41 – at about 7.30 a.m., while I was on my way to the office and when I was on the opposite of the Alwi Mosque I met Che Osman (M.C.S.) with the whole of his family in his car and loaded with all his belongings. He stopped the car and we shook hands with each other at the same time saying that he intended to leave the State together with the British Adviser Mr. E.V.G. Day; and added that if I wished to meet the B.A. I had better rush to the Residency as the B.A. himself is hurrying to make a departure.
>
> So, taking his advice I made straight for the Residency with my car when on the way I saw the B.A. together with the Executive Engineer coming in a car from the Residency. And I stopped at the junction of Hospital Road and Kolam Road. The British Adviser and the Executive (Engineer) got out of the car and shook hand with me at the same time bidding farewell and added that they would return before long, and also advised me that I have to arrange with Haji Mat the Chief Judge during their absence and act whatever we think fit. The B.A. confirmed that the British Government would hold all responsibilities should there be any mistake made in our administration of the country. But he strongly advised me not to go against the Japanese but must on no account betray the British".[55]

---

[55] Sheikh Ahmad, "My Diary. A Rough Description of the Happenings immediately before the "Outbreak of the Greater East Asia War" up to the British Re-

Dibandingkan dengan Raja Syed Alwi yang telah melarikan diri ke luar kerajaan maka keputusan Sheikh Ahmad untuk terus setia pada kerajaan Perlis dan untuk berkhidmat di dalamnya bertambah murni lagi. Memang tidak adil dan tidak munasabah sekiranya mengecapkannya sebagai pembelot semata-semata kerana ia kekal menyumbangkan tenaga. Sebaliknya ia hanya merupakan pengisi vakum politik, sebagaimana Raja Syed Hamzah. Tetapi sementara mengakui perkhidmatannya dalam Majlis Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Raja Syed Hamzah, Sheikh Ahmad bertungkus-lumus selepas Perang menafikan sebarang hubungan dengan baginda. Ini kelihatan jelas sekali di bawah:

> "During the Thai Regime I was surprised to find Tuan Syed Hamzah began to be more and more intimate with me. I firmly believed that the change in his behaviour towards me was due to the fact that he was realizing the unfavourable position of the War between the Allies and Germany and also Nippon. And he on several instances tried to appoint me as a member of the State Council, to which I refused as he was not inclined to elect Che' Mat the Chief of Police also to be a Council Member. The reason why he disliked Che' Mat was not known to me. But in the end when he agreed to appoint Che' Mat the C.P.O. I also accepted the offer.
>
> During the period of my membership in the State Council, I had the chance of insisting the Government on granting the retrenched officers with full pensions. I was successful in my attempt as the Council agreed to the proposal. So much so, that even Haji Mat and Wan Ahmad themselves were granted full pensions monthly".[56]

Berhadapan dengan tuduhan membuat ucapan yang "pro-Jepun" dan "anti-British", Sheikh Ahmad tidak menafikan pernah pada suatu

---

occupation of Malaya", Papers of John Hamer, MSS ind. Oen. s316, Box 2, File 5: War Diary of Sheikh Ahmad bin Mohammed Hashim 1946.

[56] Ibid.

masa berucap tetapi menegaskan bahawa ia dibuat atas tujuan dan dengan isi kandungan yang berlainan sama sekali. Dari tulisan Sheikh Ahmad dapat dibayangkan keadaan yang dihadapi serta cara beliau cuba menyeimbangkan antara tekanan serta-merta dari pihak Jepun dan keperluan memelihara kepentingan lebih berjangkamasa panjang:

"I am very much thankful to God that I was never made to deliver any speech on the 8th of every month which was regarded by the Japanese as a Celebration Day – as it was on that day the Great Asia War broke out.

Unfortunately, on only one occasion I was compelled to make a speech at the Kangar Theatre Hall by the Japanese Authorities on Religious Affairs. Here, I had to act on behalf of Tuan Syed Hamzah the Rajah as he was unable to present himself owing to ill-health. At that time I was Secretary of the Perlis Religious Affairs in addition to my own duty as Secretary, Sanitary Board.

I might have been subjected to severe treatment by the Japs had I refused to carry out the duty of making a speech to the public, in consideration of my unsatisfactory conduct, records etc. in the eyes of the Japanese Administrators. Especially so, I was all the time under suspicion of being a British Spy. So, considering all the advantages against me I had to make up my mind of pretending to co-operate with the Japs. by giving a speech. Some of the speakers were Tuan Haji Ismail the Chief Kathi at that time and also Che Salleh the Head Teacher of Arau School (Arabic).

I opened the ceremony with saying that I was very sad as the Raja was not able to present himself at such an important meeting owing to ill-health: and that I had been asked to act on his behalf. I quoted the Japanese Prime Minister's statement that the Japanese Government had no intention whatever to interfere with any Religion, but was prepared to extend all possible aids towards the free-worshipping of any Faith. And went on that because the Nippon Government had no intention to cause any obstruction to the Islam Religion in particular, a Congress Meeting of all Islam representatives from all over Malaya was being held at Singapore. I continued that Perlis had sent two representatives to the Congress Meeting namely:- Tuan Haji Ismail and Che Salleh who were both on this Stage with me. I added that these two Perlis

representatives would be giving their views on what had happened and what had been said at the Meeting at Singapore".[57]

Sebagai satu cara membuktikan bahawa ia tidak bersalah Sheikh Ahmad mengakhiri catatan haraiannya yang disebut di atas itu pada 31 Januari 1946 dengan taktik permohonan untuk bersara daripada perkhidmatan kerajaan untuk menunaikan fardhu Haji di Mekah.[58] Walaupun tidak berjaya menyapu bersih syak-wasangka dan prasangka BMA terhadapnya namun langkah-langkah berkenaan telah membantunya mempertahankan kedudukan dan perkhidmatannya di dalam kerajaan.

Di samping itu Sheikh Ahmad juga terang-terang menegaskan bahawa ia tidak sama sekali menyokong Syed Hamzah dalam soal pemilihan dan perlantikan Bakal Raja dalam tahun-tahun 1930-an itu. Dapat dikesankan nada ini dalam catatan peribadinya, dalam bahasa Melayu, seperti berikut:

"Almarhum Tuan Syed Alwi bin Syed Safi, Raja Negeri Perlis yang keempat tidak mempunyai anak. Oleh yang demikian telah manjadi perselisihan bagi pihak kerabat2 Diraja Negeri Perlis berkenaan dengan bakal Raja di antaranya ialah Tuan Syed Hamzah ibni almarhum Tuan Syed Safi saudara Tuan Syed Alwi dan Tuan Syed Hassan ibni Tuan Syed Mahmud anak saudaranya. Perselisihan ini jadi dalam masa ada lagi hayat almarhum Tuan Syed Alwi. Maka di dalam Negeri Perlis pada masa itu ada dua puak, satu puak berkehendak Tuan Syed Hamzah menjadi Raja dan satu puak lagi berkehendak Tuan Syed Hassan. Maka di antara orang2 yang berkehendak Tuan Syed Hassan menjadi Raja termasuk saya seorang, Tuan Haji Ahmad Hakim, Dato Wan Ahmad dan Tuan Haji Mohamed Nor Kathi, tetapi Tuan Haji Ahmad Hakimlah yang berusaha dan bekerja keras kerana Tuan Haji Ahmad Hakim tersangat rapat dengan Almarhum Tuan Syed

[57] Ibid.
[58] Ibid

Alwi, apa-apa nasihatnya semuanya diterima oleh Almarhom itu".[59]

Namun begitu Sheikh Ahmad yang menasihati baginda turun takhta dengan aman sejurus selepas Perang tamat.[60]

Berbalik kepada perbincangan persaingan kuasa di antara watak ini dengan Menteri Besar, didapati bahawa sebelum Pilihanraya Umum diadakan di seluruh Semenanjung, kerajaan pusat Persekutuan Tanah Melayu telah melantik orang-orang bukan 'anak Melayu Perlis' sebagai pentadbir eksekutif tertinggi di dalam Majlis dan kerajaan yakni Menteri Besar. Watak yang pertama ialah Raja Haji Ahmad bin Raja Haji Endut yang memegang jawatan dari 1 Februari 1948 sehingga 20 September 1956.[61] Ini merupakan tamparan hebat terhadap pemerintah asal yang menyertai UMNO dengan tujuan mengekalkan kedudukan dan kuasa di dalam kerajaan sendiri terutamanya Sheikh Ahmad, seorang pelopor dan Setiausaha Persatuan Melayu Negeri Perlis yang bekerjasama dengan pemimpin pusat menentang Malayan Union dahulu. Persaingan kuasa di antara dua orang ahli Majlis ini ketara memandangkan sementara Menteri Besar dilantik oleh Raja Syed Putra sebagai wakil rasmi Perlis ke Majlis Undangan Persekutuan pada 1948, Sheikh Ahmad pula dilantik oleh baginda sebagai wakil tidak rasmi.[62]

Keadaan semakin runcing berikutan jawatannya sebagai Ketua UMNO Cawangan Perlis yang baru ditubuhkan pada 11 Februari 1949 dan sebagai pemimpin pertama Parti Perikatan Cawangan Perlis pada 1953. Kesempatan itu tiba apabila Raja Haji Ahmad mengambil cuti sakit yang panjang selama lebih tiga bulan lamanya dari akhir

---

[59] "Sejarah Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim – Memeri Besar Perlis", (tidak diterbitkan), 1970, simpanan koleksi Perlis Indera Kayangan, op. cit.

[60] Op. cit.

[61] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 177 dan 187.

[62] Op. cit., m.s. 186.

November 1951 sehingga awal Mac 1952, dan selama enam bulan dari pertengahan Mac 1955 hingga pertengahan September tahun yang sama. Dengan menjadikan masalah kesihatan Menteri Besar sebagai isu politik, Sheikh Ahmad mendapatkan kerjasama ahli-ahli Majlis lain yang sama-sama mendukung kesetiaan pada kerajaan untuk mengusir orang bukan 'anak Melayu Perlis' ini daripada kerajaan, lalu sendiri menjadi Menteri Besar. Malangnya kerajaan pusat berkeras meletakkan pegawai Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan di sini. Justeru dalam dua tempoh berkenaan sekali lagi orang bukan 'anak Melayu Perlis' dilantik memangku jawatan Menteri Besar Perlis. Mereka ialah Ahmad Haji Husin dan Dato' Laksamana Mohd. Razali Haji Mohd. Ali Wasi.[63]

Setelah memenangi kerusi Pilihanraya Umum 1955 sebagai calon UMNO Perlis, Sheikh Ahmad mempertingkatkan tentangannya ke atas kemasukan orang luar ke dalam kerajaan Perlis. Ini seperti yang dilaporkan oleh Penasihat British semasa John Hamer:

> "The move to replace the Mentri Besar... has continued and proposals are now more precise. His Highness, having heard rumours, asked me to discover privately whether the local UMNO was preparing a petition demanding the M.B.'s removal. H.H. quite agreed that the M.B. should now consider resigning but objected to it being brought about it in such a way. The rumour was correct, the intention being to bring about resignation or dismissal by 1st June. I met Sheikh Ahmad who was quite frank about it. I pointed to him that it would be more tactful to let H.H. know their feelings as individuals rather than raise the issue in a petition. In the meantime I suggested to H.H. that rather than wait he might be more in control of the situation if he took the initiative....".[64]

---

[63] Op. cit., m.s 186 dan 192-193.

[64] Hamer, Report of British Adviser, Perlis 1955, Papers of John Hamer, MSS ind. Oen. s316, Box 2, File 8 Reports of British Adviser, 1953-7.

Bukan sekadar itu Sheikh Ahmad dan ahli Melayu Majlis mempergunakan cadangan Raja Haji Ahmad agar kerajaan membiayai lawatan rasmi Raja Syed Putra ke Jepun sebagai isu untuk mengusirnya. Bahkan Sheikh Ahmad mengugut untuk meletak jawatan sebagai anggota Majlis sekiranya kerajaan pusat tidak mengambil tindakan. Penasihat British sudah tentu tidak membiarkan memandangkan kedudukannya (Sheikh Ahmad) sebagai ketua UMNO Perlis sepertimana ditulisnya bahawa:

> "As he is the leader of U.M.N.O. here I think this is a serious matter. I am endeavouring to persuade him out of this course without involving myself with the M.B. I am not sure whether I shall succeed".[65]

Kejayaan Sheikh Ahmad itu dicapai apabila Raja Haji Ahmad meletakkan jawatan pada 20 September 1955, satu hari selepas bertolaknya baginda ke Jepun. Sepertimana ia sendiri mencatatkan kemudian tentang persaingan kuasa dengan Raja Haji Ahmad:

> "Saya sangat rapat dengan Dato' Onn dan apabila beliau melawat Negeri Perlis selalu tinggal di rumah saya sungguhpun ada Menteri Besar Raja Haji Ahmad iaitu Menteri Besar yang dilantik dan bukan dipilih oleh rakyat".[66]

Namun begitu hubungan serapat-rapatnya itu pun tidak dapat membantu Sheikh Ahmad menjadi Menteri Besar sebelum Mei 1959. Terlebih dahulu jawatan Menteri Besar Perlis dipangku oleh pegawai kerajaan pusat Abdullah Sahat dari 20 September 1955 hingga 31 Januari 1957. Kemudian ia diisi oleh Dato' Laksamana Mohd. Razali sebagai Menteri Besar kedua sehingga bercuti pada 30 April 1959 dan

---

[65] Ibid.

[66] "Sejarah Tan Sri Sheikh Ahmad", op. cit.

dipangku oleh Dato' Mohd Shamsuddin bin Mohd. Yaakob dari 1 ke 27 Mei 1959.[67]

Kuasa kerajaan Persekutuan melantik orang yang dipandang sesuai untuk mengisi jawatan Menteri Besar menjelang, dan selepas, Merdeka pada 1957 menandakan susunan politik baru Semenanjung Tanah Melayu dan makna autonomi bagi kerajaan-kerajaan Melayu, termasuk Perlis, yang menjadi anggota Persekutuan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, kegigihan Perlis mempertahankan kerajaannya daripada pencerobohan politik orang bukan 'anak Melayu Perlis' menunjukkan bahawa pemerintahnya pada ketika itu masih tidak melupakan teras perjuangan kerajaan selama itu, iaitu pemeliharaan kerajaan daripada pencerobohan Kedah dan persaingan dengannya untuk mendapat satu taraf yang setanding sebagai sebuah kerajaan Melayu. Terdapat dua bukti yang menarik bahawa perjuangan dan persaingan ini masih dilanjutkan, walaupun dari segi makna yang simbolik. Pertama ialah tuntutan Perlis terhadap menambahkan senapang yang digunakan dalam tembakan hormat pada Raja dari 17 kepada 21 pucuk, sama dengan yang digunakan oleh Sultan Kedah sebelum itu seperti yang dilaporkan oleh Hamer pada tahun 1955:

> "The information I have obtained is that whatever Imperial forces or forces associated with the Crown are affected, e.g. Navy, Army and Air Force and this includes at present... salutes to Rulers followed by which the Ruler will receive a salute of 17 guns...
>
> The 21 guns salute which His Highness Kedah is said to require fired from State guns falls in this category but in this case I understand it dates from a pre-war precedent which was in turn related to an earlier system whereby Rulers were graded. His Highness the Raja of Perlis being then entitled to 13 guns and Johore had 19. The salute which H.H. Kedah would now receive

[67] *Perlis Indera Kayangan*, op. cit., m.s. 193.

from Imperial artillery would be as for other Rulers, i.e. 17 guns".[68]

Satu lagi bukti ialah serangkap pantun yang dicetak di atas surat-menyurat rasmi Pejabat Raja dan Penasihat menjelang Merdeka 1957 yang bunyinya sebegini:

"TEMBAQ MRIAM TUJOH-BLAS BDIL
DNGAR DARI NEGRI SBLAH
TUANKU RAJA, RAJA YANG ADIL,
SUDAH BERDAULAT LAGI BERTUAH".[69]

[68] Report of British Adviser, Perlis 1955, op. cit.
[69] Op. cit.

Bab 7

Kesimpulan

Dua bukti yang dikemukakan di akhir bab yang lepas selain daripada menunjukkan perjuangan menentang pencerobohan dan persaingan dengan bekas kerajaannya yang berterusan, juga memaparkan ciri utama yang mencorak pentadbiran dan pertumbuhan Perlis selama ini yakni mempelajari, meniru, dan memperbaiki daripada pengalaman Kedah. Ini pada masa yang sama merupakan satu daripada tiga penemuan menarik sumbangan kajian ini. Dasar berkenaan begitu kuat dipegang dan dilaksanakan sehinggakan Raja Syed Alwi, di samping bertujuan menyelesaikan masalah kewangan kerajaan, sanggup menjadi orang berhutang pada kerajaan Siam dan kemudiannya pada kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Begitu juga seperti yang telah ditunjukkan dalam Bab 3, pihak pemerintah Perlis mencontohi pihak pemerintah Kedah dalam memperolehi perkhidmatan seorang Penasihat Kewangan dan membentuk Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai jentera pentadbiran baru, yang sebenarnya ditujukan ke arah mematahkan pengaruh Sultan Kedah merangkap Pesuruhjaya Penguatkuasa *Monthon* Saiburi. Peniruan terhadap Kedah juga telah diperlihatkan dengan jelas dalam pengikatan Perjanjian Perlis-British 1930, yang bertujuan melindungi autonomi kerajaan daripada pencerobohan politik dan ekonominya.

Dari satu segi pihak pemerintah Perlis memandang kepada kebergantungan pada Kedah sebagai jalan yang paling unggul untuk membebaskan diri daripada cengkaman kerajaan tersebut tetapi dari segi lain ini juga berpunca daripada amalan Siam dan British yang masih menganggap kedua-dua kerajaan Melayu ini sebagai kembar iaitu Kedah sebagai abang dan Perlis pula adik. Seperti yang telah ditunjukkan, Raja dan pembesar sehingga anggota-anggota Melayu Majlis Perlis sabar berada di bawah telunjuk kuasa asing semata-mata

demi melindungi dan memperkukuhkan kerajaan sambil menunggu peluang mengemukakan tuntutan sendiri (Bab 3-5). Ironisnya, kerajaan ini gentar menghadapi Kedah, bukan kuasa-kuasa asing itu, sebagai ancaman paling besar. Ini pula merupakan penemuan kedua kajian ini.

Sehubungan dengan itu kajian menampilkan satu lagi penemuan menarik iaitu dasar bertolak-ansur dan menunduk kepada kuasa-kuasa asing yang disalahfahamkan sebagai kelemahan di pihak pemerintah Melayu sebenarnya menandakan satu kekuatan pada pihak pemerintah Perlis. Seperti yang telah dilihat (Bab 3-5), kerajaan kecil ini dengan bijaknya menyeimbangi kuasa Siam dan British, serta Kedah untuk muncul sebagai juara. Semua ini bertolak daripada sejarah penubuhan Perlis dari sebuah daerah menjadi sebuah kerajaan baru pada 1841.

Ini sememangnya bukan kisah pihak yang gagah dan besar mahupun yang kaya. Sebaliknya ini ialah kisah pihak yang cerdik dan yang berani serta tabah. Sebabnya ialah hanya pembesar Kedah yang paling bijak dan berani barulah yang dapat mengorak langkah melakukan sesuatu yang berlawanan dengan amalan biasa yakni memberontak demi menubuhkan kerajaan baru. Seperti yang telah ditunjukkan dalam kes Tunku Dhiauddin (Bab 2), wang sebanyak mana dan 'darah' raja yang sebegitu pekat pun tidak dapat membantunya mengekalkan takhta. Pengalaman tersebut telah dipelajari dan digunakan sebaik-baiknya oleh cucu angkatnya dan Penghulu Mukim Arau II, Syed Hussein. Ini ditambah pula dengan kesedaran terhadap dirinya yang bukan kerabat diraja dan oleh demikian tidak akan berpeluang mendekati takhta itu. Tidak dapat dinafikan kesedaran inilah yang merupakan tunggak kejayaan pembesar kecil di pinggiran ini. Sebagai perbandingan, ia tidak terikat oleh suatu kewajipan atau keghairahan untuk merampas takhta sebagaimana yang telah mengikat Tunku Dhiauddin dan dua orang pembesar yang telah berpakat dengannya semasa Perang Kedah-Siam 1821-1842 iaitu Tunku Anum

dan Tunku Bisnu. Bagi mereka daerah Perlis hanya satu batu loncatan tetapi bagi Syed Hussein ia adalah segala-galanya. Paling penting ini ialah rahsia kejayaannya menubuhkan kerajaan baru Perlis pada tahun 1841.

Berpegang pada kesedaran yang disebut di atas Syed Hussein mempergunakan sebaik-baiknya peluang yang tampil di hadapan yakni Perang Kedah-Siam. Ia telah berpakat dengan pembesar-pembesar pusat yang ingin merampas takhta untuk menghalang Sultan Ahmad Tajuddin yang telah melarikan diri ke Pulau Pinang daripada balik ke bumi Kedah. Pada masa yang sama ia berusaha mendapatkan sokongan dan persetujuan daripada pembesar-pembesar daerah Perlis supaya menjadi Raja Perlis yang pertama. Akhirnya ia menawarkan diri sebagai naungan yang setia kepada Maharaja Siam yang sedang merombak pemerintahan Kedah. Semua ini telah dilaksanakan dan dicapai sebelum Perang ditamatkan dan sebelum Sultan dibenarkan balik. Maka ini bermakna bahawa Perang Kedah-Siam hanya berfungsi sebagai mangkin yang mempercepatkan Syed Hussein merealisasikan impian menjadi Raja-Pengasas Perlis, bukan faktor pencetus paling penting. Justeru kejayaan Syed Hussein menubuhkan kerajaan Perlis dengan serta-merta mematahkan dakwaan J.M. Gullick bahawa tidak pernah hadir seorang pembesar Melayu yang berusaha memerdekakan diri daripada Sultannya. Lebih menarik lagi Raja-pengasas ini bukan merupakan keturunan pembesar utama bekas kerajaannya, tidak seperti Bendahara Pahang mahupun Temenggung Johor yang merajakan diri dalam lingkungan masa yang sama. (Bab 2)

Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa ia tidak akan dapat menjayakan perjuangan tanpa tenaga dan akal yang disumbangkan oleh bapa mertuanya, Muhammad Arshad bin Muhammad Yunus yang kemudian dikenali sebagai Dato' Arau. Namun ini juga yang telah membawa kepada kawalan Dato' Arau dan anak-anak lelakinya terhadap pemerintahan kerajaan. Justeru tempoh 1840-an sehingga

awal 1900-an memperlihatkan perluasan kuasa sebuah keluarga pembesar tunggal. Ini telah dikesan di dalam pemilihan dan penabalan Raja-raja Perlis selepas Raja Syed Hussein. Di sini darah keturunan pembesar bernama Dato' Arau merupakan prasyarat wajib. (Bab 5) Dipandang dari sudut ini tiada banyak perbezaan di antara kerajaan ini dengan kerajaan-kerajaan Melayu lain yang menyaksikan perluasan kuasa dan pengaruh pembesar yang kerapkali mengatasi kuasa dan pengaruh Raja.

Akan tetapi seperti yang telah diperlihatkan dalam perbincangan Bab 3–5, Perlis menampakkan satu keunikan iaitu Raja dan pembesarnya serta anggota Melayu Majlis sama-sama mendukung semangat kesetiaan pada kerajaan yang tidak dapat ditemui di dalam pemerintahan Melayu lain. Yang mendapat tempat di sini bukan melindungi kerajaan daripada pencerobohan kuasa mahupun orang asing dan bukan mempertahankan identiti Melayunya. Sebaliknya kepentingan yang menduduki tangga teratas dalam dasar pemerintahan kerajaan ini ternyata ialah terlebih dahulu mempertahankan kewujudannya yang memuncak dalam tahun-tahun 1897-1909. Dasar ini dilaksanakan tanpa mengira betapa banyak pihak pemerintahnya perlu bergantung pada kuasa asing Siam kemudiannya British. Dari satu segi kedua-dua buah kuasa asing ini mengesahkan kedudukan berasingan Perlis daripada Kedah, tetapi dari segi lain, mereka, khususnya British, masih tidak dapat benar-benar memisahkan dua buah kerajaan Melayu ini dalam tanggapan dan pentadbiran. Keperluan Penasihat Kewangan Perlis merujuk kepada Penasihat Kedah dalam halehwal pentabiran sehari-hari merupakan bukti kukuh. (Bab 3)

Oleh itu Raja dan anggota-anggota Melayu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis memandang kepada Perjanjian Perlis-British 1930 sebagai jalan keluar yang unggul demi mematahkan pencerobohan Kedah ke dalam ekonomi dan politiknya. Bukan itu sahaja malahan peruntukan-peruntukan di dalam dokumen ini, yang ditawarkan

oleh British dan yang dituntut oleh pihak pemerintah Perlis, telah memperkukuhkan kedudukan dan autonomi kerajaan ini kira-kira 90 tahun selepas ia ditubuhkan. Dengan demikian tidak keterlaluan jika menganggap dokumen tersebut sebagai perlembagaan terawal kerajaan Perlis.

Di samping itu Raja yang memerintah pada masa itu iaitu Raja Syed Alwi tidak melepaskan peluang menerapkan secara bertulis jaminan kerajaan agar menjaga kepentingannya sebagai pemerintah dan juga kepentingan kerabat diraja Perlis khususnya dari segi kewangan. (Bab 4) Namun satu kepentingan yang tidak dapat tidak mengambil perhatian baginda ialah penggantian takhta. Disebabkan masih belum mempunyai waris langsung ketika itu, maka baginda menggunakan dokumen yang sama untuk membolehkannya melantik pilihan sendiri sebagai Bakal Raja, yakni satu jawatan yang sah sebagai bakal pengganti takhta dalam sistem kenaikan takhta Perlis. Walau bagaimanapun kematian calon yang telah dipilih dan dilantik itu, iaitu anak saudara baginda Tuan Syed Hassan, tidak lama selepas dilantik, membuka semula proses pemilihan calon. Kali ini jawatan diwarisi oleh anak Tuan Syed Hassan iaitu Tuan Syed Putra. Perkataan 'diwarisi' ini memang menepati keadaan kerana pihak British yang bertungkus-lumus memastikan agar cabang kerabat Tuan Syed Mahmud, bekas Raja Muda Perlis yang dianggap olehnya sebagai Bakal Raja, pada suatu hari nanti akan menaiki takhta. Permuafakatan di kalangan Raja Syed Alwi, anggota-anggota Melayu Majlis, dan pihak British demi menampilkan pilihan yang sama dan lebih-lebih lagi demi mengenepikan calon yang satu lagi memang menarik dan sukar ditemui di negeri-negeri lain di Semenanjung. Calon yang ditolak itu tak lain dan tak bukan ialah Naib Presiden Majlis Mesyuarat, Tuan Syed Hamzah. Sebab penolakannya samada tersirat mahupun tersurat menunjukkan dua perkara. Pertama, ahli-ahli Melayu Majlis dan pihak British tidak akan membenarkan

seorang yang terlalu berpengaruh dan berkuasa sebagai Raja. Dan kedua, Raja dan ahli Melayu Majlis tidak akan membenarkan seorang yang mempunyai pertalian dengan kerabat diraja Kedah terutama sekali Sultan tersebut untuk menjadi Raja Perlis. Pengulangan peristiwa kemasukan kerajaan di bawah telunjuk Sultan Kedah selaku Pesuruhjaya Penguatkuasa *Monthon* Saiburi pada 1897 itu mesti dihalang sama sekali. (Bab 5)

Sungguhpun begitu perlaksanaan keputusan yang diterima baik oleh semua pihak itu tergendala seketika akibat ketiadaan British semasa Perang Dunia Kedua. Tempoh ini bukan sahaja menyaksikan kenaikan Syed Hamzah sebagai Raja Perlis kelima tetapi juga sebagai Raja berkuasa mutlak yang pertama, dan yang terakhir. Disebut 'pertama' disebabkan sebelum itu wujudnya perseimbangan kuasa dalaman di antara Raja dan pembesar dan kemudiannya di antara Raja dan anggota Melayu Majlis, tidak kira siapa yang menjadi kuasa penaung. Tetapi semasa pemerintahan Raja Syed Hamzah bagindalah yang berkuasa mutlak di dalam Majlis setelah memecatkan dua orang ahli lama Haji Muhammad Nor dan Haji Ahmad dan mengisinya dengan orang 'sendiri'.

Seterusnya disebut 'terakhir' kerana setelah kembali ke dalam Majlis selepas Perang tamat pada penghujung 1945, kedua-dua orang anggota lama itu mengambil langkah menghadkan kuasa Raja yang baru yakni Raja Syed Putra dan Raja-raja seterusnya melalui perlembagaan yang dikenali sebagai Undang-undang Tubuh-Kerajaan Perlis Bahagian I 1948 dan Bahagian II 1950. Tetapi di samping bertolak daripada kepentingan peribadi, mereka sebenarnya juga terbawa masuk ke dalam kebangkitan Nasionalisme UMNO yang menyelubungi seluruh Semenanjung sejak 1946 berikutan bantahan terhadap Perjanjian MacMichael dan Malayan Union. Tidak dapat dinafikan telah dirasai kesan negatif kemasukan kerajaan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 kerana kini mereka

terpaksa pula berkongsi kuasa dengan Menteri Besar yang dilantik oleh kerajaan pusat. Malah pada tahap ini pengaruh Penasihat British pun nampaknya semakin pudar diatasi oleh Menteri Besar dan sebaliknya terpaksa berlaku sebagai perantara di dalam persaingan kuasa di antara anggota-anggota Majlis terutama sekali Sheikh Ahmad (Menteri Besar Perlis mulai 1959) dan Menteri Besar. Sungguhpun 'anak-anak Melayu Perlis' ini terus memperjuangkan dan mempertahankan semangat kekerajaan yang diturunkan daripada pihak pemerintah awal tetapi cabaran semakin besar. Kini di samping berjaga-jaga terhadap pencerobohan kerajaan jiran Kedah yang sebenarnya berterusan, mereka perlu juga menandingi pengaruh kerajaan pusat. (Bab 6) Sesungguhnya perjuangan memelihara kerajaan adalah sesuatu yang berlanjutan tanpa akhir. Dan untuk menyelidiki hubungan kerajaan ini dengan kerajaan pusat, dan dengan 10 buah kerajaan lain, khususnya Kedah, memerlukan satu kajian yang berasingan.

Bibliografi

I. Sumber Pertama

A. Dokumen Rasmi Tidak Tercetak

Fail-fail Pejabat Raja dan Penasihat Perlis, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur

Surat-menyurat dan Minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 1909-1938

Fail-fail Pejabat Pesuruhjaya Tinggi 1906-1921, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur

The Colonial Office Correspondence, salinan mikrofilem, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Straits Settlements Original Correspondence CO 273 1905-1938

Federated Malay States Original Correspondence CO 717 1934-1938

B. Surat Persendirian

"Sejarah Tan Sri Sheikh Ahmad bin Mohd. Hashim – Menteri Besar Perlis", (tidak diterbitkan), 1970, dalam simpanan Perlis Indera Kayangan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar

Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid T.H. 1304-1312. T.M. 1886-1894, No. 2, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah, Alor Star

Papers of John Hamer MSS Ind. Ocn. s 316, Rhodes House Library, Oxford

Box 1 File 1–7

Box 2 File 3-6

Box 3 Perlis Treaty, drafi copies in English and Malay 1930

C. Dokumen Rasmi Tercetak

Salasilah Perlis, naskah Dewan Bahasa dan Pustaka No. 17678, Nov. 12, 1963, salinan mikrofilem, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Reports of the Adviser To The Perlis Government 1909-1932

Report For The Years 1906-1908 On The Trade And Commerce Of The Monthons Of Saiburi And Puket, No. 3788 Annual Series Diplomatic And Consular Reports Siam. London: Harrison & Sons for His Majesty's Stationery Office. 1907-1909

Report on the Census of Kedah And Perlis A.H. 1329 (A.D. 1911). Penang: Criterion Press Ltd. 1911

The Burney Papers. Bangkok: 1914. Vols. I-V
The Crawfurd Papers. A Collection of Official Records relating to the Mission of Dr. John Crawfurd sent to Siam by the Government of India in the year 1821. England: Gregg International Publishers Limited. Republished 1971 from Vajirana National Library, Bangkok, 1915
Report of a Mission By Sir Harold A. MacMichael, G.C.M.G., D.S.O. October, 1945-January, 1946. London: His Majesty's Stationery Office. 1946
Maxwell, W.G dan Gibson, William Sumner (eds.). *Treaties And Engagements Affecting The Malay States And Borneo*. Suffolk Lane: Printed by Jas. Truscott & Son Ltd. 1924
The Perlis Agreement 1948, koleksi Perlis Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar
The Laws Of The Constitution Of Perlis (First Part) 1948
The Laws Of The Constitution Of Perlis (Part II) 1950

D. Surat Khabar

The Straits Times. Singapore, 19 January 1937

E. Pameran

Warisan Warkah Melayu, Pameran Bergambar Dihasilkan Oleh The British Library Untuk Arkib Negara Malaysia di Balai Besar, Alor Star, Kedah pada 28 Mac 1995
"Surat Raja Muda Perlis (cat.10) Surat Raja Muda Perlis [Raja Diauddin ibn Muazam Syah] kepada Francis Light di Pulau Pinang, mengesahkan penerimaan kiriman belerang, dan memohon bantuan Light untuk membaiki tiga buah jam". (tidak bertarikh), di dalam "Surat-surat Light, 1786-1794: Kedah, Perlis, dan Pulau Pinang", School of Oriental and African Studies, MS 40320/1, f. 16, Warisan Warkah Melayu, Pameran Bergambar Dihasilkan Oleh The British Library Untuk Arkib Negara Malaysia di Balai Besar, Alor Star, Kedah pada 28 Mac 1995
"Surat Enci' Lu Nga' dari Perlis, 1785 (cat.21) Surat Enci' Lu Nga' dari Bandar Perlis kepada Kapitan Light Dewa Raja di Salang, 25 Jumadilawal 1199 (5 April 1785), School of Oriental and African Studies, MS 40320/3, f. 54, Warisan Warkah Melayu, Pameran Bergambar Dihasilkan Oleh The British Library Untuk Arkib Negara Malaysia di Balai Besar, Alor Star, Kedah pada 28 Mac 1995

Salasilah Raja-raja Perlis, Dinding bilik rujukan Perlis Indera Kayangan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar

Pameran sempena Jubli Emas pemerintahan Raja Perlis Tuanku Syed Putra Jamalullail ibni Tuan Syed Hassan Jamalullail bulan November 1995, Muzium Warisan Perlis, Kangar

F. Temubual

Temubual dengan (Al-Marhum) DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Al-Marhum Tuan Syed Hassan Jamalullail di Istana Kenangan Indah, Repoh, Arau, pada 12 April 1995, dari pukul 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari

II. Sumber Sekunder

A. Tesis dan Disertasi Yang Tidak Diterbit

Abdul Rahman Hj. Abdullah. "Gerakan Ahli Sunnah Di Perlis: Suatu Kajian Tentang Kaum Muda (1927-1970)". Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) Universiti Sains Malaysia. 1979/1980

Chulasiriwongs, Chayachoke. "Thai-British Relations Concerning The Southern Malay States, 1880-1899". PhD Thesis (tidak diterbitkan) Ohio University. 1980, salinan mikrofilem, Ann Arbor: University Microfilms International. 1980

Roshade Haji Abdullah. "Kedah 1821-1842: Satu Kebangkitan Orang Melayu". Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) Universiti Malaya. 1988

Shukor Ahmat. "Syed Alwi, Pemimpin Dalam Tiga Zaman (1905-1943)". Mini tesis (tidak diterbitkan) Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 1978

Yazid Mat. "Perlis (1839-1909), Period Penentuan Ujudnya Negeri Perlis sebagai sebuah negeri yang mempunyai keperibadiannya sendiri". Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) Universiti Malaya, 1974

Zaharah binti Haji Mahmud. "Change In A Malay Sultanate: A Historical Geography Of Kedah Before 1939". M.A. Thesis (tidak diterbitkan) University Malaya. 1966

Zoraidah Abbas. "Dato' Arau (t.m. 1797-1873): period ujudnya Negeri Perlis dan susunan pentadbiran negeri itu". Latihan Ilmiah (tidak diterbitkan) Universiti Malaya. 1978

B. Kertaskerja yang tidak diterbit

Abdullah Zakaria bin Ghazali. "Kedah, 1821-42: Perjuangan Orang Melayu Menentang Siam". Kertas yang dibentangkan di dalam Seminar Kebangsaan Isu-isu Dalam Pensejarahan anjuran Bahagian Sejarah, Pusat pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 17-18 Ogos 1992

Ahmad Ismail. "DYMM Raja2 Perlis". Kangar. 1963. Koleksi Perlis Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar

Zoomers, Henk "Siam And Kedah In 1821-1822: A Contemporary Dutch View". Paper presented at the 14th Conference of the International Association of Historians of Asia (IAHA), Chulalongkorn University, Bangkok, 20-24 May 1996

C. Buku dan Artikel

Abdul Rahman Haji Ismail. "Nasionalisme Melayu Dan Nasionalisme Melayu SeTanah Melayu: Satu Perbincangan Tentang Soal Permulaannya", dalam Abu Talib dan Cheah Boon Kheng (penyunting). *Isu-isu Pensejarahan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1995

———"'Takkan Melayu Hilang Di Dunia': Suatu Sorotan Tentang Nasionalisme Melayu". Suntharalingam R. dan Abdul Rahman Haji Ismail (penyunting). *Nasionalisme. Satu Tinjauan Sejarah*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985

Ahmad Ismail dan Yazid Mat. *Perlis Indera Kayangan. Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992

Ali Ahmad. *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987

Allen, J. de Vere. "The Elephant and the Mousedeer – A New Version: Anglo-Kedah Relations, 1905-1915". *JMBRAS*, Vol. 41, Pt. I, No. 213, 1968.

Allen, James. *The Malayan Union*. Yale, 1967

Allen, J., Stockwell, A.J. and Wright, L.R. (eds.). *A Collection Of Treaties And Other Documents Affecting The States Of Malaysia 1761-1963. Volume I*. New York: Oceana Publications Inc. 1981.

Andaya, Leonard Y. *The Kingdom Of Johor 1641-1728*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975

Anderson, John. Facsimile Reprint of *Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*. Bastin, J. S. (ed.). *JMBRAS* Vol. 35, Pt.4, 1989 and MBRAS Reprint 11.

Asmad. *Perlis*, Siri Lambaian Nusa. Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd. 1987

Bassett, David. "Anglo-Kedah Relations 1688-1765". *JMBRAS* Vol. 62. Pt.2. 1989

Bonney, R. *Kedah 1771-1821. The Search for Security and Independence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, Second impression, 1974

Bottoms, J. C. "Malay Historical Works (A bibliographical note on Malay histories as possible sources for the history of Malaya)". Tregonning, K. G. (ed.). *Malaysian Historical Sources*. Singapore: Malaysia Publicators Ltd. For Department of History, University of Singapore. Second printing. 1965

Bunnag, Tej. *The Provincial Administration Of Siam 1892-1915. The Ministry of the Interior under Prince Damrong Rajanubhab*. Petaling Jaya: Oxford University Press, 1977

Buyong Adil. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1980

-------- *Sejarah Perlis*. Siri Sejarah Nusantara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981

Carnell, F.G. "British Policy In Malaya". *Political Quarterly*, Vol. 23. 1952.

Catz, Rebecca D. (ed.). (penterjemah) *The Travels Of Mendes Pinto. Fernao Mendes Pinto*. Chicago: The University of Chicago Press, 1989

Cavenagh, Colonel. "Report On The Treaties And Engagements With The Native States Of The Malayan Peninsula, Anterior To 1860", diselitkan di dalam W.G. Maxwell dan W.S. Gibson (eds.). *Treaties And Engagements Affecting The Malay States And Borneo*. Suffolk Lane: Printed by JAS. Truscott & Son, Ltd., 1924

Che Puan Tengku Perlis, YM. *Putra. Biografi yang diperkenankan tentang riwayat hidup DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Jamalullail*. Shah Alam: Times Edition Ltd. 1995

Cheah Boon Kheng. *Red Star Over Malaya. Resistance and Social Conflict During And After the Japanese Occupation of Malaya. 1941-1946*. Singapore. NUS: Singapore University Press. Second Edition 1987

——— "The Erosion of Ideological Hegemony and Royal Power and the Rise of Postwar Malay Nationalism, 1945-1946". *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. XIX, No. 1. March 1988

-------- "Feudalisme Melayu: Ciri-ciri Dan Pensejarahannya", di dalam *Isu-isu Pensejarahan (Esei Penghargaan kepada Dr. R.*

Suntharalingam). Abu Talib Ahmad dan Cheah Boon Kheng (penyunting bersama). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia bagi pihak Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. 1995

Cogan, H. (penterjemah), *The Voyages and Adventures of Fernand Mendez Pinto*, London: Dawsons of Pall Mall. Reprinted, 1969

Gullick, J. M. *Rulers and Residents. Influence and Power in the Malay States 1870-1920*. Singapore: Oxford University Press, 1992

———"Kedah 1821-1855. Years of Exile and Return" *JMBRAS*. Vol. 56. Pt. 2. 1983.

——— *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. University of London: The Athlone Press, Reprinted, 1969

Hussain Baba bin Mohamad. "Sejarah Negeri dan Raja2 Perlis". *JMBRAS*. Jilid XLII. Bhg. 2. 1969

Itagaki, Yoichi. "Outlines Of Japanese Policy In Indonesia and Malaya During The War With Special Reference To Nationalism Of Respective Countries". *Hitotsubashi Academy Annals* (Tokyo). Vol. 2. No.2. 1952

Khoo Kay Jin. "Kedah di antara Imperialisme dan Kolonialisme: 1880-1909". Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (penyunting), *Kolonialisme Di Malaysia Dan Negara-negara Lain*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1990

Khoo Kay Kim. "Succession To The Perak Sultanate". *JMBRAS*. Vol. 56. Pt.2. 1983

——— (selaku Presiden MBRAS). Prakata bertarikh Oktober 1994, dalam Shahril Talib. *History Of Kelantan 1890-1940*. MBRAS Monograph No. 21, 1995

———"Quaint little Perlis of old", *The Sunday Star*, April 2 1995

Kobkua, Suwannathat-Pian. "Kedah-Siamese Correspondence. 1890-1898". *JMBRAS* Vol. 55. Pt. 1. 1982

———*Thai-Malay Relations. Traditional Intra-regional Relations from the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*. Singapore: Oxford University Press. 1988

Lewis, Dianne. "Kedah - The Development Of A Malay State In The 18th And 19th Centuries", in Reid, Anthony (ed.) *Pre-Colonial State System in Southeast Asia*. MBRAS Monograph No.6

Low, Lieut. Colonel James. "A Translation of the Keddah Annals, termed Marong Mahawangsa, and Sketches of the Ancient Condition of some the Nations of Eastern Asia, With reference to the Malays". *Journal of the Indian Archipelago*. 1849

——— "An Account Of The Origin And Progress Of The British Colonies In The Straits Of Malacca". *Journal of the Indian Archipelago*. Vol. IV. 1850

Mills, L. A. *British Malaya 1824-67*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1966

Milner, A.C. *Kerajaan. Malay Political Culture On the Eve of Colonial Rule*. Tucson: University of Arizona Press, 1982

Mohammad Isa Othman. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992

——— *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990

Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad. *Al- Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968

Osborn, Sherard. *The Blockade Of Kedah In 1838. A Midshipman's Exploits In Malayan Waters*. Singapore: Oxford University Press, Reprint 1987

Putera Indera. "Sejarah Raja-Raja Perlis. Tuanku Syed Husain – Raja Perlis I", dalam Warisan Indera Kayangan, Bil. 3. 1991, Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis, Kangar: Penerbitan Jurnal Gerakan Membaca Negeri Perlis, m.s. 10.

Rejab F.I. "Kota Indra Kayangan, Perlis, Makam Raja2 Di-dalam-nya Dan Sedikit Cherita Hal Kejadian Dalam Masa Pemerentahan Al' Marhom Sultan Thiauddin Al' Mukarram Shah Ibni Almarhom Sultan Muhaiddin Mansur Shah". Simpanan Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis, Kangar yang dipetik daripada *Mastika*, keluaran 23 Oktober 1963

——— "Bakti dan Jasa Tuk Arau. Peneroka Bandar Arau Dan Negeri Perlis", dalam Warisan Indera Kayangan, Bil. 3. 1991, Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis, Kangar: Penerbitan Jurnal Gerakan Membaca Negeri Perlis, m.s. 18.

——— "Sejarah Pemerintahan Tuanku Raja Syed Saffi Jamalullail. Raja Negeri Perlis yang Ketiga", dalam Warisan Indera Kayangan, Bil. 5. 1993, Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Perlis, Kangar: Penerbitan Jurnal Gerakan Membaca Negeri Perlis.

Roff, W.R. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Second Edition 1974

Rubin, Alfred P. *Piracy Paramountcy And Protectorates*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974

Sharom Ahmat. *Tradition and Change In A Malay State. A Study Of The Economic and Political Development Of Kedah 1878-1923.* MBRAS Monograph No. 12, 1984

Siti Hawa Salleh. (penyelenggara). *Hikayat Merong Mahawangsa.* Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970

Skeat, W.W. "Reminiscences of the Expedition" *The Cambridge University Expedition to parts of the Malay Peninsula, 1899-1900.* Personal Accounts by Skeat, W.W and Laidlaw, F. F. *JMBRAS*, Vol. 26. Pt. 4. Dec. 1953. No. 164

Skinner, C. (trans.). *Rama III and the Siamese Expedition to Kedah in 1839, The Dispatches of Luang Udomsombat.* Monash Papers on Southeast Asia No. 30. Victoria: Monash University, Centre for Southeast Asian Studies. 1993

———"A Kedah Letter of 1839" in Bastin, John and Roolvink, R. (eds.). *Malayan And Indonesian Studies. Essays presented to Sir Richard Winstedt on his eighty-fifth birthday.* Oxford: At The Clarendon Press. 1964

———(ed.). *The Battle For Junk Ceylon The Syair Sultan Maulana Text, Translation And Notes.* Dordrecht: Foris Publications Holland, 1985

Topping, Michael. "Some Account Of Kedah". *Journal of the Indian Archipelago.* Vol. IV. 1850

Vella, Walter F. *Siam Under Rama III 1824-1851.* New York: J.J. Augustin Incorporated Publisher, Published for Asian Studies. 1957

Wan Adnan bin Wan Long. (penterjemah). Terjemahan daripada bahasa Thai ke dalam bahasa Melayu berhuruf Rumi. Abdullah Long Putch. *Sejarah Negeri Setol. Thailand.* Alor Star: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah. 1971

Wan Shamsuddin Mohd. Yusof. *Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman.* Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman. 1992

Winstedt, R.O. "History of Kedah". *JSBRAS*, No. 81. 1920

———— "Kedah Laws". *JMBRAS*. Vol. VI. Pt. II. 1928

——— "Notes On The History Of Kedah". *JMBRAS*. Vol. XIV. Pt. III. 1936

Lampiran I

Salasilah Rasmi Raja-raja Perlis



Sumber: Dipadankan dengan rajah "Salasilah Raja-raja Perlis" yang dilekatkan di dinding bilik rujukan Koleksi Perlis Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar dan YM Che Puan Terenggung Perlis, *Putra. Biografi yang diperkatakan tentang riwayat hidup DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Jamalullail*. (Shah Alam: Times Edition Ltd., 1995), Rajah "Rajas Of Perlis From 1797-1995" (tidak bernuka surat).

Lampiran II

Salasilah Raja-raja Perlis



Sumber: "Perhubongan Salasilah D.Y M.M Raja Perlis dengan keluarga dato' Arau", di-susun dan di-padankan dari cherita mulut: Wan Ajar bt. Dato' Wan Dia sa-ibu chuchu Dato' Arau dan "Pertalian Salasilah D Y.M.M Raja Perlis Dengan D Y M.M. Sultan Kedah di dalam Ahmad Ismail, "DYMM Raja2 Perlis", Kangar, 1963, (tidak diterbit), tidak bermukasurat, dapatai di bahagian Koleksi Perlis Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Kangar. Dan Hussain Baba bin Mohamad. Lampiran "Salasilah Raja2 Negeri Perlis" di dalam "Sejarah Negeri dan Raja2 Perlis", JMBRAS, Jilid XLII. Bhg 2 1969, (tidak bermuka surat)

Lampiran III(a)

Struktur Organisasi Kerajaan sebelum 1905



Sumber: Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan. Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat.* (Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992), m.s. 45-47.

Lampiran III(b)

Struktur Organisasi Kerajaan Perlis selepas 1905



Sumber: *Minit-minit Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis 1910*

Lampiran III(c)

Struktur Organisasi Kerajaan Perlis 1948-1956



Sumber: *The Laws of the Constitution of Perlis (First Part) 1948*

Lampiran IV

Teks Perjanjian Perlis-British 28 April 1930

Bahawa inilah surat perjanjian akan menetapkan persahabatan di antara Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris dan Yang Maha Mulia Raja Kerajaan Negeri Perlis yang Islamiah diperbuat Tuan Yang Terutama Sir Cecil Clementi, K.C.M.G., Gabenor tiga buah Negeri Singapura Pulau Pinang dan Malacca dan High Commissioner Negeri-negeri Melayu bagi Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris dan Yang Maha Mulia, Tuan Syed Alwi, C.B.E., Raja Kerajaan Negeri Perlis bagi dirinya dan bagi salasilahnya Tuan Syed Alwi yang menjadi ganti Raja yang memerintah Kerajaan Negeri Perlis.

1. Hendaklah Negeri Perlis duduk lagi di bawah peliharaan Duli Yang Maha Kuasa Raja Benua Inggeris. Maka berkuasalah Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris menjalankan kekuasaan naungannya.

2. Yang Maha Mulia Raja Perlis tidak boleh berkira apa-apa yang bersangkut dengan perihal perintahan negeri dengan mana-mana Kerajaan atau Raja negeri yang lain melainkan hendaklah bertangga ikut Wakil Duli Yang maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris.

3. Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris tidaklah hendak menolak atawa memindahkan naungannya di atas negeri Perlis ini kepada mana-mana Kerajaan atawa negeri yang lain lagipun tidaklah boleh dipermasukkan atawa dipersekutukan Negeri Perlis ini dengan negeri yang lain melainkan dengan surat kebenaran Yang Maha Mulia Raja Perlis di dalam mesyuarat State Council.

4. Keturunan Yang Maha Mulia Tuan Syed Alwi turun-menurun bertali-tali yang tiada berkeputusan dan jika tiada berpindah kepada keturunan to'neneknya yang dipilih oleh mesyuarat State Council dan diterima oleh Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Kuasa Raja Benua Inggeris akan menjadi Raja bagi Negeri Perlis selama-lamanya. Maka terwajiblah bagi Kerajaan Perlis peliharakan Raja serta Kerabat-kerabatnya dengan sempurna daripada perolehan Negeri Perlis. Maka Kerabat-kerabat itu ertinya anak-anak Raja dan Cucu-cucu Raja keturunan sebelah laki-laki.

5. Yang Maha Mulia Raja Perlis atawa gantinya akan menerima seorang Penasihat Inggeris (British Adviser) dan menyediakan rumah kedudukan yang berpatutan baginya pada menasihatkan di dalam semua perkara-perkara yang berjangkit dengan perintahan Negeri Perlis yang lain daripada perkara-perkara berkenaan dengan Adat Melayu atau Ugama Islam dan hendaklah diterima nasihat itu. Akan tetapi tiadalah apa-apa di dalam perkara ini yang merosakkan kebebasan ataupun kepada Tuan Yang Terutama High Commissioner atau pun kepada Yang Maha Mulia Raja Benua Inggeris jika Raja berkehendaki membuat yang demikian itu. Maka perbelanjaan Penasihat Inggeris serta dengan pejabatnya akan ditetapkan oleh Tuan Yang Terutama High Commissioner dan akan dibayar daripada perolehan Negeri Perlis.

6. Maka Negeri Perlis akan diperintah oleh Yang Maha Mulia Raja dengan pertolongan mesyuarat State Council. Maka Ahli Mesyuarat itu ialah Yang Maha Mulia Raja jadi President dan tiga orang Ahli Mesyuarat daripada orang-orang Melayu anak Negeri Perlis yang dipilih dengan nama atau jawatan oleh Yang Maha Mulia Raja dengan persetujuan Tuan Yang Terutama High Commissioner dan seorang lagi Ahli Mesyuarat itu ialah Penasihat

Inggeris. Akan tetapi jika dengan sama bersetujuan di antara Tuan Yang Terutama High Commissioner dan Yang Maha Mulia Raja boleh jua ditambahkan lagi ahli Mesyuarat pada State Council itu bagi selama masa yang ditetapkan kelak. Maka pada masa yang sama Yang Maha Mulia Raja tidak hadir hendaklah dipilih oleh Yang Maha Mulia Raja itu akan seorang daripada Ahli Mesyuarat Melayu itu menjadi kepala di dalam majlis State Council itu.

7. Pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Negeri Perlis mahulah diambil anak-anak Melayu Perlis melainkan jika mesyuarat State Council tampak apa-apa kerja yang anak Melayu Perlis tiada boleh perbuat baharulah diambil orang luar Negeri. Maka Kerajaan Negeri Perlis akan menghantarkan anak-anak Melayu Perlis pergi belajar apa-apa pelajaran di luar Negeri mengikut timbangan mesyuarat State Council dengan perbelanjaan Kerajaan Negeri Perlis supaya menajdi kegunaan bagi Kerajaan Negeri Perlis.

8. Maka di dalam segala tempat-tempat pekerjaan Kerajaan Negeri Perlis hendaklah dipakai bahasa Melayu iaitu tulisan Jawi. Itulah bahasa Kerajaan melainkan mana-mana yang diluluskan oleh Undang-undang Negeri Perlis atau yang dibenarkan oleh Kerajaan Perlis menggunakan bahasa lain demikianlah halnya.

Maka pada menyaksikan yang demikian itu adalah Tuan Yang Terutama Sir Cecil Clementi, K.C.M.G., dan Yang Maha Mulia, Tuan Syed Alwi, C.B.E., memeteraikan cap dan menurunkan tanda tangan di atas surat perjanjian ini.

Lampiran V

Pendapatan dan Perbelanjaan Tahunan Kerajaan Perlis 1905-1930

Tahun	Pendapatan ($)	Perbelanjaan ($)	Lebihan Pendapatan ($)
1905	89,913	89,962	-
1906	80,892	76230	-
1907	93,214	230,097	-
1908	84,922	103,225	-
1909	102,552	87,310	15,242
1910	114,834	101493	13,341
1911	131,291	125,354	5,937
1912	145,026	146,267	-
1913	154,985	153,312	-
1914	172,970	185,552	-
1915	182,296	175,924	6,372
1916	224,774	178,593	46,181
1917	264,976	193,776	71,200
1918	306,924	269,027	37,897
1919	294,044	243,885	50,159
1920	443,442	277,993	165,449
1921	341,421	337,332	4,089
1922	369,187	362,196	6,991
1923	397,187	392,698	4,489
1924	453,452	441,156	12,296
1925	470,616	441,825	28,791
1926	594,098	565,071	29,027
1927	614,665	630,768	-
1928	645,114	622,928	22,186
1929	583,329	584,085	-
1930	487,436	573,738	-

Sumber: Dipadankan daripada "Appendix A. Statement of The Actual Revenue From Each Year From A.H. 1323 To 1330 (A.D. 1905-1912) And The Estimated Revenue For A.H. 1330 (A.D. 1912)", The Annual Report of the Adviser To The Perlis Government For The Year 1912, m.s. 38; "Appendix B Statement of The Actual Expenditure From Each Year From A.H. 1323 To 1330 (A.D. 1905-1912) And The Estimated Expenditure For A.H. 1330 (A.D. 1912)", LTP 1912, m.s. 39, dan Laporan Tahunan Perlis 1909-1930.



Naskah *Salasilah Perlis* Bertulisan Jawi yang ditemui di dalam bentuk salinan mikrofilem daripada naskah Dewan Bahasa dan Pustaka, yang disimpan di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Halaman (1) Bahagian pengenalan *Salasilah Perlis* ini menceritakan pemecahan negeri Kedah oleh Raja Ligor pada Tahun Hijrah 1239 (bersamaan T.M. 1821). Pada masa itu Tengku Pengeran menjadi Raja Kedah di Kota Setar, Tengku Ambon (nama sebenar Tunku Yaakob) menjadi Raja Muda, dan Tengku Bisnu menjadi Raja Setul.

Isinya pula bermula dengan menyebut tentang Syed Muhammad (yakni pengasas keluarga Syed Jamalullail) dan kedatangan keturunannya Syed Ahmad Jamalullail. Syed Ahmad telah dikurniakan seorang anak isteri oleh raja yang sedang memerintah ketika itu dan mendapat seorang anak perempuan bernama Tuan Syarifah Aminah. (Mereka kemudiannya melahirkan Syed Harun Jamalullail iaitu bapa Raja Perlis I, Raja Syed Hussein Jamalullail).



Halaman (2) ini mengisahkan tentang seorang bernama Tuan Sarif Muhammad Taha Qadri (yakni bapa Syarifah Aminah yang disebut di atas) dititahkan supaya mengajar ajaran-ajaran Nabi Muhammad s.w.t.



Halaman (2) ini mengisahkan tentang seorang bernama Tuan Sarif Muhammad Taha Qadri (yakni bapa Syarifah Amunah yang disebut di atas) dititahkan supaya mengajar ajaran-ajaran Nabi Muhammad s.w.t.

Halaman (3) ini mengisahkan perjalanan seorang bernama Ibrahim (yakni salah seorang anak lelaki Sarif Muhammad Taha) ke negeri Chena (Chenak) dan perkhidmatannya di bawah raja tersebut.



Halaman (3) ini mengisahkan perjalanan seorang bernama Ibrahim (yakni salah seorang anak lelaki Sarif Muhammad Taha) ke negeri Chena (Chenak) dan perkhidmatannya di bawah raja tersebut.

Index Nama-nama

Abdul Aziz, Tunku, 103, 104, 114
Abdul Ghani, 127
Abdul Ghani bin Dato Sakti, Haji, 296
Abdul Hamid Halim Shah, Sultan, 93, 98n, 99, 102–3, 106, 107, 108, 105, 111, 117, 121, 225, 226–7, 230
Abdul Karim bin Haji Mohd Noor, Haji, 296
Abdul Rahman Haji Abdullah, 295, 296
Abdul Rahman Haji Ismail, 219, 303
Abdullah, Tunku, *lihat* Abdullah ibni Sultan Muhammad Jiwa, Sultan
Abdullah bin Tengku Mat Saman, Tengku, 229, 234
Abdullah ibni Sultan Muhammad Jiwa, Sultan, 41, 49, 53, 54, 55, 60, 192
Abdullah Sahat, 311
Abdullah Zakaria bin Ghazali, 82, 84
Ahmad, Haji, 190, 230, 234, 242, 243, 245, 251, 258, 259, 262, 264, 281, 285, 289, 293, 294, 295, 296, 296, 297, 301, 303, 308, 320
Ahmad bin Raja Haji Endut, Raja Haji, 309, 311
Ahmad Haji Husin, 310
Ahmad Ismail, 14–16
Ahmad Tajuddin Halim Shah, Sultan, 7, 8, 10, 11, 12, 14, 15, 17, 19–20, 55, 60, 62, 63, 65, 67, 68, 69, 70, 71, 72–3, 76, 82, 83, 121, 216, 220, 317
Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, Sultan, 98n
Ali bin Abu Talib, 15
Allen, J., 302
Allen, L.A., 128, 138, 157, 160, 169, 172–4, 179, 181, 183, 184, 186–7, 188–9, 195, 196, 197, 199, 200, 201, 207, 208, 209, 236
Andaya, Leonard, 42
Anderson, John, 30, 40, 64, 80, 151–2, 168
Anum, Tunku, 10, 12, 70, 71, 72, 73–4, 87, 88, 316
Asmad, 13
Amery, L., 175, 180, 181, 200, 205

Ba Keow Hup, 153
Bassett, David, 43
Beaulieu, Komodor, 35n
Beckett, W.R.D., 119–20
Bisnu, Tunku, 61, 63, 64, 70, 71, 317
Bonham, S.G., 7, 8, 85
Bonney, R., 10, 41, 57–8, 62, 63
Budriah, Tengku, 279
Bulford, E.H., 145
Bunnag, Tej, 105–6, 107
Burney, Captain, 25, 72, 73–4, 75, 76
Burr, Major, 273

Buyong Adil, 12, 35, 66, 68, 70

Caldecott, Andrew, 235, 236, 237, 239, 240, 241, 242
Cavenagh, O., 8, 9
Cavendish, A., 151
Che Etam, 78
Che Hassan, 272
Che' Matt Haji Kassim, 267, 293, 306
Che Osman, 305
Che Salleh, 307
Che Samsiah, 204
Cheah Boon Kheng, 48, 270, 291, 298
Chulalongkorn, 95, 99, 101–2, 103, 104, 105, 110, 120, 226, 229
Clayton, T.W., 173
Clementi, Sir Cecil, 191, 209, 235, 236
Clifford, Sir Hugh, 172–6, 180, 181, 188, 189, 190, 197
Cunliffe-Lister, 240, 242

Damrong, Putera, 102, 103, 105, 108, 110, 114, 121
Dato' Arau, *lihat* Muhammad Arshad bin Muhammad Yunus
Dato' Padang Seri Jana, 34n
Dato' Panglima Johan Lela Perkasa, 68–9, 70
Dawson, C.W., 258, 259, 260, 262, 263
Day, Kolonel E.V.G., 281–3, 285, 287, 305
Dhiauddin, Tunku, *lihat* Dhiauddin ibni Sultan Muhammad Jiwa, Sultan
Dhiauddin ibni Sultan Muhammad Jiwa, Sultan, 13, 14, 15, 18, 19–20, 34, 41, 45, 46, 49–52, 54–63, 64, 65, 69, 70, 79, 316
Dhiauddin Mukarram Shah I, Sultan, 37–40, 41
Duke, A.H., 114, 115, 118–20, 123, 126, 178

Eca, Dom Francisco de, 32
Eckhardt, H.C., 125, 128, 131, 133, 136, 140, 142, 153, 163, 204, 236

Frost, Meadows, 113–14, 117–19, 123, 126, 130, 132, 133, 139, 141, 146, 157, 162, 164
Fullerton, Gabenor, 30, 80, 83
Furtado, Diogo de Medoca, 35

Gent, E., 247, 254, 255, 257
Graf, Ernest, 144
Grey, Sir Edward, 118–19
Guillemard, Sir L., 143
Gullick, J.M., 2, 4, 5, 40, 47, 49, 91, 227, 317

Hamer, John, 310
Hamzah, 129
Hamzah, Dato', 271
Hart, G.C., 113, 178
Hay, M.C., 208, 235
Hewitt, C.R., 248, 249, 250, 251, 252, 254, 255, 258
Hughes, J.W.W., 132, 235, 236
Hussain Baba bin Mohamad, 11–12, 68
Ibrahim, Tunku, 61, 62, 63, 64, 173, 176
Iskandar Mahkota Alam, 35–6
Ismail, Haji, 304, 307
Itagaki, Youchi, 289, 292

Jamjam, Tengku, 82n

Jordan, A.B., 138
Juang Tawa, Raja, 39

Khoo Kay Jin, 2
Khoo Kay Kim, 6
Kobkua Suwannathat-Pian, 10, 64, 89, 100, 107
Kudin, Tunku, 82, 83–4, 98n

Laird, J., 144
Lee Chow Khoon, 208
Lee Kuan Teng, 208
Leith, Sir George, 57, 61
Light, Francis, 31, 43, 44, 51, 53–4, 59
Lo Beng Quang, 142, 147, 159
Long Krok, Raja, 89–90
Long Putch, Tunku, 82
Low, James, 8, 9
Lu' Nga', Enci', 52

MacDonald, Malcolm, 247, 263
Mackmath, John, 43
MacMichael, Harold, 232, 273–4, 275, 276, 277, 279–89, 297–8
Maffey, Sir J., 253
Mahmud Shah II, Sultan, 32, 33
Martin, J., 259
Mat, Haji, 271, 305
Maxwell, W.G., 123–4, 151–2, 164, 168, 177, 179, 198, 200, 206
McKerron, 197
Mills, L.A., 8–9
Milner, A.C., 4, 47, 49
Mohammad Isa Othman, 11, 61, 226, 292
Mohd. Razali Haji Mohd. Ali Wasi, Dato' Laksamana, 310, 311
Mohd Shamsuddin bin Mohd. Yaakob, Dato', 312
Monckton, Edward, 44, 45, 46
Mongkut, 94
Moore, Sir Henry, 254
Muhammad Akib, Tunku, 84
Muhammad Arshad bin Muhammad Yunus, 70–1, 72, 74, 88–9, 90, 92, 214–5, 217–20, 223, 224, 225, 228, 264, 294, 317
Muhammad Jiwa, Sultan, 10, 15, 19, 40n, 41–4, 46, 52, 60
Muhammad Nor, Haji, 176, 187, 230, 242, 243, 245, 253, 259, 260, 262, 264, 281, 289, 293, 294, 295, 296, 297, 308, 320
Muhammad Saad bin Tunku Daud, Tunku, 82, 84, 85, 86, 87
Muhammad Taib, Tunku, 84
Muhyiddin Mansur Shah, Sultan, 37
Musa, Tengku, 271
Musa-eddin, Tengku, 236, 270

Nawi, Haji, 271
Newboult, Brigadier, 284, 287, 288
Nor Arshah, Tunku, 15n, 82n, 220

Ong Swee Lam, 145
Onn bin Jaafar, Datuk, 298
Ormsby-Gore, W.G.A., 247, 252, 253, 256, 258
Osborn, Sherard, 86–7

Paget, Ralph, 113, 117–18, 120
Phillips, W.E., 81
Pinto, Fernand Mendez, 29–30, 31, 32, 33

Raja Ligor, 18, 19, 65, 69, 71, 74–5, 77, 78–9, 80, 83, 85, 88
Raja Nambang, 42

Rama II, 63, 65
Rama III, 7–8, 9, 10, 15, 16, 68, 73, 75–6, 79, 85, 87, 89, 90, 91, 94
Roff, W.R., 295
Rubin, Alfred P., 83

Safiah, Tunku, 70
Safura Negara, Tunku, 39
Said Hassan al Habashy, 77
Scrivenor, J.B., 142
Setusen, Tunku, 9
Shahrom binti Sheikh Muhammad, 296
Sharom Ahmat, 3, 38
Sheikh Abu Bakar al-Shaari, 296
Sheikh Ahmad bin Mohd Hashim, 267, 271, 293, 303, 304–11, 321
Sheikh Mahmud bin Mat Saman, 296
Sherwood, 144, 194
Singh, Bhaguan, 207
Singh, Jagat, 206–7, 236
Siphiphat, Phraya, 9, 89
Skeat, W.W., 96–7, 145, 159, 220
Sofiah, Tunku, 91
Strobel, 120
Sulaiman Shah, Sultan, 35
Sunthorn, Phra, 104
Surindrawiwongsa, Phra, 104
Syed Abdullah bin Syed Alwi Jamalullail, Tuan, 112, 229
Syed Ahmad ibni Raja Syed Hussein, Raja, 18, 99, 102, 104, 218, 220–1, 223, 225, 226, 230, 232, 263, 294
Syed Alwi ibni Raja Syed Ahmad, 225
Syed Alwi ibni Raja Syed Hussein, 83n, 229–30
Syed Alwi ibni Raja Syed Safi, Raja, 22–4, 97, 102, 109, 110, 111, 112, 113, 115–16, 122, 123, 144, 164–6, 171–6, 177, 179–80, 182, 185–90, 191–3, 194, 195, 197, 199–201, 204–6, 208–9, 212–13, 214, 220–1, 222–3, 228, 230, 231, 232–4, 235, 237–40, 242–3, 245, 247, 248, 251, 252–3, 256, 260, 262, 264, 265, 266, 267, 268, 270, 271, 272–3, 279, 290, 291, 294, 296, 300, 306, 308, 315, 319
Syed Hamzah ibni Syed Safi, Raja, 24, 187, 188–9, 193, 197, 202, 208, 229, 230, 231, 233, 234, 235–40, 242–52, 254, 256–7, 259, 261–2, 264, 265–8, 269, 270, 272–3, 274, 289, 290–6, 304, 306, 307, 308, 319, 320
Syed Harun Jamalullail, 13, 14, 18, 56, 66, 67, 68, 69, 70, 73
Syed Hassan bin Syed Alwi Jamalullail, Tuan, 112
Syed Hassan ibni Tuan Syed Mahmud, 229, 231, 235, 237, 239–40, 242, 243–7, 249–50, 255–7, 260, 263, 265, 308, 319
Syed Hussein ibni Syed Safi, 223, 225, 228, 229, 237, 247, 257, 267, 268, 272, 293
Syed Hussein Jamalullail, 5–6, 11, 12, 13–14, 15, 16, 17, 20–1, 25, 34n, 47, 50, 56, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72–3, 76, 77, 78, 80, 81, 82n, 83–4, 87, 88, 89–92, 94, 97, 294, 300, 316–17
Syed Idrus, 189, 237, 247
Syed Jamalullail, 18

Syed Mahmud ibni Syed Safi, 229, 232, 234, 247, 264, 319
Syed Mansur al-Jafri, 108, 226–7, 229
Syed Putra bin Syed Hassan, Raja 24, 231, 247, 249–53, 254, 256–8, 260–1, 262–3, 264, 265, 266, 267, 268, 269, 270–7, 279–85, 287–9, 290, 297–8, 300, 309, 311, 319, 320
Syed Safi, Raja, 102, 104, 106, 108, 109, 168, 204, 206, 214, 218, 221, 224, 225, 226–30, 234, 262, 263, 264, 268, 294
Syed Salim bin Syed Muhammad al-Jafri, 111, 112, 192, 229, 230, 294
Syed Sharif Hussein Jamalullail, Tuan, 216, 217–20
Syed Suffian bin Syed Hamzah, 248

Taylor, 168
Thomas, Shenton Whitelegge, 242, 245–6, 247, 252, 254, 261, 263
Topping, Michael, 31

Vella, W., 9
Venables, O.E., 191, 203, 235, 240, 242, 243, 246

Wan Ahmad, 282, 284–5, 303, 305, 306, 308
Wan Din bin Dato' Arau, Dato', 102, 228
Wan Fatimah, 69, 70, 88, 91, 92
Wan Hajar, 99
Wan Mat Saman, Dato', 98n, 102, 225
Wan Muhammad Ali, Dato', 84, 87
Wan Muhammad Arshad, 84
Wan Saadiah, 229
Wan Tam Bandar, 102, 225, 229
Wan Teh bin Dato' Arau, Dato', 112
Warren, Komander, 85
Willan, Brigadier, 270, 273
Williams, P.S., 127, 135, 145, 236
Williamson, W.J.F., 114
Wyatt, E.W.N., 143, 144, 149, 194

Yaakob, Tunku, 61, 64, 65–6, 68
Yaakop, Tunku, 98n
Yazid Mat, 14–16
Yomunarat, Chaophraya, 9
Yomraj, Chao Phraya, 89
Yusuf, Tunku, 56, 65, 66, 69

Zaharah Mahmud, 38
Zainal Rashid ibni Sultan Ahmad Tajuddin Halim, Sultan, 15
Zainal Rashid ibni Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram, Sultan, 98n
Zamzam, Tengku, 220
Zia'u'd-din Mukarram Shah, Sultan, 34n
Zoomers, Henk, 77
Zoraidah Abbas, 71